




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2006



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
 BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Jabatan Tanah Dan Ukur Pengurusan Tukar Syarat Guna Tanah	1
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Pengurusan Dan Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH)	34
Jabatan Keretapi Negeri Sabah Pengurusan Keretapi Negeri Sabah	62
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Pengeluaran Sijil Halal	108
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Pengurusan Projek Ternakan Kerbau Dan Rusa Di Telupid	133
Majlis Daerah Lahad Datu Pengurusan Pungutan Dan Pelupusan Sampah	172
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) Pengurusan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari – Sektor Perhotelan Dan Pelancongan	200
Majlis Daerah Kota Belud Projek Pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud	250

BAHAGIAN II : PERKARA AM	MUKA SURAT
Pendahuluan	275
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun Lepas	275
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Sebelum Tahun 2005 Dan Masih Belum Selesai	283
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi	284
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	284
PENUTUP	286
LAMPIRAN	
I. Maklumat Mengenai Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	287
II. Maklumat Mengenai Perkara Hotel Holdings Sdn. Bhd.	288
III. Maklumat Mengenai Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd.	289
IV. Maklumat Mengenai Kontraktor Puncak Deras Sdn. Bhd.	290

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2006 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 7 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu Jabatan Tanah Dan Ukur, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Majlis Daerah Lahad Datu, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) dan Majlis Daerah Kota Belud. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Tukar Syarat Guna Tanah, Pengurusan dan Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan, Pengurusan Keretapi Negeri Sabah, Pengeluaran Sijil Halal, Pengurusan Projek Ternakan Kerbau dan Rusa di Telupid, Pengurusan Pungutan dan Pelupusan Sampah, Pengurusan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari – Sektor Perhotelan dan Pelancongan dan Projek Pembinaan Dewan Masyarakat. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Negeri Sabah pada tahun 2006 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2006 seperti kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui seperti projek siap tetapi tidak digunakan, peralatan tidak digunakan secara optimum, projek lewat disiapkan, pembinaan projek tidak berkualiti disebabkan pemaju tidak mengikut spesifikasi dan sebagainya. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.


3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

- a) **DUE DILIGENCE** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
- b) **ACHIEVEMENT** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
- c) **MONITORING** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
- e) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~
Malaysia.

Putrajaya,
26 Jun 2007

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. Jabatan Tanah Dan Ukur : Pengurusan Tukar Syarat Guna Tanah

Pengurusan tukar syarat guna tanah adalah salah satu aktiviti penting yang ditadbir oleh Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri (Jabatan). Dengan perkembangan pesat sektor hartanah, Jabatan telah menerima banyak permohonan untuk menukar syarat kegunaan tanah bagi pembangunan estet perumahan, komersil serta industri. Secara keseluruhannya semakan Audit mendapati Jabatan telah menyediakan mekanisma pengurusan tukar syarat guna tanah dengan baik. Bagaimanapun pelaksanaan aktiviti ini memerlukan penambahbaikan. Semakan Audit juga mendapati tempoh memproses permohonan mengambil masa yang lama sehingga melebihi 2 tahun sedangkan terdapat permohonan yang diluluskan dalam tempoh 3 bulan. Selain itu, Jabatan perlu menjadualkan proses permohonan serta kelulusan di peringkat Jabatan dan di peringkat Setiausaha Hasil Bumi supaya proses permohonan dibuat secara sistematik dan dapat dipantau. Garis Panduan juga perlu dilengkapi dengan mencatatkan prosedur yang sebenarnya diamalkan dan mengandungi carta aliran serta norma kerja. Penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat guna tanah perlu dipergiatkan serta dilaksanakan secara terancang.

2. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak : Pengurusan Dan Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (Jabatan) bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur, mengurus dan memantau rumah penyembelihan haiwan (RPH) di seluruh Negeri Sabah. Sebelum tahun 2002 semua RPH bagi ruminan dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2002 Kerajaan Negeri telah memutuskan semua RPH diletakkan di bawah kawalan Jabatan. Tujuannya adalah untuk mengawal penyembelihan haiwan dan menentukan produk berasaskan daging adalah bersih dan selamat untuk dimakan. PBT memiliki 15 RPH ruminan dan 6 daripadanya telah diserahkan kepada Jabatan. Sembilan lagi RPH milik PBT tidak

diambil alih disebabkan beberapa faktor seperti RPH tidak sesuai beroperasi dan mempunyai ikatan kontrak dengan pihak swasta. Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 telah diwartakan pada tahun 2004. Bagaimanapun, Jabatan masih belum dapat menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang ini disebabkan kekurangan tenaga kerja. Jabatan merancang untuk membina 4 RPH baru semasa RMKe-8 tetapi hanya 1 RPH dibina di Kinarut, daerah Papar kerana kekurangan peruntukan. Pembinaan RPH ini adalah berasaskan *Design, Build, Supply and Commission* dan Jabatan telah menggunakan perkhidmatan Crown Agents untuk melaksanakan pembinaan RPH. Pembinaan RPH ini tidak mematuhi peraturan kewangan disebabkan panggilan tender tidak dilakukan dan tidak ada kontrak formal diikat. RPH di Kinarut, Papar mula beroperasi pada bulan Oktober 2006 dan ia berkeupayaan menyembelih 100 ekor lembu/kerbau sehari. Bagaimanapun, bagi tempoh bulan Oktober hingga Disember 2006 jumlah haiwan ternakan disembelih adalah sebanyak 58 ekor sahaja.

3. Jabatan Keretapi Negeri Sabah: Pengurusan Keretapi Negeri Sabah

Jabatan Keretapi Negeri Sabah (Jabatan) mempunyai 38 buah jentera keretapi yang berusia lebih 30 tahun dan landasan keretapi sejauh 134 km. Objektif Jabatan adalah untuk menyumbangkan faedah sosio-ekonomi kepada penduduk tempatan terutamanya bagi masyarakat di kawasan pedalaman yang menjual hasil mereka ke Pantai Barat dengan lebih mudah, selamat, murah dan cekap. Bagi mencapai objektif ini, Jabatan perlu mempunyai jentera pengangkutan yang mencukupi dan memastikan penyelenggaraan dilakukan mengikut jadual. Selain itu, Jabatan perlu menentukan keselamatan di lintasan rata adalah mencukupi. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual kerana peruntukan yang dimohon tidak diluluskan sepenuhnya. Oleh itu, keretapi seringkali mengalami kerosakan dan mengakibatkan jadual perjalanan terganggu. Manakala dari aspek keselamatan pula, semakan Audit mendapati daripada 170 lintasan rata sedia ada, sebanyak 31 merupakan lintasan rata yang tidak diluluskan oleh Jabatan. Rekod Jabatan menunjukkan antara tahun 2002 hingga 2006 sebanyak 50 kes kemalangan dicatatkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 18 kes kemalangan telah berlaku di lintasan rata. Bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap, Jabatan sedang menjalankan projek menaiktaraf landasan yang bernilai RM334.80 juta walaupun

cadangan pembelian jentera tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh kerana kekangan kewangan.

4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS): Pengeluaran Sijil Halal

Pengeluaran Sijil Halal adalah bertujuan memberikan pengiktirafan dan jaminan terhadap makanan atau bahan gunaan atau premis yang digunakan adalah bersih dan *hygienic*. Matlamatnya adalah untuk merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia termasuk Negeri Sabah sebagai "Hub Makanan Halal". Penggunaan Logo Halal dikuatkuasakan melalui Undang-undang Pentadbiran Islam 1992 dan pada mulanya dipertanggungjawabkan kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Tugas ini kemudiannya diambilalih oleh JHEAINS pada tahun 2001. Sijil dikeluarkan kepada syarikat/pengusaha untuk memberi pengiktirafan kepada produk dan syarikat. Pemilik sijil seterusnya dibenarkan menggunakan Logo Halal pada produknya bagi tempoh tertentu. Pemakaian Sijil dan Logo Halal adalah tidak mandatori tetapi apabila disalahguna, syarikat atau pengusaha boleh dikenakan tindakan undang-undang. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah di peringkat permulaan dimana tahap kesedaran pengusaha dan masyarakat Islam mengenai isu halal masih kurang. Selain itu, sehingga tahun 2006 hanya sejumlah 177 pengusaha sahaja yang mendapat Sijil dan Logo Halal. Kerajaan perlu menubuhkan Akta Halal bagi menjamin kepentingan masyarakat Islam di negara ini dan memastikan usaha kerajaan mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai Hub Makanan Halal di rantau ini berjaya.

5. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak : Pengurusan Projek Ternakan Kerbau Dan Rusa Di Telupid

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak telah membangunkan ladang ternakan kerbau dan rusa di Telupid pada tahun 1979 dan 1994 masing-masingnya. Setakat ini keluasan yang telah dibangunkan adalah 303.11 hektar bagi ternakan kerbau dan 174.02 hektar bagi ternakan rusa. Antara objektif projek ternakan kerbau dan rusa ini adalah untuk menjalankan aktiviti pembiakan ternakan bagi pembiakan baka, agihan dan jualan. Pada keseluruhannya ternakan kerbau dan rusa di Telupid adalah kurang berjaya dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

6. Majlis Daerah Lahad Datu : Pengurusan Pungutan Dan Pelupusan Sampah

Perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah di kawasan perkadaran Majlis Daerah Lahad Datu telah diswastakan pada tahun 1999 untuk tempoh 10 tahun. Kajian awal berkaitan penswastaan ini tidak dilaksanakan dan cadangan penswastaan perkhidmatan ini tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri. Selain itu, draf perjanjian kontrak tidak dikemukakan kepada Jabatan Peguam Besar Negeri untuk semakan maka terdapat beberapa syarat perjanjian yang tidak melindungi kepentingan kerajaan antaranya Bon Pelaksanaan yang tidak mengikut jumlah kontrak setahun. Seramai 17 orang pekerja Majlis telah dipinjamkan kepada kontraktor tanpa melalui Jabatan Pehidmatan Awam Negeri. Majlis juga tidak mempunyai Pelan Jangka Panjang berkenaan keperluan kenderaan. Penyediaan tong sampah oleh Majlis di tempat-tempat sampah terkumpul masih belum mencukupi dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor perlu dipertingkatkan.

7. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) : Pengurusan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari – Sektor Perhotelan dan Pelancongan

Pinjaman kepada syarikat subsidiari adalah salah satu kaedah bagi mencapai objektif Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) iaitu untuk mempercepatkan pembangunan industri dan komersil di Negeri Sabah dan menambah penyertaan bumiputra dalam bidang komersil dan perindustrian dengan lebih berkesan. Pada keseluruhannya pinjaman yang diberi kepada 2 syarikat subsidiari iaitu Perkasa Hotel Holdings Sdn. Bhd. (PHHSB) dan Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. (KIHSB) mencapai objektif pinjaman kecuali pinjaman bagi projek pembinaan hotel bajet di Kota Kinabalu yang mana telah terbengkalai dan impak projek tidak dapat dimanfaatkan. Semakan Audit juga mendapati penyaluran pinjaman adalah kurang teratur di mana terdapat penyaluran pinjaman tidak mempunyai rekod dan pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan kepada PHHSB dan KIHSB masing-masing berjumlah RM1.50 juta dan RM25 juta adalah tidak mematuhi Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan jumlah syer keuntungan KIHSB dari operasi Hotel Hyatt Regency Kota Kinabalu yang belum diserahkan kepada SEDCO mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian pengurusan Hotel oleh kerana dokumen lengkap tidak dikemukakan untuk pengauditan.

Walaupun KIHSB mendapat keuntungan pada tahun 2003 hingga 2005, tetapi tiada dividen diistiharkan. Keupayaan PHHSB untuk melunaskan tunggakan pinjaman dan faedah berjumlah RM32.28 juta adalah diragui kerana ia mengalami kerugian sepanjang tempoh 2001 hingga 2005 dan menghadapi defisit dalam dana pemegang saham. Adalah disyorkan tindakan positif diambil bagi memastikan masalah tunggakan pinjaman dapat diatasi. Antara tindakan yang boleh diambil terutama terhadap PHHSB ialah melalui penswastaaan atau pelupusan melalui jualan.

8. Majlis Daerah Kota Belud : Projek Pembinaan Dewan Masyarakat

Pembinaan Dewan Masyarakat merupakan program Kerajaan Negeri untuk memberi kemudahan kepada penduduk di Daerah Kota Belud bagi mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan, program rasmi Kerajaan dan kemasyarakatan. Juruperunding telah dilantik untuk menyediakan reka bentuk, menguruskan tender dan menyelia kerja pembinaan dewan ini. Semakan Audit mendapati Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah yang bertanggungjawab menguruskan pelantikan juruperunding tidak merujuk perkara ini kepada Jabatan Kerja Raya sebelum pelantikan juruperunding dibuat. Ini mengakibatkan sejumlah RM818,118 perlu dibayar kepada juruperunding. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kesilapan pembayaran yuran juruperunding yang telah menyebabkan perbelanjaan lebih berjumlah RM121,965. Majlis juga tidak menyediakan garis panduan penggunaan dan penyenggaraan dewan berkenaan. Penggunaan dewan pula kurang memuaskan di mana bagi tempoh bulan Julai 2005 hingga Julai 2006, dewan hanya digunakan sebanyak 13 kali untuk aktiviti sukan dan 19 kali untuk pelbagai acara/program lain.

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit program atau aktiviti Jabatan/Agensi untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemah serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 8 aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi telah dipilih dan dikaji pada tahun 2006. Hasil kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan/Agensi berkenaan dan hasil isu yang dibangkitkan dilaporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN TANAH DAN UKUR

PENGURUSAN TUKAR SYARAT GUNA TANAH

2. LATAR BELAKANG

2.1 Negeri Sabah mempunyai keluasan keseluruhan sejumlah 7.36 juta hektar dan ditadbir melalui 24 daerah. Daripada 24 daerah tersebut, 7 Pejabat Tanah Daerah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Keningau, Beaufort, Lahad Datu dan Kudat diketuai oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah berjawatan Juruukur Tanah Gred J41 yang bertanggung jawab khusus untuk hal ehwal pentadbiran tanah manakala 17 Pejabat Tanah Daerah yang lain diketuai oleh Pegawai Daerah yang menjalankan tugas Penolong Pemungut Hasil Tanah selain dari pentadbiran daerah dan majlis tempatan. Daerah terlibat adalah Kota Belud, Kota Marudu, Kuala Penyu, Semporna, Kinabatangan, Tenom, Papar, Penampang, Nabawan, Sipitang, Tambunan, Kunak, Ranau, Beluran, Tuaran, Pitas dan Tongod. Kesemua pejabat tanah tersebut merupakan cawangan Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah (Jabatan) yang dipertanggungjawabkan mentadbir semua urusan tanah.

2.2 Objektif Jabatan terhadap pentadbiran tanah adalah untuk memastikan tanah diagih, diguna dan dibangunkan secara optimum ke arah memangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah. Salah satu aktiviti utama Jabatan adalah tukar syarat guna tanah.

2.3 Tukar syarat guna tanah bermaksud perubahan kegunaan tanah dari syarat guna tanah asal yang ditetapkan semasa pemberian hak milik kepada syarat guna tanah yang

baru. Sebagai contoh tanah yang dahulunya diberi milik untuk tujuan pertanian dan akan dimajukan dengan pembinaan bangunan, pemilik tanah boleh memohon untuk perubahan syarat bagi kegunaan bangunan. Seksyen 31(1)(e), 54 dan 70(2) Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah memberi kuasa kepada Menteri (Ketua Menteri) untuk meluluskan permohonan tukar syarat guna tanah bagi membolehkan pemilik tanah memajukan tanah untuk maksud lain. Hasil premium tanah yang dikutip pada tahun 2004, 2005 dan 2006 adalah masing-masing berjumlah RM74.10 juta, RM46.14 juta dan RM60.44 juta.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan tukar syarat guna tanah Negeri Sabah telah diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan ke arah memangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

4.1 Kajian ini dipilih oleh kerana tukar syarat guna tanah adalah satu daripada aktiviti utama Jabatan dan menyumbang kepada sebahagian besar kutipan hasil Kerajaan Negeri Sabah serta pembangunan negeri. Skop pengauditan adalah merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan tukar syarat guna tanah bagi tahun 2002 hingga 2006. Pengauditan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat dan 4 cawangannya iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Penampang dan Papar.

4.2 Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen serta fail berkaitan dengan permohonan tukar syarat guna tanah. Sejumlah 150 fail dipilih sebagai sampel untuk semakan. Perbincangan dengan pegawai yang berkenaan juga dibuat bagi mendapat maklumat lanjut dan pemeriksaan fizikal ke 29 tapak tanah yang dipilih bagi menentukan sama ada terdapat kes melanggar syarat nyata kegunaan tanah. Pihak Audit juga mendapatkan maklumat tambahan daripada jabatan lain iaitu Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Persekutuan Cawangan Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Cawangan Negeri Sabah.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan antara aspek terpenting dalam pengurusan tukar syarat guna tanah. Mengikut Seksyen 31(1)(e), 54 dan 70(2) Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah, Menteri (Ketua Menteri) diberi kuasa untuk menukar syarat guna tanah bagi membolehkan pemilik memajukan tanah untuk maksud selain dari kegunaan pertanian. Bagi memastikan proses permohonan tukar syarat guna tanah berjalan lancar, Jabatan telah merancang pengurusannya seperti berikut:

5.1.1 Dasar Kerajaan

Dasar Kerajaan Negeri Sabah adalah menjadikan tanah yang merupakan sumber dan aset penting untuk pembangunan negeri dibangunkan secara optimum dan terancang ke arah memangkin pertumbuhan ekonomi negeri. Oleh itu Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah Dan Ukur akan memastikan pengurusan tukar syarat guna tanah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

5.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Mengikut Artikel 74 dan Artikel 77 Bahagian 6 Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal tanah Negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pentadbiran tanah Negeri Sabah adalah mengikut Undang-undang Negeri Sabah Tahun 1930 Bab 68 mengenai Ordinan Tanah (Ordinan Tanah) dan tidak tertakluk kepada Kanun Tanah Negara. Kuasa yang diberi kepada Menteri bagi meluluskan permohonan tukar syarat guna tanah dinyatakan di Ordinan Tanah tersebut di bawah Seksyen 31(1)(e), 54 dan 70(2). Selain itu, Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah Bab 141 Seksyen 18(4) menyatakan mana-mana perundangan yang berkaitan dengan pembangunan atau operasi bangunan yang tidak konsisten dengan kawasan skim yang diluluskan atau permohonan yang menghalang pelaksanaan kawasan skim yang diluluskan tidak akan terpakai di kawasan skim tersebut.

5.1.3 Semakan Undang-undang

Undang-undang adalah penting dalam urusan pentadbiran tanah. Oleh yang demikian semakan dan pindaan terhadap undang-undang perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan kesesuaiannya untuk dilaksanakan contohnya dari aspek penguatkuasaan, pengenaan bayaran dan urus tadbir yang baik.

5.1.4 Garis Panduan

Garis Panduan adalah dokumen yang dijadikan rujukan oleh pegawai dan kakitangan untuk melaksanakan tugasnya. Dokumen ini perlu disediakan dengan lengkap dan perlu diagihkan kepada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah di setiap daerah yang melaksanakan urusan tanah. Garis Panduan hendaklah mengandungi prosedur kerja memproses permohonan tukar syarat guna tanah yang lengkap serta dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon semasa membuat permohonan. Selain itu, Garis Panduan juga perlu mengandungi:

a) Norma Tempoh Pemprosesan

Norma tempoh pemprosesan bertujuan untuk mengukur kecekapan memproses permohonan dan faktor penting dalam sistem penyampaian.

b) Carta Aliran Kerja

Carta Aliran Kerja disediakan supaya pegawai yang melaksanakan tugas memproses permohonan mengetahui dengan jelas proses kerja yang dijalankan dari mula hingga akhir.

5.1.5 Prosedur Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah

Prosedur untuk memohon menukar penggunaan atau menambah penggunaan tanah daripada tujuan pertanian kepada tujuan bukan pertanian telah dinyatakan dalam Garis Panduan. Bagi tanah yang berada dalam Kawasan Skim yang diluluskan di bawah Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah Bab 141, permohonan hendaklah dibuat kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah berserta dengan 5 salinan Pelan Pembangunan, 3 salinan surat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan 3 salinan hak milik yang telah disahkan. Penolong Pemungut Hasil Tanah kemudiannya akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Pengarah Tanah Dan Ukur.

Bagi tanah yang berada di luar Kawasan Skim yang diluluskan di bawah Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah Bab 141, permohonan hendaklah dibuat kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah berserta dengan 3 salinan hak milik. Penolong Pemungut Hasil Tanah akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Pengarah Tanah Dan Ukur berserta dengan ulasan daripada jabatan teknikal. Selain itu, sekiranya pemilik tanah adalah sebuah syarikat, dokumen diperlukan adalah borang 49 dan Sijil Pendaftaran Syarikat yang telah diperakusahkan oleh Pendaftar Syarikat, Memorandum dan Artikel Syarikat serta Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat.

5.1.6 Bayaran Premium

Urusan tukar syarat guna tanah melibatkan bayaran premium yang dikenakan kepada pemohon yang mana permohonannya diluluskan. Jabatan perlu menentukan satu kaedah yang seragam bagi menilai kadar premium. Dalam hal ini, Jabatan menetapkan Kaedah Baki (*residual method*) diguna pakai untuk menentukan penilaian kadar premium supaya dapat memberikan hasil yang maksimum. Selain itu, Jabatan bertanggungjawab menentukan bayaran premium bagi urusan tukar syarat guna tanah dikutip dengan sewajarnya.

5.1.7 Guna Tenaga Dan Latihan

Guna tenaga yang mencukupi, terlatih dan berpengalaman adalah perlu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan tukar syarat guna tanah.

a) Guna Tenaga

Pengurusan tukar syarat guna tanah diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan Dasar, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah. Sehingga bulan Disember 2006, Bahagian Pembangunan Dasar mempunyai 18 jawatan yang diluluskan diketuai oleh Penguasa Tanah Gred J48. Jawatan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Perjawatan Yang Diluluskan Mengikut Gred

Bil.	Jawatan Dan Gred	Diluluskan
1.	Penguasa Tanah Dan Ukur Gred J48	1
2.	Juruukur Daerah Gred J41	3
3.	Pembantu Teknik Gred J32	1
4.	Pelukis Pelan Gred J17	6
5.	Pembantu Tadbir Gred N17	2
6.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N11	1
7.	Pekerja Rendah Awam R11	1
8.	Pembantu Am Rendah N11	2
9.	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3	1
Jumlah		18

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur


b) Penstrukturan Semula Perjawatan

Penstrukturan semula perjawatan adalah penting dilaksanakan bagi mengimbangi beban tugas yang semakin meningkat serta menangani keperluan pelanggan dari

aspek sistem penyampaian Jabatan. Struktur organisasi yang sedia ada seperti di **Carta 1**.

Carta 1

**Struktur Organisasi Bahagian Dasar Dan Pembangunan
(Perjawatan Sedia Ada)**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Penstrukturan semula perjawatan dibuat adalah berdasarkan perjawatan yang sedia ada tidak disemak semula sejak lebih 10 tahun lalu.

c) Latihan

Latihan kepada kakitangan secara teratur dan berterusan akan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka serta dapat memantapkan lagi organisasi. Bagi mencapai hasrat ini, Jabatan telah merancang memberi latihan berkaitan urusan tanah kepada kakitangan antaranya seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Senarai Kursus Dan Latihan Yang Dirancang

Bil.	Nama Kursus/Latihan
1.	Kursus Pembantu Penilaian
2.	Kursus Penyiasatan Dan Penguatkuasaan
3.	Kursus Asas Pelukis Pelan
4.	Kursus Pengautomasian Ukur Kadastra
5.	Kursus TDE dan CPS Pelukis Pelan
6.	Kursus Orientasi Amalan Pengukuran Kadastra
7.	Kursus Ulangkaji Bagi PPHT/Pejabat Tanah

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

5.1.8 Penguatkuasaan

Aktiviti penguatkuasaan perlu dirancang bagi menjamin pertukaran syarat guna tanah mengikut kehendak undang-undang. Kakitangan dan peralatan yang mencukupi adalah aspek penting bagi menentukan aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan berkesan. Oleh itu jadual berkala lawatan fizikal penguatkuasaan hendaklah disediakan dan diikuti dengan sewajarnya. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan perancangan penguatkuasaan.

5.1.9 Daftar Pergerakan Fail

Daftar pergerakan fail permohonan tukar syarat guna tanah yang lengkap, teratur dan kemas kini adalah penting bagi menentukan permohonan dapat diproses dengan lancar dan memudahkan pengesanan fail. Daftar yang lengkap mengandungi maklumat antaranya nombor fail, tarikh fail dikeluarkan dari bilik fail, bahagian dan tandatangan pegawai yang menggunakan fail serta tarikh dikembalikan.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyediakan perancangan yang mencukupi dalam urusan tukar syarat guna tanah kecuali penetapan norma tempoh memproses permohonan, carta aliran kerja dan perancangan penguatkuasaan. Aspek perundangan, garis panduan, guna tenaga dan latihan telah disediakan dan dijangka dapat membantu Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

5.2 PELAKSANAAN

Semakan Audit terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan serta pelaksanaan pengurusan tukar syarat guna tanah mendapati perkara seperti berikut:

5.2.1 Dasar Kerajaan

Dasar Kerajaan Negeri Sabah adalah menjadikan tanah yang merupakan sumber penting untuk pembangunan negeri dibangunkan secara optimum dan terancang sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah.

Pada pendapat Audit, Dasar Kerajaan berkaitan urusan tanah adalah jelas dan Jabatan Tanah Dan Ukur dengan sumber tenaga, lojistik serta kepakaran yang ada telah melaksanakan tanggungjawabnya berlandaskan Dasar tersebut.

5.2.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Permohonan tukar syarat guna tanah melibatkan kelulusan daripada Jabatan Tanah dan Ukur dan Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Kuasa meluluskan permohonan tukar syarat guna tanah dinyatakan pada Seksyen 31(1)(e), 54 dan 70(2) Ordinan Tanah. Manakala Seksyen 18(4) Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah adalah berkaitan kawasan skim yang diluluskan. Perundangan berkenaan adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Perundangan Untuk Tukar Syarat Guna Tanah

Ordinan Tanah Negeri Sabah Bab 68	Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah Bab 141
Seksyen 31(1)(e) <i>Any owner of alienated land shall not commence any development on the land which shall change the use of the land except with the permission of the Minister.</i>	Seksyen 18(4) <i>Any written law relating to development or building operations inconsistent with the provisions of an approved scheme or the application of which would tend to hinder the carrying out of an approved scheme shall not apply to the area to which an approved scheme relates.</i>
Seksyen 54 <i>Land which has been alienated under this part or under similar part of any previous Land Ordinance shall not be used for other than agricultural purposes except with the permission of</i>	

<i>the Minister who may impose additional premium or rent or add or substitute such terms and conditions as he may think fit.</i> Seksyen 70(2) <i>Land which is to be or has been alienated under this part or under similar part of any previous Land Ordinance shall not be used for other than agricultural purposes except with the permission of the Minister who may impose additional premium or rent or add or substitute such terms and conditions as he may think fit.</i>	
---	--

Sumber: Ordinan Tanah Negeri Sabah dan Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah

Merujuk kepada **Jadual 3** di atas, peruntukan di bawah Seksyen 54 dan Seksyen 70(2) Ordinan Tanah, di mana tanah yang telah diberi milik tidak boleh digunakan selain daripada tujuan pertanian kecuali dengan kebenaran/kelulusan Menteri. Bagi menambah keperluan tersebut, Seksyen 31(1)(e) Ordinan Tanah telah dipinda/ditambah bagi mewajibkan pemilik tanah memohon kebenaran daripada Menteri untuk menukar syarat guna tanah sebelum memulakan kerja pembangunan. Pelanggaran kepada syarat tersebut menyebabkan tindakan di bawah Seksyen 34 dan 171A Ordinan Tanah akan diambil.

Sementara bagi Seksyen 18(4) Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah adalah berkaitan dengan kawasan Skim yang diluluskan oleh Yang di-Pertua Negeri di bawah Seksyen 10(2)(a) Ordinan yang sama yang bertindak atas nasihat Kabinet serta berkuatkuasa pada tarikh diwartakan.

Adalah jelas tanah yang berada dalam skim yang diluluskan, pemilik hendaklah menggunakan tanah tersebut sebagaimana diperuntukkan bagi skim berkenaan dan kehendak Seksyen 31(1)(e) Ordinan Tanah adalah sebagai keperluan pentadbiran sahaja bagi menentukan jumlah premium dikenakan. Atas alasan ini juga,

penguatkuasaan di bawah Seksyen 34 dan 171A Ordinan Tanah adalah tidak berkenaan.

Setelah merujuk dan mengambilkira pandangan perundangan daripada Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah, pada pendapat Audit, Jabatan Tanah dan Ukur diberi kuasa yang jelas berkaitan syarat guna tanah kecuali di kawasan skim yang diluluskan di bawah Seksyen 18(4) Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah. Bagi kawasan skim yang diluluskan ini, Jabatan berperanan memperakui permohonan tukar syarat guna tanah apabila pemilik mengemukakan permohonan di samping mengenakan syarat lain seperti jumlah premium dan cukai tahunan.

5.2.3 Semakan Undang-Undang

Dalam melaksanakan urusan pentadbiran tanah, undang-undang menjadi aspek penting dan sentiasa dijadikan rujukan oleh semua pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, mana-mana undang-undang yang telah lama diwujudkan, perlu disemak semula dari semasa ke semasa bersesuaian dengan keperluan masa kini. Pemeriksaan Audit mendapati, Jabatan telah membuat semakan semula undang-undang khususnya berkaitan tukar syarat guna tanah dan telah diwartakan pada tahun 2004. Hasil dari semakan tersebut, Seksyen 31(1)(e) diwujudkan sebagai tambahan dalam Ordinan Tanah. Seksyen ini menjelaskan '*Any owner of alienated land shall not commence any development on the land which shall change the use of the land except with the permission of the Minister*'.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mengambil tindakan positif membuat semakan dan seterusnya berjayaewartakan Seksyen 31(1)(e) berkenaan. Namun Seksyen tersebut tidak memberi impak dalam skim yang diluluskan.

5.2.4 Garis Panduan

Jabatan Tanah Dan Ukur menyediakan garis panduan yang antara lain menerangkan prosedur tukar syarat guna tanah. Garis panduan yang lengkap perlu diagihkan kepada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah di setiap daerah untuk rujukan pegawai tanah semasa menjalankan tugas memproses permohonan tukar syarat guna tanah.

Pemeriksaan Audit yang dijalankan di Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Kota Kinabalu, Sandakan, Penampang dan Papar mendapati garis panduan yang dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur telah dibekalkan ke pejabat di

daerah berkenaan yang menerangkan prosedur tukar syarat guna tanah. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Norma Tempoh Pemprosesan

Garis Panduan yang disediakan tidak mengandungi norma tempoh memproses permohonan tukar syarat guna tanah. Norma tersebut merupakan faktor penting untuk mengukur kecekapan memproses permohonan dan aspek penting dalam sistem penyampaian di samping meningkatkan integriti dan ketelusan tadbir urus tukar syarat guna tanah.

b) Carta Aliran Kerja

Carta aliran kerja memproses permohonan tukar syarat tidak terdapat di dalam Garis Panduan. Carta aliran dari penerimaan permohonan sehingga permohonan diluluskan perlu disediakan dalam Garis Panduan supaya pegawai di setiap peringkat yang melaksanakan tugas memproses permohonan mengetahui dengan jelas proses kerja yang dijalankan.

Pada pendapat Audit Jabatan Tanah Dan Ukur telah mengambil tindakan wajar dengan mengedarkan Garis Panduan kepada semua Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah untuk kemudahan melaksanakan kerja memproses permohonan tukar syarat guna tanah. Bagi menambah keberkesanan urusan tukar syarat guna tanah, Garis Panduan hendaklah mengandungi norma tempoh memproses permohonan yang praktikal bagi memproses permohonan tukar syarat guna tanah dan menyediakan carta aliran kerja mulai permohonan diterima dengan lengkap sehingga kelulusan dikeluarkan.

5.2.5 Prosedur Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah

Garis Panduan telah menetapkan prosedur untuk memohon menukar penggunaan atau menambah penggunaan tanah daripada tujuan pertanian kepada tujuan bukan pertanian. Butiran proses yang terkandung dalam Garis Panduan adalah seperti berikut:

a) Bagi tanah yang berada dalam Kawasan Skim Perancangan di bawah Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah Bab 141, permohonan hendaklah dibuat kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah berserta dengan:

- 5 salinan Pelan Pembangunan
- 3 salinan surat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan
- 3 salinan hak milik yang telah disahkan.

Penolong Pemungut Hasil Tanah kemudiannya akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Pengarah Tanah Dan Ukur dengan menyertakan 4 salinan Pelan Pembangunan yang telah diluluskan, 2 salinan surat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 salinan hak milik tanah yang disahkan.

- b)** Bagi tanah yang berada di luar Kawasan Skim Perancangan di bawah Bab 141, permohonan hendaklah dibuat kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah berserta dengan 3 salinan hak milik. Penolong Pemungut Hasil Tanah akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Pengarah Tanah Dan Ukur berserta dengan ulasan daripada jabatan teknikal.
- c)** Sekiranya pemilik tanah adalah sebuah syarikat, dokumen berikut adalah diperlukan:
- Borang 49 yang telah diperakusahkan oleh Pendaftar Syarikat
 - Sijil Pendaftaran Syarikat yang diperakusahkan oleh Pendaftar Syarikat
 - Memorandum dan Artikel Syarikat
 - Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat

Pemeriksaan Audit terhadap proses tukar syarat guna tanah yang diamalkan di Jabatan mendapati proses berkenaan adalah seperti berikut:

- i)** Pemohon mengemukakan permohonan tukar syarat guna tanah secara bertulis kepada Pengarah Tanah dan Ukur atau Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah bersama dengan dokumen seperti Pelan Pembangunan yang telah diluluskan dan diendoskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, surat kelulusan Pelan Pembangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, dokumen hak milik tanah, *Memorandum of Articles*, Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat, Sijil Pendaftaran Syarikat dan Borang 49 yang disahkan oleh Pendaftar Syarikat serta ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Jabatan Kerja Raya, Juruukur Daerah, Jabatan Bomba dan Jabatan Alam Sekitar.
- ii)** Permohonan yang lengkap dan teratur akan didaftarkan dan difailkan.
- iii)** Permohonan ini akan disemak oleh Bahagian Tukar Syarat Guna Tanah.
- iv)** Permohonan yang lengkap dan sempurna akan dikemukakan ke Bahagian Penilaian untuk menentukan jumlah bayaran premium dan cukai tahunan.

- v) Permohonan tukar syarat guna tanah bagi tujuan pertanian atau penternakan akan diluluskan di peringkat Pengarah Tanah dan Ukur sahaja. Bagi permohonan tukar syarat guna tanah daripada pertanian kepada tujuan selain daripada pertanian, surat perakuan kelulusan akan disediakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur untuk dikemukakan kepada Setiausaha Hasil Bumi untuk kelulusan.
- vi) Bagi permohonan tukar syarat guna tanah yang telah diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Ukur atau Setiausaha Hasil Bumi, surat tawaran pindaan terhadap syarat kegunaan tanah yang antara lain mengandungi jumlah bayaran premium dan cukai tahunan akan dikeluarkan kepada pemohon.
- vii) Jika pemohon bersetuju dengan tawaran tersebut, pemohon dikehendaki membayar 50% daripada jumlah bayaran premium yang dikenakan dan baki 50% lagi akan dijelaskan oleh pemohon sebelum hak milik didaftarkan.

Pihak Audit mendapati proses yang diamalkan adalah teratur dan lengkap berbanding dengan prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Pihak Audit juga membuat perbandingan dengan *Chapter 7* pada *A Manual On The National Land Code* mengenai tukar syarat guna tanah dan mendapati proses yang diamalkan oleh Jabatan adalah lebih ringkas dan mudah.

Pada pendapat Audit Jabatan perlu mengemaskinikan Garis Panduan mengenai proses tukar syarat guna tanah supaya selaras dengan proses yang sebenarnya diamalkan di Jabatan.

5.2.6 Kelulusan Tukar Syarat Guna Tanah

Jabatan Tanah Dan Ukur tidak menyediakan piagam atau standard terhadap tempoh pemprosesan tukar syarat guna tanah. Oleh itu, pihak Audit tidak memberi komen sama ada tempoh memproses permohonan tukar syarat guna tanah yang dilakukan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur adalah mematuhi piagam.

Bagi tempoh Januari 2002 hingga Disember 2006, Jabatan Tanah Dan Ukur telah menerima 333 permohonan tukar syarat guna tanah bagi 4 daerah yang dipilih iaitu Kota Kinabalu 46 permohonan, Penampang 191 permohonan, Papar 30 permohonan dan Sandakan 66 permohonan. Sejumlah 150 permohonan telah dipilih secara rawak namun sejumlah 148 sahaja yang telah dikemukakan untuk semakan Audit. Daripada 148 permohonan tukar syarat guna tanah yang disemak oleh pihak Audit, sejumlah 72

permohonan telah diluluskan, 54 permohonan sedang diproses dan 22 permohonan ditolak seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Kedudukan Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah
Tahun 2004 hingga 2006

Daerah	Bilangan Permohonan				Jumlah
	Disemak	Telah Lulus	Sedang Diproses	Tolak	
Kota Kinabalu	25	6	16	3	46
Penampang	58	30	14	14	191
Papar	15	5	8	2	30
Sandakan	50	31	16	3	66
Jumlah	148	72	54	22	333

Sumber : Jabatan Audit Negara

a) Permohonan Yang Telah Lulus

Analisis yang dijalankan terhadap 72 permohonan tukar syarat guna tanah yang telah lulus mendapati tempoh yang diambil dari tarikh permohonan diterima sehingga kelulusan dikeluarkan adalah masing-masing 17 kes kurang 3 bulan, 20 kes antara 3 hingga 12 bulan, 17 kes melebihi 12 bulan hingga 24 bulan, 12 kes melebihi 24 bulan dan 6 kes tarikh permohonan tidak diketahui seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Tempoh Kelulusan Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah

Daerah	Jumlah Permohonan Dilulus	Bilangan Fail				
		Kurang 3 bulan	3 – 12 bulan	Lebih 12 hingga 24 bulan	Lebih 24 bulan	Tarikh permohonan tidak diketahui
Kota Kinabalu	6	2	3	1	-	-
Penampang	30	-	10	12	6	2
Papar	5	-	-	3	2	-
Sandakan	31	15	7	1	4	4
Jumlah	72	17	20	17	12	6

Sumber : Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, tempoh yang diambil untuk meluluskan permohonan tukar syarat guna tanah yang melebihi 12 bulan adalah terlalu lama memandangkan 17 permohonan telah diproses dalam tempoh 3 bulan. Jabatan hendaklah menetapkan tempoh memproses permohonan bagi mengukur keberkesanan jentera pentadbiran dalam melaksanakan tanggungjawab memproses permohonan tukar syarat guna tanah. Tempoh yang terlalu lama untuk memproses permohonan akan menjejaskan hasrat Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah. Sebagai contoh, Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu, Kelantan, Negeri Perak dan Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi, Johor menetapkan tempoh memproses permohonan tukar syarat kegunaan tanah adalah 8 bulan, 4 bulan dan 2 bulan masing-masing dari tarikh permohonan diterima.

b) Permohonan Yang Sedang Diproses

Analisis terhadap 54 permohonan tukar syarat guna tanah yang masih dalam proses (sehingga bulan Disember 2006) pula mendapati sejumlah 10 permohonan kurang atau sama 12 bulan, 7 permohonan 12 bulan hingga 24 bulan, 33 permohonan melebihi 24 bulan dan 4 permohonan tiada tarikh permohonan seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6

Kedudukan Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah Yang Sedang Diproses

Daerah	Jumlah Permohonan Sedang Diproses	Bilangan Fail			
		Kurang atau sama 12 bulan	Lebih 12 bulan hingga 24 bulan	Lebih 24 bulan	Tiada tarikh permohonan
Kota Kinabalu	16	5	3	8	-
Penampang	14	3	-	10	1
Papar	8	-	2	6	-
Sandakan	16	2	2	9	3
Jumlah	54	10	7	33	4

Sumber : Jabatan Audit Negara

Pemeriksaan Audit mendapati permohonan tersebut masih diproses di salah satu peringkat berikut:

- i) Dua puluh permohonan di peringkat semakan pegawai atau belum ada tindakan susulan daripada Jabatan.
- ii) Dua puluh empat pemohon diminta mengemukakan pelan pembangunan dan dokumen berkaitan; dan
- iii) Sepuluh permohonan menunggu kelulusan daripada Setiausaha Hasil Bumi (SUHB) seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Permohonan Sedang Diproses Di Peringkat SUHB

Bil.	No. Title/ No. Fail	Tarikh Permohonan	Tarikh Hantar Ke SUHB	Tempoh di SUHB Sehingga Disember 2006 (Bulan)
1.	NT 013082657/ LS 109.2.341	18.1.2005	10.7.2006	5
2.	NT 213066856/ LS 2109.2.325	29.11.2005	3.7.2003	42
3.	LS 2109.1.344	13.10.2005	-	-
4.	CL 215005593/ LS 2109.1.441	10.7.2003	13.7.2006	5
5.	CL 215312968/ LS 2109.1.509	3.8.2005	17.3.2006	9
6.	CL 209.2.118	20.2.2003	-	-
7.	CL 209.2.119	17.8.2004	-	-
8.	NT 11857/ LS 209.1.116	8.6.2004	17.2.2005	22
9.	CL 075123054/ LS 709.1.418	3.10.2002	6.5.2004	31
10.	NT 073021039/ LS 709.2.44	20.7.2004	17.9.2004	27

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Analisis di atas menunjukkan 7 permohonan untuk kelulusan di peringkat SUHB telah dikemukakan antara 5 bulan hingga 42 bulan tetapi masih belum mendapat jawapan dan 3 permohonan tidak diketahui tarikh penghantarannya.

Pada pendapat Audit, Jabatan juga hendaklah memastikan setiap pemohon mematuhi prosedur permohonan dengan mengemukakan dokumen yang lengkap. Jabatan hendaklah menyusul permohonan yang dikemukakan kepada Setiausaha Hasil Bumi untuk tindakan dan maklum balas segera.

c) Permohonan Yang Ditolak

Sejumlah 22 permohonan tukar syarat guna tanah telah ditolak kerana tanah yang terlibat adalah dalam zon pertanian dan tidak sesuai untuk tujuan lain. Selain itu, permohonan juga ditolak kerana pemohon membuat 2 permohonan serentak iaitu untuk tukar syarat guna tanah dan tukar title dari *Native Title* (NT) kepada *Country Lease* (CL). Dengan itu, permohonan ditolak kerana dasar Kerajaan untuk tidak menggalakkan tukar hak milik dari NT kepada CL. Jabatan telah memaklumkan permohonan yang ditolak secara bertulis kepada pemohon.

Pada pendapat Audit, proses penolakan permohonan yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah teratur.

5.2.7 Bayaran Premium

Hasil yang dijana dari urusan tukar syarat guna tanah adalah dari premium yang dikenakan kepada pemohon yang mana permohonan mereka diluluskan. Kadar premium yang dikenakan hendaklah mengikut kaedah pengiraan yang ditetapkan iaitu Kaedah Baki (*residual method*). Jabatan juga hendaklah menentukan setiap premium yang dikenakan kepada pemohon dikutip dengan sewajarnya.

a) Kaedah Pengiraan

Bayaran Premium dinilai oleh Bahagian Penilaian, Jabatan Tanah Dan Ukur mengikut nilai semasa hartanah yang akan dibangunkan. Kaedah penilaian yang digunakan untuk pengiraan premium adalah Kaedah Baki (*residual method*). Kaedah ini adalah berdasarkan kepada Nilai Pembangunan Kasar (*gross development value*) yang berasaskan kepada Pelan Pembangunan yang telah diluluskan dan kemudiannya ditolak dengan kos pembangunan kasar seperti penyediaan tapak, kemudahan asas, kos pembinaan, faedah ke atas pinjaman, bayaran profesional, keuntungan pemaju dan kos luar jangka. Hasilnya adalah merupakan nilai tapak setelah pembangunan selesai. Nilai tapak tersebut adalah merupakan jumlah premium yang perlu dibayar setelah diberikan diskaun sebanyak 30%. Setelah permohonan diluluskan, Jabatan akan mengeluarkan surat tawaran dan pemohon dikehendaki membayar 50% dari jumlah premium yang dikenakan sekiranya pemohon bersetuju dan menandatangani surat tawaran berkenaan dan baki 50% perlu dijelaskan oleh pemohon sebelum hak milik dan syarat baru boleh didaftarkan. Contoh pengiraan premium yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Contoh Pengiraan Premium Tukar Syarat Guna Tanah

	Amaun RM	Amaun RM
Nilai Pembangunan Kasar (NPK)		
627,174 kp @ RM5.00 sekaki persegi	3,135,870.00	
Jumlah NPK		3,135,870.00
TOLAK		
Kos Pembangunan		
1. Penyediaan Tapak 25.35 ekar @ RM25,000 seekar	633,750.00	
2. Kos Pembiayaan (10% atas kos Penyediaan Tapak)	63,375.00	
3. Yuran Profesional (8% atas NPK)	250,869.60	
4. Keuntungan (20% atas NPK)	627,174.00	
	1,575,168.60	
5. Kontinjensi (5% atas RM 1,575,168.60)	78,758.43	
Jumlah Kos Pembangunan		1,653,927.03
NPK Bersih		1,481,942.97
70% atas NPK Bersih		1,037,360.08
Tolak		
Nilai Kegunaan Semasa		
25.35 ekar @ RM25,000 seekar		633,750.00
Baki		403,610.08
70% atas Baki		282,527.06
Premium Dikenakan		285,000.00

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur (Tukar syarat untuk rumah teres di Papar)

Jadual 8 di atas menunjukkan pengiraan premium terhadap tanah yang ditukar syarat kepada projek pembangunan perumahan. Keluasan tanah yang dibangunkan adalah 25.35 ekar dan 627,174 kaki persegi daripadanya adalah luas tapak perumahan. Setelah mengambil kira kos pembangunan tanah, nilai kegunaan semasa serta diskaun 30%, perkiraan premium ialah RM282,527.06. Perkiraan ini

berdasarkan kepada RM5,000 terdekat mengikut amalan biasa Jabatan dan nilai premium yang dikenakan kepada pemohon adalah berjumlah RM285,000. Selain Negeri Sabah, Kaedah Baki juga digunakan di Negeri Perak.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mengguna pakai Kaedah Baki sebagaimana yang dirancang dan kaedah ini masih relevan penggunaannya untuk mendapatkan nilai premium.

b) Premium Belum Dijelaskan

Semakan Audit mendapati daripada 72 lot tanah yang telah diluluskan, nilai premium yang dikenakan ialah berjumlah RM3,682,404. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM856,404 atau 23.3% telah dijelaskan oleh pemilik manakala RM2,826,000 atau 76.7% belum dijelaskan seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Nilai Premium Yang Telah Dan Belum Dijelaskan

Bil.	Daerah	Nilai Premium		
		Jumlah Dikenakan (RM)	Telah Dijelaskan (RM)	Belum Dijelaskan (RM)
1.	Kota Kinabalu	151,750	54,750	97,000
2.	Penampang	549,700	375,700	174,000
3.	Papar	76,400	400	76,000
4.	Sandakan	2,904,554	425,554	2,479,000
Jumlah		3,682,404	856,404	2,826,000

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Antara faktor premium belum dijelaskan ialah pihak Jabatan tidak menetapkan tempoh tertentu bagi menyelesaikan premium yang ditetapkan dan tidak membuat susulan terhadap permohonan yang telah lulus bagi memastikan pemilik menjelaskan bayaran sebagaimana ditetapkan. Selain itu, kegagalan pemilik mendaftarkan hak milik seperti ditetapkan dalam peraturan juga menyebabkan nilai premium berkenaan tidak dapat dikutip. Namun demikian mulai tahun 2007, pemilik yang bersetuju menerima surat tawaran dikehendaki menjelaskan 100% nilai premium sebelum memulakan projek.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu meningkatkan tindakan susulan terhadap pemilik yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Selain itu Jabatan hendaklah menetapkan tempoh tertentu bagi permohonan yang telah diluluskan tukar syarat guna tanah untuk mendaftarkan hak milik berkenaan supaya premium yang dinilai dapat dikutip dengan kadar segera.

5.2.8 Lawatan Audit

Lawatan Audit terhadap 29 lot tanah yang terlibat dengan permohonan tukar syarat guna tanah telah dijalankan oleh pihak Audit bersama pegawai dari Jabatan Tanah dan Ukur di daerah-daerah berkenaan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan peraturan syarat guna tanah dipatuhi serta kepentingan Kerajaan berkaitan tukar syarat guna tanah terpelihara. Pemeriksaan tersebut mendapati 15 pemilik telah mematuhi peraturan syarat guna tanah, 2 pemilik pula belum membangunkan tanah walaupun kelulusan tukar syarat guna tanah telah diluluskan manakala 12 pemilik melanggar peraturan syarat guna tanah. Daripada 12 pemilik yang melanggar peraturan syarat guna tanah, 10 kes adalah membangunkan tanah sebelum permohonan tukar syarat guna tanah diluluskan oleh Jabatan, 1 kes adalah menambah kegunaan syarat guna tanah tanpa kelulusan dan 1 kes membangunkan tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.

a) Tanah Dibangunkan Sebelum Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah Diluluskan Oleh Jabatan

Sejumlah 10 pemilik telah membangunkan tanah sebelum permohonan tukar syarat guna tanah diluluskan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10**Tanah Dibangunkan Sebelum Tukar Syarat Guna Tanah Diluluskan**

Bil.	No. Title	Lokasi	No. Title	Tarikh Permohonan	Syarat Tanah Yang Dimohon	Catatan
1.	CL 015569285	Kota Kinabalu	CL 015569285	-	Komersial (Stesen Minyak Dan Restoran Makanan Segera)	Telah beroperasi sejak tahun 2005
2.	NT4300	Kota Kinabalu	NT4300	11.1.2005	Komersial (kerja kejuruteraan)	Telah beroperasi tetapi tempoh tidak diketahui
3.	CL 015078421	Kota Kinabalu	CL 015078421	22.3.2002	Komersial (kerja kejuruteraan)	Telah beroperasi tetapi tempoh tidak diketahui
4.	CL 215312968	Penampang	CL 215312968	3.8.2005	Komersial (Stor papan dan bilik pameran)	Bangunan telah dibina tetapi belum beroperasi
5.	NT 213174693	Penampang	NT 213174693	14.1.2004	Membina rumah dan tukar title	Rumah telah dibina
6.	CL 075360048	Sandakan	CL 075360048	16.3.2005	Industri (Membina Kilang Penapis Minyak Sawit)	Telah beroperasi tetapi tempoh tidak diketahui
7.	CL 075449008	Sandakan	CL 075449008	9.8.2005	Industri (Membina Kilang Papan)	Telah beroperasi sejak Jun 2002
8.	CL 075385705	Sandakan	CL 075385705	4.4.2002	Industri (Membina Kilang Papan Lapis dan Gudang)	Telah beroperasi sejak 2001
9.	CL 075123054	Sandakan	CL 075123054	3.10.2002	Industri	Telah beroperasi tetapi tempoh tidak diketahui
10.	TL 077544185	Sandakan	TL 077544185	-	Komersial (Stesen Minyak)	Belum lulus tetapi sudah beroperasi sejak 21.7.2005

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Daripada 10 pemilik yang permohonannya belum diluluskan, 5 permohonan adalah bagi tujuan komersial, 1 rumah kediaman dan 4 bagi tujuan industri. Butiran 3 daripada 10 kes berkenaan adalah seperti berikut:

- **Pembinaan Stesen Minyak**

Syarat asal guna tanah No. CL 015569285 adalah untuk tujuan kompleks pejabat. Pemilik ini telah memohon pertukaran syarat guna tanah untuk kegunaan stesen minyak serta restoran. Pemeriksaan Audit mendapati lot

tanah telah dibangunkan seperti yang dimohon dan telah beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2005 walaupun permohonan tukar syarat guna tanah belum diluluskan oleh Jabatan. **Foto 1** menunjukkan lot tanah tersebut.

Foto 1
Stesen Minyak Telah Beroperasi Tetapi
Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah Belum Diluluskan



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 22.9.2006
Lokasi : Lot CL 015569285 di Daerah Kota Kinabalu*

Setakat tarikh pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2006, permohonan tersebut masih di peringkat semakan dan akan dikemukakan kepada Setiausaha Hasil Bumi untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati nilai premium yang dicadangkan oleh Jabatan untuk kelulusan Setiausaha Hasil Bumi ialah berjumlah RM100,000.

Seksyen 18(4) Ordinan Perancang Bandar dan Wilayah telah memberi ruang kepada pemilik tanah untuk melaksanakan pembangunan di atas tanah mereka walaupun syarat guna tanah belum diluluskan. Mengikut Ordinan tersebut, sebaik sahaja pelan pembangunan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pemilik tanah boleh melaksanakan pembangunan di atas tanah mereka. Bagaimanapun, pemilik tanah ini telah menjalankan perniagaan tanpa menunggu kelulusan tukar syarat guna tanah diperoleh. Jabatan tidak mengambil tindakan mengikut Ordinan Tanah Negeri Sabah Bab 68 Seksyen 34 dengan melucutkan hak milik dan Seksyen 171A yang menjelaskan bahawa mana-mana individu atau syarikat yang melanggar peruntukan syarat tanah

yang telah diberi milik boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau di penjara selama tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Pada pendapat Audit, kelewatan Jabatan meluluskan permohonan tukar syarat guna tanah menyebabkan premium tukar syarat tanah lewat dikutip oleh Kerajaan.

- **Pembinaan Kilang Papan**

Syarat asal guna tanah No. CL 075449008 adalah untuk tujuan ladang ternakan. Pemilik ini telah memohon pertukaran syarat guna tanah untuk kegunaan industri. Permohonan tukar syarat guna tanah dibuat pada bulan Ogos 2005 tetapi permohonan tidak dapat diproses oleh Jabatan kerana pelan pembangunan belum dikemukakan.

Foto 2

**Kilang Papan Telah Beroperasi Tetapi
Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah Belum Diluluskan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 09.11.2006
Lokasi : CL 075449008 di Sandakan*

Adalah didapati lot tanah telah dibangunkan seperti **Foto 2** di atas sebagaimana yang dimohon dan telah beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2002 walaupun permohonan tukar syarat guna tanah belum diluluskan oleh Jabatan. Nilai premium tidak dapat dianggarkan untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, Jabatan sepatutnya membuat susulan terhadap perkara ini memandangkan pelan pembangunan belum dikemukakan. Kelewatan Jabatan mengambil tindakan terhadap permohonan tukar syarat guna tanah menyebabkan hasil daripada premium belum dapat dikutip sedangkan kilang papan telah 4 tahun beroperasi.

- **Pembinaan Kilang Papan Lapis Dan Gudang**

Syarat asal guna tanah No. CL 075385705 adalah untuk tujuan ternakan itik. Pemilik ini telah memohon pertukaran syarat guna tanah untuk kegunaan industri. Permohonan tukar syarat guna tanah dibuat pada bulan April 2002 tetapi permohonan masih belum diluluskan kerana pelan pembangunan belum dikemukakan.

Foto 3

**Kilang Papan Lapis dan Gudang Telah Beroperasi Tetapi
Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah Belum Diluluskan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 09.11.2006
Lokasi : CL 075385705 di Sandakan*

Adalah didapati lot tanah telah dibangunkan seperti **Foto 3** di atas sebagaimana yang dimohon dan telah beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2001. Nilai premium tidak dapat dikutip oleh kerana permohonan tidak lengkap.

Pada pendapat Audit, tindakan tegas perlu diambil oleh Jabatan oleh kerana pemohon gagal mengemukakan dokumen lengkap sungguhpun Jabatan telah membuat susulan memandangkan kilang ini telah beroperasi sejak tahun 2001.

b) Menambah Syarat Guna Tanah Tanpa Kelulusan

Daripada 12 kes pelanggaran syarat guna tanah, didapati 1 kes telah menambah syarat guna tanah tanpa kelulusan. Jabatan telah meluluskan permohonan pemilik tanah lot NT213180379 bagi mendirikan rumah kediaman tetapi selain mendirikan rumah kediaman, pemiliknya juga telah membina bengkel membaiki kereta (industri). **Foto 4** menunjukkan bengkel kereta yang telah dibina oleh pemilik.

Foto 4

Syarat Guna Tanah Ditambah Tanpa Kelulusan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh :28.10.2006

Lokasi : Lot NT213180379 di Penampang

Kawasan lot tanah yang telah diluluskan tukar syarat guna tanah pada 25 Jun 2003 adalah untuk rumah kediaman tetapi turut dibangunkan bengkel kereta (industri) dan telah beroperasi sejak tahun 2003.

Pada pendapat Audit, pelanggaran syarat ini telah merugikan Kerajaan Negeri kerana nilai premium yang sepatutnya dikenakan (industri) adalah lebih tinggi berbanding nilai premium yang telah dikenakan hanya RM100 sahaja (rumah kediaman).

c) Membangunkan Tanah Tanpa Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan

Daripada 12 kes pelanggaran syarat guna tanah, didapati 1 kes melibatkan pembangunan tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Syarat asal guna tanah No. CL 015479982 tersebut adalah untuk tujuan rumah kediaman. Pemilik ini telah memohon pertukaran syarat guna tanah daripada rumah kediaman kepada pembinaan gudang. Adalah didapati pelan pembangunan belum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, permohonan ini tidak dapat diproses dan Bahagian Penilaian belum dapat menilai jumlah premium yang akan dikenakan. Pelan Pembangunan yang diluluskan merupakan salah satu syarat penting tetapi pemilik tanah tersebut telah membangunkan sebuah gudang pengedar alat ganti kenderaan dan telah beroperasi sejak 3 tahun lepas seperti di **Foto 5**.

Foto 5

**Gudang Telah Dibina Dan Beroperasi
Sebelum Pelan Pembangunan Diluluskan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 26.9.2006
Lokasi : CL 015479982 di Kota Kinabalu*

Pada pendapat Audit, pelanggaran syarat ini telah merugikan Kerajaan Negeri dari segi nilai premium yang dikenakan.

5.2.9 Guna Tenaga Dan Latihan

Kakitangan yang mencukupi dan latihan yang bersesuaian dengan tugas akan menyumbang kepada pencapaian matlamat Jabatan.

a) Guna Tenaga

Di peringkat Ibu Pejabat, urusan tukar syarat guna tanah diletakkan di bawah Bahagian Dasar Dan Pembangunan Tanah yang diketuai oleh Penguasa Tanah Gred J48. Sejumlah 18 perjawatan telah diluluskan bagi Bahagian ini dan 16 daripadanya telah diisi seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Perjawatan Yang Dilulus Dan Diisi

Bil.	Jawatan Dan Gred	Diluluskan	Diisi	Kosong
1.	Penguasa Tanah Dan Ukur Gred J48	1	1	-
2.	Juruukur Daerah Gred J41	3	2	1
3.	Pembantu Teknik Gred J32	1	1	-
4.	Pelukis Pelan Gred J17	6	5	1
5.	Pembantu Tadbir Gred N17	2	2	-
6.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N11	1	1	-
7.	Pekerja Rendah Awam R11	1	1	-
8.	Pembantu Am Rendah N11	2	2	-
9.	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3	1	1	-
Jumlah		18	16	2

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Daripada 16 jawatan yang diisi di peringkat Ibu Pejabat, sejumlah 5 pegawai terlibat secara langsung dengan memproses permohonan tukar syarat guna tanah yang diterima dari seluruh Negeri Sabah.


Pada pendapat Audit, walaupun hampir keseluruhan perjawatan yang diluluskan telah diisi, namun dengan beban tugas yang semakin bertambah, kajian penstrukturan semula perjawatan perlu dipertimbangkan.

b) Penstrukturan Semula Perjawatan

Penstrukturan semula perjawatan adalah penting dilaksanakan bagi mengimbangi beban tugas yang semakin meningkat serta menangani keperluan pelanggan dari aspek sistem penyampaian Jabatan. Semakan Audit mendapati Jabatan telah menyediakan kertas cadangan penstrukturan semula perjawatan pada bulan Disember 2006. Berdasarkan kertas cadangan tersebut Bahagian Dasar Dan Pembangunan yang bertanggungjawab menerima dan memproses permohonan tukar syarat guna tanah akan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Tanah Dan

Ukur Gred J52. Jumlah jawatan yang dicadangkan ialah 73 jawatan iaitu pertambahan sebanyak 55 jawatan berbanding 18 jawatan yang sedia ada. Struktur Organisasi yang dicadangkan adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Struktur Organisasi Bahagian Dasar Dan Pembangunan
(Cadangan Penstrukturan Semula)



Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Pada pendapat Audit, cadangan penstrukturan semula perjawatan yang disediakan telah mengambilkira beban tugas yang semakin meningkat serta menangani keperluan pelanggan dari aspek sistem penyampaian Jabatan di Bahagian Dasar dan Pembangunan secara menyeluruh.

c) Latihan

Bagi meningkatkan kecekapan kakitangan, Jabatan telah memberi latihan yang sesuai kepada kakitangannya di peringkat Ibu Pejabat dan Daerah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Pegawai Yang Mengikuti Kursus Dan Latihan bagi tempoh 2003 hingga 2006

Bil.	Nama Kursus/Latihan	Tahun	Bilangan Peserta (Orang)
1.	Kursus Penyiasatan Untuk Penyelia Pejabat Tanah Daerah	2006	30
2.	Kursus Penguatkuasa Tanah Untuk Juruteknik Ukur, Pegawai Tanah Daerah dan Pegawai Penguatkuasa Tanah (Siri 1 dan 2)	2006	115
3.	Kursus Orientasi Amalan Pengukuran Kadastra	2006	12
4.	Kursus Pembantu Penilaian	2006	10
5.	Kursus Pengautomasian Ukur Kadastra	2005	27
6.	Kursus Penyiasatan Dan Penguatkuasaan	2005	30
7.	Kursus Asas Pelukis Pelan	2005	18
8.	Kursus Pengautomasian Ukur Kadastra	2004	98
9.	Kursus TDE dan CPS Pelukis Pelan	2004	16
10.	Kursus Orientasi Amalan Pengukuran Kadastra	2003	23
11.	Kursus Ulangkaji Bagi PPHT/Pejabat Tanah	2003	30

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Pada pendapat Audit, Jabatan Tanah Dan Ukur tidak mampu melaksanakan urusan tukar syarat guna tanah secara berkesan dengan jumlah kakitangan yang sedia ada. Bagaimanapun Jabatan telah mengambil tindakan yang positif iaitu memberi latihan yang bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab kakitangan.

5.2.10 Penguatkuasaan Tanah

Bahagian Penguatkuasa Tanah bertanggungjawab untuk memastikan semua pemilik tanah memenuhi dan mematuhi syarat guna tanah yang telah diluluskan. Bahagian Penguatkuasa Tanah ini diketuai oleh Penguasa Tanah dan Ukur Gred J48. Sejumlah 44 perjawatan telah diluluskan untuk Bahagian ini dan 39 perjawatan telah diisi manakala 5 perjawatan masih kosong. Fungsi utama bahagian ini adalah membuat pemeriksaan dan penyiasatan terhadap tanah bergeran yang disyaki tidak memenuhi syarat geran tanah yang telah diluluskan. Mengikut Ordinan Tanah Negeri Sabah Bab 68 Seksyen 34, mana-mana individu atau syarikat yang melanggar peruntukan syarat guna tanah boleh diambil tindakan melucutkan hak milik manakala Seksyen 171A menjelaskan bahawa mana-mana individu atau syarikat yang melanggar peruntukan syarat tanah yang telah diberi milik boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau di penjara selama tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Sejajar dengan fungsi utama, Bahagian ini perlu mempertingkatkan lagi penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat geran tanah. Semakan Audit terhadap laporan penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh Bahagian ini mendapati, pada tahun 2005 sejumlah 1,405 pelanggaran syarat geran tanah atau tanah tidak diusahakan dilaporkan namun tidak ada tindakan diambil mengikut Seksyen 34 dan Seksyen 171A Ordinan Tanah kecuali menasihati pemilik supaya mengemukakan permohonan tukar syarat guna tanah. Pada tahun 2006 pula penumpuan penguatkuasaan diberi terhadap pencerobohan syarikat kuari dan pengambil pasir/batu sungai secara haram. Sejumlah 434 pemeriksaan telah dijalankan sama ada secara rawak atau berdasarkan aduan awam dan antara tindakan yang diambil adalah tangkapan. Pemeriksaan yang dijalankan adalah melibatkan kakitangan di peringkat daerah. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati Bahagian ini tidak dilengkapi dengan peralatan dan kakitangan yang mencukupi berbanding dengan keluasan serta muka bumi Negeri Sabah yang berlurah dan berbukit bukau.

Pada pendapat Audit, Bahagian Penguat kuasa perlu meningkatkan penguatkuasaan terhadap pematuhan tukar syarat guna tanah dan tindakan mengikut perundangan diambil supaya kejadian pelanggaran syarat dapat dibendung dan meningkatkan lagi kutipan hasil kerajaan Negeri. Untuk itu kakitangan serta kemudahan kelengkapan penguatkuasaan perlu dikaji semula.

5.2.11 Daftar Pergerakan Fail

Penyenggaraan dan penyimpanan daftar pergerakan fail permohonan tukar syarat guna tanah yang lengkap, teratur dan kemas kini adalah penting bagi menentukan permohonan dapat diproses dengan lancar dan memudahkan pengesanan fail. Semakan Audit mendapati daftar pergerakan fail yang diselenggarakan oleh Jabatan mempunyai maklumat mengenai status setiap permohonan yang diproses namun bagi mengenal pasti peringkat permohonan diproses kurang teratur menyebabkan proses untuk mengesan fail mengambil masa yang lama.

Pada pendapat Audit, daftar tersebut perlu disemak dan diselenggarakan dengan lebih teratur.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan aktiviti tukar syarat guna tanah perlu dipertingkatkan. Tempoh memproses permohonan adalah terlalu lama sehingga melebihi 2 tahun sedangkan terdapat permohonan yang diluluskan dalam tempoh 3 bulan. Garis Panduan juga tidak lengkap kerana tidak mencatatkan prosedur yang sebenarnya diamalkan dan tidak dilengkapi dengan carta aliran kerja serta norma

tempoh pemprosesan. Penstrukturan semula perjawatan perlu dilaksanakan bagi menampung beban tugas yang semakin meningkat. Penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat guna tanah perlu dipergiatkan di samping menumpukan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah oleh syarikat kuari dan pengambil pasir/batu sungai secara haram.

5.3 PEMANTAUAN

Jabatan Tanah Dan Ukur adalah bertanggungjawab memastikan pengurusan tukar syarat guna tanah diurus dengan cekap dan berkesan. Satu mekanisme pemantauan perlu diwujudkan bagi menentukan kelancaran proses permohonan tukar syarat guna tanah di peringkat daerah dan Ibu Pejabat.

a) Di Peringkat Daerah

Permohonan tukar syarat guna tanah yang diterima di peringkat daerah (Pejabat Pemungut Hasil Tanah Daerah) telah disemak bagi menentukan semua dokumen yang perlu adalah lengkap sebelum dikemukakan ke Ibu Pejabat. Semakan Audit mendapati di peringkat daerah hanya menerima permohonan dan mengemukakannya ke Ibu Pejabat sekiranya dokumen diperlukan adalah lengkap dan tidak ada tindakan susulan dibuat terhadap permohonan tersebut walaupun proses di peringkat Ibu Pejabat mengambil masa yang lama.

b) Di Peringkat Ibu Pejabat

Permohonan yang diterima sama ada melalui Pejabat Pemungut Hasil Tanah Daerah atau dikemukakan terus oleh pemohon ke Ibu Pejabat akan disemak dan permohonan yang lengkap dengan dokumen sokongan akan diproses. Bahagian Pembangunan Dan Dasar yang dipertanggungjawabkan memproses permohonan tukar syarat guna tanah akan memanjangkan permohonan tersebut ke bahagian lain yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya seperti Bahagian Penilaian untuk menentukan kadar premium dan Setiausaha Hasil Bumi untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati Bahagian Sistem Maklumat Tanah menyediakan maklumat mengenai kemajuan permohonan bulanan. Antara maklumat yang terdapat dalam laporan ini adalah jumlah permohonan yang diterima setiap daerah, jenis title tanah yang terlibat dengan tukar syarat guna tanah serta keluasannya, cadangan penggunaan tanah dan jumlah premium serta cukai tahunan yang dikenakan. Maklumat ini boleh digunakan oleh pihak pengurusan bagi maksud membuat keputusan selain dari memantau kemajuan kerja. Pemeriksaan Audit juga

mendapati, sistem pemantauan yang teratur tidak dilaksanakan bagi menentukan proses permohonan tukar syarat guna tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pada pendapat Audit, sistem pemantauan dan susulan yang sedia ada boleh dipertingkatkan dengan lebih berkesan agar dapat mempercepatkan proses permohonan. Maklumat dari laporan yang disediakan perlu digunakan untuk memantau status dan kemajuan kerja pemprosesan supaya tindakan awal dapat diambil bagi mengelakkan kelewatan dan hasil premium dapat dikutip dengan lebih teratur.

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan permohonan tukar syarat guna tanah masih boleh dipertingkatkan. Hasil kajian audit mendapati kelemahan seperti:

- a) Garis panduan tidak terdapat norma tempoh untuk memproses permohonan tukar syarat guna tanah. Keadaan ini menyebabkan terdapat 12 kes permohonan melebihi 24 bulan.
- b) Carta aliran kerja memproses permohonan tukar syarat tidak terdapat di dalam garis panduan.
- c) Jabatan tidak menetapkan tempoh tertentu bagi menyelesaikan premium yang ditetapkan dan tidak membuat susulan bagi memastikan pemohon menjelaskan bayaran yang ditetapkan.
- d) Pemilik tanah telah melanggar peraturan syarat guna tanah iaitu membangunkan tanah sebelum permohonan tukar syarat guna tanah diluluskan, menambah syarat guna tanah tanpa kelulusan dan membangunkan tanah tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).
- e) Laporan penguatkuasaan mendapati terdapat kes pelanggaran syarat geran tanah atau tanah tidak diusahakan dilaporkan, namun tiada tindakan diambil. Bahagian penguatkuasaan tanah tidak dilengkapi dengan peralatan dan kekurangan kakitangan.

Kecekapan dan keberkesanan pengurusan tukar syarat guna tanah dapat dipertingkatkan lagi melalui tindakan seperti berikut:

- i) Koordinasi antara Pihak Berkuasa Tempatan yang mengeluarkan/ meluluskan pelan pembangunan di bawah Seksyen 18(4) Ordinan Perancang Bandar Dan Wilayah

dengan Jabatan Tanah Dan Ukur perlu diwujudkan dalam menangani perundangan yang berkaitan dengan tukar syarat guna tanah.

- ii)** Mengemas kini Garis Panduan mengenai proses tukar syarat guna tanah supaya selaras dengan proses yang sebenarnya diamalkan di Jabatan serta dilengkapi dengan norma tempoh memproses permohonan tukar syarat guna tanah dan carta aliran kerja.
- iii)** Menetapkan norma kerja yang sesuai bagi setiap peringkat proses permohonan tukar syarat guna tanah bagi menetapkan jumlah kakitangan yang perlu berbanding dengan beban tugas.
- iv)** Menjadualkan proses kelulusan di peringkat Setiausaha Hasil Bumi.
- v)** Meluaskan skop penguatkuasaan agar dapat mengambil kira pematuhan terhadap peraturan syarat guna tanah serta melaksanakan penguatkuasaan secara terancang.
- vi)** Memastikan pemilik yang telah lulus permohonan tukar syarat guna tanah menjelaskan bayaran premium yang dikenakan.

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

PENGURUSAN DAN PEMBINAAN RUMAH PENYEMBELIHAN HAIWAN (RPH)

7. LATAR BELAKANG

7.1 Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (Jabatan) bertanggungjawab menyediakan infrastruktur, mengurus dan memantau rumah penyembelihan haiwan (RPH) di seluruh Negeri Sabah. Selaras dengan Ordinan Haiwan 1962 (*Animals Ordinance 1962*), undang-undang mengenai rumah penyembelihan dan pemeriksaan daging haiwan telah diwartakan pada tahun 2004 yang dinamakan Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 (*Slaughterhouses Rules 2003*) dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 (*Meat Inspection Rules 2003*). Berdasarkan undang-undang tersebut semua haiwan bagi tujuan komersial hendaklah disembelih di RPH Kerajaan atau swasta yang mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan. Pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* perlu dilakukan oleh Jabatan sebelum dan selepas penyembelihan.

7.2 Sebelum tahun 2002 semua RPH bagi ruminan adalah dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). RPH bagi unggas pula dilaksanakan oleh pihak swasta dan orang perseorangan. Pada awal tahun 2002 Kabinet Negeri bersetuju supaya Jabatan mengambilalih semua RPH yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tujuan Kerajaan untuk meletakkan semua RPH di bawah pengurusan Jabatan adalah untuk mengawal penyembelihan haiwan bagi menentukan kebersihan daging dan kesihatan haiwan supaya selamat untuk dimakan.

7.3 Objektif pengurusan dan pembinaan serta pengawalan RPH adalah seperti berikut:

- a)** Untuk menyediakan kemudahan infrastruktur penyembelihan haiwan yang memenuhi piawaian kesihatan.
- b)** Untuk menyediakan kemudahan pemasaran ternakan bagi para penternak.
- c)** Untuk memastikan bekalan hasil haiwan tempatan yang terdapat di pasaran bebas daripada sebarang jangkitan penyakit, sisa antibiotik dan sisa bahan kimia yang lain.
- d)** Untuk membolehkan Negeri ini mengeluarkan bahan makanan berasaskan daging haiwan yang berdaya saing.

Siling peruntukan yang diluluskan bagi RMKe-8 terhadap pengurusan dan pembinaan RPH adalah berjumlah RM11.60 juta manakala siling peruntukan bagi RMKe-9 adalah

berjumlah RM7 juta. Anggaran peruntukan perbelanjaan yang diluluskan pada tahun 2005 dan 2006 masing-masing berjumlah RM2.01 juta dan RM5.60 juta.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan dan pembinaan rumah penyembelihan haiwan telah diurus dengan cekap dan teratur serta mencapai matlamatnya.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepentingan pengguna terhadap kebersihan pemakanan. Skop pengauditan meliputi pengurusan dan pembinaan RPH bagi ruminan yang dikendalikan oleh Jabatan pada tahun 2005 hingga 2006. Lawatan ke Ibu Pejabat di Kota Kinabalu dan 18 tapak Rumah Penyembelihan Haiwan ruminan dan unggas (Kerajaan dan swasta) di daerah Papar, Sandakan, Tawau, Keningau, Kudat dan Ranau telah dijalankan. Dokumen seperti fail, daftar pelesenan, laporan dan rekod berkaitan telah disemak dan dikaji serta dianalisis. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dilakukan.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting untuk memastikan pengurusan dan pembinaan yang dilaksanakan berjalan dengan lancar. Pengauditan telah dilakukan bagi menilai perancangan program adalah seperti berikut:

10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri Sabah

Dasar Kerajaan Negeri Sabah terhadap pembangunan industri penternakan adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil ternakan berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan sara diri pasaran tempatan dan untuk dieksport. Usaha menerokai pasaran antarabangsa terutamanya makanan halal berasaskan ternakan akan dilaksanakan. Pengeluaran ternakan terpilih akan diberi galakan bagi memenuhi permintaan bahan mentah yang dapat merangsang pertumbuhan industri pemprosesan berasaskan ternakan. Langkah untuk meningkatkan produktiviti daging segar lembu, kerbau dan kambing dipergiatkan. Oleh itu, infrastruktur berkaitan seperti tempat penyembelihan yang sempurna perlu disediakan.

10.1.2 Kajian Awal

Kajian awal perlu dilakukan sebelum sesuatu program atau projek dilaksanakan. Ia merupakan penyelidikan awal untuk menimbang sama ada kesesuaian dan keperluan program/projek yang dirancang boleh menjurus kepada pencapaian objektif. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak merancang untuk mengambil alih 15 RPH yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2001. Jawatankuasa Teknikal Rumah Penyembelihan Haiwan ditubuhkan untuk mengkaji dan memeriksa RPH yang sedia ada bagi menentukan status RPH, mengenal pasti isu serta memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri.

10.1.3 Undang-undang Dan Garis Panduan Pengurusan

Tanggungjawab Jabatan dilaksanakan selaras dengan Ordinan Haiwan 1962 dan Dasar Pertanian Negeri Sabah Ke-2. Bagi memperkemaskan penguatkuasaan perundangan dan mengawal kegiatan penyembelihan haiwan ternakan, draf cadangan Undang-undang Pemeriksaan Daging dan Undang-undang Rumah Penyembelihan dikemukakan oleh Jabatan melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan kepada Peguam Negeri pada tahun 1999. Pada tahun 2004, Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 telah diwartakan. Di samping itu, Jabatan telah mengeluarkan *Veterinary Inspection Legend* sebagai panduan penguatkuasaan Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003. Objektif utama panduan ini adalah seperti berikut:

- a) Menentukan semua rumah penyembelihan dan syarikat perusahaan pemprosesan daging dilesenkan dan mematuhi piawaian *Good Manufacturing Practices*.
- b) Menentukan standard asas infrastruktur dan pemprosesan, mematuhi Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003.
- c) Menentukan pengeluaran daging tempatan dan produk daging mematuhi Akta Pemakanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dari segi standard keselamatan makanan.
- d) Menentukan penyembelihan dan aktiviti memproses daging mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dari segi impaknya terhadap alam sekitar.

10.1.4 Pengambilalihan RPH Dari PBT

Pada pertengahan tahun 1999 satu mesyuarat di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak telah diadakan untuk

membincangkan cadangan pemindahan tanggungjawab pengendalian RPH. Mesyuarat telah bersetuju bahawa Jabatan mengambil alih tanggungjawab menyelia, mengurus dan mewujudkan RPH dari PBT. Berikutan dengan keputusan mesyuarat berkenaan, kertas kabinet disediakan untuk mendapatkan kelulusan dari Kabinet Negeri Sabah. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada perkara seperti berikut:

- a) RPH yang dikendalikan oleh PBT hanya memberi khidmat menyembelih, melapah dan memotong dan memisah daging manakala karkas akan dikembalikan kepada pemilik dan seterusnya diangkut dengan menggunakan pengangkutan sendiri ke premis jualan/pasar untuk dijual kepada orang awam. Tatacara pengendalian ini tidak dapat menjamin kebersihan dan keselamatan daging sembelihan.
- b) PBT tidak mempunyai kakitangan yang berkelayakan dan terlatih untuk membuat pemeriksaan ternakan sebelum disembelih; pemeriksaan daging; ujian makmal serta kawalan sanitasi premis. Keadaan ini mengancam keselamatan pengguna dari jangkitan berbagai penyakit zoonitik dan pengawalan sisa antibiotik ataupun sisa bahan kimia yang lain.
- c) Sebahagian dari RPH ruminan terletak di kawasan yang berhampiran dengan RPH khinzir. Ini akan menimbulkan kesangsian dan sensitiviti agama.
- d) Ketiadaan dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang merupakan faktor utama yang menyebabkan amalan penyembelihan haram dilakukan di tempat yang tidak memenuhi syarat kesihatan umum.

10.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan akan dilaksanakan melalui 2 kaedah, iaitu oleh Jabatan untuk RPH yang diwartakan dan oleh pihak swasta yang dilesenkan. Bagaimanapun, kawalan dan pemantauan pengeluaran produk hiliran sembelihan adalah dibidang kuasa Jabatan.

10.1.6 Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan

Bagi maksud pembangunan rumah penyembelihan (RPH), Jabatan telah mengenal pasti 6 zon mengikut daerah sebagai pusat pentadbiran penternakan (*key production area*) bertujuan membangunkan produk penternakan secara bersepadu dan terselaras. Setiap Zon akan mempunyai RPH. Zon yang telah dikenal pasti mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13**Zon Dikenal Pasti Menjadi Pusat Pentadbiran Penternakan Mengikut Daerah**

Nama Zon	Daerah
Zon 1 (Beaufort)	Beaufort
	Kuala Penyu
	Sipitang
	Menumbok
	Membakut
	Bongawan
Zon 2 (Kota Kinabalu)	Kota Kinabalu
	Papar
	Penampang
	Tuaran
	Tamparuli
Zon 3 (Kudat)	Kota Belud
	Ranau
	Kudat
	Kota Marudu
	Pitas
Zon 4 (Keningau)	Keningau
	Tambunan
	Tenom
	Nabawan
	Sook
Zon 5 (Sandakan)	Sandakan
	Kinabatangan
	Telupid
	Beluran
Zon 6 (Tawau)	Tawau
	Lahad Datu
	Semporna
	Kunak

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Semasa RMKe-8 Jabatan merancang membina 4 RPH baru untuk ruminan di 4 zon iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Keningau. Komponen bagi projek pembinaan RPH adalah seperti berikut:

a) Pembangunan Infrastruktur

Komponen ini merangkumi pembinaan RPH baru, pengubahsuaian dan baik pulih RPH yang sedia ada serta infrastruktur sokongan seperti rumah kakitangan, jalan raya, kemudahan pembuangan dan pelupusan sisa.

b) Pembangunan Makmal Kesihatan Awam Veterinar

Sebuah Makmal Kesihatan Awam Veterinar dicadangkan untuk diwujudkan di daerah Kota Kinabalu sebagai sebahagian daripada pakej projek. Makmal ini berperanan menyediakan khidmat sokongan untuk melaksanakan penyelidikan terhadap hasil penyembelihan dari semua RPH di negeri ini.

c) Khidmat Pemeriksaan Daging

Pemeriksaan daging dilaksanakan bagi setiap haiwan yang disembelih di RPH. Sampel untuk diselidik oleh Makmal Kesihatan Awam Veterinar akan diambil pada peringkat ini sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap daging yang diperiksa. Khidmat ini diberikan kepada setiap RPH di seluruh negeri.

d) Khidmat Penguatkuasaan Veterinar

Perkhidmatan ini merangkumi program dan aktiviti untuk mencegah sebarang penyembelihan haram dan menguatkuasa Ordinan Haiwan Sabah 1962 (Pindaan 1998), Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil (Sabah Cap.80) dan peraturan lain yang berkaitan dengan penyembelihan haiwan untuk pasaran.

e) Keperluan Peralatan

Bangunan rumah sembelih akan dilengkapi dengan peralatan penyembelihan, pemotongan dan pemisah daging yang menggunakan teknologi moden serta dilengkapi dengan bilik sejuk.

10.1.7 Kadar Dan Jenis Perkhidmatan

Haiwan yang akan disembelih di RPH akan menjalani pemeriksaan kesihatan untuk menentukan ianya selamat dan bersih untuk dimakan. Kadar bayaran ditetapkan mengikut Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14

Kadar Bayaran Pemeriksaan Kesihatan Haiwan

Jenis Haiwan	Kadar Seekor (RM)
Lembu dan Kerbau	5.00
Ternakan Ruminan lain	2.00
Kambing, Bebiri, Rusa dan <i>Ostrich</i>	2.00
Unggas (<i>Poultry</i>)	0.02
Ternakan Unggas lain	0.02

Sumber: Meat Inspection Rules 2003

Haiwan ternakan bagi tujuan komersial hendaklah disembelih di RPH milik Kerajaan atau RPH milik swasta. Kadar bayaran adalah mengikut ketetapan Jabatan berdasarkan kepada Perkara 12(2) Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003.

10.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Pengendalian RPH diletakkan di bawah Unit Kawalan Keselamatan Produk. Pada ketika ini seramai 44 kakitangan pelbagai gred jawatan ditempatkan di 2 Unit iaitu unit kawalan keselamatan produk dan unit penguatkuasaan veterinar. Memandangkan aktiviti dan pengurusan RPH adalah berkait rapat antara satu komponen dengan komponen yang lain dan peningkatan aktiviti penguatkuasaan undang-undang rumah penyembelihan dan pemeriksaan daging, Jabatan merancang dan memerlukan seramai 38 kakitangan tambahan pelbagai jawatan. **Jadual 15** menunjukkan jumlah kakitangan sedia ada mengikut gred jawatan dan bilangan jawatan tambahan yang dimohon.

Jadual 15
Bilangan Jawatan Sedia Ada Dan Bilangan Jawatan Dimohon

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Bilangan Jawatan Sedia Ada	Bilangan Jawatan Tambahan Dimohon
1.	Pegawai Veterinar	G48	-	1
2.	Pegawai Veterinar	G41	-	3
3.	Pegawai Penyelidik	Q41	3	1
4.	Penolong Pegawai Veterinar	G27	1	3
5.	Pembantu Veterinar	G17	12	30
6.	Pembantu Veterinar Rendah	G11	5	-
7.	Pembantu Am Rendah	N1	4	-
8.	Pekerja Rendah Awam	R1	6	-
9.	Pembantu Am Rendah (Gaji Hari)	N1	1	-
10.	Pekerja Rendah Awam (Gaji Hari)	R1	10	-
11.	Atendan Haiwan	G1	1	-
12.	Pemandu Kenderaan	R3	1	-
Jumlah			44	38

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Jabatan merancang akan mengadakan kursus dalaman berkaitan dengan penyembelihan dan pemeriksaan haiwan dan juga merancang menghantar kakitangan terlibat mengikuti kursus anjuran pihak luar/swasta.

10.1.9 Anggaran Perbelanjaan

Jabatan memohon peruntukan berjumlah RM36.31 juta semasa RMKE-8 dan RM33.88 juta semasa RMK9. Jumlah peruntukan yang dimohon bagi tahun 2001 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Peruntukan Yang Dimohon Bagi Tempoh 2001 Hingga 2006

Tahun	Jumlah (RM Juta)
2001	8.74
2002	5.25
2003	8.13
2004	9.80
2005	4.39
2006	5.00

Sumber: Rekod Kewangan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

10.1.10 Kaedah Pemantauan

Pemantauan secara efektif membolehkan aktiviti yang dijalankan dapat dinilai ke arah mencapai objektif yang ditetapkan dengan berkesan. Jabatan akan memantau pengurusan rumah penyembelihan berdasarkan undang-undang rumah penyembelihan dan undang-undang pemeriksaan daging. Tiga peringkat pemantauan akan terlibat iaitu di peringkat daerah, peringkat Jabatan dan jawatankuasa yang ditubuhkan. Pemeriksaan terhadap kesihatan dan kebersihan haiwan akan dilaksanakan di setiap rumah penyembelihan haiwan milik Jabatan atau swasta. Laporan mengenai aktiviti penyembelihan akan disediakan untuk tindakan pihak yang terbabit.

Pada pandangan Audit, perancangan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak adalah lengkap dan komprehensif. Aspek-aspek mengenai peraturan dan perundangan berkaitan RPH yang ditetapkan dan pemindahan RPH dari PBT ke Jabatan akan dapat menjayakan dasar Kerajaan, mendorong perkembangan industri penternakan, memberikan keyakinan kepada pengguna tentang kesihatan dan kebersihan makanan berasaskan daging tempatan serta dapat mempertingkatkan hasil Kerajaan Negeri.

10.2 PELAKSANAAN

10.2.1 Dasar Kerajaan

Dasar Kerajaan mengenai pembangunan industri penternakan adalah untuk meningkatkan hasil ternakan yang berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan untuk dieksport serta menjadikan Negeri Sabah sebagai pengeluar utama makanan bersih dan halal di Malaysia. Selaras dengan dasar berkenaan, Jabatan dipertanggungjawabkan memajukan industri penternakan, menyediakan RPH yang berteknologi tinggi dan mengurusnya dengan teratur serta memantau RPH yang diusahakan oleh pihak swasta.

Pada pendapat Audit, pengurusan RPH yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan adalah bersesuaian dengan fungsi dan objektif Jabatan untuk mencapai dasar dan hala tuju Kerajaan Negeri.

10.2.2 Kajian Awal

Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Rumah Penyembelihan Haiwan untuk mengkaji dan menimbang isu-isu serta menetapkan tindakan yang perlu diambil kira apabila kerajaan memutuskan untuk mengambil alih semua RPH dari PBT. Jawatankuasa ini yang dianggotai oleh seramai 6 orang pegawai Jabatan telah membuat lawatan di 15 daerah pada 24 April 2001 hingga 11 Mei 2001. Pemeriksaan Audit mendapati laporan mengenai kajian RPH tersebut dikeluarkan pada bulan Mei 2001 dan dikemukakan kepada Jabatan. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a)** Terdapat aktiviti penyembelihan haiwan dilakukan bukan di RPH yang disediakan oleh PBT.
- b)** Semua RPH yang sedia ada tidak mempunyai sebarang kemudahan sistem rawatan dan pelupusan bahan sisa yang teratur.
- c)** Pemeriksaan sebelum dan selepas penyembelihan tidak dilakukan oleh pihak yang berwajib.
- d)** Semua RPH tidak diselenggarakan dengan baik.

Pada pendapat Audit, kajian dan pemeriksaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa tersebut dapat membantu pihak Jabatan mengenal pasti isu dan masalah yang perlu ditangani untuk melicinkan lagi pelaksanaan tanggungjawab terhadap pengendalian RPH.

10.2.3 Undang-undang Dan Garis Panduan Pengurusan

Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 telah diwartakan pada tahun 2004. Undang-undang ini adalah berdasarkan kepada Ordinan Haiwan 1962. Pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* terhadap daging ternakan yang diproses di RPH milik kerajaan dan swasta dilakukan secara rawak dan konsisten. Ianya bertujuan memastikan penyembelihan haiwan dijalankan dengan bersih dan teratur serta tidak menimbulkan keraguan dikalangan umat Islam. Pada tahun 2004, Jabatan juga telah mengeluarkan *Veterinary Inspection Legend*. Peraturan pemeriksaan ini mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Menentukan semua rumah penyembelihan dan syarikat perusahaan pemprosesan daging dilesenkan dan mematuhi piawaian *Good Manufacturing Practices/Good Hygiene Practices* (GMP/GHP).
- b) Menentukan standard asas infrastruktur, pemprosesan dan pengetahuan mematuhi Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003.
- c) Menentukan pengeluaran daging tempatan dan produk daging mematuhi Akta Pemakanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dari segi standard keselamatan makanan.
- d) Menentukan penyembelihan dan aktiviti memproses daging mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dari segi impaknya terhadap alam sekitar.

Pemeriksaan Audit mendapati penguatkuasaan undang-undang ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya walaupun ianya telah diwartakan sejak tahun 2004 lagi. Ini adalah disebabkan Jabatan tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi serta RPH yang diambil alih belum dibaik pulih bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit undang-undang yang diwartakan dan panduan pemeriksaan adalah komprehensif. Jabatan hendaklah menentukan kakitangan yang mencukupi dan terlatih untuk menguatkuasakan undang-undang berkenaan agar objektif tercapai.

10.2.4 Pengambilalihan RPH Dari PBT

Mesyuarat Jemaah Menteri Negeri Sabah yang diadakan pada 27 Mac 2002 telah bersetuju dan meluluskan semua RPH yang dimiliki oleh PBT diserahkan kepada Jabatan melalui Kertas Kabinet No.KK18/2002. Mengikut rekod Jabatan, terdapat 15 buah RPH untuk ruminan di seluruh Negeri yang dimiliki oleh PBT. Jabatan merancang

untuk membaik pulih semua RPH ruminan yang diambil alih dari PBT berdasarkan laporan Jawatankuasa Teknikal Rumah Penyembelihan. **Jadual 17** menunjukkan kemajuan pengambilalihan RPH milik PBT berbanding dengan perancangan setakat tarikh semakan audit.

Jadual 17
Kemajuan Pengambilalihan RPH

Bil.	Daerah	Jumlah RPH Milik PBT	RPH Diambilalih
1.	Kudat	1	/
2.	Kota Belud	1	/
3.	Tuaran	1	-
4.	Penampang	1	-
5.	Tambunan	1	-
6.	Keningau	1	/
7.	Tenom	1	-
8.	Sipitang	1	/
9.	Beaufort	1	/
10.	Kuala Penyu	1	-
11.	Papar	1	-
12.	Ranau	1	-
13.	Sandakan	1	/
14.	Lahad Datu	1	-
15.	Tawau	1	-
Jumlah		15	6

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Pemeriksaan Audit mendapati hanya 6 daripada 15 RPH untuk ruminan telah diserahkan oleh PBT kepada Jabatan. Sembilan RPH iaitu di daerah Tawau, Penampang, Ranau, Kuala Penyu, Papar, Tuaran, Tambunan, Lahad Datu dan Tenom tidak diserahkan kepada Jabatan. Antara faktor RPH tidak diserahkan adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Faktor RPH Tidak Diambil Alih/Serah

Bil.	Daerah	Faktor
1.	Tawau	• Diswastakan oleh PBT terlebih dahulu dan perjanjian masih berkuatkuasa. • Tidak beroperasi.
2.	Penampang	• Diswastakan oleh PBT terlebih dahulu. • Mempunyai tanggungan dalam bentuk utiliti. • Tidak beroperasi.
3.	Ranau	• Letaknya di kawasan yang tidak sesuai untuk beroperasi.
4.	Kuala Penyu	• Tidak beroperasi.
5.	Papar	• Tidak beroperasi.
6.	Tuaran	• Tidak beroperasi.
7.	Tambunan	• Letaknya di kawasan yang tidak sesuai untuk beroperasi.
8.	Lahad Datu	• Mempunyai tanggungan dalam bentuk utiliti.
9.	Tenom	• Tidak beroperasi.

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Lawatan Audit ke daerah Ranau mendapati RPH berkenaan telah diroboh dan tapak digunakan untuk pembangunan lain kerana kawasan tidak sesuai untuk rumah sembelih. RPH di Tawau pula tidak diserahkan oleh Majlis Perbandaran Tawau. Semakan Audit mendapati RPH ini telah diswastakan oleh pihak Majlis dan tempoh penswastaan masih berkuatkuasa. Bagaimanapun, lawatan Audit ke RPH berkenaan menunjukkan premis ini tidak beroperasi sejak pembinaannya pada tahun 1994 dengan kos RM1.97 juta. **Foto 6** berikut menunjukkan RPH milik Majlis Perbandaran Tawau yang tidak digunakan sejak siap dibina.

Foto 6
Rumah Penyembelihan Dengan Kos RM1.94 Juta Haiwan Milik Majlis
Daerah Tawau Terbiar



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 September 2006
Lokasi: Kampung Rangu Tawau

Antara perancangan Jabatan apabila mengambil alih RPH dari PBT adalah untuk membaik pulih premis berkenaan dan menentukan ianya berkeadaan bersih dan selamat serta terhindar dari keraguan pengguna. Pemeriksaan Audit mendapati tindakan baik pulih asas sedang dilakukan terhadap semua RPH yang diambil alih untuk ianya dapat beroperasi.

Pada pendapat Audit keputusan Jabatan untuk mengambil alih tanggungjawab terhadap penyembelihan haiwan adalah langkah yang positif untuk mengawal dan dapat mengurus penyembelihan haiwan secara teratur dan produk sembelihan selamat dimakan. Bagaimanapun, objektif pengambilalihan RPH masih belum tercapai oleh kerana Jabatan belum dapat menyediakan kemudahan infrastruktur penyembelihan disebabkan kekurangan peruntukan. Bagi RPH yang belum diambil alih mereka perlu mengambil lesen dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan sekiranya hendak meneruskan operasi bagi menjamin standard operasi penyembelihan dipatuhi dan seterusnya keselamatan dan kebersihan daging terjamin.

10.2.5 Kaedah Pelaksanaan

Pengurusan RPH dilaksanakan berasaskan fungsi dan tanggungjawab Jabatan selaras dengan Ordinan Haiwan 1962. Undang-undang rumah penyembelihan dan pemeriksaan daging yang telah diwartakan pada tahun 2004 adalah untuk menentukan

kaedah pelaksanaan pengurusan dan penyediaan infrastruktur RPH dilakukan mengikut objektif ditetapkan. Aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

a) Aktiviti Penyembelihan

Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 dan Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003, menghendaki ternakan yang disembelih untuk tujuan makanan orang awam hendaklah diperiksa dan disembelih di RPH sama ada milik kerajaan atau swasta. Berdasarkan rekod Jabatan, bilangan ternakan ruminan yang telah disembelih sejak tahun 2004 hingga 2006 di seluruh negeri adalah sebanyak 5,015 ekor lembu/kerbau. **Jadual 19** adalah jumlah haiwan yang telah disembelih.

Jadual 19

**Bilangan Lembu/Kerbau Disembelih
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006**

Bil	Jenis Ternakan	Tahun			Jumlah (Ekor)
		2004 (Ekor)	2005 (Ekor)	2006 (Ekor)	
1.	Lembu	1,406	1,402	696	3,504
2.	Kerbau	615	615	281	1,511
Jumlah		2,021	2,017	977	5,015

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Lawatan Audit ke daerah Keningau dan Kudat mendapati penyembelihan ruminan diusahakan oleh pihak swasta. Bagi daerah Sandakan, Tawau dan Ranau pula RPH ruminan tidak beroperasi. Bagaimanapun, rekod Jabatan menunjukkan sebanyak 94 ekor lembu/kerbau telah disembelih di daerah Tawau dan Ranau pada tahun 2006. Bagaimanapun, penyembelihan ini dilakukan di tempat yang tidak diketahui. Oleh itu, Jabatan gagal mengawal aktiviti penyembelihan secara berkesan.

Pada pendapat Audit penyembelihan haiwan masih belum dikawal sepenuhnya oleh Jabatan selaras dengan tanggungjawabnya. Oleh yang demikian penyembelihan dan penjualan daging sembelihan adalah tidak teratur dan menyalahi undang-undang.

b) Kesihatan Dan Kebersihan Haiwan

Perkara 6, Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 menetapkan pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* dijalankan oleh pihak Jabatan dan mengikut budi bicara Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak. Lawatan

Audit ke daerah Sandakan, Tawau, Keningau, Ranau dan Kudat mendapati pemeriksaan ini belum dilaksanakan terhadap penyembelihan ruminan dan unggas. Mengikut rekod penyembelihan bagi tahun 2006 sebanyak 732 ekor ruminan dan 22 juta ekor unggas telah disembelih. Bagaimanapun, pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* belum dilaksanakan sepenuhnya. Pemeriksaan dilakukan secara rawak di samping *surveillance inspection* yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Penguatkuasaan undang-undang ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan Jabatan kekurangan tenaga kerja.

Pada pendapat Audit, objektif Jabatan untuk menentukan daging haiwan untuk pasaran tempatan adalah bersih dan suci masih belum dipastikan disebabkan penguatkuasaan pemeriksaan belum dilakukan sepenuhnya. Kakitangan yang sedia ada perlu *dimobilize* dan cadangan pertambahan kakitangan disusul dengan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

c) Kebersihan Premis

Bagi menentukan pengeluaran makanan bersih dan selamat dimakan serta meyakinkan pengguna, kebersihan premis untuk pemprosesan produk makanan perlu dititikberatkan selaras dengan *Food Act 1983* dan *Food Regulations 1985*. Lawatan telah dilakukan ke RPH untuk menentukan kebersihan di premis penyembelihan sentiasa dijaga dan mematuhi peraturan bagi menjamin kebersihan hasil penyembelihan. Adalah didapati keseluruhan RPH bagi ruminan dan RPH bagi unggas adalah memuaskan kecuali satu RPH bagi unggas di daerah Keningau didapati tidak mematuhi norma kebersihan yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit kebersihan rumah penyembelihan menentukan keselamatan dan kebersihan pengeluaran makanan. Oleh itu Jabatan hendaklah memantau premis berkenaan agar pengusaha mematuhi peraturan kebersihan pada setiap masa.

d) Pusat Penyembelihan Haiwan Milik Pihak Swasta

Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003 menetapkan semua premis pihak swasta yang digunakan untuk penyembelihan haiwan ternakan bagi pasaran perlu mendapat lesen rumah penyembelihan. Jabatan juga menetapkan premis penyembelihan perlu mematuhi syarat minimum GMP dan GHP untuk diberi lesen. Rekod Jabatan menunjukkan terdapat 6 RPH ruminan dan 43 RPH bagi unggas dimiliki oleh pihak swasta dan orang perseorangan. Semakan Audit mendapati daripada 18 RPH yang dilawati, 2 RPH bagi ruminan iaitu di daerah Kudat dan

Beaufort dan 5 RPH bagi unggas adalah menepati piawaian Jabatan dan telah diberi lesen.

Pada pendapat Audit RPH yang dikendalikan oleh pihak swasta perlu dikawal dengan pengeluaran lesen selaras dengan undang-undang agar objektif pengeluaran makanan yang bersih dapat direalisasikan.

e) Program Mempertingkatkan Industri Ternakan Ruminan

Jabatan telah menyediakan program pembiakan ternakan dan menambahkan jumlah penternak selaras dengan dasar mempertingkatkan pengeluaran hasil ternakan negeri. Antaranya adalah mempergiatkan aktiviti di Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang di Keningau dan Tawau, Pusat Ternakan Wario di Kota Belud, Projek Ternakan Ruminan Telupid serta mengadakan program *100 Breeders* untuk mendorong penternak bergiat secara komersial. Program ini mensasarkan penternak untuk mencapai taraf komersial dengan menternak 100 ekor lembu setiap penternak. Mengikut rekod Jabatan jumlah kerbau dan lembu yang diternak pada tahun 2005 adalah sebanyak 89,670 ekor yang melibatkan 5,482 penternak lembu dan 9,072 penternak kerbau.

Pada pendapat Audit aktiviti menaiki taraf dan pembinaan RPH adalah sejajar dengan program menambahkan penyertaan penternak dalam industri penternakan untuk menampung keperluan daging tempatan dengan membekal ternakan untuk disembelih di RPH yang disediakan. Dengan itu kapasiti penggunaan RPH yang dibina dapat dioptimumkan.

10.2.6 Pembinaan Rumah Penjualan Haiwan Baru Di Kinarut

Semasa RMKe-8, Jabatan telah merancang untuk membina 4 RPH baru mengikut zon daerah bagi mencapai Amalan Kebersihan Yang Baik (*Good Hygiene Practices*) iaitu di daerah Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Keningau. Bagaimanapun, hanya 1 RPH baru dibina di Kinarut, Papar bagi menampung zon 1 dan 2 yang merangkumi Kota Kinabalu, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Menumbok, Membakut, Tuaran, Tamparuli dan Penampang. Kawasan seluas 19.66 ekar milik Jabatan telah dipilih untuk pembinaan RPH berkenaan. Jabatan telah mendapatkan khidmat Crown Agents International Ltd. yang berpejabat di Singapura untuk mengendalikan pembinaan RPH ini. Projek dimulakan pada bulan Jun 2003. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

- a) Kontrak pembinaan adalah berasaskan *Design, Build, Supply and Commission* dan Crown Agents telah melantik Brian Barker International Pty. Ltd., dari Australia untuk melaksanakan pembinaan RPH ini. Jurutera Perunding Kinakota Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai juru perunding tempatan yang bertanggungjawab terhadap semua urusan berkaitan dengan jabatan dan agensi di Negeri Sabah.
- b) Pihak Audit dimaklumkan Crown Agents dilantik sebagai wakil Kerajaan Negeri Sabah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176(d).
- c) Pembinaan RPH dilaksanakan mengikut 3 fasa dan dimulakan pada akhir tahun 2003 dan disiapkan pada pertengahan tahun 2006.
- d) Nilai kontrak adalah RM11.20 juta dan sejumlah RM10.72 juta telah dibayar sejak tahun 2003.
- e) Bangunan RPH yang dilengkapi dengan peralatan penyembelihan, pemotong dan pemisah daging yang menggunakan teknologi moden serta dilengkapi dengan kemudahan bilik sejuk berkeupayaan menyembelih 100 ekor lembu/kerbau pada 1 syif (8 jam) sehari. Bagaimanapun, bagi bulan Oktober hingga 12 Disember 2006 jumlah haiwan ternakan yang disembelih adalah sebanyak 58 ekor seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Jumlah Haiwan Ternakan Disembelih Di Rph Kinarut, Papar Bagi Tahun
Oktober Hingga Disember 2006

Jenis Haiwan Ternakan	Bilangan Haiwan Ternakan Disembelih			
	Oktober	November	Disember	Jumlah
Lembu/Kerbau	14	5	4	23
Rusa	24	-	-	24
Kambing	5	-	-	5
Bebiri	5	-	-	5
Burung Unta (Ostrich)	1	-	-	1
Jumlah	49	5	4	58

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Semakan Audit mendapati antara faktor kekurangan penggunaan perkhidmatan pusat penyembelihan berbanding dengan keupayaan sebenar adalah disebabkan faktor seperti berikut:

- i) Lokasi yang jauh daripada kawasan penternakan milik persendirian.
- ii) Penternak lebih selesa menggunakan perkhidmatan lain.
- iii) Tidak ada ladang ternakan bercorak komersial di daerah berkenaan.
- iv) RPH Sipitang dan Beaufort yang diambil alih dari PBT masih beroperasi. Oleh itu, RPH tersebut merupakan saingan kepada RPH di Kinarut.

Foto 7 dan 8 menunjukkan RPH Kinarut yang telah siap dibina.

Foto 7

Rumah Penyembelihan Haiwan Kinarut Telah Beroperasi



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 17 Oktober 2006
Lokasi: Rumah Penyembelihan Haiwan, Kinarut

Foto 8

Rumah Penyembelihan Haiwan Kinarut Telah Beroperasi



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 17 Oktober 2006
Lokasi: Rumah Penyembelihan Haiwan, Kinarut

Pemeriksaan Audit selanjutnya dilakukan terhadap perolehan kerja terhadap pembinaan RPH Kinarut bagi menentukan sama ada peraturan dan spesifikasi kontrak telah dipatuhi. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

a) Kaedah Perolehan

Peraturan Kewangan Negeri Sabah menetapkan perolehan kerja yang nilainya melebihi RM50,000 hendaklah dibuat secara tender dan hendaklah diberi publisiti seluasnya. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mempelawa tender walaupun kos pembinaan berjumlah RM11.20 juta dan kelulusan dari Kementerian Kewangan Negeri tidak diperoleh terhadap pembinaan RPH Kinarut. Jabatan sebaliknya menggunakan khidmat Crown Agents International Limited untuk melantik kontraktor pembinaan. Brian Barker International Pty. Ltd. dari Australia telah dilantik oleh Crown Agents untuk melaksanakan pembinaan RPH dan juruperunding tempatan, Jurutera Perunding Kinakota Sdn. Bhd. dilantik bagi urusan berkaitan dengan agensi tempatan. Oleh itu, Jabatan Audit Negara tidak dapat memastikan sama ada kos pelaksanaan adalah wajar. Tambahan lagi kaedah *bill of quantities* juga tidak digunakan.

b) Kontrak/Perjanjian

Kontrak/Perjanjian adalah dokumen penting bagi menentukan kedua-dua belah pihak mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan semasa pelaksanaan projek. Arahan Perbendaharaan 200.1 menetapkan jika didapati perlu atau sesuai untuk mengadakan satu kontrak formal, kontrak itu hendaklah dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973). Semakan Audit mendapati tidak terdapat perwakilan kuasa diberi kepada Jabatan oleh Menteri Pertanian Dan Industri Makanan untuk melaksanakan kontrak. Sebaliknya, pihak Jabatan telah menggunakan perkhidmatan Crown Agents di bawah peruntukan Arahan Perbendaharaan 176(d). Di bawah sistem ini, pihak Jabatan mengeluarkan inden untuk kerja-kerja berkaitan kepada Crown Agents. Agensi tersebut yang berpejabat di Singapura seterusnya akan melantik syarikat pembinaan dari luar negara dan menandatangani dokumen kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah. Dokumen tersebut dinamakan Kontrak Eksport mengandungi antara lain syarat-syarat kontrak seperti rekabentuk, syarat bayaran, insurans, tempoh penyediaan serta skop kerja. Semakan Audit mendapati bahawa syarat-syarat tersebut telah tidak dirujuk kepada Peguam Besar Negeri Sabah terlebih dahulu. Oleh itu, Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada syarat perjanjian melindungi kepentingan kerajaan.

c) Spesifikasi Kontrak

Spesifikasi adalah keterangan bertulis secara terperinci mengenai rekaan dan bahan dalam lukisan. Spesifikasi ini memberi keterangan pada lukisan, menentukan jenis bahan yang digunakan, cara pembinaan dan taraf kemahiran yang dikehendaki. Semakan Audit mendapati Kontrak Eksport yang disediakan oleh Crown Agents mengandungi syarat dan terma serta spesifikasi tetapi ianya tidak merangkumi keseluruhan perkara am sebagai kontrak formal. Kerja-kerja pembinaan yang dilakukan adalah mengikut fasa dan inden yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan.

d) Bon Pelaksanaan/Insurans/Wang Tahanan

Arahan Perbendaharaan 200.2(a) dan (b) menghendaki sebelum sesuatu kontrak kerja dimulakan kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga keseluruhan kontrak. Bon Pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah dalam bentuk Jaminan Bank dari bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1963. Bagi kontrak kerja yang melebihi RM1 juta, jaminan hanya boleh dikemukakan dalam bentuk Jaminan Bank sahaja. Arahan Perbendaharaan 200.3(b)(i) juga menghendaki Wang Tahanan dikenakan bagi kontrak kerja antarabangsa bersamaan 10% nilai kerja semasa yang dijalankan tertakluk kepada had maksimum 5% daripada jumlah keseluruhan harga kontrak. Semakan Audit mendapati syarat mengenai jaminan insurans dinyatakan dalam Kontrak Eksport oleh Crown Agents kepada kontraktor, bagaimanapun ianya tidak mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan 200.2(b) yang menghendaki Jaminan Bank diperlukan bagi kontrak yang melebihi RM1 juta. Wang Tahanan seperti yang dinyatakan dalam AP200.3(b)(i) juga tidak dapat dipastikan disebabkan bayaran adalah melalui akaun Crown Agents.

e) Sijil Perakuan Siap Kerja Pembinaan/Sijil Layak Menduduki(OC)

Sijil Perakuan Siap Kerja Pembinaan dan Sijil Layak Menduduki dikeluarkan apabila kerja-kerja pembinaan telah siap sepenuhnya. RPH yang dibina telah disiapkan pada bulan Jun 2006 dan mula beroperasi pada bulan Oktober 2006. Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja Pembinaan dan Sijil Layak Menduduki masih belum diperolehi.

f) Tanggungan Kecacatan

Arahan Perbendaharaan 200.4 menetapkan setiap kontrak kerja hendaklah mempunyai tempoh tanggungan kecacatan. Tempoh tanggungan kecacatan bagi kontrak kerja antarabangsa adalah sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap seperti yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 200.5(iii). Dalam tempoh ini kontraktor hendaklah memperbaiki apa-apa kecacatan atas kerja yang dilakukan. Semakan Audit mendapati syarat mengenai Tempoh Tanggungan Kecacatan tidak dinyatakan.

g) Kos Pembinaan

Kos pembinaan RPH baru di Kinarut, Papar adalah berjumlah RM11.20 juta. Pembinaannya dilaksanakan melalui 3 fasa melibatkan *Design, Build, Supply* dan *Commission* oleh kontraktor yang dilantik melalui khidmat Crown Agents. Semakan Audit mendapati sejumlah RM10.72 juta telah dibelanjakan sejak tahun 2003 hingga 2006. Sejumlah RM10.53 juta telah dibayar melalui akaun Crown Agent dan RM0.19 juta dibayar kepada kontraktor tempatan ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan di kawasan yang sama di RPH.

h) Loji Rawatan Sisa

Pembuangan sisa kotoran secara sistematik dan terkawal adalah penting supaya tidak mendatangkan kemudaratan dan impak negatif terhadap alam sekitar dan penduduk setempat. Jabatan menetapkan konsep *zero discharge* sebagai matlamat jangka panjang semasa merancang pembinaan RPH baru. Lawatan Audit ke RPH di Kinarut mendapati loji dibina dengan sistem rawatan. Sisa buangan cecair yang telah dirawat akan dialirkan ke dalam kolam takungan dalam kawasan RPH atau dikitar semula untuk kegunaan RPH. Bagaimanapun, pihak Audit belum dapat mengesahkan sejauh mana ia berkesan disebabkan RPH masih belum beroperasi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit pembinaan RPH yang moden di kawasan yang dikenalpasti merupakan tindakan baik untuk menentukan penyembelihan haiwan dilakukan mengikut undang-undang dan kebersihan pemakanan terjamin. Bagaimanapun, perolehan melalui Crown Agents adalah tidak sesuai pada ketika ini. Arahan Perbendaharaan 176(d) telah dimansuhkan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan digantikan dengan peraturan yang lebih sesuai dengan keadaan semasa. Pindaan peraturan tersebut membolehkan perolehan antarabangsa diurus secara terus tanpa melibatkan pihak ketiga. Kontrak/perjanjian yang disediakan oleh Crown Agents adalah tidak mengikut kontrak formal dan tidak ditandatangani

oleh pihak Jabatan dan kontraktor. Syarat dan terma yang terkandung dalam Kontrak Eksport tidak dirujuk kepada Penasihat undang-undang atau Peguam Besar Negeri.

10.2.7 Kadar Bayaran Perkhidmatan Pemeriksaan Haiwan

Penyembelihan haiwan ternakan komersial hendaklah dilakukan di RPH milik Kerajaan atau RPH milik swasta dan dikenakan bayaran pemeriksaan haiwan dan bayaran penyembelihan. Kadar bayaran pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* terhadap haiwan disembelih ditetapkan mengikut Undang-undang Pemeriksaan Daging 2003 seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Kadar Bayaran Pemeriksaan Haiwan

Bil.	Jenis Haiwan	Kadar (RM) Seekor
1.	Lembu dan Kerbau	5.00
2.	Kambing, Bebiri, Rusa dan Ostrich	2.00
3.	Unggas (Poultry)	0.02
4.	Ternakan Ruminan lain	2.00
5.	Ternakan Unggas lain	0.02

Sumber: Meat Inspection Rules 2003

Semakan Audit mendapati pemeriksaan haiwan yang disembelih belum dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang berkenaan. Ini disebabkan Jabatan tidak berupaya melaksanakan pemeriksaan terhadap setiap haiwan yang disembelih untuk kegunaan awam oleh kerana kekurangan anggota. Jabatan juga belum menetapkan kadar bayaran penyembelihan di RPH ruminan milik kerajaan seperti yang ditetapkan mengikut Perkara 12(2) Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003. Semakan selanjutnya mendapati Jabatan menyediakan anggaran hasil bagi bayaran perkhidmatan seperti pemeriksaan, rawatan dan sewa serta jualan ternakan haiwan untuk setiap tahun. **Jadual 22** menunjukkan anggaran dan hasil yang dipungut bagi tahun 2004 hingga bulan Oktober 2006.

Jadual 22

**Anggaran Dan Pengauditan Bayaran Pemakanan Haiwan
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006**

Tahun	Anggaran (RM)	Pungutan Sebenar (RM)
2004	450,000	609,518
2005	550,000	983,437
2006	550,000	932,438

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Hasil yang dianggarkan dan dipungut adalah merangkumi pelbagai jenis bayaran haiwan dan juga yuran pemeriksaan haiwan yang menggunakan kod hasil yang sama.

Pada pendapat Audit penangguhan penguatkuasaan undang-undang pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* juga telah menjejaskan pungutan hasil kerajaan negeri. Anggaran hasil yang realistik perlu disediakan dan penjenisan hasil ditentukan bagi memudahkan pengesanan terhadap aktiviti pungutan hasil.

10.2.8 Tenaga Kerja Dan Latihan

Tenaga kerja yang mencukupi dapat menentukan pengurusan dan pengawalan RPH dilaksanakan dengan berkesan. Pengurusan terhadap RPH diletakkan di bawah Unit Kawalan Keselamatan Produk. Antara fungsi dan tanggungjawab Unit ini adalah merancang dan menyelia semua program dan aktiviti RPH, menguatkuasakan undang-undang pemeriksaan daging dan membantu pengurusan di Makmal Kesihatan Awam Veterinar. Semakan Audit mendapati seramai 44 kakitangan berjawatan pelbagai gred ditempatkan di Unit ini. Sebanyak 1 jawatan Pekerja Am Rendah Gred R1 dan 10 jawatan Pekerja Rendah Awam Gred N1 adalah kakitangan bergaji hari. Bagi menentukan kawalan dan pengurusan RPH dilaksanakan dengan berkesan sebanyak 38 jawatan tambahan pelbagai gred telah dimohon oleh Jabatan sejak tahun 2004. Bagaimanapun permohonan ini masih belum diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri. **Jadual 23** adalah maklumat bilangan jawatan yang diisi berbanding keperluan.

Jadual 23**Bilangan Jawatan Diisi Dan Bilangan Jawatan Dimohon**

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Bilangan Jawatan Diisi	Bilangan Tambahan Jawatan Dimohon	Bilangan Jawatan Diperlukan
1.	Pegawai Veterinar	G48	-	1	1
2.	Pegawai Veterinar	G41	-	3	3
3.	Pegawai Penyelidik	Q41	3	1	4
4.	Penolong Pegawai Veterinar	G27	1	3	4
5.	Pembantu Veterinar	G17	12	30	42
6.	Pembantu Veterinar Rendah	G11	5	-	5
7.	Pembantu Am Rendah	N1	4	-	4
8.	Pekerja Rendah Awam	R1	6	-	6
9.	Pembantu Am Rendah (Gaji Hari)	N1	1	-	1
10.	Pekerja Rendah Awam (Gaji Hari)	R1	10	-	10
11.	Atendan Haiwan	G1	1	-	1
12.	Pemandu Kenderaan	R3	1	-	1
Jumlah			44	38	82

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Latihan kepada kakitangan secara teratur dan berterusan akan mendedahkan mereka kepada teknologi baru dan memantapkan lagi fungsi organisasi Jabatan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 Jabatan ada menyediakan jadual latihan tahun 2006 untuk sepanjang tahun. Bagaimanapun, jadual bagi latihan berkaitan pemeriksaan atau pengendalian penyembelihan haiwan tidak dimasukkan dalam program tersebut. Kursus khas pengendalian penyembelihan dan pemeriksaan yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Kursus Yang Telah Dilaksanakan Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Tarikh Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Peserta (Orang)
5-6 April 2004	Asas Pengendalian Daging	29
14-15 April 2004	Asas Pengurusan Loji Penyembelihan Dan Pemprosesan Hasil Haiwan	26
16-17 Jun 2005	Asas Pengendalian Daging	25
26-30 Jun 2006	Basic HACCP And GMP In Abattoir Management	22
18-21 Julai 2006	Lanjutan Program Kerjasama DVSI/DPIFM Pengurusan Loji penyembelihan	8
26-28 Julai 2006	Lanjutan Program Kerjasama DVSI/DPIFM Pengurusan Loji penyembelihan	8
14-17 Ogos 2006	Lanjutan Program Pengurusan Loji Penyembelihan	8
20 Sept. 2006	Taklimat Operasi Penyembelihan	19

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit pengurusan tenaga kerja yang telah dilantik kurang memuaskan. Akibatnya pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh terhadap aktiviti penyembelihan tidak dapat dilakukan mengikut kehendak undang-undang yang ditetapkan. Seterusnya Jabatan gagal untuk mencapai objektif pembinaan RPH. Oleh itu, Jabatan perlu mengambil tindakan menentukan kakitangan yang mencukupi dan terlatih ditempatkan untuk mengurus dan mengendalikan RPH sejajar dengan beban kerja dan bilangan penyembelihan yang meningkat di masa akan datang.

10.2.9 Prestasi Kewangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi dapat menyumbang kepada pencapaian objektif yang ditetapkan. Semasa RMKe-8 Jabatan telah memohon sejumlah RM36.31 juta untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan pembinaan RPH. Bagaimanapun bagi tempoh tersebut Jabatan hanya diluluskan sejumlah RM11.86 juta. **Jadual 25** menunjukkan jumlah peruntukan yang dimohon diluluskan dan dibelanjakan.

Jadual 25

**Prestasi Kewangan, Perbelanjaan Pengurusan Dan Pembinaan RDH Di Bawah
RMKe-8 Dan RMKe-9**

RMK	Tahun	Peruntukan Dimohon (RM Juta)	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Prestasi Perbelanjaan (%)
RMKe-8	2001	8.74	0.25	0.23	92
	2002	5.25	1.90	1.03	54.2
	2003	8.13	3.70	3.50	94.5
	2004	9.80	4.00	3.96	99
	2005	4.39	2.01	2.01	100
Jumlah RMKe-8		36.31	11.86	10.73	
RMKe-9	2006	5.60	5.60	5.36	95.7
Jumlah RMKe-9		5.60	5.60	5.36	95.7
Jumlah		41.91	17.46	16.09	

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Jumlah peruntukan kewangan yang diluluskan jauh berkurangan dari jumlah dimohon mengakibatkan Jabatan tidak dapat melaksanakan sebahagian daripada aktiviti pengurusan RPH seperti yang telah dirancang.

Pada pendapat Audit, pencapaian objektif pengurusan RPH adalah juga bergantung kepada peruntukan kewangan yang mencukupi. Prestasi perbelanjaan yang dilakukan terhadap peruntukan yang diberi adalah baik. Bagaimanapun Jabatan perlu menentukan kawalan perbelanjaan sentiasa mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan terutama perolehan.

Pada pendapat Audit pelaksanaan pengurusan dan pembinaan RPH adalah kurang memuaskan kerana Jabatan masih belum melaksanakan sepenuhnya penguatkuasaan undang-undang terhadap RPH. Kekurangan tenaga kerja dan peruntukan kewangan telah mengakibatkan Jabatan belum dapat mengurus dan mengawal RPH dengan berkesan.

10.3 PEMANTAUAN

Sistem pemantauan yang berkesan amat penting bagi memastikan pelaksanaan sesuatu projek/aktiviti berjaya mencapai matlamatnya. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

10.3.1 Pemantauan Di Peringkat Daerah

Pemantauan di peringkat daerah dijalankan berdasarkan kepada strategi Jabatan terhadap kaedah pelaksanaan RPH. Pegawai pemeriksa veterinar ditempatkan sepenuh masa di setiap pusat penyembelihan kerajaan dan bertugas di setiap premis penyembelihan swasta semasa operasi penyembelihan. Laporan harian, bulanan dan tahunan berkaitan operasi penyembelihan disediakan untuk dikemukakan kepada Jabatan. Pemeriksaan Audit mendapati penempatan pegawai veterinar sepenuh masa di pusat penyembelihan semasa operasi penyembelihan tidak dilakukan disebabkan Jabatan kekurangan tenaga kerja. Bagaimanapun laporan aktiviti penyembelihan dapat disediakan berdasarkan rekod di pusat penyembelihan berkenaan.

10.3.2 Pemantauan Di Peringkat Jabatan

Semakan Audit mendapati pemantauan yang dilaksanakan di peringkat Jabatan adalah dengan mengadakan lawatan di tapak RPH dan melakukan pemeriksaan terhadap kebersihan premis serta membuat kajian terhadap kesihatan haiwan yang disembelih serta menilai laporan dan maklum balas yang diterima dari peringkat daerah. Pemeriksaan *surveillance* juga dilakukan oleh Unit Kawalan Keselamatan Produk atau Unit Penguatkuasaan Veterinar Jabatan dari semasa ke semasa. Strategi ini adalah selaras dengan pelaksanaan program *Veterinary Inspection Legend*.

10.3.3 Jawatankuasa Pemantauan

Jabatan adalah bertanggungjawab memantau secara keseluruhannya terhadap aktiviti penyembelihan, keselamatan dan kebersihan produk daging haiwan yang disembelih. Jawatankuasa pemantau juga ditubuhkan yang terdiri dari Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Air dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah. Jabatan/agensi yang terlibat dalam jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau dengan mengadakan lawatan ke premis RPH milik kerajaan atau swasta dan memberi laporan kepada Jabatan selaras dengan Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003. Semakan Audit mendapati laporan dari agensi terlibat dikemukakan kepada Jabatan untuk susulan dan tindakan lanjut oleh Jabatan.

Pada pendapat Audit pemantauan terhadap penyembelihan haiwan kurang memuaskan kerana undang-undang rumah penyembelihan dan undang-undang pemeriksaan daging masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya. Pegawai yang menguatkuasakan pemantauan perlu ditempatkan mengikut keperluan.

11. RUMUSAN DAN SYOR

Pada pandangan Audit, objektif RPH masih belum tercapai disebabkan infrastruktur yang ada belum mencukupi dan penguatkuasaan undang-undang belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Pengauditan terhadap aktiviti RPH ini menunjukkan terdapat kelemahan seperti kekurangan tenaga kerja menyumbang kepada penangguhan penguatkuasaan undang-undang RPH, penyediaan infrastruktur bagi penyembelihan masih di peringkat awal dan mengakibatkan penyembelihan haiwan secara tidak teratur masih berleluasa dan kawalan terhadap RPH milik swasta belum dilaksanakan sepenuhnya dan telah menjejaskan pungutan hasil kerajaan. Pada keseluruhannya, objektif untuk menentukan pengeluaran makanan tempatan yang bersih dan mengikut undang-undang belum tercapai. Adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan yang positif seperti berikut:

- a) Mengadakan kakitangan yang mencukupi dan terlatih;
- b) Menyediakan infrastruktur RPH yang memenuhi *Good Manufacturing Practices/Good Hygenic Practices*;
- c) Menguatkuasakan undang-undang RPH dengan serta merta;
- d) Mempergiatkan aktiviti pembiakan ternakan komersial;
- e) Mengawal dan memantau pengusaha swasta serta menentukan piawaian RPH dipatuhi; dan
- f) Menentukan pungutan yuran dan bayaran yang ditetapkan dilakukan mengikut peraturan kewangan.

JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH

PENGURUSAN KERETA API NEGERI SABAH

12. LATAR BELAKANG

12.1 Perkhidmatan kereta api di Negeri Sabah bermula sejak zaman *British North Borneo Chartered Company Limited*. Pembinaan landasan kereta api Sabah yang pertama adalah pada tahun 1896 dan telah siap pada tahun 1900 sejauh 32 kilometer menghubungkan bandar Weston dan Beaufort. Pada 1 Ogos 1914, Jabatan Keretapi Negeri Sabah (Jabatan) ditubuhkan dengan rasminya melalui Ordinan *North Borneo Chapter 116* (dikenali sebagai *North Borneo Railway*). Perkhidmatan kereta api pada masa itu adalah bertujuan untuk membantu industri getah dan tembakau yang ditanam di daerah pedalaman seperti Melalap, Tenom dan Beaufort. Namun demikian pada masa kini panjang landasan kereta api adalah sejauh 134 kilometer yang menghubungkan Tanjung Aru ke Tenom. Selain kemudahan kereta api, kawasan ini juga mempunyai rangkaian jalan raya yang baik. Sungguhpun begitu, kemudahan perkhidmatan kereta api ini masih amat diperlukan terutama di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai infrastruktur jalan raya seperti Saliwangan Baru, Halogilat, Rayoh dan Pangi yang dianggarkan mempunyai penduduk seramai lebih kurang 1,500 orang.

12.2 Objektif Jabatan adalah untuk menyumbangkan faedah sosio-ekonomi kepada penduduk tempatan di sepanjang landasan melalui penyediaan perkhidmatan pengangkutan kereta api terutamanya bagi masyarakat di kawasan pedalaman yang menjual hasil mereka ke Pantai Barat dengan lebih mudah, selamat, murah dan cekap.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada perkhidmatan pengangkutan kereta api telah dirancang dan dilaksanakan dengan baik bagi menghasilkan perkhidmatan pengangkutan yang berkualiti, cekap, murah dan selamat.

14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pihak Audit memilih kajian ini berdasarkan kepentingan perkhidmatan kereta api kepada kumpulan sasaran bagi meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan kereta api Negeri Sabah bagi tahun 2001 hingga 2006. Empat daripada 13 stesen selain daripada Ibu Pejabat

Jabatan dipilih untuk pengauditan iaitu Stesen Kereta api Tanjung Aru, Stesen Kereta Api Papar, Stesen Kereta Api Beaufort dan Stesen Kereta Api Tenom. Pengauditan ini meliputi pengurusan kereta api Negeri Sabah dari segi perkhidmatan, keselamatan, pengangkutan, penyenggaraan serta sistem kawalan hasil dan perbelanjaan. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa rekod, fail dan minit mesyuarat di peringkat Ibu Pejabat dan cawangan. Lawatan fizikal dan temu bual juga diadakan dengan pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan dan cawangan di Tanjung Aru, Papar, Beaufort serta Tenom.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi memastikan sesuatu program atau aktiviti dapat dilaksanakan secara teratur ke arah pencapaian matlamatnya. Dalam konteks pengurusan kereta api Negeri Sabah, perancangan mestilah dibuat secara teliti dan komprehensif iaitu perlu mempunyai garis panduan yang jelas, peruntukan kakitangan, peralatan dan kewangan yang mencukupi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-

15.1.1 Dasar Perkhidmatan Kereta Api Negeri Sabah

Dasar Perkhidmatan Kereta api Negeri Sabah mengikut Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) adalah membaikpulih perkhidmatan kereta api, menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti landasan dan lokomotif serta mempelbagaikan jenis perkhidmatan kereta api.

15.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Jabatan perlu mempunyai undang-undang dan peraturan yang bersesuaian bagi membantu menjalankan aktiviti pengurusan kereta api. Antaranya adalah berkaitan dengan perkhidmatan, keselamatan, penyenggaraan serta sistem kawalan hasil dan perbelanjaan. Oleh itu, bagi memenuhi kehendak tersebut, Jabatan menggunakan undang-undang dan peraturan seperti berikut:

a) *The Railways Ordinance (Sabah Cap.116) Revised 1974 Dan The Railway (Tariff Book) Rules 1979*

Peraturan yang terkandung di dalam ordinan ini antaranya adalah berkaitan tambang, pengangkutan penumpang dan barangan, keselamatan penumpang dan barangan, denda dan pelbagai lagi.

b) Sabah State Railway Rules (Peraturan Untuk Perhatian Pekerja-pekerja)

Peraturan berkaitan kawalan dan penyenggaraan stesen oleh *Station Master* dan peraturan lalu lintas berkaitan kebenaran untuk berlepas dari stesen ke stesen, berselisih dan isyarat (*Signals*).

c) Kod Etika Kakitangan Jabatan Keretapi Negeri Sabah 24 November 2005

Kod Etika kakitangan Jabatan Keretapi adalah merupakan panduan asas ke arah pembentukan nilai-nilai murni di kalangan warga Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab demi merealisasikan objektif, misi dan visi Jabatan.

d) Manual Operasi Untuk Lokomotif

Panduan mengenai komponen, peralatan dan fungsinya, kaedah operasi, jadual pemeriksaan dan penyenggaraan serta kaedah penentuan kerosakan (*trouble shooting*) untuk pemanduan.

e) Manual Dan Panduan Penyenggaraan Lokomotif

Manual dan Panduan Penyenggaraan Lokomotif menggariskan prosedur penyenggaraan komponen, peralatan secara terperinci serta jadual pemeriksaan, penyenggaraan dan pembaikan (*predictive, preventive & corrective maintenance*) serta kaedah penentuan kerosakan (*trouble shooting*) untuk penyenggaraan.

f) Katalog Alat-alat Ganti Untuk Lokomotif

Katalog alat-alat ganti untuk lokomotif adalah merupakan panduan untuk pemesanan dan pembelian alat-alat ganti yang tepat bagi setiap jenis pembaikan atau kerosakan. Alat-alat ganti dikenal pasti melalui nombor rujukan tertentu.

15.1.3 Pelan Tindakan/Strategi

Jabatan mempunyai pelan tindakan/strategi sebagai landasan ke arah penyediaan perkhidmatan yang lebih mudah, selamat, murah dan cekap. Pelan tindakan/strategi yang disediakan dibahagikan kepada dua iaitu pelan jangka pendek dan jangka panjang. Pelan tindakan tersebut akan dijalankan dalam 3 fasa seperti berikut:

a) Fasa I (Jangka Pendek)

- i) Menaik taraf laluan dan stesen kereta api sedia ada dari Tanjung Aru ke Tenom sejauh 134 km melalui projek pemodenan kereta api Negeri Sabah.
- ii) Membina landasan dan laluan baru dari Padang Merdeka, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Putatan sejauh 12.5 km.

- iii) Membina landasan dan laluan baru dari Putatan ke *Kota Kinabalu Industrial Park* (KKIP) dan pelabuhan di Sepanggar sejauh 36 km.
- iv) Membina landasan dan laluan baru dari Tenom ke Keningau sejauh 42 km.
- v) Membina landasan dan laluan baru dari Tenom ke Taman Pertanian dan Pusat Kebudayaan Murut sejauh 17 km.
- vi) Pembelian 8 unit jentera kereta api (*rolling stock*) iaitu 5 unit *Railbus* dan 3 *Diesel Multiple Unit* (DMU).

b) Fasa II (Jangka Panjang)


- i) Membina landasan dan laluan baru dari Keningau ke Tawau sejauh 380 km.
- ii) Membina landasan kereta api elektrik melibatkan laluan Padang Merdeka, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Putatan.
- iii) Menilai semula keperluan jentera kereta api.

c) Fasa III (Jangka Panjang)

- i) Membina landasan dan laluan baru dari Kg. Balat, Kuamut ke Sandakan.
- ii) Membina landasan dan laluan baru dari Beaufort ke Weston dan Sipitang sejauh 66 km.

Pelan tindakan jangka pendek adalah melibatkan Fasa I yang dikemukakan semasa RMKe-8, manakala pelan jangka panjang melibatkan Fasa II dan III. Fasa 1 dijangka mengambil masa 2 hingga 5 tahun iaitu bermula dari tahun 2003 hingga tahun 2008. Sementara Fasa II dan III dijangka mengambil masa antara 5 hingga 20 tahun iaitu bermula pada tahun 2009 hingga 2030. Pelan tindakan dalam perancangan strategi yang akan dilaksanakan secara berperingkat ini dijangka akan memberi impak positif dari segi mewujudkan perkhidmatan yang lebih mudah, selamat, murah dan cekap. **Peta 1** menunjukkan laluan perjalanan kereta api di Negeri Sabah yang dirancang sehingga tahun 2050.

Peta 1
Laluan Kereta Api Negeri Sabah Yang Dirancang
Sehingga Tahun 2050



Sumber: Fail Peta Jabatan Keretapi Negeri Sabah
 Kunci Penunjuk : Garisan Warna Hitam Merupakan Laluan Kereta api Yang Dirancang

15.1.4 Perolehan Jentera Kereta Api Dan Kelengkapan Jentera

Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) dan Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) akan menentukan kaedah perolehan yang akan digunakan untuk penawaran kontrak dan seterusnya KKNS bertanggungjawab untuk mengeluarkan kelulusan kepada kontraktor yang berjaya. Bagaimanapun, perjanjian kontrak akan ditandatangani oleh Jabatan bagi pihak Kerajaan Negeri dengan kontraktor yang dilantik. Jabatan memohon peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk mengganti lokomotif, *Railbus*, *Railcar*, gerabak penumpang dan barang serta kelengkapan jentera semasa RMKE-8 seperti berikut:

- a) Pembelian 3 set *Diesel Multiple Unit (DMU)* dengan anggaran kos RM45 juta.
- b) Pembelian 5 *Railbus* dengan muatan 30 hingga 35 orang untuk dijadikan pengangkutan *Tenom Express* dengan anggaran kos RM7.50 juta.
- c) Pembelian gerabak penumpang dan barang dengan anggaran kos RM2 juta.
- d) Pembelian 4 jenis mesin iaitu 4 unit *overhead travelling crane*, 1 unit *wheel lathe*, 1 unit *hydraulic wheel press* dan 1 unit *under floor lifthing plans* dengan anggaran kos RM1.93 juta.

Anggaran perbelanjaan pembangunan bagi keperluan tersebut adalah berjumlah RM56.43 juta. Keperluan kelengkapan jentera adalah untuk membantu kerja penyenggaraan kerana kebanyakan jentera kereta api telah digunakan sejak lebih 30 tahun dan perlu diganti memandangkan tahap keselamatan, keselesaan dan kelajuannya sudah berkurangan. Selain itu, kereta api yang sedia ada mencukupi untuk perkhidmatan harian sahaja. Sekiranya berlaku kerosakan, jadual perjalanan harian akan terjejas.

15.1.5 Penempatan Dan Penggunaan Jentera Kereta Api

Perancangan perlu dibuat untuk menentukan jentera kereta api yang sedia ada digunakan mengikut keperluan pada tahap maksimum ke arah pencapaian matlamat perolehannya. Aspek penting yang perlu dirancang adalah penetapan kegunaan setiap jentera kereta api, penempatannya berdasarkan keperluan/keutamaan dan jadual penggunaan bagi setiap jentera kereta api yang meliputi aktiviti pengangkutan penumpang, barangan dan pembaikan landasan di daerah terbabit. Berdasarkan perancangan Jabatan, penempatan dan penggunaan jentera kereta api adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26

Penempatan Lokasi Dan Penggunaan Jentera Kereta Api

Lokasi	Penggunaan Jentera Kereta Api/ No. Jentera/Unit
Tanjung Aru dan Papar	2 unit DMU (3103 dan 3104) 2 unit <i>Steam Locomotive</i> (6015 dan 6016) 6 unit Gerabak Penumpang 1 unit <i>Loco Sharyo</i> (4204) 1 unit <i>Loco MM33</i> 1 unit <i>Loco Hunslet</i> (4101) 1 unit <i>Railcar</i> (2201)
Beaufort	2 unit Kepala Enjin <i>Hitachi</i> (6105 dan 5101) 2 unit DMU (3102 dan 3105) 1 unit <i>Loco Sharyo</i> (4201) 2 unit <i>Railbus 32 Seater</i> (5001 dan 5002) 6 unit Gerabak Penumpang 1 unit <i>Railcar</i> (1101)
Tenom	1 unit Kepala Enjin <i>Kawasaki</i> (5201) 1 unit <i>Loco Sharyo</i> (4202) 6 unit Gerabak Penumpang 2 unit <i>Railcar</i> (2202 dan 2102)
Jumlah	38 unit

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Jentera kereta api jenis *DMU*, *Steam Locomotive*, *Loco MM33*, *Railcar* dan *Railbus* digunakan untuk mengangkut penumpang dan barangan. Manakala jentera kereta api jenis *Loco Sharyo* dan *Loco Hunslet* pula digunakan untuk mencantumkan gerabak kereta api. **Foto 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16** menunjukkan jenis jentera kereta api tersebut.

Foto 9
Kereta api Jenis Steam Locomotive



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 8 Ogos 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 10
Kereta api Jenis Diesel Multiple Unit (DMU)



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 8 Ogos 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 11
Kereta api Jenis Loco MM



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 8 Ogos 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 12
Kereta api Jenis Loco Hunslet



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 8 Ogos 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 13
Kereta api Jenis *Loco Sharyo*



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 8 Ogos 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 14
Kereta api Jenis *Railbus*



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 November 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Beaufort

Foto 15
Kereta api Jenis *Gerabak Penumpang*



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 November 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Beaufort

Foto 16
Kereta api Jenis *Railcar*



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 November 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tenom

Laluan utama kereta api adalah sejauh 134 km, iaitu melibatkan laluan daerah Tanjung Aru, Papar, Beaufort dan Tenom. Mengikut maklumat bancian anggaran populasi penduduk yang diperoleh dari Jabatan Perangkaan bagi tahun 2001 hingga 2006, purata anggaran bilangan penduduk di daerah terbabit adalah seramai 99,917 orang di Papar, 68,833 orang di Beaufort dan 51,517 orang di Tenom. Pengguna perkhidmatan kereta api adalah terdiri daripada kalangan pekerja, petani, murid sekolah dan pelancong. **Peta 2** merupakan peta laluan perjalanan kereta api masa kini di Negeri Sabah.

Peta 2

Laluan Perjalanan Kereta Api Negeri Sabah Masa Kini Dari Tanjung Aru Ke Tenom



Sumber: Fail Peta Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Pengangkutan kereta api dibahagikan kepada tiga jenis iaitu Kelas Satu (F), Kelas Ekonomi (Y) dan Kelas Kargo dan Ekonomi (KY). Laluan utama kereta api dibahagi kepada dua iaitu laluan Perjalanan Selatan (PS) dan laluan Perjalanan Utara (PU). Laluan PS bermula dari Tanjung Aru ke Tenom dan laluan PU bermula dari Tenom ke Tanjung Aru. Stesen utama adalah Tanjung Aru, Papar, Beaufort dan Tenom dan di sepanjang laluan tersebut terdapat 36 perhentian kecil.

15.1.6 Pembinaan, Penyenggaraan Dan Pembaikan

Jabatan mempunyai 38 jentera kereta api dan landasan sejauh 134 km yang perlu diselenggara dari semasa ke semasa. Mengikut standard yang ditetapkan Jabatan, jangka hayat penggunaan jentera kereta api adalah 25 hingga 30 tahun dan jangka hayat landasan kereta api adalah 20 tahun. Selain itu, Jabatan juga mempunyai beberapa aset lain yang perlu diselenggara dan diurus agar sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Antara aset tersebut adalah terdiri daripada peralatan, jambatan, terowong kereta api dan stesen kecil.

a) Pembinaan

Rancangan pembinaan di bawah RMKe-8 melibatkan komponen projek Fasa 1 (Jangka Pendek) seperti berikut:

i) Projek Kerja-Kerja Jangka Pendek Pemodenan Kereta Api Negeri Sabah Dari Tanjung Aru Ke Tenom

Projek ini merangkumi infrastruktur dan landasan iaitu membaikpulih landasan, jambatan dan sistem perparitan, tebatan banjir dan pengukuhan cerun. Kerja-kerja termasuk ukur tanah/kejuruteraan, kajian tanah, reka bentuk, pembinaan 9 stesen baru dan membaik pulih 4 stesen sedia ada. Selain itu, ianya juga meliputi pemasangan sistem semboyan dan komunikasi moden termasuk menaik taraf lintasan rata sedia ada. Projek dianggarkan menelan belanja sejumlah RM385 juta.

ii) Projek “*Shuttle Service, Padang Merdeka-Airport-Putatan*”

Projek “*Shuttle Service, Padang Merdeka-Airport-Putatan*” melibatkan reka bentuk dan pembinaan landasan baru bermula dari Putatan ke Padang Merdeka dengan jarak 5.5 km, pembinaan semula/baru 8 buah stesen di Putatan, Petagas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Terminal Penumpang Tanjung Aru, Hospital *Queen Elizabeth*, Luyang, Taman Kota Kinabalu dan Padang Merdeka serta pembelian jentera kereta api yang diperlukan. Projek ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dan tersusun di sepanjang laluan perkhidmatan kereta api. Pelaksanaan projek ini juga akan mengurangkan kesesakan jalan raya serta pencemaran udara. Projek dianggarkan menelan belanja sejumlah RM300 juta.

iii) Projek Perkhidmatan Kereta Api Tenom-Melalap-Keningau

Jabatan merancang untuk membina semula landasan kereta api antara Tenom dan Melalap serta landasan baru antara Melalap dan Keningau dengan jarak keseluruhan kira-kira 42 km. Projek ini juga akan melibatkan pembinaan beberapa buah stesen dan jambatan. Projek ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan kereta api yang berkualiti terutamanya untuk pengangkutan barang. Anggaran kos projek adalah sejumlah RM313 juta.

iv) Projek Perkhidmatan Kereta Api Putatan-KKIP-Pelabuhan Sepanggar

Projek ini akan melibatkan rekabentuk dan pembinaan landasan kereta api antara Putatan dengan Pelabuhan Sepanggar dan KKIP dengan jarak kira-kira

36 km. Kerja-kerja ini juga akan melibatkan pembinaan beberapa buah stesen, gudang dan sebagainya. Projek ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan kereta api barangan yang akan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan untuk menyelenggara jalan raya yang mudah mengalami kerosakan disebabkan penggunaan kenderaan berat di atas jalan raya. Anggaran kos projek ini adalah sejumlah RM210 juta.

v) Projek Perkhidmatan Tenom-Taman Pertanian-Pusat Kebudayaan Murut

Projek ini akan melibatkan penyambungan landasan kereta api dari Stesen Kereta api Tenom ke Simpangan sejauh 7 km, dari Simpangan ke Taman Pertanian sejauh 2 km dan dari Simpangan ke Pusat Kebudayaan Murut sejauh 8 km. Projek juga melibatkan pembinaan beberapa buah perhentian dan jambatan dengan anggaran kos sejumlah RM40 juta. Secara keseluruhannya, projek ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang lebih pesat untuk daerah Tenom khasnya dan bahagian pedalaman amnya.

b) Penyenggaraan Berjadual

Jabatan perlu melaksanakan kerja penyenggaraan berjadual untuk mengelakkan kerosakan yang boleh memendekkan jangka hayat dan meningkatkan susut nilai jentera kereta api. Penyenggaraan yang akan dijalankan antaranya adalah seperti berikut:

- i) Penyenggaraan gerabak penumpang dan barang.
- ii) Penyenggaraan dan pembaikan kepala kereta diesel.
- iii) Penyenggaraan dan pembaikan kereta motor rel.

Jabatan menggunakan Manual Penyenggaraan untuk Lokomotif Hitachi dan Buku Panduan Penyenggaraan untuk Lokomotif Kawasaki bagi menjalankan penyenggaraan secara berjadual. Berdasarkan kepada manual tersebut, penyenggaraan berjadual akan dijalankan berdasarkan kiraan jam perjalanan iaitu bagi setiap 250 jam perjalanan, pemeriksaan akan dibuat terhadap jentera kereta api. Bagaimanapun, keadaan fizikal jentera kereta api akan diperiksa pada setiap hari oleh pegawai yang ditetapkan. Jabatan akan menyediakan rekod penyenggaraan bagi memastikan penyenggaraan ada dilaksanakan secara teratur. Penyenggaraan berjadual (*preventive*) meliputi penyenggaraan badan, enjin dan peralatan kereta api. Penyenggaraan badan kereta api melibatkan kerja seperti mengecat, pengubahsuaian kerusi, pengubahsuaian badan dan pembersihan yang akan dilaksanakan oleh Unit Gerabak, Bahagian Jurutera Jentera. Bagi

penyenggaraan enjin seperti penukaran minyak enjin, minyak pelincir *Boggie* dan penggantian peralatan rosak, ianya akan dilaksanakan oleh Unit Mekanik, Bahagian Jurutera Jentera. Bagi menampung kos perbelanjaan penyenggaraan berjadual jentera kereta api, Jabatan memohon perbelanjaan mengurus seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27

**Permohonan Peruntukan Mengurus Bagi Penyenggaraan Dan Pembaikan
Jentera Kereta Api Bagi Tempoh 2001 – 2006**

Kod Bajet*	S38 1200 0002	S38 1300 0002	S38 1400 0002	S38 1900 0002	S38 0200 0003	Jumlah Dimohon (RM Juta)
Tahun	Dimohon (RM Juta)	Dimohon (RM Juta)	Dimohon (RM Juta)	Dimohon (RM Juta)	Dimohon (RM Juta)	
2001	0.10	0.13	0.12	0.37	0.05	0.77
2002	0.21	0.22	0.55	0.86	0.05	1.89
2003	0.10	0.13	0.12	0.37	0.05	0.77
2004	0.21	0.25	0.20	0.80	0.05	1.51
2005	0.25	0.30	0.39	0.78	0.05	1.77
2006	0.30	0.20	0.23	0.80	0.05	1.58
Jumlah	1.17	1.23	1.61	3.98	0.30	8.29

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Nota:

*Keterangan Pecahan Kepala:

S38 1200 0002 – Alatganti dan Pelincir untuk gerabak penumpang dan barang.

S38 1300 0002 – Alatganti dan Pelincir untuk kepala-kepala kereta diesel.

S38 1400 0002 – Alatganti dan Pelincir untuk kereta-kereta motor rel.

S38 1900 0002 – Alatganti komponen-komponen besar.

S38 0200 0003 – Penyenggaraan roda kereta api diesel.

c) Pelan Kontigensi

Jabatan perlu menyediakan pelan kontigensi bagi memastikan perkhidmatan kereta api tidak terjejas sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini seperti kerosakan brek dan enjin kereta api dalam perjalanan, jambatan runtuh, landasan mendap dan kemalangan. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan satu pelan kontigensi secara bertulis walaupun Bahagian Jurutera Jentera dan Jurutera Awam dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan terhadap kejadian yang tidak diingini.

d) Pembaikan

Jabatan memerlukan peruntukan pembangunan setiap tahun bagi menampung kos pembaikan seperti berikut:

- i) Pembaikan landasan kereta api.
- ii) Pembaikan perumahan kakitangan.
- iii) Pembaikan bangunan woksypop.

- iv) Pembaikan stesen kereta api.
- v) Pembaikan jambatan kereta api.

Pembaikan landasan kereta api yang sedia ada perlu diteruskan bagi menjamin keteguhannya serta dapat mengurangkan kerosakan pada jentera kereta api. Rumah Khas Jabatan diperuntukkan berdekatan stesen kereta api agar kakitangan yang tinggal di perumahan tersebut sentiasa bersedia jika berlaku sebarang bencana. Kebanyakan perumahan ini berusia melebihi 50 tahun dan pembaikan yang berterusan perlu dijalankan agar ia sentiasa dalam keadaan selamat serta selesa. Pembaikan bangunan woksyp diperlukan agar dapat menjamin keselamatan jentera kereta api, kelengkapan jentera dan lain-lain agar dapat memberikan kemudahan yang baik dan selesa bagi kerja penyenggaraan. Sementara pembaikan stesen kereta api dan jambatan adalah bagi kemudahan penumpang menggunakan perkhidmatan kereta api dengan selamat dan selesa. Bagi tujuan ini, Jabatan memohon peruntukan perbelanjaan pembangunan seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Permohonan Peruntukan Pembangunan Untuk
Pembaikan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2006

Kod Bajet	Jenis Pembaikan	Jumlah (RM Juta)
D33 0500 0001	Pembaikan jalan tetap kereta api	125.70
D33 0500 0002	Perumahan Kakitangan	4.82
D33 0500 0003	Bangunan Woksyp	4.60
D33 0500 0006	Pembaikan Jambatan-jambatan	23.40
D33 0500 0007	Pembaikan Stesen-stesen Kereta api	8.00
D33 0500 0008	Bangunan Stor	1.60
Jumlah		168.12

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

5.1.7 Keselamatan

Aspek keselamatan adalah penting untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Untuk itu, Jabatan telah merangka program untuk menjamin keselamatan seperti berikut:

- a) *Automatic Rail Road Signalling System* adalah sistem penghadang lalu lintas kenderaan lain yang melalui landasan kereta api dan berfungsi secara automatik. Ianya akan dipasang di semua lintasan yang sibuk dan merbahaya. Sistem ini adalah lebih berkesan dan juga akan dapat mengurangkan penggunaan tenaga manusia.
- b) Penggantian Papan Tanda Kilometer untuk menggantikan papan tanda yang sedia ada yang telah reput bagi memudahkan penentuan lokasi penyenggaraan landasan.

Anggaran kos bagi program keselamatan yang dirancang melibatkan sejumlah RM8.20 juta.

15.1.8 Prosedur Penjualan Tiket

Jabatan menjual tiket di setiap kaunter stesen kereta api berdasarkan kepada *The Railway (Tariff Book) Rules, 1979* dan prosedur penjualan tiket adalah seperti berikut:

a) Kaunter Stesen

Juruwang akan membuka kaunter stesen bagi penjualan tiket setengah jam sebelum kereta api dijadualkan bertolak. Tiga minit sebelum kereta api dijadualkan bertolak, kaunter ditutup dan akan dibuka semula setengah jam sebelum perjalanan kereta api yang berikutnya. Sekiranya terdapat kerosakan kereta api dan perjalanan yang dijadualkan terpaksa dibatalkan, satu notis pembatalan perkhidmatan akan dipamerkan di kaunter untuk pengetahuan penumpang.

b) Tiket Kereta Api Penumpang

Jabatan menggunakan *cardboard ticket* yang mengandungi cetakan kadar harga yang telah ditetapkan serta destinasi yang dituju. Jenis tiket pula meliputi tiket perjalanan harian, bulanan, kanak-kanak dan dewasa. Ketua Stesen atau wakilnya akan memastikan setiap penumpang memiliki tiket perjalanan dan memegang tiket perjalanan sehingga tiba di destinasi yang dituju. Selain tambang, caj tambahan sebanyak 10% akan dikenakan kepada penumpang yang tidak membeli tiket perjalanan di kaunter stesen. Manakala bagi penumpang yang menaiki kereta api dari stesen perhentian kecil, staf Jabatan yang bertanggungjawab mengutip tambang dalam kereta api akan mengenakan tambang menggunakan Buku *Excess Fare* yang mencatatkan destinasi dan kadar tambang. Buku *Excess Fare* juga akan digunakan di stesen yang tidak mempunyai kaunter tiket. Kadar tambang kereta api yang dikenakan adalah berdasarkan kepada *The Railways (Tariff Book) Rules, 1979* seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29

Kadar Tambang Penumpang Kereta Api Dari Tanjung Aru Ke Tenom

Kilometer	Stesen	Kelas Satu (RM)	Kelas Ekonomi (RM)	Ahad (Pergi & Balik) (RM)
7	Putatan	1.20	0.40	0.60
12	Lok Kawi	2.05	0.70	1.05
15	Kinarut	2.55	0.85	1.30
17	Limauan	2.90	0.95	1.45
22	Kawang	3.75	1.25	1.90
29	Pengalat Besar	4.95	1.65	2.50
33	Papar	5.65	1.85	2.80
48	Kimanis	8.20	2.70	4.05
57	Bongawan	9.70	3.20	4.80
64	Bandau	10.90	3.60	5.40
67	Membakut	11.40	3.75	5.65
75	Lumat	12.75	4.20	6.30
78	Klias	13.30	4.40	6.60
85	Beaufort	14.45	4.80	7.20
90	Jimpangah	15.30	5.05	7.60
91	Batu 60 (Km 96)	15.50	5.10	7.65
93	Monternior	15.85	5.20	7.80
96	Batu 62 (Km 100)	16.35	5.40	8.10
98	Saliwangan Lama	16.70	5.50	8.25
100	Saliwangan Baru (106)	17.00	5.60	8.40
105	Halogilat (107,108,109)	17.85	5.90	8.75
114	Rayoh	19.40	6.40	9.60
123	Pangi (121,122)	20.95	6.90	10.35
134	Tenom	22.80	7.50	11.25

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Foto 17 dan **Foto 18** merupakan contoh *cardboard ticket* dan Buku *Excess Fare* yang digunakan oleh Jabatan. Manakala **Foto 19** dan **Foto 20** menunjukkan penjualan tiket di kaunter dan di dalam kereta api.

Foto 17


**Contoh Cardboard Ticket Yang Dibeli
Dikeluarkan Di Kaunter Stesen**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 21 November 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 18

**Contoh Buku Excess Fare Yang
Di Stesen Dan Dalam Kereta api**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 21 November 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 19

Penjualan Tiket Di Kaunter



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Disember 2006
Lokasi: Stesen Kereta api Tanjung Aru

Foto 20

Penjualan Tiket Dalam Kereta Api



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Disember 2006
Lokasi: Dalam Kereta api Tanjung Aru - Papar

c) Tiket Kiriman Bungkusan

Jabatan menggunakan 2 jenis tiket bagi penumpang yang ingin mengirim bungkusan iaitu Tiket Pengiriman Bungkusan yang dibawa oleh penumpang sendiri dan Tiket Pengiriman Bungkusan yang dikirim melalui kereta api. Caj yang dikenakan adalah berdasarkan berat, kategori barangan dan jarak.

15.1.9 Keperluan Kewangan

Peruntukan yang mencukupi amat penting bagi memastikan semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 peruntukan kewangan yang dimohon adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30

**Permohonan Keperluan Kewangan Untuk Menjalankan
Aktiviti Pengurusan Kereta Api Bagi Tempoh Tahun 2001 - 2006**

Butiran	Emolumen	Perbelanjaan Lain, Berulang Dan Khas	Pembangunan	Jumlah Dimohon (RM Juta)
Tahun	Dimohon (RM Juta)	Dimohon (RM Juta)	Dimohon (RM Juta)	
2001	10.72	2.57	6.87	20.16
2002	10.72	6.57	4.70	21.99
2003	13.15	7.21	6.10	26.46
2004	9.55	7.35	4.00	20.90
2005	9.55	7.39	4.00	20.94
2006	10.00	9.87	4.00	23.87
Jumlah	63.69	40.96	29.67	134.32

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

15.1.10 Sasaran Kutipan hasil

Jabatan mengutip hasil bagi perkhidmatan pengangkutan penumpang, barangan dan ternakan. Selain itu, Jabatan turut memperolehi hasil dari sewa bangunan dan tanah. Keberkesanan penggunaan kereta api boleh menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil melalui pengangkutan penumpang, barangan, penyewaan kereta api dan sebagainya. Jabatan menetapkan sasaran kutipan hasil tahunannya bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31

Sasaran Kutipan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2006

Bil.	Tahun	Sasaran Kutipan Hasil (RM Juta)
1.	2001	1.20
2.	2002	0.98
3.	2003	1.14
4.	2004	0.99
5.	2005	0.99
6.	2006	0.93

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah


15.1.11 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

Struktur pengurusan yang lengkap dan mencukupi adalah penting bagi memastikan pengurusan kereta api Jabatan berjalan dengan lancar dan teratur. Bagi tujuan tersebut Jabatan menyediakan carta organisasi seperti di **Carta 3**.

Carta 3

Carta Organisasi Jabatan Keretapi Negeri Sabah



Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Carta organisasi tersebut menunjukkan hierarki Jabatan yang diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 6 bahagian yang diwujudkan bagi membantu pengurusan aktiviti kereta api Jabatan iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Akaun, Bahagian Jurutera Awam, Bahagian Jurutera Jentera, Bahagian Lalu Lintas dan Bahagian Stor. Tugas bahagian terbabit antaranya ialah mengurus hal ehwal pegawai dan kakitangan Jabatan, mengurus kewangan Jabatan, mengurus landasan, jambatan dan bangunan Jabatan, mengurus jentera kereta api, mengurus operasi perkhidmatan kereta api dan mengurus pembelian serta menyimpan peralatan dan kelengkapan stok Jabatan. Manakala di peringkat cawangan, Unit Lalu Lintas telah dibentuk untuk mengendalikan penggunaan kereta api di cawangan berkenaan.

Dari segi perjawatan, Jabatan mempunyai sebanyak 636 jawatan dan sebanyak 397 jawatan telah diisi. Sebanyak 239 jawatan masih kosong disebabkan pembekuan pengisian jawatan melalui **Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bilangan 3 Tahun 1998**. Daripada 397 jawatan yang diisi, seramai 38 anggota meninggalkan tugas jawatan hakiki kerana memangku jawatan yang lebih tinggi. Secara keseluruhannya sebanyak 277 atau 44% jawatan yang tidak mempunyai

pelaksana tugas daripada jumlah jawatan di Jabatan. Oleh itu, bagi menentukan setiap Bahagian dapat berfungsi dengan baik, Jabatan memohon untuk pengisian sebanyak 79 jawatan yang terdiri daripada pelbagai gred dari kumpulan sokongan. Kedudukan perjawatan terkini adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Kedudukan Perjawatan Mengikut Jenis Perkhidmatan Kumpulan Sokongan

Jenis Perkhidmatan	Gred Jawatan	Bilangan Jawatan	Diisi	Kekosongan
Pentadbiran Dan Sokongan (N)	N17 hingga N27	77	52	25
Kewangan (W)	W27	2	1	1
Kejuruteraan (J)	J17	19	-	19
Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)	R1 hingga R11	72	43	29
Pengangkutan (A)	A13 hingga A17	17	12	5
Jumlah		187	108	79

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Selain daripada permohonan pengisian jawatan, Jabatan turut memohon untuk perwujudan jawatan yang berkaitan dengan projek pembinaan infrastruktur pemodenan kereta api Negeri Sabah. Ini adalah sebagai persediaan Jabatan yang memerlukan kakitangan yang mempunyai kemahiran yang diperlukan apabila projek tersebut siap kelak. Jawatan yang dimohon untuk diwujudkan adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Permohonan Perwujudan Jawatan Baru Mengikut Bahagian

Bil.	Bahagian	Butiran	Jenis Jawatan/Gred	Bilangan Dimohon
1.	Jurutera Awam	Penyenggaraan jalan kereta api	Jurutera J41 Pembantu Teknik J29 Juruteknik J17	2 3 17
2.	Jurutera Awam	Penyenggaraan bangunan	Jurutera J41 Pembantu Teknik J29 Pelukis Pelan J17	1 1 2
3.	Semboyan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat (Lalu Lintas)	Mengendali, menjadualkan, menyelaraskan dan memantau perjalanan kereta api	Jurutera J41 Pembantu Teknik J29 Juruteknik J17	1 2 4
4.	Semboyan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat (Lalu Lintas)	Penguasa Kawalan Trafik	Pegawai Tadbir N41 Pegawai Tadbir N27	4 5
5.	Jurutera Jentera	Mengurus <i>rolling stock</i>	Jurutera J41 Pembantu Teknik J29 Juruteknik J17	3 6 5
6.	Pembangunan Sumber Manusia (Pentadbiran)	Merancang dan mengkaji keperluan latihan	Pegawai Latihan J/N41 Pegawai Tadbir N32	1 1
Jumlah				58

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

b) Latihan

Jabatan baru menubuhkan Unit Latihan dan Pembangunan Organisasi pada awal tahun 2006. Unit ini bertindak sebagai perancang, pengelola dan penyelarar program latihan Jabatan yang diketuai oleh seorang Pegawai Latihan. Jabatan merancang untuk mengadakan *in house training* bagi keperluan skim perkhidmatan dan meningkatkan kemahiran anggota Jabatan.

15.1.12 Pelupusan

Aspek penting yang perlu dikaji ketika merancang pelupusan kereta api dan peralatan adalah kos penyenggaraan, kadar penggunaan serta keadaan kereta api dan peralatan daripada segi kekuatan, ketahanan dan kesesuaian kereta api serta peralatannya. Bahagian Kejuruteraan akan menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap jentera kereta api dan peralatannya yang hendak dilupuskan. Jika kadar penggunaan adalah rendah disebabkan kereta api sering kali mengalami kerosakan dan pembaikan memerlukan kos yang tinggi, Bahagian itu akan mengeluarkan Sijil Tidak Ekonomi. Syor pelupusan akan dikemukakan kepada KKNS yang akan melantik Lembaga Pemeriksa. Lembaga Pemeriksa akan membuat pemeriksaan dan memberi syor sama ada kereta api dan peralatan berkenaan perlu dilupuskan. Lembaga Pemeriksa juga menetapkan kaedah pelupusan yang biasanya akan dijual melalui tawaran tender umum. Syor Lembaga Pemeriksa akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan KKNS.

15.1.13 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan pengurusan kereta api berjalan lancar, pemantauan dijalankan berdasarkan kepada *Permanent Way Inspectors and Gangers Instructions Book* untuk penyenggaraan jalan kereta api, *Maintenance Instructions Book* untuk penyenggaraan jentera kereta api dan *Section 3, Traffic Regulations, Sabah State Railways Rules Book* untuk perkhidmatan kereta api. Selain itu, mesyuarat di antara pegawai kanan dan Pengurus Besar diadakan mengikut keperluan untuk membolehkan sebarang masalah yang dihadapi dapat dibincang dan diselesaikan bersama.

Pada pandangan Audit, perancangan pengurusan kereta api Negeri Sabah adalah baik.

15.2 PELAKSANAAN

Sesuatu program perlu dilaksanakan sebaik mungkin mengikut perancangan yang ditetapkan. Kajian Audit terhadap aspek pengurusan kereta api Negeri Sabah mendapati perkara berikut:

15.2.1 Undang-undang Dan Peraturan

Jabatan mempunyai undang-undang dan peraturan yang diguna pakai untuk membantu menjalankan pengurusan kereta api Negeri Sabah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa perkara tidak dinyatakan secara khusus seperti berikut:

a) Pengubahsuaian Gerabak Kereta Api

Jabatan menjalankan pengubahsuaian gerabak kereta api tanpa berpanduan kepada peraturan tertentu. Pengetahuan dan kemahiran pengubahsuaian terhadap gerabak kereta api hanya diperoleh berdasarkan kepada pengalaman yang diperoleh kerana tempoh perkhidmatan yang lama.

b) Denda/Penalti

Berdasarkan kepada *Railways Ordinance (Sabah Cap: 116)*, denda/penalti dikenakan atas perkara yang antaranya seperti berikut:

- i) Seksyen 8(a) dan (b) – Denda menaiki kereta api yang sedang bergerak atau berada di tangga dikenakan RM10 bagi setiap kesalahan.
- ii) Seksyen 9 – Denda berada di kawasan enjin atau tempat barang selain daripada yang diberi kuasa oleh Pengurus Besar atau Penguasa dikenakan RM20 bagi setiap kesalahan.
- iii) Seksyen 10 - Denda kerana merokok atau mengunyah sirih dan sebagainya di kawasan larangan dalam premis atau dalam kereta api dikenakan RM10 bagi setiap kesalahan.

Semakan fizikal Audit mendapati Jabatan tidak mengenakan sebarang denda atau penalti kepada penumpang yang merokok ketika berada dalam kereta api, berdiri di tangga ketika kereta api sedang bergerak, berada di kawasan enjin kereta api dan bukannya duduk di tempat yang dikhaskan. Pihak Audit dimaklumkan Jabatan tidak mengenakan denda atau penalti tersebut kerana tidak ada kakitangan yang khusus untuk menjalankan tanggungjawab tersebut dan Unit Penguatkuasa belum diwujudkan di Jabatan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mempunyai satu manual khusus untuk penyenggaraan dan pengubahsuaian kereta api sebagai *Standard Operating Procedures (SOP)*. Unit Penguatkuasa perlu diwujudkan untuk menjalankan penguatkuasaan bagi kesalahan yang dilakukan oleh penumpang dan pengguna laluan kereta api.

15.2.2 Pelan Tindakan/Strategi

Di dalam RMKe-8 iaitu bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2005, Jabatan telah merangka pelan tindakan/strategi melibatkan komponen Fasa I seperti yang dinyatakan dalam para 15.1.3 (a). Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Projek Kerja-Kerja Jangka Pendek Pemodenan Kereta Api Negeri Sabah

i) Pemilihan Kontraktor

Mesyuarat Kabinet yang diadakan pada 4 April 2001 telah mengarahkan Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB) membuat kajian ke atas Kereta api Negeri Sabah bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan dan memajukan lagi perkhidmatan kereta api di Negeri Sabah. Pada 4 Februari 2002, KTMB telah mengemukakan laporan kepada Kerajaan Negeri mengenai cadangan peningkatan infrastruktur Kereta api Negeri Sabah. Pada 14 November 2002, pihak Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan Peningkatan Infrastruktur Jangka Pendek dengan kos projek bernilai RM385.15 juta. Kerajaan telah mengeluarkan Surat Setujuterima kepada Suria Capital Holdings Berhad (SCHB) dan Hikmat Asia Sdn. Bhd. (HASB) pada 9 Disember 2004. Kedua-dua syarikat ini kemudiannya membentuk syarikat usaha sama dan dikenali sebagai Hikmat Bumimaju Sdn. Bhd. Bagaimanapun, sehingga bulan Ogos 2005, kemajuan fizikal projek hanya 1.5% berbanding 6.1% yang sepatutnya. Kerajaan mengambil keputusan untuk mengubah syarat kontrak daripada konsep usaha sama kepada konsep pengasingan kerja. Keputusan yang telah dicapai adalah seperti berikut:

- Pembatalan secara persetujuan bersama (*mutual termination*) bagi kontrak sedia ada tanpa sebarang kos dikenakan kepada Kerajaan.
- Sektor 1 : Bermula dari KM3.9 (Tanjung Aru) dan berakhir di KM55.6 (Kimanis/Bongawan) diberikan kepada SCHB. Kos kontrak bernilai RM133.80 juta dengan tempoh siap selama 30 bulan. Projek bermula pada 24 November 2005 dan dijadualkan siap pada 23 Mei 2008.
- Sektor 2 : Bermula dari KM55.6 (Kimanis/Bongawan) dan berakhir di KM135.9 (Tenom) diberikan kepada HASB. Kos kontrak bernilai RM201 juta dengan tempoh siap selama 30 bulan. Projek bermula pada 24 November 2005 dan dijadualkan siap pada 23 Mei 2008.
- Satu pembekal sistem dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja sistem dan diterajui oleh HASB. Kos untuk kerja-kerja sistem ini dikongsi antara SCHB dan HASB.

ii) Prestasi Pelaksanaan

▪ Prestasi Fizikal

Semakan Audit mendapati komponen berkaitan dengan menaik taraf laluan dan stesen kereta api dari Tanjung Aru ke Tenom sejauh 134 km melalui projek Kerja-kerja Jangka Pendek Pemodenan Kereta api Negeri Sabah dilaksanakan oleh 2 kontraktor terbabit mulai bulan November 2005. Berdasarkan kepada Laporan Kemajuan Kerja setakat bulan Disember 2006, kemajuan fizikal sebenar kerja penaiktarafan oleh SCHB dan HASB adalah sebanyak 37.4% dan 28.8% berbanding kemajuan fizikal yang dijadualkan iaitu 40.9% dan 29.3%. Ini menunjukkan kelewatan pelaksanaan kerja dari yang sepatutnya di antara 0.5% dan 3.5%.

▪ Prestasi Kewangan

Berdasarkan kepada Laporan Kemajuan Kerja setakat bulan Disember 2006, pihak SCHB dan HASB masing-masing telah menuntut sejumlah RM50 juta dan RM74.14 juta. Bagaimanapun, bayaran yang diterima oleh pihak SCHB dan HASB masing-masing berjumlah RM45.47 juta atau 33.9% daripada jumlah kos kontrak. Sementara pihak HASB telah menerima bayaran kemajuan berjumlah RM71.76 juta atau 35.7% daripada jumlah kos kontrak.

b) Komponen Lain Fasa 1

Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, Jabatan telah membeli 2 daripada 5 unit *Railbus* yang dirancang dengan kos RM1.60 juta. Manakala komponen yang lain masih belum dilaksanakan oleh kerana kekangan kewangan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pelan tindakan/strategi yang telah dirancang oleh Jabatan adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh kerana faktor di luar kawalan Jabatan seperti kekangan kewangan dan kekurangan tenaga kerja. Tahap kemajuan kerja Pemodenan Kereta api Negeri Sabah yang lewat daripada jadual turut menjejaskan pengurusan kereta api Negeri Sabah.

15.2.3 Perolehan Jentera Kereta Api Dan Kelengkapan Jentera

Permohonan Jabatan melalui RMKe-8 untuk memperolehi kelengkapan peralatan dan jentera kereta api dengan anggaran berjumlah RM56.43 juta tidak mendapat kelulusan sepenuhnya. Pemeriksaan Audit mendapati kelulusan asal dalam RMKe-8 adalah RM4.75 juta. Bagaimanapun, selepas kajian separuh penggal RMKe-8 Jabatan telah

diberikan kelulusan yang baru berjumlah RM5.13 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jabatan telah menggunakan peruntukan tersebut untuk kelengkapan peralatan jentera dan jentera kereta api berjumlah RM5.09 juta seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kelengkapan Peralatan Jentera Dan Jentera Pengangkutan

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Jumlah (RM Juta)
1.	Kelengkapan Jentera	1.10
2.	Penggantian <i>Rail Car</i> Dan <i>Railbus</i>	2.99
3.	Penggantian Gerabak Penumpang Dan Barang	1.00
Jumlah		5.09

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Semakan Audit juga mendapati Jabatan telah membuat beberapa permohonan seperti berikut:

- a) Pinjaman Kerajaan Persekutuan melalui surat bil. KEW400-9/2002/1/7/(49) bertarikh 27 Februari 2003. Permohonan ini adalah untuk pembelian jentera kereta api dan kelengkapan bengkel seperti berikut:
 - i) 2 unit AC-DC *Diesel Electric Mainline Locomotive*, 1,500 HP untuk pengangkutan barangan.
 - ii) Pembelian 4 set *Diesel Multiple Unit* (DMU), 1000 HP, 90 km/j, 210 tempat duduk.
 - iii) Penaiktarafan kemudahan bengkel.

Anggaran kos perolehan ini adalah berjumlah RM57 juta. Bagaimanapun, permohonan ini tidak diluluskan. Sehubungan itu, Jabatan telah membuat susulan terhadap permohonan berjumlah RM57 juta melalui Kertas Kerja Jawatankuasa Pembangunan Dan Perancangan Negeri (SDPC). Permohonan tersebut telah dikemukakan semula kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada 2 Mac 2006. UPEN memaklumkan permohonan tersebut akan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa akan datang.

- b) Kertas Kerja Permohonan Peruntukan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:

- i) Kertas Kerja KWAPA 1 dikemukakan pada 20 Mac 2006 dengan anggaran kos RM127 juta. Permohonan ini adalah untuk pembelian 4 unit *mainline locomotive*, 4 unit *shunting locomotive*, 6 set DMU dan penaiktarafan bengkel.
- ii) Kertas Kerja KWAPA 2 dikemukakan pada 22 Mac 2006 dengan anggaran kos RM30 juta untuk pembelian 3 set DMU.

Semakan Audit mendapati permohonan ini masih lagi dalam proses untuk dipertimbangkan. Temu bual pegawai Audit dengan pegawai KTMB beliau memaklumkan bahawa proses perolehan jentera kereta api kebiasaannya mengambil masa selama 18 bulan. Oleh itu, pihak Jabatan perlu membuat permohonan segera memandangkan projek pemodenan kereta api Negeri Sabah sedang berjalan. Landasan baru yang akan siap kelak kurang sesuai dengan jentera kereta api yang sedia ada.

Pada pendapat Audit, permohonan Jabatan perlu dipertimbangkan sewajarnya oleh KKNS kerana kereta api yang sedia ada terlalu uzur untuk kegunaan harian terutamanya oleh penduduk di sepanjang perjalanan Beaufort ke Tenom yang tidak mempunyai alternatif jalan darat yang lain. Landasan yang sedang dinaiktaraf juga memerlukan jentera kereta api (*rolling stock*) yang baru agar objektif Jabatan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan yang cekap, murah dan selamat akan dapat dicapai.

15.2.4 Penempatan Dan Penggunaan Jentera Kereta Api

a) Penempatan Jentera Kereta api

Semakan Audit mendapati 38 unit jentera kereta api Jabatan dibahagikan di setiap stesen iaitu sebanyak 14 unit di Tanjung Aru dan Papar, 14 unit di Beaufort dan 10 unit di Tenom. Penempatan jentera kereta api tersebut adalah seperti yang dirancang.

b) Penggunaan Jentera Kereta Api

Semakan Audit mendapati 13 unit jentera kereta api sahaja yang masih digunakan. Pecahan jumlah jentera kereta api yang masih digunakan tersebut adalah 2 unit DMU, 1 unit *Steam Locomotive*, 1 unit *locomotive*, 3 unit *loco sharyo*, 1 unit *loco MM33*, 1 unit *loco Hunslet*, 2 unit *Railbus* dan 2 unit *Railcar*. 2 unit jentera kereta api dari jenis DMU tidak dapat digunakan kerana dalam proses pembaikan. Kadar tambang perkhidmatan kereta api telah ditetapkan berpandukan kepada *Railways Ordinance (Sabah Cap 116) Amended 1963, The Railway (Tariff Book) Rules, 1979*

dan *Revised Tariff, 1980*. Semakan Audit mendapati kadar tambang yang ditetapkan tersebut adalah berdasarkan kepada jenis perkhidmatan seperti berikut:

i) Kelas Ekonomi

Tambang yang ditetapkan adalah pada kadar RM0.056/KM. Manakala perjalanan adalah dari stesen Tanjung Aru hingga stesen Tenom. Semakan Audit mendapati kelas Ekonomi yang paling kerap digunakan oleh penumpang kerana tambangnya murah dan mampu dibayar oleh semua golongan.

ii) Kelas Satu

Tambang yang ditetapkan adalah pada kadar RM0.17/KM. Manakala perjalanan adalah dari stesen Beaufort hingga stesen Tenom. Semakan Audit mendapati kadar kelas Satu dikenakan bagi penggunaan *Railcar* dan *Railbus* yang disewa khas.

iii) Kelas Kargo Dan Ekonomi

Tambang yang dikenakan adalah mengikut berat, kategori dan jarak seperti yang ditetapkan dalam *The Railway (Tariff Book) Rules, 1979* dan *Revised Tariff, 1980*. Manakala perjalanan adalah dari stesen Beaufort hingga stesen Tenom. Semakan Audit mendapati kutipan hasil bagi barangan melalui kelas ini menyumbang 17% daripada hasil Jabatan.

iv) Family Train Pleasure Ride

Perkhidmatan ini mula dilancarkan pada bulan Ogos 1999. Tambang yang ditetapkan adalah pada kadar RM2 bagi kanak-kanak dan RM3 bagi orang dewasa. Bagaimanapun, perkhidmatan kereta api ini hanya melibatkan jarak perjalanan yang pendek iaitu sejauh 2 km bagi perjalanan kereta api bermula dari stesen Tanjung Aru ke perhentian Sekretariat dan perjalanan sejauh 7 km dari Stesen Tanjung Aru hingga Stesen Putatan. Manakala jadual perjalanannya hanya melibatkan pada hari Sabtu pertama setiap bulan atau melalui tempahan khas sahaja. Semakan Audit mendapati penggunaan perkhidmatan kereta api ini semakin berkurangan sejak tahun 2001 iaitu dari 22 kali perkhidmatan pada tahun 1999 dengan kutipan hasil berjumlah RM12,344 kepada 15 kali perkhidmatan dengan kutipan hasil berjumlah RM1,488 pada tahun 2001. Sejak tahun 2004 perkhidmatan diberikan berdasarkan kepada tempahan sahaja. Semakan Audit selanjutnya mendapati tidak ada lagi sebarang tempahan diterima bagi tahun 2006. Pihak Audit dimaklumkan

bahawa perkhidmatan ini kurang mendapat sambutan kerana masalah promosi dan keselamatan.

v) *The Historical Tour*

Tambang yang ditetapkan adalah pada kadar RM0.80/KM bagi perjalanan sejauh 33 km iaitu bermula dari stesen Tanjung Aru hingga stesen Papar. Kereta api yang digunakan adalah dari jenis *Steam Locomotive* iaitu merupakan kereta api yang terawal digunakan di Sabah. Semakan Audit mendapati perkhidmatan kereta api ini telah diswastakan perkhidmatannya kepada *Sutera Harbour Travel Sdn Bhd (SHTSB)*. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa perkara telah dipersetujui antara SHTSB dan Jabatan. Perkara yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan kereta api ini diswastakan bagi tempoh selama 30 tahun bermula pada 1 Januari 2000.
- Pengubahsuaian dalaman dan luaran gerabak adalah di bawah tanggungjawab SHTSB.
- Kebersihan gerabak serta kakitangan yang terlibat adalah di bawah tanggungjawab SHTSB.
- Semua penyenggaraan kereta api seperti enjin, landasan dan stesen adalah di bawah tanggungjawab Jabatan.
- SHTSB boleh mengiklan, mempromosi dan memasarkan perkhidmatan kereta api ini tanpa merujuk kepada Jabatan.
- Perkara yang berhubung dengan kutipan hasil adalah di bawah tanggungjawab SHTSB. Bagaimanapun, penyata bulanan kutipan hasil perlu diserahkan kepada Jabatan.
- Bekalan kayu bakau sebagai bahan api adalah di bawah tanggungjawab SHTSB
- Pulangan hasil yang diperoleh oleh Jabatan daripada SHTSB adalah berdasarkan kepada jumlah penumpang dengan kadar sebanyak RM15 seorang sekiranya jumlah penumpang adalah 100 ke bawah. Manakala penumpang melebihi 100 orang, kadarnya adalah sebanyak RM10 seorang.
- Pulangan hasil ini mesti diserahkan sebelum atau pada 15 hari bulan untuk bulan berikutnya. Kelewatan menyerahkan pulangan hasil ini boleh dikenakan caj bayaran faedah 8% setahun.

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006, penggunaan perkhidmatan ini adalah sebanyak 130 kali dengan kutipan berjumlah RM187,900.


Bagi kekerapan penggunaan perkhidmatan kereta api pula, semakin Audit mendapati disebabkan masalah kekerapan kerosakan jentera kereta api, maka jadual perjalanan kereta api telah dikurangkan daripada 4 kali perjalanan setiap Isnin hingga Sabtu menjadi 2 kali perjalanan sahaja. Semakin Audit mendapati masa ketibaan dan masa kereta api bertolak dari stesen tidak mengikut jadual. Pihak Audit dimaklumkan bahawa masalah tersebut adalah disebabkan oleh tahap kelajuan kereta api telah berkurangan akibat kereta api tersebut terlalu uzur.

c) Analisis Penggunaan Kereta Api

Semakan Audit mendapati analisis penggunaan kereta api bagi tahun 2006 adalah seperti di **Carta 4**.

Carta 4

Analisis Penggunaan Kereta Api Yang Dirancang Berbanding Operasi Sebenar Bagi Tahun 2006




Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Perkhidmatan kereta api tidak dapat beroperasi seperti yang dirancang disebabkan jentera kereta api kerap mengalami kerosakan.

Selain itu, data penumpang yang menggunakan perkhidmatan kereta api bagi tahun 2001 hingga 2006 adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5
Data Penumpang Menggunakan Perkhidmatan Kereta Api
Bagi Tahun 2001 Hingga 2006



Tahun	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Bilangan Penumpang ('000)	472	376	339	363	348	286

Sumber: Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Semakan Audit mendapati, bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan kereta api berkurangan bagi tahun 2006 kerana kekerapan berlakunya pembatalan perjalanan yang disebabkan jentera kereta api sering mengalami kerosakan.

Pada pendapat Audit, kualiti perkhidmatan kereta api tidak memuaskan akibat kereta api terlalu uzur dan sering rosak. Oleh itu, Jabatan perlu mengkaji dan mengambil tindakan berkesan untuk mengatasi masalah penggunaan kereta api tidak mengikut jadual.

15.2.5 Pembinaan, Penyenggaraan Dan Pembaikan

Pembinaan, penyenggaraan dan pembaikan adalah meliputi enjin, gerabak, landasan, jambatan dan stesen kereta api. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Pembinaan

Seperti mana yang dinyatakan dalam para 15.2.2, selain daripada Kerja-kerja Jangka Pendek Pemodenan Kereta api Negeri Sabah, pembinaan yang melibatkan komponen seperti di Fasa I tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kekangan kewangan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, KKNS telah meluluskan projek "*Proposed Station/Office And Waiting Hall At KM 4 Sembulan Kota Kinabalu*" pada bulan Oktober 2003. Kos pembinaan adalah berjumlah RM100,000 dengan tempoh penyiapan selama 6 bulan dan dikecualikan daripada tatacara tender biasa. Kelulusan untuk melaksanakan projek ini telah diberikan kepada Syarikat Era Juta Enterprise Corporation Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada perjanjian yang telah ditandatangani, tarikh siap projek adalah pada 23 November 2004. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati projek tersebut telah lewat disiapkan iaitu pada 6 Jun 2005. Dalam tempoh tersebut, Jabatan telah mengeluarkan dua surat peringatan iaitu bil. JKNS:600-0/9/JA:IA/(76) bertarikh 22 Oktober 2004 dan bil. JKNS:600-0/9/JA:IA/(77) bertarikh 5 November 2004 yang mengarahkan pihak kontraktor perlu menyiapkan kerja sebelum atau pada 23 November 2004. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak kontraktor akan dikenakan denda sejumlah RM50 sehari. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak kontraktor telah memaklumkan kepada Jabatan melalui surat bil.EJE/KB/VOL.1(51)05 bertarikh 27 Disember 2004 bahawa kelewatan penyiapan kerja adalah disebabkan oleh kecurian peralatan bangunan sebanyak 3 kali dan laporan polis telah dibuat. Selain itu, pihak kontraktor juga berdepan dengan masalah Jabatan Air yang lewat memberi kelulusan untuk pemasangan meter, kelewatan pihak *Sabah Electricity* memberi kelulusan untuk pemasangan kabel dan hujan yang berterusan selama hampir sebulan. Berdasarkan kepada masalah tersebut, pihak kontraktor telah memohon perlanjutan masa penyiapan kerja. Semakan selanjutnya mendapati perlanjutan masa telah diberikan sehingga 7 Mei 2005 dan disahkan siap pada 6 Jun 2005. Sehubungan itu, denda kelewatan hanya dikira dari tarikh tersebut dan pihak kontraktor hanya dikenakan penalti berjumlah RM1,500.

Semakan Audit selanjutnya mendapati kos asal sejumlah RM100,000 telah bertambah menjadi RM112,757 iaitu pertambahan kos sejumlah RM12,757. Pertambahan kos ini adalah disebabkan oleh penggantian besi untuk pintu *folding steel* yang ditukar kepada *Roller Shutter* yang melibatkan kos yang lebih tinggi. Pihak kontraktor memaklumkan penggantian ini perlu kerana pintu dari jenis *folding steel* sukar didapati di pasaran. Semakan Audit mendapati Jabatan telah meluluskan perubahan kerja tersebut. Pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan terhadap bangunan tersebut. Hasil pemeriksaan Audit mendapati bangunan

tersebut tidak pernah digunakan sejak disiapkan. Pihak Audit dimaklumkan stesen tersebut tidak digunakan oleh kerana Jabatan kekurangan tenaga kerja yang boleh dipertanggungjawabkan untuk mengurus stesen tersebut. **Foto 21** menunjukkan bangunan yang telah dibina di KM 4, Sembulan.

Foto 21
Bangunan Stesen KM4, Sembulan Yang Tidak Pernah Digunakan
Selepas Siap Dibina Pada 6 Jun 2005



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh: 15 November 2006

Lokasi: Km 4, Sembulan

Semakan lanjut Audit mendapati stesen tersebut akan disewakan dan Jabatan sedang membuat penawaran sewa melalui sebut harga. Selain itu, Jabatan masih dalam proses mengenal pasti kakitangan yang akan dipertanggungjawabkan untuk memantau stesen tersebut.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu sentiasa memantau kerja yang dijalankan oleh pihak kontraktor supaya sebarang masalah yang timbul dapat diatasi dengan segera bagi memastikan kerja siap pada tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, Jabatan juga perlu memastikan agar keperluan peralatan untuk projek yang dilaksanakan adalah mudah diperoleh di pasaran tempatan. Jabatan juga perlu memastikan perancangan dibuat dengan teliti bagi memastikan sesuatu projek yang disiapkan dapat digunakan dengan segera bagi mengelakkan berlakunya pembaziran wang Kerajaan kerana bangunan tidak digunakan. Selain itu, bangunan yang telah siap tetapi belum

digunakan perlu sentiasa dipantau keadaannya agar tidak rosak sama ada akibat cuaca atau perbuatan manusia.

b) Penyelenggaraan Jentera Kereta Api

Jabatan menjalankan penyelenggaraan berdasarkan kepada *Maintenance Manuals for Hitachi Diesel Hydraulic Locomotives* dan *Maintenance Instructions Book-Kawasaki*. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan berjadual telah dilaksanakan mengikut manual yang diguna pakai. Bagaimanapun, kekerapan pelaksanaan penyelenggaraan adalah tidak mengikut jadual oleh kerana kekangan kewangan. Peruntukan yang dimohon tidak diluluskan sepenuhnya. Kelulusan permohonan untuk penyelenggaraan jentera kereta api (*rolling stock*) adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Peruntukan Mengurus Yang Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Jentera Kereta Api
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2006

Kod Bajet *	S38 1200 0002		S38 1300 0002		S38 1400 0002		S38 1900 0002		S38 0200 0003		Jumlah	
Tahun	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)
2001	0.08	0.08	0.08	0.07	0.12	0.11	0.25	0.25	0.05	0.05	0.58	0.56
2002	0.08	0.24	0.08	0.08	0.11	0.11	0.23	0.23	0.02	0.02	0.52	0.68
2003	0.08	0.08	0.09	0.09	0.11	0.11	0.23	0.22	0.02	0.02	0.53	0.52
2004	0.80	0.80	0.15	0.15	0.11	0.11	0.80	0.80	0.05	0.05	1.91	1.91
2005	0.23	0.23	0.16	0.15	0.15	0.12	0.80	0.80	0.02	0.02	1.36	1.32
2006	0.25	0.22	0.20	0.20	0.22	0.21	0.80	0.80	0.05	0.05	1.52	1.48
Jumlah	1.52	1.65	0.76	0.74	0.82	0.77	3.11	3.10	0.21	0.21	6.42	6.47

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Nota: *Keterangan Pecahan Kepala:

S38 1200 0002 – Alatganti dan Pelincir untuk gerabak penumpang dan barang.

S38 1300 0002 – Alatganti dan Pelincir untuk kepala-kepala kereta diesel.

S38 1400 0002 – Alatganti dan Pelincir untuk kereta-kereta motor rel.

S38 1900 0002 – Alatganti komponen-komponen besar.

S38 0200 0003 – Penyelenggaraan roda kereta api diesel.

Semakan Audit mendapati permohonan peruntukan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 yang berjumlah RM8.29 juta telah diluluskan setakat RM6.42 juta atau 77.4% dari yang dimohon. Sehubungan itu, Jabatan telah membuat perbelanjaan berjumlah RM6.47 juta atau 100.8% dari jumlah yang diluluskan. Semakan lanjut Audit mendapati pada tahun 2002, perbelanjaan bagi alatganti dan pelincir untuk kepala-kepala kereta diesel yang diluluskan sejumlah RM0.08 juta telah dibelanjakan sejumlah RM0.24 juta iaitu melebihi sejumlah RM0.16 juta daripada peruntukan. Bagaimanapun, perbelanjaan lebihan itu telah mendapat kelulusan KKNS. Berdasarkan kertas kerja permohonan peruntukan, setiap tahun

Jabatan memerlukan peruntukan penyenggaraan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya oleh kerana usia kebanyakan kereta api tersebut adalah antara 20 hingga 50 tahun. Selain itu, penyenggaraan tidak mengikut jadual yang dirancang menyebabkan kerosakan kereta api semakin teruk dan memerlukan kos pembaikan yang lebih tinggi.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan perlu dilaksanakan mengikut jadual bagi mengelakkan bebanan kepada Kerajaan pada masa hadapan dari segi kos penyenggaraan yang semakin meningkat dan kemerosotan nilai kereta api yang berterusan. Oleh itu, KKNS perlu menimbang untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi.

c) Pembaikan

Selain penyenggaraan dan pembaikan kereta api, Jabatan juga menjalankan pembaikan terhadap landasan, perumahan kakitangan, bangunan woksyop, jambatan, stesen dan bangunan stor. **Jadual 36** menunjukkan butiran perbelanjaan pembaikan yang dimaksudkan.

Jadual 36
Peruntukan Pembangunan Yang Dibelanjakan
Untuk Pembaikan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2006

Bil.	Jenis Pembaikan	Dimohon (RM Juta)	Diluluskan (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pembaikan jalan tetap kereta api	125.70	10.60	10.38	97.9
2.	Perumahan Kakitangan	4.82	0.75	0.74	98.7
3.	Bangunan Woksyop	4.60	0.92	0.91	98.9
4.	Pembaikan Jambatan-jambatan	23.40	2.32	2.21	95.3
5.	Pembaikan Stesen-stesen Kereta api	8.00	1.12	1.11	99.1
6.	Bangunan Stor	1.60	0.31	0.31	100
Jumlah		168.12	16.02	15.66	97.8

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Semakan Audit mendapati landasan kereta api yang sedia ada kebanyakannya telah berusia antara 20 hingga 40 tahun. Sehubungan itu, Jabatan telah membuat permohonan peruntukan berjumlah RM125.70 juta untuk pembaikan jalan tetap kereta api termasuklah membaik pulih landasan dan penggantian kayu landas dan daripada jumlah tersebut hanya RM10.60 juta sahaja yang diluluskan. Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan pembangunan yang dimohon adalah RM168.12 juta. Bagaimanapun, kelulusan peruntukan hanya setakat RM16.02 juta

atau 9.5% dari jumlah yang dimohon. Sehubungan itu, Jabatan telah membuat perbelanjaan setakat 31 Disember 2006 berjumlah RM15.66 juta atau 97.8% daripada peruntukan.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang diluluskan terlalu rendah berbanding permohonan peruntukan menyebabkan Jabatan tidak dapat melaksanakan kerja pembaikan sebagaimana yang dirancang. Oleh itu, kerja pembaikan hanya dilaksanakan mengikut keutamaan sesuai dengan peruntukan yang diterima.

d) Kos Penyenggaraan Dan Pembaikan Jentera Kereta Api

38 unit jentera kereta api Jabatan diperoleh antara tahun 1956 hingga 1980 dan kereta api berkenaan berusia antara 26 hingga 50 tahun. Menurut Jabatan, kos penyenggaraan yang tinggi antara lainnya disebabkan oleh faktor usia kereta api berkenaan. Semakan Audit mendapati bagi tujuan penyenggaraan, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM6.50 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kos penyenggaraan dan pembaikan bagi setiap unit jentera kereta api Jabatan kerana maklumat tersebut tidak dapat diperoleh sepanjang tempoh pengauditan dijalankan.

Pihak Audit berpendapat rekod penyenggaraan jentera kereta api adalah tidak memuaskan. Ia mesti sentiasa dikemas kini bagi memudahkan Jabatan menjalankan analisis untuk menentukan kereta api yang sudah tidak ekonomik digunakan dan seterusnya boleh membantu Jabatan merancang program baru penggantian jentera kereta api yang terlalu lama dan kerap mengalami kerosakan.

e) Pemilihan Kontraktor

Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan kerja pemasangan, penyenggaraan dan pembaikan enjin kereta api jenis *Cummins* adalah dibuat secara lantikan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan sebagaimana dirancang. Kaedah penawaran terus ini dibuat kerana kepakaran dalam bidang ini adalah terhad. Manakala pelaksanaan kerja pemasangan, penyenggaraan dan pembaikan jentera kereta api yang lain adalah dibuat melalui sebut harga. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2005, Jabatan telah menawarkan sebanyak 54 sebut harga dan jumlah keseluruhan nilai kerja tersebut adalah RM1.80 juta. Manakala pada tahun 2006, sebut harga yang telah dibuat adalah sebanyak 73 dengan nilai RM2.10 juta.

Kesemua kerja yang dijalankan untuk sebut harga tersebut melibatkan Bahagian Jurutera Jentera sahaja. Kelulusan untuk sebut harga tersebut telah diperoleh melalui Jawatankuasa Sebut harga Jabatan dengan mendapat kebenaran daripada KPI. Semakan Audit juga mendapati perkara seperti berikut:

- i) Perjanjian kontrak ditandatangani dengan setiap kontraktor sama ada pelantikan pertama atau lanjutan. Antara lain perjanjian menyatakan kaedah bagi menentukan skop dan spesifikasi kerja penyenggaraan, kos dan cara pembayaran. Setiap alat ganti yang digunakan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Jabatan. Selain itu, perjanjian juga memperuntukkan hak Kerajaan mengenakan denda jika berlaku kelewatan penyiapan. Kontraktor pula berhak mendapat bayaran berdasarkan kemajuan kerja yang dilaksanakan. Seperti mana kontrak biasa, perjanjian juga menghendaki kontraktor menyediakan jaminan bank bagi Bon Pelaksanaan sebelum kerja pembinaan dimulakan. Pemeriksaan audit mendapati peraturan ini dipatuhi dan pihak kontraktor telah menyediakan Bon Pelaksanaan sejumlah RM87,541 yang merupakan 5% daripada nilai kontrak iaitu RM1.75 juta.
- ii) Jabatan mengagihkan kerja penyenggaraan/pembaikan kepada kontraktor yang berpangkalan di daerah masing-masing mengikut giliran dan juga mengambil kira prestasi kerja kontraktor pada masa lalu. Pengawasan kerja dijalankan oleh Jurutera. Pada tahun 2006, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM1.48 juta untuk kerja penyenggaraan dan pembaikan kereta api.

Pada pendapat Audit, proses penawaran kontrak, penyediaan dokumen perjanjian dan pembayaran kepada kontraktor adalah didapati teratur.

15.2.6 Keselamatan

Semakan Audit mendapati perancangan untuk memasang *Automatic Rail Road Signalling System* dan penggantian Papan Tanda Kilometer seperti yang dinyatakan dalam para 15.1.7 belum dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa komponen tersebut telah termasuk dalam komponen Projek Kerja-kerja Jangka Pendek Pemodenan Kereta api Negeri Sabah yang kini sedang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik iaitu Suria Capital Holding Berhad dan Khidmat Asia Sdn. Bhd..

a) Piawaian Lintasan Rata

Mengikut Seksyen 21 dan 22, *The Railways Ordinance (Sabah Cap.116) Revised 1974*, Jabatan perlu memasang pagar penghadang dan menyediakan pengawal

yang bertanggungjawab membuka dan menutup pagar tersebut di lintasan rata yang menjadi laluan kereta api dan juga kenderaan awam. Lawatan fizikal Audit mendapati lintasan rata di Jalan Petagas-Lintas dilengkapi dengan lampu isyarat laluan kereta api serta loceng amaran sebagai menggantikan pagar dan pengawal. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak memberi kebenaran walaupun Jabatan telah memaklumkan agar pagar penghadang dipasang di lintasan tersebut. Lintasan rata tersebut merupakan laluan sibuk terutamanya pada waktu pagi dan petang. **Foto 22** menunjukkan lokasi berkenaan yang tidak dilengkapi dengan pagar penghadang. Kereta masih melintasi landasan tersebut walaupun terdapat lampu isyarat hijau menandakan kereta api sedang menghampiri laluan tersebut.

Foto 22

Lintasan Rata Yang Tidak Berpagar Dan Tiada Pondok Pengawal



*Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Disember 2006
Lokasi: Jalan Petagas -Lintas, Kota Kinabalu*

- b) Semakan lanjut mendapati kejadian kemalangan yang melibatkan pelanggaran kereta api dengan kereta telah berlaku pada bulan April 2006 di lokasi berkenaan disebabkan kejadian seperti dinyatakan di atas. Data terperinci mengenai kemalangan yang melibatkan kawasan lintasan rata adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Rekod Kemalangan Tahun 2002 Hingga 2006

Tahun	Jumlah Kemalangan	Jumlah Kemalangan Di Lintasan rata	Sebab Kemalangan
2002	11	3	Tergelincir, berlanggar dengan kenderaan awam
2003	9	2	Tergelincir, berlanggar dengan kenderaan awam
2004	10	3	Tergelincir, berlanggar dengan kenderaan awam
2005	14	5	Tergelincir, berlanggar dengan kenderaan awam
2006	6	5	Berlanggar dengan kenderaan awam, terlanggar dengan pokok kayu tumbang
Jumlah	50	18	

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

- c) Selain itu, daripada 170 lintasan rata sedia ada, sejumlah 31 merupakan lintasan rata yang tidak diluluskan oleh Jabatan. **Foto 23** merupakan salah satu contoh lintasan rata yang dibuat oleh pengguna tanpa kelulusan Jabatan. Lintasan rata tersebut telah diletakkan notis penutupan jalan.

Foto 23
Lintasan Rata Di Jalan Petagas Yang Tidak Mendapat Kelulusan Jabatan Keretapi Negeri Sabah



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 Disember 2006
Lokasi: Jalan Petagas, Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aspek keselamatan yang telah dirancang oleh Jabatan perlu disegerakan untuk mengelakkan kejadian kemalangan yang tidak diingini berlaku.

15.2.7 Prosedur Penjualan Tiket

Semakan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan penjualan tiket mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, prosedur penjualan tiket dalam perjalanan boleh diperbaiki dengan mengubah cara pengeluaran tiket. Sistem menulis destinasi dan kadar tambang atas borang resit biasanya mengambil masa dan ada kalanya penumpang telah turun di perhentian yang mereka tuju tanpa sempat membayar tambang. Sekiranya sistem tulis resit dapat diubah kepada tebuk resit yang telah dicetak kadar dan destinasi, proses kutipan tambang dapat dipercepatkan.

Pada pendapat Audit proses penjualan tiket dalam kereta api perlu diperbaiki untuk meningkatkan hasil Jabatan.

15.2.8 Prestasi Kewangan

Bagi tempoh 2001 hingga 2006, prestasi kewangan Jabatan untuk aktiviti pengurusan kereta api adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38

**Prestasi Kewangan Jabatan Menjalankan Aktiviti Pengurusan Kereta Api
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2006**

Tahun	Emolumen		Perbelanjaan Lain, Berulang Dan Khas		Pembangunan		Jumlah	
	Disemak (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Disemak (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Disemak (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Disemak (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)
2001	8.84	8.84	7.93	7.74	3.82	3.40	20.59	19.98
2002	8.74	8.74	11.58	11.34	4.70	4.60	25.02	24.68
2003	9.70	9.70	13.70	13.54	5.50	5.46	28.90	28.70
2004	8.91	8.91	15.06	15.00	3.40	3.39	27.37	27.30
2005	9.51	8.70	25.14	24.96	3.47	3.16	38.12	36.82
2006	8.99	8.67	19.14	17.33	4.00	3.93	32.13	29.93
Jumlah	54.69	53.56	92.55	89.91	24.89	23.94	172.13	167.41

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

a) Perbelanjaan Mengurus

Semakan Audit mendapati bagi perbelanjaan mengurus (tidak termasuk emolumen), Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM89.91 juta atau 97.1% dari RM92.55 juta yang diperuntukkan.

b) Perbelanjaan Pembangunan

Bagi perbelanjaan pembangunan, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM23.94 juta atau 96.2% dari RM24.89 juta yang diperuntukkan.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah membelanjakan peruntukan yang diberikan dengan baik.

15.2.9 Kutipan Hasil

Kutipan hasil Jabatan berbanding dengan sasaran yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 39**.


Jadual 39
Sasaran Kutipan Hasil Dan Kutipan Sebenar Bagi Tahun 2001 Hingga 2006

Tahun	Sasaran Kutipan Hasil (RM Juta)	Kutipan Hasil Sebenar (RM Juta)	Naik/Turun ↑ / ↓	%
2001	1.20	1.01	↓	15.8
2002	0.98	1.05	↑	7.1
2003	1.14	0.97	↓	14.9
2004	0.99	1.10	↑	11.1
2005	0.99	1.27	↑	28.3
2006	0.93	1.11	↑	19.4
Jumlah	6.23	6.51	↑	4.5

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Jadual di atas menunjukkan kutipan hasil sebenar sejak tahun 2004 telah meningkat berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh yang sama. Purata kutipan hasil bagi tempoh 2001 hingga 2006 adalah berjumlah RM1.08 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Carta 6**. Purata tahunan kutipan hasil daripada penumpang merupakan penyumbang tertinggi bagi hasil Jabatan yang menjangkau 75.7% daripada kutipan hasil Jabatan.


Carta 6
Kutipan Hasil Mengikut Kategori Pengguna: 2001 - 2006



Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Semakan Audit terhadap perbandingan antara kutipan hasil dengan perbelanjaan Jabatan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 adalah seperti di **Carta 7**.

Carta 7
Perbandingan Kutipan Hasil Dengan Perbelanjaan
Bagi Tahun 2001 Hingga 2006



Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, pencapaian kutipan hasil tersebut adalah memuaskan. Keberkesanan penggunaan kereta api Jabatan dari aspek pengangkutan penumpang dan barangan menyumbang kepada peningkatan hasil ini. Bagaimanapun, jika dibandingkan dengan perbelanjaan, Jabatan masih mengalami defisit yang ketara.

15.2.10 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Guna Tenaga

Pengurusan Jabatan dibahagikan kepada 5 pecahan perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan (N), Perkhidmatan Kewangan (W), Perkhidmatan Kejuruteraan (J), Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) dan Perkhidmatan Pengangkutan (A). Semakan Audit mendapati agihan kedudukan perjawatan bagi perkhidmatan yang dinyatakan adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40**Pengagihan Jenis Perkhidmatan Mengikut Bahagian**

Jenis Perkhidmatan (N,W,J,R Dan A)	Bahagian Yang diwujudkan Untuk Membantu Pengurusan Jabatan					
	Pentadbiran	Akaun	Stor	Jurutera Jentera	Jurutera Awam	Lalu Lintas
Pentadbiran Dan Sokongan (N)	N44, N27, N22,N17, N11, N1	N22, N17, N11, N1	N41, N22, N17, N11	N17, N11	N17	N41, N27, N22, N17, N11
Kewangan (W)	Tiada	W41, W32, W27	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kejuruteraan (J)	Tiada	Tiada		J41,J36, J22, J17	J44,J35,J29, J22, J17, J11	Tiada
Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)	R3, R1	R1	R3, R1	R22, R14, R11, R10, R9, R4,R3, R1	R22, R14, R11, R9, R6, R3, R1	R4, R1
Pengangkutan (A)	Tiada	Tiada	Tiada	A17, A11	Tiada	Tiada

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Berdasarkan **Jadual 39**, semakan Audit mendapati pengagihan jenis perkhidmatan mengikut Bahagian dapat membantu pengurusan Jabatan dalam memberi arahan, membuat keputusan dan mengawal kerja yang ditetapkan. Sehubungan itu, Jabatan telah diberi kelulusan untuk pengisian perjawatan seperti berikut:

i) Kelulusan Pengisian Dan Perwujudan Jawatan

Daripada 79 kekosongan jawatan gred kumpulan sokongan yang dimohon untuk diisi, hanya sebanyak 35 jawatan sahaja telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk diisi melibatkan Bahagian Lalu lintas, Bahagian Jurutera Jentera dan Bahagian Jurutera Awam. Selain itu, daripada 58 jawatan yang dimohon untuk diwujudkan, hanya 2 jawatan sahaja yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan seperti di **Jadual 41** dan **Jadual 42**.

Jadual 41**Kelulusan Pengisian Jawatan Jabatan Keretapi Negeri Sabah**

Jenis Perkhidmatan	Gred Jawatan	Kekosongan	Kelulusan Pengisian
Pentadbiran Dan Sokongan (N)	N17 hingga N27	25	10
Kewangan (W)	W27	1	-
Kejuruteraan (J)	J17	19	15
Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)	R1 hingga R11	29	10
Pengangkutan (A)	A13 hingga A17	5	-
Jumlah		79	35

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Jadual 42**Kelulusan Perwujudan Jawatan Mengikut Bahagian**

Bahagian	Butiran	Jenis Jawatan/Gred	Bilangan Dimohon	Bilangan Diluluskan
Jurutera Awam	Penyenggaraan jalan kereta api	Jurutera J41	2	1
		Pembantu Teknik J29	3	-
		Juruteknik J17	17	-
Jurutera Awam	Penyenggaraan bangunan	Jurutera J41	1	-
		Pembantu Teknik J29	1	-
		Pelukis Pelan J17	2	-
Semboyan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat	Mengendali, menjadualkan, menyelaraskan dan memantau perjalanan kereta api	Jurutera J41	1	-
		Pembantu Teknik J29	2	-
		Juruteknik J17	4	-
Semboyan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat	Penguasa Kawalan Trafik	Pegawai Tadbir N41	4	-
		Pegawai Tadbir N27	5	-
Jurutera Jentera	Mengurus jentera kereta api	Jurutera J41	3	1
		Pembantu Teknik J29	6	-
		Juruteknik J17	5	-
Pembangunan Sumber Manusia	Merancang dan mengkaji keperluan latihan	Pegawai Latihan J/N41	1	-
		Pegawai Tadbir N32	1	-
Jumlah			58	2

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

b) Latihan

Bagi meningkatkan prestasi kakitangan, Unit Latihan dan Pembangunan Organisasi yang telah ditubuhkan pada awal tahun 2006 telah memberi latihan kepada kakitangannya seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43**Senarai Kursus/Latihan Yang Diadakan Jabatan Bagi Tahun 2006**

Bil.	Jenis Kursus/Latihan	Bulan	Bilangan Peserta
1.	<i>Railway Permanent Way Engineering In Sabah</i>	Mac	23
2.	Seminar Nilai-nilai Murni	Jun	57
3.	Seminar Nilai-nilai Murni	Jun	37
4.	Bengkel Gantian Cuti Rehat	September	22
5.	<i>Permanent Way Inspector Manual</i>	Disember	24
6.	Keselamatan Diri Bagi Pekerja Di Landasan (Sijil KTMB 038)	Disember	92
7.	Undang-undang Lalulintas Bagi Pemandu Lokomotif	Disember	14

Sumber: Rekod Jabatan Keretapi Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, pengagihan jenis perkhidmatan mengikut Bahagian membantu Jabatan untuk mengurus aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan bagi menghasilkan perkhidmatan pengangkutan yang murah dan selamat. Jabatan juga telah mengambil tindakan positif untuk memberi latihan yang sesuai dengan tugas dan tanggungjawab kakitangan. Bagaimanapun, KKNS perlu menimbangkan untuk meluluskan perwujudan jawatan baru yang dimohon Jabatan memandangkan pelaksanaan projek pemodenan kereta api Negeri Sabah yang diselia oleh Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB), Kuala Lumpur memerlukan kakitangan mahir dalam bidang tersebut.

15.2.11 Pelupusan

Bahagian Kejuruteraan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jentera kereta api dan peralatannya yang hendak dilupuskan. Lawatan fizikal Audit telah dijalankan ke atas beberapa jentera kereta api yang tidak digunakan. Terdapat jentera kereta api yang tidak digunakan akibat terbakar dan juga kerana mengalami kerosakan teruk. Bagaimanapun, Jabatan masih menggunakan komponen yang masih boleh digunakan pada jentera tersebut sebagai alat ganti. Semakan lanjut Audit mendapati pihak Jabatan sedang dalam proses penyenaraian jentera kereta api yang tidak ekonomik dibaiki untuk permohonan pelupusan.

Pada pendapat Audit, proses pelupusan perlu disegerakan memandangkan semua harta benda Kerajaan yang tidak boleh digunakan lagi atau telah usang diperiksa dengan segera dan dilupuskan dengan cara yang paling berfaedah sementara ianya masih boleh memberi pulangan kepada Jabatan.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pengurusan kereta api Negeri Sabah adalah kurang memuaskan. Jabatan perlu mengambil perhatian terhadap masalah penyenggaraan dan pembaikan jentera serta landasan yang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Masalah ini telah menyebabkan jadual perjalanan kereta api sering kali terganggu dan menjejaskan mutu perkhidmatan. Selain itu, aspek keselamatan juga perlu diberi perhatian dengan memasang pagar penghadang di kawasan lintasan rata dan lintasan rata yang tidak mendapat kelulusan perlu ditutup dengan segera. Sehubungan itu, projek kerja-kerja jangka pendek pemodenan kereta api Negeri Sabah yang sedang dijalankan perlu sentiasa dipantau agar projek tersebut disiapkan mengikut jadual dan seterusnya membolehkan pihak Jabatan memberi perkhidmatan dengan lebih cekap serta menarik lebih ramai orang awam untuk menggunakan perkhidmatan kereta api.

15.3 PEMANTAUAN

Pemantauan secara berterusan adalah perlu bagi menentukan pembinaan dan penyenggaraan landasan serta penggunaan kereta api Jabatan disempurnakan dengan baik dan lancar. Pemeriksaan Audit terhadap aspek ini mendapati perkara berikut:

15.3.1 Pemantauan Terhadap Pembinaan Dan Penyenggaraan Landasan Kereta Api

Semakan Audit mendapati Bahagian Jurutera Awam bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan terhadap pembinaan dan penyenggaraan landasan kereta api. Bahagian ini menjalankan pemeriksaan fizikal untuk memantau kemajuan kerja pembinaan dan penyenggaraan. Selain itu, pemantauan juga dijalankan dengan meneliti laporan kemajuan kerja kontraktor secara berterusan dan memastikan kelemahan serta ketidakpatuhan kepada syarat kontrak diambil tindakan pembaikan.

15.3.2 Pemantauan Terhadap Penggunaan Kereta Api

Semakan Audit mendapati Bahagian Lalu Lintas bertanggungjawab menjalankan pemantauan terhadap penggunaan kereta api. Bahagian ini telah menyediakan program atau jadual penggunaan kereta api. Bahagian ini juga telah menentukan jadual tersebut dilaksanakan di samping memantau penggunaan kereta api untuk tujuan pengangkutan seperti lawatan pelbagai pihak, urusan pengangkutan penumpang dan barangan dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya aspek pemantauan terhadap pembinaan, penyenggaraan landasan dan penggunaan kereta api Jabatan adalah baik. Selain itu, Unit Penguatkuasaan di peringkat Ibu Pejabat dan cawangan perlu ditubuhkan supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan. Aktiviti penguatkuasaan hendaklah dipantau oleh Bahagian Lalu Lintas di Ibu Pejabat. Laporan bulanan mengenai aktiviti Unit ini juga perlu disediakan.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti kereta api Jabatan adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti Unit Penguatkuasaan yang belum diwujudkan, tidak ada manual khusus untuk penyenggaraan dan pengubahsuaian kereta api, kurang pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor, tidak mengemaskini rekod penyenggaraan jentera kereta api dan tahap kemajuan kerja projek jangka pendek pemodenan Kereta api Negeri Sabah lewat daripada jadual. Ini

mengakibatkan penyediaan infrastruktur yang sempurna bagi membolehkan perkhidmatan kereta api dijalankan dengan cekap dan berkesan turut terjejas. Bagi memantapkan lagi pengurusan kereta api Jabatan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- a)** Kontraktor terbabit mengambil langkah sewajarnya bagi menyejajarkan penyediaan projek tersebut.
- b)** Projek dipantau oleh jawatankuasa khas peringkat tertinggi Negeri seperti Majlis Tindakan Negeri.
- c)** Di peringkat perancangan, Jabatan perlu menentukan bilangan serta jenis kereta api yang diperlukan pada masa kini dan masa hadapan dengan mengambil kira beban kerja berasaskan keperluan penggunaan pada masa hadapan seperti pertambahan penduduk.
- d)** Jabatan perlu menyemak semula kadar tambang memandangkan tarif tambang terakhir disemak pada tahun 1980 terutamanya untuk pelancong yang menggunakan perkhidmatan kereta api melalui agensi pelancongan.
- e)** KKNS perlu menimbang untuk meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk kos penyenggaraan landasan, kelengkapan jentera dan jentera kereta api.
- f)** Menimbang untuk menjual atau melupuskan kelengkapan jentera dan jentera kereta api yang terlalu uzur sekiranya tidak dapat digunakan dalam jangka masa yang agak lama.
- g)** Memberi keutamaan kepada pengurusan dan penyediaan kereta api serta kakitangan untuk tujuan komersial seperti aktiviti pelancongan.

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)

PENGELUARAN SIJIL HALAL

17. LATAR BELAKANG

17.1 Pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah bagi memberikan pengiktirafan dan jaminan kepada makanan atau produk yang dimakan atau bahan gunaan atau premis yang digunakan adalah halal, bersih dan *hygienic*. Penggunaan Logo Halal dikuatkuasakan melalui Undang-Undang Pentadbiran Islam 1992 dan pada mulanya dipertanggungjawabkan kepada MUIS. Tugas ini kemudiannya diambilalih oleh JHEAINS pada tahun 2001. Sijil dikeluarkan kepada syarikat/pengusaha untuk memberi pengiktirafan halal kepada produk dan syarikat dengan tempoh sah penggunaan Logo Halal. Pemilik sijil seterusnya dibenarkan menggunakan Logo Halal pada produknya bagi tempoh tertentu. Pemakaian Sijil dan Logo Halal adalah tidak mandatori tetapi apabila disalahguna pengusaha boleh dikenakan tindakan undang-undang. Bagi produk keluaran dalam negeri untuk kegunaan tempatan pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah dalam bidang kuasa dan tanggungjawab pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Manakala produk luar negara yang memasuki pasaran Malaysia Logo Halal adalah dalam bidang kuasa dan tanggungjawab JAKIM untuk memantaunya. Pelaksanaan Sijil dan Logo Halal peringkat Negeri Sabah adalah dipantau oleh Jawatankuasa Makanan dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah yang dianggotai oleh 13 Agensi Kerajaan iaitu Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), JHEAINS, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kesihatan, Jabatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Jabatan Kastam, MARDI, SIRIM, Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kimia, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) dan Peguam Besar Negeri.

17.2 Pada bulan Mac 2006, satu mesyuarat antara Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah membuat keputusan hanya Logo Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM boleh diterima bagi tanda halal pada produk dan makanan. Ini bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan Logo Halal di seluruh Negara.

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pihak berkuasa Agama Islam Negeri Sabah telah merancang, melaksana dan memantau penggunaan Sijil dan Logo Halal dengan cekap dan berkesan.

19. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop kajian meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh MUIS, JHEAINS dan Agensi Kerajaan yang berkaitan. Tempoh kajian adalah meliputi dari tarikh permulaan pemakaian Logo Halal di Negeri Sabah iaitu pada tahun 2001 hingga 2006. Pengauditan adalah juga meliputi semakan bahan makanan yang mendapat sijil halal di 30 premis terdiri dari pusat membeli belah, restoran, rumah penyembelihan dan kilang. Kaedah pengauditan adalah melalui semakan, pemeriksaan, analisis, lawatan dan temu bual dengan pegawai dan pengusaha yang terlibat serta pandangan masyarakat umum. Selain di Ibu Pejabat JHEAINS dan MUIS di Kota Kinabalu lawatan dan pemeriksaan juga telah dijalankan terhadap pejabat JHEAINS daerah Sandakan dan Tawau oleh kerana daerah ini merupakan tumpuan penduduk Islam Sabah dan menjadi pusat perniagaan di Negeri Sabah.

20. PENEMUAN AUDIT

20.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur untuk menggalakkan peniaga menggunakan Logo Halal terhadap hasil produk mereka adalah penting bukan sahaja bagi maksud komersial tetapi juga bagi menjamin kualiti produk yang dikeluarkan. Oleh itu, perancangan yang komprehensif dan rapi perlu disediakan untuk mendorong peniaga menggunakan Sijil dan Logo Halal.

20.1.1 Perundangan

Pada mulanya MUIS merupakan agensi yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pengeluaran Logo Halal bagi menjamin produk adalah halal. Selaku agensi yang dipertanggungjawabkan, MUIS telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Makanan dan Bahan Gunaan Islam (MGI) mengikut Seksyen 6, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Islam (EUPI) 1992. Fungsi Jawatankuasa MGI adalah untuk membantu MUIS melaksanakan tugas tersebut dengan mewujudkan dasar dan peraturan bagi tujuan pemakaian dan penguatkuasaan Logo Halal. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi MUIS dan dianggotai oleh 12 ahli yang mewakili Agensi Kerajaan lain yang dilantik dan dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Pada tahun 2001, JHEAINS sebagai agensi di bawah MUIS telah dipertanggungjawabkan berhubung pengeluaran dan penguatkuasaan Sijil dan Logo Halal. Bagaimanapun, Jawatankuasa Induk MGI terus bertanggungjawab memantau pelaksanaan pengeluaran Logo Halal tersebut.

Bagi menguatkuasakan pemakaian Logo Halal, terdapat beberapa peruntukan mengenai perkara tersebut sepertimana yang termaktub di bawah Seksyen 59 (1) hingga (7) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995. Selain itu, Akta Perihal Dagangan 1972, KPDHEP juga memperuntukkan larangan penggunaan tanda halal yang mengelirukan pada makanan sepertimana diperuntukkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 dan juga Enakmen Rumah Sembelihan Sabah 2004 serta Akta Makanan 1993.

20.1.2 Garis Panduan


JHEAINS menyediakan garis panduan menetapkan kaedah dan peraturan bagi melaksanakan pengeluaran dan penguatkuasaan terhadap Logo Halal. Garis panduan ini dikenali sebagai Manual Pengurusan Logo Halal Makanan Dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah. Antara lain kandungan Manual ini merangkumi perkara berikut:

a) Tatacara Permohonan

Tatacara permohonan persijilan yang diamalkan oleh JHEAINS adalah seperti di **Carta 8**.

Carta 8

Carta Aliran Kerja Permohonan Sijil Dan Logo Halal



Sumber: Garis Panduan Manual Pengurusan Logo Halal Makanan Dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

Terdapat 3 jenis borang permohonan yang digunakan dalam proses permohonan Logo Halal seperti berikut:

- **Borang K-MGI: 01:** Permohonan menggunakan Logo Halal.
- **Borang K-MGI: 02:** Permohonan untuk kebenaran menyembelih.
- **Borang K-MGI: 03:** Permohonan untuk menjual daging halal.

Setiap permohonan hendaklah disertakan salinan Kad Pengenalan, Lesen Perniagaan, Sijil Pengesahan Halal, kebenaran menyembelih atau Logo Halal yang telah tamat tempoh dan sekeping gambar. Manakala syarat asas permohonan Logo Halal adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- Premis makanan tidak menjual makanan/minuman tidak halal dari segi Syarak;
- Premis makanan/penyembelihan hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT/Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan masih dalam tempoh sah laku;
- Bahan yang digunakan untuk penyediaan makanan atau produk hendaklah dari jenis bahan yang suci dan halal dari segi Syarak.

Kriteria halal bagi premis makanan, premis penyembelihan, premis penjualan daging halal dan produk pembungkusan semula sebelum kelulusan Sijil dan Logo Halal dikeluarkan, telah ditetapkan seperti berikut:

i) Premis Makanan

- Dapur, alat penyimpanan dan penyediaan makanan tidak bercampur di antara yang halal dengan tidak halal serta memenuhi kriteria bersih PBT atau Jabatan Kesihatan.
- Bahan penyediaan makanan yang digunakan hendaklah halal dan mempunyai Logo Halal.
- Dewan jamuan dan peralatan makanan yang digunakan tidak bercampur antara makanan/minuman halal dengan tidak halal.
- Sekurang-kurangnya seorang tukang masak, 1/3 pekerja penyediaan makanan dan penyelia proses penyediaan hendaklah beragama Islam.

ii) Premis Penyembelihan

- Premis penyembelihan hendaklah berasingan dengan kediaman (tempat tinggal), premis penyembelihan hendaklah mempamerkan papan tanda

larangan membawa masuk binatang peliharaan, premis penyembelihan hendaklah dipagar dan premis penyembelihan hendaklah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Selain itu, binatang yang disembelih tidak dilonggokkan dan alat penggantungan dijarakkan.

- Penyembelih hendaklah beragama Islam, baliqh, sempurna akal, mengetahui rukun dan syarat penyembelihan, mempunyai sijil kebenaran menyembelih dan proses penyembelihan diselia oleh Pegawai Pemeriksa Halal dari JHEAINS.
- Haiwan hendaklah sihat, halal dimakan dan disembelih mengikut syarat yang ditetapkan.
- Alat penyembelihan hendaklah bersih, tajam dan haiwan tidak lemas atau cedera jika kaedah *stunning* iaitu penggunaan pisau elektrik (Stunning).

iii) Premis Penjualan Daging Halal

Premis, tempat menyimpan dan menjual daging halal tidak bercampur dengan yang tidak halal.

iv) Premis Produk Pembungkusan Semula


Produk yang dibungkus semula mempunyai sijil halal dan dibungkus dengan bahan yang halal dan selamat serta persekitaran premis hendaklah bersih.

b) Tatacara Pemeriksaan Dan Pengeluaran Logo Halal

Pemeriksaan terhadap premis yang memohon Logo Halal akan dijalankan oleh Panel Pemeriksa yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan Dan Sebaran Am JHEAINS dan 9 orang ahli yang mewakili Agensi Kerajaan yang berkaitan iaitu Unit MGI, PBT, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kastam, JAKIM, MARDI, KKTP dan KPDHEP. Manakala kelulusan permohonan akan diputuskan oleh Panel Melulus yang dipengerusikan oleh Pengarah JHEAINS dan dibantu oleh Timbalan Setiausaha dan Bendahari MUIS, 5 orang pegawai kanan JHEAINS dan 6 orang wakil Agensi Kerajaan iaitu KKTP, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kimia, JAKIM dan SIRIM. **Carta 9** adalah seperti berikut:

Carta 9

Carta Aliran Kerja Pemeriksaan Premis Makanan/Produk



Sumber: *Garis Panduan Manual Pengurusan Logo Halal Makanan Dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah (JHEAINS).*

Panel Pemeriksa akan membuat penilaian mengenai pematuhan syarat permohonan yang ditetapkan. Permohonan yang berjaya akan dikeluarkan Sijil dan Logo Halal yang berkaitan setelah bayaran pemeriksaan dijelaskan.

c) Bayaran Pemeriksaan Premis Dan Logo Halal

JHEAINS menetapkan kadar bayaran bagi setiap pemeriksaan premis yang dijalankan terhadap permohonan yang diterima mengikut jenis dan saiz premis tersebut. Kadar bayaran pemeriksaan yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 44
Kadar Bayaran Pemeriksaan Dan Jenis Premis

Bil.	Jenis Premis	Kadar (RM)
1.	Restoran/Dapur	
	i. Besar (<i>Multi-foods</i>)	200
	ii. Sederhana (Restoran Hotel & Kedai berkembar)	100
	iii. Kecil (Gerei makan)	50
2.	Restoran Berangkai	
	i. Premis pertama	400
	ii. Premis selebihnya	200
3.	Premis Produk	
	i. Besar (> 16 bahan gunaan @ > dari 21 produk makanan)	700
	ii. Sederhana (9-15 bahan gunaan @ 6-20 produk makanan)	400
	iii. Sederhana kecil (4-8 bahan gunaan @ 3-5 produk makanan)	100
	iv. Kecil (1-3 bahan gunaan @ 2 produk makanan)	50
4.	Produk pembungkusan semula	100
5.	Bahan ramuan	100
6.	Premis penyembelihan	
	i. Besar (> 3,000 ayam, >700 kambing & >100 lembu atau sejenisnya)	700
	ii. Sederhana (2,000-3,000 ayam, 500-700 kambing & 50-100 lembu atau sejenisnya)	400
	iii. Kecil (< 2,000 ayam, < 500 kambing & < 50 lembu atau sejenisnya)	100
7.	Premis penjualan ayam, kambing, atau sejenisnya	
	i. Besar (sebuah kedai)	200
	ii. Sederhana (2 tempat penyimpanan dan ke atas)	100
	iii. Kecil (1 tempat penyimpanan)	50
8.	Bayaran Sijil dan Logo Halal hotel dan premis (tempoh sah 2 tahun)	50
9.	Bayaran Sijil dan Logo Halal bagi pembungkusan semula (tempoh sah 2 tahun)	50
10.	Bayaran Sijil Kebenaran Menyembelih (tempoh sah 2 tahun)	100

Sumber: *Garis Panduan Manual Pengurusan Logo Halal Makanan Dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah (JHEAINS).*

Pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran tersebut setelah permohonan diluluskan.

d) Spesifikasi Logo Halal

JHEAINS diberi kuasa untuk mengeluarkan Sijil dan Logo Halal kepada pemohon yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Selain itu, MUIS telah melantik

syarikat swasta untuk mencetak Logo Halal. Bagi menjamin ketulenan pelekut Logo Halal, JHEAINS akan menetapkan jumlah yang akan dicetak. Tempoh sah laku bagi setiap Logo Halal yang akan dikeluarkan adalah selama 2 tahun. Selain itu, ciri keselamatan Sijil dan Logo Halal adalah tanda bebayang dalam bentuk tulisan jawi “MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH” tertera di atas Sijil dan Logo Halal tersebut.

e) Piagam Pelanggan

JHEAINS ada menyediakan draf Piagam Pelanggan untuk memastikan setiap permohonan yang diterima akan diproses mengikut syarat dan tempoh yang ditetapkan.

20.1.3 Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan Logo Halal dijalankan melalui kaedah pengeluaran sijil dan pemakaian logo. Sijil dan Logo Halal tersebut akan diberi kepada premis dan produk yang memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan.

a) Pengeluaran Sijil Dan Logo Halal

Sijil dan Logo Halal akan dikeluarkan setelah Panel Melulus berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan oleh Panel Pemeriksa hasil dari pemeriksaan yang dijalankan. Panel Pemeriksa bertanggungjawab memastikan pengusaha premis dan produk yang memohon Logo Halal telah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan. Antara kriteria dan syarat pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah seperti memenuhi syarat kebersihan PBT dan Jabatan Kesihatan, memiliki lesen perniagaan yang sah dan memiliki premis. Selain itu, Sijil dan Logo Halal yang dikeluarkan akan melalui beberapa proses seperti proses permohonan, proses pemeriksaan, proses kelulusan dan proses pengeluaran sijil.

b) Pemakaian Logo Halal

Pemilik Sijil dan Logo Halal dikehendaki mempamerkan Logo Halal yang asal sahaja. Selain itu, pemilik juga berhak menggunakan Sijil dan Logo Halal untuk aktiviti syarikat seperti penandaan pada bungkus produk syarikat yang telah dipersijilkan.

20.1.4 Kempen Kesedaran

Pada tahun 2006, JHEAINS merancang mengadakan kempen kesedaran terhadap penggunaan dan pemakaian Logo Halal pada makanan dan bahan gunaan yang digunakan adalah halal. Antara kempen kesedaran yang dirancang oleh JHEAINS adalah seperti menganjurkan kursus dan expo Halal Negeri Sabah yang akan diadakan

pada bulan Ogos 2006 dan konvensyen/seminar Halal yang dijangka diadakan pada bulan Ogos hingga Disember 2006. Jabatan juga telah merangka beberapa kursus seperti kursus Sijil Kebenaran Menyembelih, Pemeriksaan Dan Pemantauan Premis dan Seminar Pengurusan Makanan Halal kepada pengusaha makanan. Dalam pada itu, JHEAINS juga sedang merangka strategi untuk menyiarkan nama syarikat atau pengusaha yang telah mendapat Logo Halal melalui kerjasama dengan RTM Sabah.

20.1.5 Sasaran

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia termasuk Negeri Sabah sebagai “Hub Makanan Halal”, JHEAINS telah merangka beberapa strategi untuk memenuhi hasrat tersebut. Ini disebabkan pada masa kini, permintaan terhadap produk halal dunia adalah besar iaitu berjumlah RM1.32 trilion serta kesedaran dan minat kepada keperluan pengesahan halal kepada produk tersebut telah meningkat. Sehubungan itu, dijangkakan makanan dan produk halal akan mendapat perhatian terutama dari pengeluar bukan Islam dari dalam dan luar negara. Berdasarkan perkembangan semasa, produk halal dijangka akan memiliki nilai komersial yang tinggi sekiranya pengeluaran Sijil dan Logo Halal diurus dengan cekap dan sistematik. Bagaimanapun, JHEAINS tidak menetapkan sasaran pengeluaran Logo Halal untuk premis atau kilang makanan, produk atau bahan gunaan Islam yang beroperasi di peringkat negeri.

20.1.6 Sumber Guna Tenaga dan Lojistik

Kejayaan sesuatu aktiviti yang dirancang adalah bergantung kepada pengurusan sumber yang cekap terutama sumber manusia.

a) Sumber Manusia

Terdapat 3 peringkat sumber manusia yang terlibat dalam proses pengurusan pengeluaran dan penguatkuasaan Logo Halal seperti berikut:

i) Peringkat JHEAINS (Termasuk Daerah)

Di peringkat Ibu Pejabat, satu Unit MGI telah ditubuhkan oleh JHEAINS bagi mengurus dan melaksanakan pengeluaran Logo Halal. Unit ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am dan dibantu oleh 4 orang pegawai. Manakala di peringkat daerah, pengurusan aktiviti ini akan dibantu oleh semua Pegawai Tadbir Agama di daerah masing-masing. Jumlah pegawai JHEAINS yang terlibat dalam aktiviti ini adalah seramai 26 orang termasuk di daerah.

ii) Peringkat MUIS

Di peringkat MUIS, Bahagian Kewangan sahaja yang terlibat secara langsung dalam pengurusan aktiviti ini iaitu bagi mengurus Tabung MGI. Pengurusan Tabung ini diketuai oleh Bendahari MUIS dan dibantu oleh 2 orang pegawai.

iii) Agensi Kerajaan Yang Dilantik

Dua belas Agensi Kerajaan yang dilantik di bawah Seksyen 6 EUPJ 1992 yang terlibat dalam pengurusan dan penguatkuasaan Logo Halal akan melantik seorang atau dua orang pegawai sebagai wakil Agensi masing-masing. Pegawai tersebut akan terlibat dalam urusan pemeriksaan premis dan penguatkuasaan jika diperlukan.

b) Keperluan Peralatan Dan Logistik

JHEAINS ada menyediakan keperluan peralatan dan logistik untuk menjalankan aktiviti pengeluaran dan penguatkuasaan Logo Halal. Antara kemudahan yang disediakan adalah kenderaan untuk tujuan pemeriksaan dan pemantauan. Di samping itu, JHEAINS turut menyediakan kemudahan komputer dan peralatan pejabat bagi penyimpanan data dan rekod berkaitan proses pengeluaran dan pemakaian Logo Halal.

20.1.7 Sumber Kewangan

Anggaran bajet bagi aktiviti pengeluaran dan penguatkuasaan Logo Halal tidak disediakan. Aktiviti ini dibiayai melalui peruntukan Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am JHEAINS dan Tabung MGI. Manakala untuk Agensi Kerajaan yang dilantik dalam Jawatankuasa MGI iaitu Panel Pemeriksa dan Panel Melulus semua kos perbelanjaan berkaitan dengan aktiviti ini akan ditanggung oleh Agensi masing-masing. Selain itu, JHEAINS tidak menyediakan anggaran hasil bagi tahun 2006.

20.1.8 Pemantauan Terhadap Premis Perniagaan

Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan JHEAINS akan bertanggungjawab untuk memantau semua aktiviti pengeluaran dan pemakaian Sijil dan Logo Halal. Bahagian ini telah menyediakan jadual pemantauan 3 bulan sekali terhadap premis perniagaan yang diiktiraf Halal. Selain itu, jadual lawatan berkala disediakan di mana pegawai Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan JHEAINS dengan kerjasama Agensi Kerajaan akan bertindak. Manakala di peringkat daerah, Pegawai Tadbir Agama akan terlibat secara langsung dengan aktiviti pemantauan ini di bawah seliaan Ibu Pejabat. Selain daripada jadual pemantauan yang dirancang, JHEAINS juga akan bertindak mengikut aduan awam yang diterima melalui saluran yang disediakan. Bagaimanapun,

tidak ada daftar diselenggara bagi merekodkan aduan dan tindakan yang telah diambil. Aduan awam yang diterima hanya difailkan bersama-sama minit mesyuarat jawatankuasa MGI.

Pada pandangan Audit, aktiviti ini telah dirancang dengan baik di mana JHEAINS dan Agensi yang terlibat telah diberi tanggungjawab yang jelas untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Selain itu, beberapa Jawatankuasa juga telah ditubuhkan bagi memastikan objektif aktiviti ini dapat dilaksanakan dan akan mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadikan Negeri Sabah sebagai hub halal. Bagaimanapun, dari aspek perundangan JHEAINS tidak memiliki akta sendiri bagi tujuan penguatkuasaan terhadap pemakaian Sijil dan Logo Halal di premis, produk dan bahan gunaan Islam yang dipasarkan serta untuk kegunaan umat Islam. JHEAINS juga perlu menyediakan daftar aduan pelanggan selain peruntukan khas bagi maksud aktiviti ini.

20.2 PELAKSANAAN

Kejayaan perancangan adalah bergantung kepada pelaksanaan aktiviti dengan baik dan sempurna.

20.2.1 Perundangan

Jawatankuasa Makanan dan Bahan Gunaan Islam yang ditubuhkan di bawah Seksyen 6, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam 1992 adalah bertujuan untuk membantu MUIS melaksanakan penguatkuasaan pemakaian Sijil dan Logo Halal sepertimana yang termaktub di bawah Seksyen 59 (1), (2), (3), (4), (5), (6) dan (7) Enakmen Jenayah Syariah Sabah 1995. Selain itu, Akta Perihal Dagangan 1972, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna juga memperuntukkan larangan penggunaan tanda halal yang mengelirukan pada makanan sepertimana diperuntukkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975. Semakan Audit mendapati usaha Kerajaan untuk mewujudkan perundangan berhubung penggunaan Logo Halal adalah satu usaha yang baik. Bagaimanapun, perundangan tersebut boleh diperkemas lagi terutamanya berkenaan pemakaian Sijil dan Logo Halal kerana berdasarkan kepada peraturan yang sedia ada adalah sukar untuk mengambil tindakan terhadap peniaga atau pengusaha yang melanggar undang-undang.

Pada pendapat Audit, JHEAINS dan MUIS perlu mengkaji semula undang-undang yang sedia ada dan berusaha menyediakan Enakmen Halal yang khas untuk penggunaan dan penguatkuasaan Logo Halal.

20.2.2 Garis Panduan

Manual Pengurusan Logo Halal Makanan dan Bahan Gunaan Islam telah digunakan sepenuhnya oleh JHEAINS sebagai panduan dalam melaksanakan proses pengeluaran Sijil dan Logo Halal. Pada asasnya garis panduan ini telah diluluskan oleh Majlis Tertinggi MUIS. Selain itu, Garis Panduan ini telah mengambil kira perkembangan isu semasa di peringkat negeri dan nasional. Bagaimanapun, Manual Pengurusan Logo Halal Makanan dan Bahan Gunaan Islam tersebut belum diwartakan oleh Kerajaan untuk dijadikannya mandatori.

a) Permohonan

Semakan Audit mendapati permohonan dijalankan secara manual di mana pemohon perlu mengisi borang yang boleh diperoleh secara *on-line* atau mengambil sendiri di Ibu Pejabat atau cawangan pejabat JHEAINS. Semakan Audit mendapati JHEAINS ada menyelenggara fail individu bagi setiap permohonan. Selain itu, daftar permohonan ada diselenggara di Ibu Pejabat JHEAINS. Bagaimanapun, daftar tersebut tidak lengkap oleh kerana maklumat mengenai peringkat permohonan iaitu sama ada diluluskan, ditolak atau dalam pertimbangan tidak dicatatkan. JHEAINS tidak menyediakan *master listing* bagi semua permohonan yang diterima di seluruh Negeri Sabah. Oleh yang demikian, bilangan permohonan yang diterima, diproses dan diambil tindakan tidak dapat dipastikan jumlahnya. Walau bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod di 3 daerah mendapati sebanyak 313 permohonan telah diterima dan diproses seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45

Senarai Permohonan Yang Diterima

Bil.	Daerah	Jumlah Premis	Catatan
1.	Kota Kinabalu	234	Semua diproses.
2.	Tawau	47	30 diproses, 8 ditolak disebabkan permohonan tidak lengkap dan 9 belum tindakan diambil.
3.	Sandakan	32	29 diproses dan 3 belum diambil tindakan.
Jumlah		313	

Sumber: Rekod JHEAINS

Pada pendapat Audit, JHEAINS perlu menyediakan daftar permohonan yang lengkap dan menyediakan *master listing* bagi semua permohonan yang diterima di seluruh Negeri Sabah bagi menjamin tindakan diambil ke atas semua permohonan.

b) Pemeriksaan Terhadap Premis

Semakan Audit di 3 daerah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau mendapati sejumlah 264 premis telah diperiksa. Butirannya adalah seperti di **Jadual 46**:

Jadual 46

Kedudukan Pemeriksaan Terhadap Premis Bagi Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Daerah	Jumlah Premis	Catatan
1.	Kota Kinabalu	207	Semua diperiksa, 157 mendapat Logo Halal, 33 permohonan dalam perhatian dan dihantar kepada pemohon untuk tindakan selanjutnya oleh kerana belum memenuhi sepenuhnya kriteria yang ditetapkan dan 17 permohonan ditolak.
2.	Tawau	28	Semua diperiksa. 8 premis mendapat Logo Halal dan 5 premis menunggu kelulusan dari Ibu Pejabat. 15 lagi ditolak oleh kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.
3.	Sandakan	29	Semua diperiksa. 18 mendapat Logo Halal dan 11 ditolak oleh kerana tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan.
Jumlah		264	

Sumber : Rekod JHEAINS

Pada pendapat Audit, JHEAINS telah menjalankan pemeriksaan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

c) Bayaran Pemeriksaan Premis Dan Logo Halal

Pada tahun 2005, JHEAINS telah mengutip sejumlah RM72,450 daripada bayaran pemeriksaan terhadap premis dan Logo Halal. Manakala kutipan bayaran pemeriksaan bagi tahun 2006 adalah berjumlah RM32,700. Bagaimanapun, kadar bayaran yang digunapakai tidak diwartakan.

Pada pendapat Audit, JHEAINS telah merekodkan kutipan hasil dengan sempurna. Bagaimanapun, JHEAINS perlu mewartakan kadar caj tersebut.

d) Kawalan Terhadap Pengeluaran Logo Halal

Pada tahun 2002 hingga 2006, sejumlah 183 Logo Halal telah dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 55 Logo Halal atau 30% telah dikeluarkan pada tahun 2006. Pengeluaran tersebut telah direkodkan

dalam daftar persijilan yang mencatat nombor siri Sijil dan Logo Halal serta maklumat premis yang berkenaan. Semakan Audit mendapati baki stok Logo Halal telah disimpan dengan selamat.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah baik dan telah direkodkan dengan sempurna.

e) Piagam Pelanggan

Semakan Audit mendapati draf Piagam Pelanggan bagi aktiviti pengeluaran dan penguatkuasaan Sijil dan Logo Halal sedang disediakan dan akan dihantar kepada MAMPU untuk semakan dan kelulusan. Semakan Audit mendapati terdapat permohonan yang telah diperiksa dan dicadangkan untuk diberi Sijil dan Logo Halal oleh Panel Pemeriksa di peringkat daerah tetapi lewat diluluskan oleh Ibu Pejabat. Butirannya adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47

Permohonan Yang Telah Diperiksa Tetapi Tidak Diambil Tindakan

Daerah	Syarikat	Tarikh Dihantar Ke Ibu Pejabat	Tempoh Kelewatan (Bulan)
Kota Kinabalu	Tidak ada kes kelewatan permohonan dimana permohonan diproses apabila diterima.	-	-
Tawau	Maxy Self S/B	12.3.2004	30
	W & L Fast Food	14.1.2003	44
	Philips Seafood East S/B	5.3.2004	30
	Rich Inspiration S/B	12.3.2004	30
	Jun Cold Storage (Frozen Food)	4.3.2004	30
Sandakan	Tidak ada kes kelewatan permohonan dimana permohonan diproses apabila diterima.	-	-

Sumber: Rekod JHEAINS

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran Sijil dan Logo Halal perlu dipercepatkan untuk menggalakkan para peniaga dan pengusaha memohon pengiktirafan Halal.

20.2.3 Prestasi Pelaksanaan

a) Pengeluaran Sijil Dan Logo Halal

Semakan Audit terhadap proses pengeluaran Sijil dan Logo Halal telah dibuat terhadap permohonan yang dikemukakan. Hasil semakan tersebut mendapati perkara berikut:

i) Proses Permohonan

Semakan Audit terhadap daftar permohonan yang diselenggarakan di Ibu Pejabat JHEAINS mendapati sehingga tahun 2006, JHEAINS telah memproses sebanyak 264 permohonan Sijil dan Logo Halal termasuk permohonan untuk pembaharuan Sijil dan Logo Halal yang telah tamat tempoh. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 183 permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Melulus MGI. Manakala permohonan selebihnya iaitu 5 masih menunggu kelulusan dari Ibu Pejabat serta 43 permohonan telah ditolak disebabkan premis yang kurang bersih, makanan bercampur dengan bahan yang meragukan dan premis tidak mematuhi kriteria. Manakala 33 permohonan yang lain masih dalam proses pertimbangan semula oleh kerana tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan dengan sepenuhnya. Semakan Audit mendapati bagi permohonan yang telah diluluskan, ia mengandungi maklumat serta dokumen sokongan yang lengkap.

Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut terhadap fail individu mendapati sejumlah 8 permohonan tidak diproses dalam tempoh 9 bulan hingga 4 tahun dan lebih. Senarai permohonan yang tidak diproses adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Senarai Permohonan Yang Tidak Diproses

Daerah	Syarikat	Tarikh Permohonan	Tempoh Kelewatan (Bulan)
Kota Kinabalu	Semua permohonan telah diproses.	-	-
Tawau	Hing Lap Mee Trading	29.7.2004	26
	Ixora II	28.3.2005	17
	In Pro's Coldstorage Marketing Co.	8.2.2006	9
	Karim & Son's Enterprise	1.7.2003	38
	Kedai Runcit Segar	8.1.2002	57
	Restoran Banjar	14.1.2002	57
	Nuraini Marketing	6.10.2005	12
Sandakan	Semua permohonan telah diproses.	-	-

Sumber: Rekod JHEAINS

Pada pendapat Audit, proses permohonan Sijil dan Logo Halal telah dilaksanakan dengan sewajarnya mengikut Garis Panduan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, tindakan serta merta perlu diambil untuk memproses semua permohonan yang diterima.

ii) Proses Kelulusan

Pada peringkat ini, Panel Melulus membuat keputusan sama ada melulus atau menolak permohonan berdasarkan kepada syor oleh Panel Pemeriksa. Sekiranya syor Panel Pemeriksa meragukan, maka Panel Melulus akan membuat pemeriksaan lanjut terhadap premis berkenaan. Pada tahun 2006 dan 2006, sebanyak 264 pemeriksaan fizikal telah dijalankan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 183 atau 69.32% telah diluluskan dan layak diberikan Sijil Halal, 33 permohonan atau 12.5% lagi dalam perhatian dan 43 permohonan atau 16.3% ditolak oleh kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan serta 5 atau 1.9% permohonan dari daerah Tawau masih menunggu kelulusan daripada Ibu Pejabat JHEAINS.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan telah dijalankan dengan baik dan efektif oleh Panel Melulus bagi menjamin sistem penyampaian yang baik.

iii) Proses Pengeluaran Sijil

Proses pengeluaran Sijil dan Logo Halal dilakukan apabila mendapat persetujuan daripada Panel Melulus mengenai kelayakan pemohon berkenaan. Ia merupakan pengiktirafan bahawa makanan, produk, bahan gunaan atau premis adalah halal. Sejumlah 183 Sijil dan Logo Halal telah dikeluarkan kepada pengusaha, premis dan rumah penyembelihan.

b) Pemakaian Logo Halal

Pemilik Sijil dan Logo Halal hendaklah mempamerkan dokumen yang asal pada premis dan produk yang telah mendapat pengiktirafan Halal. Lawatan Audit ke premis di daerah Kota Kinabalu pada 21 Ogos 2006, Tawau pada 20 September 2006 dan Sandakan pada 15 hingga 16 November 2006 mendapati perkara seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49

Senarai Premis Yang Dilawati

Bil.	Daerah	Bil. Logo Halal Yang Dikeluarkan	Bil. Sampel Audit Yang Dipilih	Penemuan Audit
1.	Kota Kinabalu	69	20	20 pemilik yang dipilih dan dilawati telah mempamerkan logo asal.
2.	Sandakan	18	8	8 pemilik yang dipilih dan dilawati ada mempamerkan logo asal.
3.	Tawau	8	2	Semua premis yang dilawati mempamerkan Sijil dan Logo Halal yang asal. Bagaimanapun, tempoh sah laku Sijil dan Logo Halal untuk satu syarikat telah tamat tempoh pada 27 Julai 2005.

Sumber: Rekod JHEAINS

Pada pendapat Audit, pemakaian Sijil dan Logo Halal bagi premis yang mendapat pengiktirafan Halal adalah memenuhi kehendak JHEAINS iaitu dengan mempamerkan sijil yang asal. Bagaimanapun, JHEAINS gagal bertindak terhadap pengusaha yang telah tamat tempoh sah Sijil dan Logo Halal mereka oleh kerana tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan tindakan dan denda dikenakan terhadap pelanggaran syarat.

20.2.4 Kempen Kesedaran

Pada tahun 2006, expo Halal Negeri Sabah dan Konvensyen/Seminar Halal yang dijangka diadakan pada bulan Ogos 2006 tidak dilaksanakan. Selain itu pelancaran siaran untuk menghebohkan kepentingan Logo Halal yang dijangka disiarkan pada bulan April 2006 melalui RTM Sabah juga tidak dapat direalisasikan. Bagaimanapun, JHEAINS telah mengadakan bengkel Penyelarasan Panel Pemeriksa Halal MGI pada 21-23 Mac 2006 dan bengkel Penyelarasan Penemuduga Penyembelian pada 23-24 Mac 2006 yang masing-masing telah dihadiri oleh 38 dan 35 orang peserta. Selain itu, kursus Pengendali Makanan Halal telah diadakan pada bulan April 2006 yang dihadiri oleh 30 orang peserta.

Pada pendapat Audit, program kempen kesedaran tidak berjaya diadakan sebagaimana dirancang. Walau bagaimanapun, usaha yang dibuat oleh JHEAINS untuk mengadakan kursus dan seminar adalah baik kerana ia dapat meningkatkan lagi tahap kesedaran pengusaha/pemilik premis makanan dan produk terhadap penggunaan Logo Halal.

20.2.5 Penguatkuasaan

- a) Pemeriksaan Audit ke gedung membeli belah di Tawau dan Kota Kinabalu mendapati beberapa barangan menggunakan tanda halal yang tidak diiktiraf seperti di **Jadual 50** dan **51**.

Jadual 50
Contoh Logo Halal Yang Diterima Pakai

Bil.	Nama Dan Alamat Syarikat	Jenis Barangan	Tanda Yang Di Cop Pada Produk
1.	URC Snack Foods (Malaysia) Sdn Bhd. PLO 370, Jalan Perak Tiga, Kaw. Perindustrian Pasir Gudang 81700 Pasir Gudang Johor.	Snek jagung berperisa.	

Sumber: Rekod JHEAINS

Jadual 51

Contoh Logo Halal Yang Tidak Mengikut Standard Yang Ditetapkan

Bil.	Nama Dan Alamat Syarikat	Jenis Barangan	Tanda Yang Di Cop Pada Produk
1.	Yu Chan Lot C7 Sedco Light Industrial KM5, Apas Road Tawau, Sabah.	Sos cili, tomato dan kicap.	
2.	Kim Guan Hap Kee S/B, 12 Lrg. Minyak, 5.5 Miles Inanam K.K.	Ikan sardin dalam sos tomato.	
3.	Retta Ent. 89807 Beaufort Sabah.	Keropok Pisang.	HALAL
4.	Syarikat Perniagaan Heng Fatt, Lot 4A, Blk 2, G Flr, Bandar Karamunting, P.O. Box 1571, 90717 Sandakan.	Minyak Masak.	

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Berdasarkan Jadual 50 dan Jadual 51 di atas, dapatlah dirumuskan bahawa Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan JHEAINS dan Jawatankuasa MGI tidak dapat berfungsi dengan ketiadaan undang-undang yang membolehkan pengusaha/pemilik dikenakan tindakan atau denda apabila meletakkan label yang mengelirukan pengguna atau palsu.

- b) Di bawah Seksyen 3(1) (b) Akta Perihal Dagangan 1972, membekal atau menawarkan untuk menandakan apa-apa barangan baginya digunakan perihal dagangan palsu, boleh dikenakan denda sebanyak RM100,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun sepertimana yang disebutkan di dalam Seksyen 18(1) APD 1972. Semakan Audit mendapati JHEAINS, MUIS dan KPDHEP cawangan Negeri Sabah tidak pernah menguatkuasakan peraturan tersebut.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap pemakaian Sijil dan Logo Halal adalah tidak cekap dan berkesan oleh kerana kekurangan kakitangan serta ketiadaan undang-undang khas untuk menguatkuasakan pemakaian Sijil dan Logo Halal yang tidak diiktiraf oleh JHEAINS.

20.2.6 Sumber Guna Tenaga dan Logistik

Sumber guna tenaga dan logistik adalah elemen sokongan yang penting untuk menjayakan program yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Sumber Guna Tenaga

i) Ibu Pejabat

Pada tahun 2006, JHEAINS telah melaksanakan penstrukturan semula fungsi dan peranan JHEAINS dengan menubuhkan satu Unit MGI di bawah Bahagian Penyelidikan Dan Sebaran Am di Ibu Pejabat. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah dan dibantu oleh 5 orang kakitangan. Pewujudan Unit adalah untuk membolehkan pengurusan MGI di Ibu Pejabat dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna. Ini adalah disebabkan oleh pengurusan MGI diwujudkan secara *ad-hoc* sahaja di mana pegawai dan kakitangan yang terbabit turut melaksanakan tugas hakiki mereka yang lain.

Pada pendapat Audit, JHEAINS telah mengambil tindakan yang baik dengan mewujudkan satu Unit MGI semasa penstrukturan semula untuk membolehkan pengurusan MGI di Ibu Pejabat berfungsi dengan baik dan fokus terhadap pengeluaran Sijil dan Logo Halal.

ii) Peringkat Daerah

Semakan Audit mendapati Unit MGI belum diwujudkan di peringkat daerah. Oleh itu, pegawai dan kakitangan yang ditugaskan mengurus MGI, juga melaksanakan tugas hakiki masing-masing. Sebagai contoh, di Sandakan dan Tawau, pegawai berkenaan juga bertanggungjawab terhadap pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk selain bertanggungjawab terhadap pengurusan MGI. Keadaan ini menyebabkan pegawai berkenaan tidak mampu melaksanakan tugas MGI dengan sempurna terutama bagi mengurus rekod MGI seperti menyedia dan menyelenggara fail individu bagi setiap permohonan di peringkat daerah.

Pada pendapat Audit, pihak JHEAINS perlu mewujudkan Unit MGI di peringkat daerah dengan memberi keutamaan kepada daerah yang aktif bagi membolehkan pengurusan MGI dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur.

iii) Peringkat Bahagian Penguatkuasaan

JHEAINS telah menetapkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap Sijil dan Logo Halal dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan JHEAINS. Bahagian ini diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah, dua Penolong Pengarah dan 26 orang kakitangan. Semakan Audit mendapati pegawai dan kakitangan yang terlibat juga melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan Kesalahan Jenayah Syariah. Faktor ini juga menyebabkan JHEAINS tidak dapat menetapkan kekerapan lawatan dan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap premis yang telah dipersijilkan.

Pada pendapat Audit, JHEAINS hendaklah menubuhkan satu unit khas penguat kuasa Logo Halal agar aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.

b) Keperluan Peralatan Dan Lojistik

Semakan Audit mendapati keperluan peralatan dan lojistik seperti komputer dan kenderaan yang sedia ada adalah mencukupi di mana kakitangan yang menjalankan pemeriksaan dibenarkan menggunakan kenderaan gunasama JHEAINS. Selain itu, kakitangan di Bahagian Penyelidikan Dan Sebaran Am yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran Sijil dan Logo Halal ada dibekalkan dengan 3 buah unit komputer. Pihak Audit mendapati, JHEAINS telah mendapat kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKNS) untuk membangunkan aplikasi permohonan secara *on-line* yang dijangka siap pada akhir tahun 2007 bagi memudahkan penghantaran maklumat dari semua daerah ke Ibu Pejabat dengan cekap dan cepat.

Pada pendapat Audit, keperluan peralatan dan lojistik telah dibekalkan dengan secukupnya di samping usaha JHEAINS membangunkan aplikasi *on-line* untuk proses permohonan Sijil dan Logo Halal adalah baik.

20.2.7 Sumber Kewangan

Sumber kewangan adalah elemen yang sangat penting untuk memastikan semua perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Perbelanjaan

JHEAINS tidak menyediakan peruntukan khas bagi melaksanakan aktiviti pengeluaran dan penguatkuasaan. Aktiviti ini telah dibiayai melalui peruntukan

Bahagian Penyelidikan Dan Sebaran Am dan Bahagian Penguatkuasaan Dan Siasatan JHEAINS serta Tabung MGI MUIS. Pada tahun 2005 dan 2006, JHEAINS dan MUIS tidak mengemukakan laporan perbelanjaan bagi tujuan aktiviti pengeluaran Logo Halal. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada perbelanjaan telah dilakukan mengikut peraturan.

Pada pendapat Audit, JHEAINS dan MUIS perlu merekodkan semua perbelanjaan dengan teratur. Selain itu, anggaran belanjawan terhadap pelaksanaan aktiviti tersebut perlu disediakan bagi memastikan perancangan dan pemantauan aktiviti dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

b) Hasil

Semua hasil yang diperoleh daripada caj yang dikenakan terhadap pengeluaran Sijil dan Logo Halal telah dimasukkan ke Tabung MGI MUIS. Pada tahun 2005 dan 2006, jumlah kutipan yang diterima adalah masing-masing berjumlah RM72,450 dan RM32,700.

Pada pendapat Audit, rekod perakaunan adalah diselenggarakan dengan baik.

20.2.8 Pemantauan Terhadap Premis Perniagaan

Semakan terhadap dokumen yang dikemukakan dan lawatan fizikal yang dibuat mendapati sebanyak 897 lesen berniaga bagi hotel, restoran dan kilang telah dikeluarkan oleh PBT bagi tiga daerah iaitu Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 313 pelesen telah memohon persijilan halal dan 35 telah diluluskan dan mendapat Logo Halal. Perbandingan bilangan pengusaha/peniaga dengan bilangan pengusaha/peniaga yang mendapat pengiktirafan halal adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52

Perbandingan Jumlah Lesen Dan Penerima Logo Halal

Jenis Perniagaan	Kota Kinabalu			Sandakan			Tawau		
	Lesen	Halal	%	Lesen	Halal	%	Lesen	Halal	%
Hotel	80	9	11.3	48	2	4.2	24	1	4.2
Restoran	392	7	1.7	204	-	0	39	1	2.6
Kilang produk / makanan	28	3	10.7	59	6	10.2	15	6	40
Kilang minuman	8	-	0	-	-	-	-	-	-
Jumlah	508	19	3.7	311	8	2.6	78	8	10.3

Sumber: Rekod JHEAINS

Pada pendapat Audit berdasarkan jadual di atas dapatlah dirumuskan bahawa tahap kesedaran terhadap makanan halal dan penggunaan Sijil dan Logo Halal di kalangan pengusaha hotel, restoran dan kilang adalah rendah.

Semakan Audit selanjutnya terhadap rumah penyembelihan yang dilawati mendapati kebersihan premis tidak memuaskan oleh kerana sistem saliran air tidak mematuhi syarat yang ditetapkan di mana air pemprosesan bertakung dan tidak mengalir seperti di **Foto 24**.

Foto 24

Air Yang Bertakung Kerana Saluran Paip Yang Tersumbat



*Sumber : Jabatan Audit Negara
Tarikh : 16 November 2006
Lokasi : Rumah Penyembelihan Ayam, Sandakan*

20.2.9 Proses Kerja Tetap Peringkat Syarikat/Pengusaha

Proses Kerja Tetap (PKT) bagi Sijil Halal peringkat syarikat/pengusaha yang terkandung dalam Manual Pengurusan Logo Halal Makanan Dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah perlu diamalkan setiap masa bagi menjamin proses kerja sentiasa mematuhi kaedah yang ditetapkan untuk melayakkan syarikat/pengusaha produk halal memperolehi pengiktirafan Sijil Halal. Semakan Audit mendapati 30 premis yang dilawati tidak mempunyai PKT sedemikian.

Pada pendapat Audit, PKT di peringkat syarikat/pengusaha belum dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengeluaran Sijil Halal adalah baik. Bagaimanapun, masih ada ruang penambahbaikan perlu diambil antaranya membuat susulan melalui surat peringatan kepada pengusaha yang telah diberikan Sijil dan Logo Halal bagi memperbaharui sijil sebelum tamat tempoh sah sijil tersebut. Selain itu aktiviti kesedaran untuk meningkatkan mutu produk melalui pengiktirafan Sijil Halal di kalangan peniaga perlu dipergiatkan.

20.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang sistematik dan berterusan adalah penting bagi memastikan aktiviti persijilan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan masalah yang berbangkit dapat dikenal pasti serta diatasi dengan segera supaya objektif aktiviti ini tercapai. Kaedah pemantauan yang diamalkan merangkumi beberapa peringkat iaitu:

20.3.1 Peringkat Jawatankuasa Induk MGI

Mekanisme pemantauan di peringkat Jawatankuasa MGI ada disediakan sepertimana yang terkandung dalam Manual Pengurusan Logo Halal Makanan Dan Bahan Gunaan Islam Negeri Sabah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan pengurusan persijilan berasaskan laporan yang dikemukakan oleh Panel Pemeriksa, Panel Melulus dan juga Unit MGI Jabatan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini yang sepatutnya bermesyuarat 2 bulan sekali bagi tujuan tersebut didapati tidak pernah bermesyuarat pada tahun 2005 dan bermesyuarat sekali pada tahun 2006. Selain itu, Seksyen 29 (3), Enakmen MUIS 2004 menghendaki semua jawatankuasa yang ditubuhkan termasuklah jawatankuasa MGI mengemukakan laporan aktivitinya kepada MUIS. Pelaporan ini adalah penting bagi membolehkan MUIS sentiasa mengetahui dan dapat memantau pelaksanaan aktiviti persijilan telah dilaksanakan mengikut landasan yang betul. Semakan Audit mendapati sehingga kini jawatankuasa MGI belum lagi mengemukakan Laporan aktiviti tersebut kepada pihak MUIS.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan agar segala permasalahan mengenai persijilan dapat diselesaikan dengan sewajarnya dan laporan aktiviti perlu disediakan dan dikemukakan kepada MUIS dan dibincang dalam jawatankuasa tersebut sebagai agenda tetap.

20.3.2 Peringkat Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan JHEAINS

JHEAINS telah mempertanggungjawabkan Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan untuk memantau aktiviti persijilan. Bagi maksud tersebut, program pemantauan tahunan dan bulanan terhadap premis yang dipersijilkan telah disediakan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006, Bahagian Penguatkuasaan Dan Penyiasatan JHEAINS telah membuat lawatan ke premis dan hasil dari lawatan tersebut, mendapati sebanyak 2 premis telah ditarik balik persijilannya oleh kerana telah melakukan kesalahan yang serius seperti premis tidak bersih dan bahan masakan diragui. Selain itu, JHEAINS mempunyai 2 orang pegawai Hal Ehwal Perdagangan yang dilantik oleh KPDHEP. Kuasa dan peranan pegawai yang dilantik adalah untuk menguatkuasakan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal 1975). Semakan Audit mendapati kuasa dan peranan pegawai tersebut tidak dapat digunakan dengan sewajarnya oleh kerana setiap tindakan yang hendak dilakukan perlu dihadiri bersama oleh pegawai penguatkuasa daripada KPDHEP. Oleh itu, setakat ini tidak ada tindakan berkesan yang dilaksanakan oleh pegawai tersebut berasaskan kuasa yang diberi. Selain itu, jadual pemantauan ke premis yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sewajarnya oleh kerana kekurangan anggota penguatkuasaan.

Pada pendapat Audit, Bahagian ini telah melaksanakan tugas pemantauan dengan sewajarnya sungguhpun kekurangan anggota. Bagaimanapun, JHEAINS perlulah menetapkan tempoh kekerapan pemantauan terhadap premis yang telah dipersijilkan dengan merekod setiap pemeriksaan pemantauan yang telah dijalankan.

21. RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa perancangan Pengeluaran Sijil dan Logo Halal adalah baik di mana JHEAINS melalui penubuhan Jawatankuasa MGI telah berusaha mengadakan garis panduan untuk melaksanakan pengeluaran Sijil dan Logo Halal. Selain itu, JHEAINS ada menyediakan jadual lawatan yang dirancang untuk tujuan pemantauan. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan JHEAINS masih mempunyai

beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti belum mewartakan garis panduan dan kadar caj pemeriksaan, tidak menyediakan anggaran perbelanjaan yang realistik dan hasil bagi pengeluaran Sijil dan Logo Halal dan belum menyediakan enakmen khas berkaitan pengeluaran, penggunaan dan penguatkuasaan Sijil dan Logo Halal. Dari aspek pemantauan, JHEAINS telah menjalankan pemantauan dengan memuaskan. Bagaimanapun, JHEAINS perlu membuat penstrukturan semula perjawatannya bagi menambah bilangan anggota bahagian penguatkuasaan untuk menjalankan aktiviti pemantauan yang lebih kerap dan berkesan di seluruh Negeri Sabah bagi mencegah penggunaan sijil dan logo palsu dan pemantauan bagi logo tamat tempoh. Bagi mengatasi masalah tersebut adalah disyorkan JHEAINS mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** JHEAINS perlu meneruskan usaha untuk membangunkan sistem aplikasi secara *on-line* untuk kemudahan pemohon yang seterusnya akan dapat mengembangkan hub halal di seluruh Negeri Sabah.
- b)** Memperkasakan dan mengemas kini perundangan yang sedia ada.
- c)** Menstruktur semula perjawatan dan penambahan kakitangan terutamanya kakitangan penguatkuasa.
- d)** Tindakan pemantauan yang lebih efektif terhadap premis yang dipersijilkan perlu dilaksanakan dengan lebih kerap.
- e)** Peruntukan kewangan yang mencukupi hendaklah disediakan dan semua perbelanjaan bagi tujuan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan serta pemberian elaun hendaklah dibiayai melalui Tabung MGI.
- f)** Mewartakan kadar caj yang dikenakan.
- g)** Rekod hasil dan perbelanjaan perlu dikemaskini.
- h)** Kempen kesedaran makanan bermutu melalui sijil halal dipertingkatkan.
- i)** Syarikat/pengusaha perlu mempunyai Proses Kerja Tetap sendiri selaras dengan syarat untuk melayakkan mereka diberi persijilan halal.

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

PENGURUSAN PROJEK TERNAKAN KERBAU DAN RUSA DI TELUPID

22. LATAR BELAKANG

22.1 Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (Jabatan) antara lain bertanggungjawab untuk memajukan ternakan kerbau dan rusa di Negeri Sabah melalui kaedah yang sistematik. Untuk itu Jabatan akan mendapatkan baka ternakan yang sesuai untuk dibiakkan bagi diperkembangkan oleh penternak yang berkelayakan dan menghasilkan pengeluaran daging untuk memenuhi permintaan tempatan dan eksport. Seterusnya ia dapat meningkatkan pendapatan penternak.

22.2 Di Negeri Sabah Projek Ternakan Kerbau telah dimulakan pada tahun 1979 di ladang Sebrang Lipaso, Telupid dengan keluasan 315.25 hektar. Projek Ternakan Rusa pula dimulakan pada tahun 1994 di tempat yang sama dengan keluasan 80.94 hektar. Manakala pada tahun 2002 Projek Ternakan Rusa ini diperluaskan lagi di ladang Entilibon, Telupid dengan keluasan 295.42 hektar. Sehingga kini hanya terdapat satu kawasan ternakan kerbau dan empat kawasan ternakan rusa di seluruh Negeri Sabah. Antara objektif projek ternakan kerbau dan rusa ini adalah untuk menjalankan aktiviti pembiakan ternakan bagi pembiakan baka bermutu, agihan secara sistem pawah kepada penternak dan jualan sama ada kepada penternak atau orang awam.

22.3 Di bawah RMKe-8 (2001-2005) siling peruntukan bagi projek ternakan kerbau dan rusa adalah masing-masing berjumlah RM2.5 juta dan RM3.0 juta untuk membiayai perbelanjaan pengurusan dan penyenggaraan projek ternakan seperti pembayaran gaji, pembelian ubat-ubatan dan pemakanan serta penyenggaraan kenderaan/jentera. Setakat tahun 2004, siling asal bagi projek ternakan kerbau dan rusa masing-masingnya telah disemak semula menjadi RM960,890 dan RM1.79 juta. Sepanjang tempoh RMKe-8 sejumlah RM926,685 telah dibelanjakan bagi projek ternakan kerbau dan RM514,215 telah dibelanjakan bagi projek ternakan rusa di Telupid.

23. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sama ada projek ini telah dilaksanakan dan diurus dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya ke arah meningkatkan pengeluaran daging dan pendapatan penternak.

24. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit memilih projek ini untuk dikaji bagi menentukan sama ada pengeluaran baka kerbau dan rusa telah meningkat untuk mengatasi masalah kekurangan ternakan kerbau dan rusa di Sabah. Skop pengauditan adalah merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek ternakan kerbau dan rusa di ladang Sebrang Lipaso dan Entilibon, Telupid bagi tahun 2004 hingga 2006. Semakan dan analisis dilakukan terhadap rekod, fail dan data berkaitan yang diselenggarakan oleh Jabatan di Telupid dan juga di Ibu Pejabat, Kota Kinabalu. Selain itu, lawatan fizikal ke kawasan ladang dan temu bual dengan pegawai dan peserta terlibat juga dibuat.

25. PENEMUAN AUDIT

25.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting bagi memastikan projek yang akan dilaksanakan berjalan dengan cekap dan berkesan. Jabatan merancang untuk membangunkan ladang ternakan kerbau dan rusa bagi tujuan pengeluaran baka untuk dijual kepada penternak atau dibekalkan kepada peserta di bawah skim pawah. Semakan Audit terhadap perancangan Jabatan berkaitan perkara tersebut adalah seperti berikut:

25.1.1. Dasar Kerajaan

Di bawah Dasar Pertanian Negeri Sabah ke-2, Kerajaan menetapkan hala tuju strategik untuk Pertanian, Penternakan dan Perikanan menjelang tahun 2010. Sektor ternakan adalah merupakan salah satu sektor diberi keutamaan di bawah hala tuju Kerajaan Negeri Sabah. Polisi pembangunan ternakan meliputi usaha meningkatkan pengeluaran kerbau dan rusa bagi memenuhi permintaan produk ternakan berkualiti tinggi di pasaran tempatan dan eksport. Strategi Jabatan bagi mencapai dasar Kerajaan antaranya adalah seperti berikut:


- a) Meningkatkan daya pengeluaran ternakan dengan menggunakan sistem pengurusan, pembiakan dan pemakanan ternakan berteknologi moden yang sesuai.
- b) Menambah dan membekalkan ternakan yang bermutu melalui pembiakan dan pengimportan baka ternakan yang bermutu tinggi.
- c) Menyampaikan perkhidmatan kesihatan veterinar yang cekap dan memuaskan ke arah peningkatan taraf penternakan dan pertumbuhan industri ternakan.
- d) Menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan ke arah meningkatkan pengeluaran dan kesihatan ternakan.

25.1.2 Struktur Pengurusan

Projek Ternakan Kerbau di Telupid adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan Sumber Genetik manakala Projek Pembangunan Rusa pula adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan Industri Tenusu Dan Rusa di Jabatan tersebut. Kedua-dua bahagian ini dibantu oleh 19 orang di peringkat ladang di mana pengurus ladang dipertanggungjawabkan untuk menyelia ladang ternakan Jabatan di Telupid. Carta organisasi yang menunjukkan kedudukan ladang di dalam Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak adalah seperti di **Carta 10**.

Carta 10

**Struktur Organisasi Yang Menunjukkan Kedudukan
Pengurusan Ladang Ternakan Jabatan Di Telupid**



Sumber : Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak.

25.1.3 Kertas Cadangan Dan Kesesuaian Tapak

Kajian awal perlu dilakukan sebelum sesuatu program atau projek dilaksanakan. Ia merupakan penyelidikan awal untuk menimbang kesesuaian projek dan juga tapak yang akan dibangunkan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kajian awal telah dijalankan oleh kerana laporan berkenaan tidak dapat dikemukakan untuk semakan. Namun demikian berdasarkan temu bual dengan pegawai berkaitan Negeri Sabah mempunyai iklim dan muka bumi yang sesuai untuk pembangunan ternakan ruminan.

25.1.4 Baka Dan Pemakanan Ternakan

Baka yang bermutu dan memenuhi kriteria untuk dternak diperolehi sama ada dengan mengimport atau dengan mendapatkan baka tempatan. Untuk mendapatkan baka kerbau yang bermutu Jabatan akan menggunakan kaedah tertentu seperti kacukan semula jadi antara baka import (*murrah buffalo*) dan tempatan (*swamp buffalo*) manakala untuk ternakan rusa baka yang diimport dibiakkan secara semula jadi dan sekiranya didapati sesuai baka tersebut akan dibiakkan. Bagi memastikan kesesuaian baka faktor kesesuaian tapak atau ladang juga akan dikaji. Di samping itu pemakanan ternakan juga akan ditingkatkan dengan pemberian makanan tambahan selain rumput biasa. Jenis rumput juga akan dikenal pasti bagi memastikan ternakan akan mendapat khasiat yang mencukupi untuk tumbesaran dan kesihatan.

25.1.5 Garis Panduan Peraturan Ternakan Untuk Kakitangan

Garis panduan yang lengkap perlu disediakan bagi membantu kakitangan menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu Jabatan perlu juga mengeluarkan arahan, pekeliling dan juga panduan dalam bentuk manual yang mudah difahami sebagai rujukan kepada kakitangan yang terlibat dalam aktiviti penternakan.

a) Garis Panduan Ternakan Kerbau

Garis panduan ternakan kerbau mengandungi tatacara pemilihan kerbau dara dan pejantan, pemeriksaan kesihatan, penandaan ternakan, pemasangan gelang hidung, nombor pengenalan telinga, pengurusan *fidlot*, makanan tambahan, pemberian vaksin pada ternakan yang berumur 4 bulan ke atas, rawatan penyakit seperti kutu, cacing dan wabak serta pengawasan keselamatan kerbau di padok dan penyenggaraan ladang.

b) Garis Panduan Ternakan Rusa

Garis panduan ternakan rusa mengandungi jenis baka yang dipilih untuk dibiak, pemeriksaan kesihatan, penandaan ternakan dan rawatan seperti kutu, cacing dan luka serta makanan tambahan dan yang berkaitan dengan pengawasan juga penyenggaraan ladang.

c) Garis Panduan Pemilihan Peserta

Kriteria peserta yang layak untuk dipertimbangkan menyertai skim pawah adalah seperti berikut:

i) Skim Pawah Menternak Kerbau

- Pemohon adalah seorang warganegara

- Pemohon mempunyai taraf pendidikan (sekurang-kurangnya Tingkatan 3)
- Pemohon berumur antara 20 hingga 45 tahun
- Mempunyai tanah seluas sekurang-kurangnya 10 ekar (4.04 hektar)
- Ladang ternakan hendaklah dipagar, sesuai ditanam rumput dan mempunyai kolam air
- Pemohon juga perlu menghadiri kursus pengendalian ternakan kerbau

ii) Skim Pawah Menternak Rusa

- Pemohon adalah warganegara yang bermastautin di Negeri Sabah
- Mempunyai tanah sekurang-kurangnya 5 ekar (2.02 hektar)
- Mempunyai kemampuan untuk membangun dan menternak rusa
- Kawasan ladang ternakan hendaklah dipagar mengikut jenis yang ditetapkan dan sesuai ditanam rumput
- Pemohon juga perlu menghadiri kursus pengendalian ternakan rusa

d) Garis Panduan Penyediaan Rekod Ternakan

Garis Panduan Penyediaan Rekod Ternakan adalah berkaitan dengan penyenggaraan rekod bagi setiap ternakan yang mengandungi maklumat seperti baka ternakan, jantina, nombor pengenalan, berat badan secara berkala sebelum dan selepas tempoh penyusuan, pemeriksaan kesihatan, rekod kematian dan *post-mortem* yang dijalankan dan rekod berkaitan dengan pengagihan ternakan.

25.1.6 Garis Panduan Untuk Peserta

Garis panduan untuk peserta mengenai tatacara menternak adalah penting bagi menjamin kejayaan pelaksanaan penternakan. Garis panduan ini antara lain mengandungi aspek pemeliharaan ternakan, penyediaan kawasan, pemakanan, keselamatan dan rawatan.

25.1.7 Sasaran Produktiviti Tahunan

Jabatan menetapkan sasaran jumlah populasi, kelahiran, kematian dan penjualan ternakan di Ladang Ternakan Telupid pada tahun 2004 hingga 2006 seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Sasaran Produktiviti Ternakan Kerbau Dan Rusa
Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Populasi (Ekor)		Kelahiran (Ekor)		Kematian (Ekor)		Penjualan (Ekor)	
	Kerbau	Rusa	Kerbau	Rusa	Kerbau	Rusa	Kerbau	Rusa
2004	271	784	70	120	30	86	40	20
2005	463	798	75	100	24	88	91	20
2006	336	790	70	80	46	87	63	20

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

25.1.8 Sasaran Penternak Yang Akan Mengambil Bahagian

Jabatan akan memastikan penternak yang layak dapat mengambil bahagian bagi melaksanakan program ini. Bagi mencapai matlamat ini Jabatan perlu menetapkan sasaran jumlah penternak yang akan mengambil bahagian skim pawah menternak kerbau dan rusa seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Sasaran Jumlah Penternak Kerbau Dan Rusa Yang Akan Mengambil Bahagian
Skim Pawah Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Jenis Ternakan	Sasaran Jumlah Peserta
2004	Kerbau	12
	Rusa	12
2005	Kerbau	12
	Rusa	12
2006	Kerbau	12
	Rusa	12

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

25.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Bagi melicinkan lagi pengurusan ladang pembiakan ternakan kerbau dan rusa keperluan guna tenaga perlu diperolehi dengan mencukupi agar matlamat projek dapat dicapai dengan jayanya. Keperluan guna tenaga hendaklah bersesuaian dengan jumlah ternakan serta keluasan ladang. Butiran lengkap keperluan tenaga kerja di pusat ladang pembiakan ternakan kerbau dan rusa di Telupid adalah seperti di **Jadual 55**.

Jadual 55
Keperluan Tenaga Kerja Di Pusat Ternakan
Kerbau Dan Rusa Di Telupid

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah Diperlukan (Orang)	
			Pembiakan Ternakan Kerbau	Pembiakan Ternakan Rusa
1.	Penolong Pegawai Veterinar	G32	1	
2.	Pembantu Veterinar	G17	1	1
3.	Penjaga Rekod Ternakan	N11	1	1
4.	Pembantu Tadbir	N17	1	1
5.	Pembantu Am Rendah	N01	2	1
6.	Penjaga Stor	R06	2	1
7.	Pekerja Rendah Awam	R01	8	4
8.	Pemandu Traktor	R03	1	1
9.	Jaga Malam	R01	1	1
10.	Tukang Kebun	R01	1	
11.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R03	2	1
Jumlah			21	12

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Program latihan dan kursus perlu disediakan sama ada untuk kakitangan atau penternak. Jabatan telah menetapkan syarat bahawa semua penternak yang dipilih dikehendaki mengikuti Kursus Asas Penternakan Kerbau dan Kursus Asas Penternakan Rusa untuk melayakkan diri menyertai skim ternakan.

25.1.10 Keperluan Peralatan Dan Kelengkapan

Peralatan dan kelengkapan berkaitan dengan pengurusan ladang adalah amat penting bagi memastikan ladang diurus dengan sempurna dan ternakan dapat dibiakkan dengan baik serta mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Ini termasuklah bangunan pejabat, stor, *dark room* bagi rusa, bengkel, bangsal ternakan, padang ragut, jentera membajak, kenderaan dan pagar. Jabatan perlu memastikan semua keperluan peralatan dan kelengkapan adalah mencukupi.

25.1.11 Keperluan Kewangan

Jabatan perlu menyediakan perancangan yang rapi berkaitan dengan kos setiap aktiviti ternakan di samping menentukan jumlah kakitangan yang mencukupi dan bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Mengikut rekod Jabatan anggaran perbelanjaan yang diperlukan bagi projek ternakan kerbau dan rusa di Telupid pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 56**. Peruntukan tersebut antara lain diperlukan untuk pembangunan tanah, pembayaran gaji, elaun, bekalan pejabat, perhubungan dan penyenggaraan kenderaan/jentera.

Jadual 56
Anggaran Perbelanjaan Bagi Ternakan Kerbau Dan Rusa
Di Ladang Ternakan Jabatan Di Telupid Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Anggaran Perbelanjaan (RM)		
	Ternakan Kerbau		Projek Ternakan Rusa
	Projek Ternakan Kerbau	Penyelidikan Dan Pembiakan Kerbau	
2004	137,000	130,000	90,000
2005	144,000	120,500	50,000
2006	200,000	177,000	16,500

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

25.1.12 Pemantauan

Projek ini perlu dipantau untuk menentukan aktiviti dilaksanakan dengan berkesan serta untuk memastikan projek berjalan lancar dan dilaksanakan mengikut prosedur dan jadual yang telah ditetapkan. Dengan adanya pemantauan setiap masalah dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan untuk mengatasinya dapat dibuat dengan segera supaya objektif penubuhan ladang ternakan tercapai. Pemantauan terhadap Ladang Pembiakan Ternakan Jabatan dan ladang penternak dibuat melalui 3 peringkat iaitu di peringkat Jabatan, di peringkat Ladang Pembiakan Ternakan dan juga di peringkat cawangan.

Pada pandangan Audit, perancangan Jabatan adalah baik. Namun demikian, walaupun Jabatan menyediakan garis panduan secukupnya ianya tidak lengkap oleh kerana garis panduan tidak mensyaratkan sama ada peserta menyertai projek secara sepenuh masa atau sambilan. Garis panduan untuk kegunaan kakitangan tidak menetapkan aspek penilaian yang perlu dilihat semasa pegawai membuat lawatan tapak pemohon.

25.2 PELAKSANAAN

25.2.1 Garis Panduan Peraturan Ternakan

Penyediaan garis panduan yang lengkap dapat membantu kakitangan menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan.

a) Garis Panduan Ternakan Kerbau

Jabatan ada menyediakan Garis Panduan Ternakan Kerbau dalam bentuk Manual Prosedur Kerja bagi Projek Pembiakan Ternakan Kerbau di Telupid. Garis panduan ternakan kerbau mengandungi jadual bagi program kesihatan, program makanan, kekerapan pengiraan stok, pengasingan anak kerbau, aspek keselamatan ladang dan ternakan kerbau serta penyenggaraan atau pembangunan semula padang ragut. Jadual untuk program kesihatan kerbau adalah seperti penyuntikan vaksin, pemberian ubat cacing, pembasmian kutu dan pengambilan sampel darah serta ujian kehamilan. Jadual untuk kerja seperti aspek penyenggaraan dan keselamatan ladang serta pembangunan semula padang ragut juga dinyatakan dalam Garis Panduan tersebut.

Pada pendapat Audit, manual prosedur kerja yang disediakan dapat membantu anggota melaksanakan skim dengan teratur dan cekap.

b) Garis Panduan Ternakan Rusa

Antara perkara yang perlu dibuat bagi ternakan rusa termasuklah penyediaan kemudahan penternakan, program makanan dan kesihatan, pengiraan stok, aspek keselamatan ladang dan ternakan serta penyenggaraan kawasan ternakan. Semakan Audit mendapati pihak Jabatan ada menyediakan buku panduan menternak rusa bertajuk Mengenal, Memelihara Dan Menternak Rusa Secara Komersial yang dikeluarkan pada tahun 1996.

Bagaimanapun, buku panduan ini tidak menerangkan secara jelas dan terperinci kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh kakitangan Jabatan di peringkat ladang ternakan seperti carta aliran kerja rawatan ternakan, merekod kelahiran ternakan, merekod kematian ternakan dan lain-lain prosedur kerja yang perlu diambil kira.

Penyediaan garis panduan penternakan rusa yang lengkap adalah penting sebagai rujukan kakitangan di peringkat ladang ternakan Jabatan dalam menjalankan tugas dan menyelia ternakan rusa dengan cekap dan berkesan.

Pada pendapat Audit, garis panduan bagi projek ternakan rusa perlu disediakan dengan lengkap dan komprehensif untuk membantu kakitangan menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.

c) Garis Panduan Penyediaan Rekod Ternakan

Berdasarkan kepada Manual Prosedur Kerja bagi Projek Menternak Kerbau, rekod bagi setiap ekor ternakan perlu disediakan bertujuan mengenalpasti kemajuan ternakan sepanjang masa. Rekod ternakan tersebut mengandungi maklumat seperti nombor pengenalan, berat badan semasa lahir, berat badan semasa diceraikan susu, rekod suntikan, rawatan yang diberi dan hasil *post-mortem* yang dilakukan terhadap ternakan yang mati sepanjang masa. Semakan Audit mendapati rekod ternakan bagi setiap ekor ternakan kerbau ada disediakan dan diselenggara dengan kemas kini. Bagaimanapun, rekod ternakan bagi setiap ekor ternakan rusa tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod ternakan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Jabatan menyediakan rekod bagi setiap ekor ternakan rusa bagi mengumpul maklumat berkaitan untuk memudahkan kerja penyelidikan dan pemantauan.

25.2.2 Pembiakan/Pemilihan Baka Ternakan

a) Aktiviti Penyelidikan Terhadap Pengeluaran Baka Yang Bermutu

Aktiviti penyelidikan adalah merupakan salah satu bidang yang penting bagi menyokong aktiviti penternakan. Program penyelidikan meliputi segala aspek penternakan seperti pemakanan, kesihatan dan penyakit. Melalui penyelidikan yang dijalankan itu, teknik penternakan dapat dipertingkat dan disesuaikan dengan keadaan tempatan. Selain itu, ia juga dapat menyelidik punca kematian ternakan dan mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Semakan Audit mendapati Ladang Ternakan di Telupid tidak menjalankan sebarang aktiviti penyelidikan ternakan memandangkan tidak terdapat pegawai penyelidik di ladang tersebut untuk menjalankan aktiviti penyelidikan. Penyelidikan dilakukan di Makmal Diognosa di Kepayan Kota Kinabalu. Bagaimanapun, pihak ladang ternakan Jabatan di Telupid menjalankan penyelidikan terhadap pembiakan secara semula jadi iaitu antara kerbau betina tempatan dengan kerbau jantan dari Australia.

Pada pendapat Audit, aktiviti penyelidikan oleh Jabatan adalah tidak memuaskan kerana tidak semua pusat menjalankan penyelidikan.

Bagaimanapun, Jabatan telah berjaya menghasilkan baka yang bermutu melalui kacukan semula jadi di Telupid.

b) Kriteria Pembiakan/Pemilihan Baka Ternakan

Fungsi utama pusat ternakan kerbau dan rusa di Telupid termasuklah membiak baka ternakan yang bermutu tinggi untuk dijual kepada penternak bagi ternakan kerbau dan untuk ternakan rusa pula untuk dijual serta diagihkan secara pawah. Bagi memastikan pembiakan baka ternakan adalah yang terbaik dan bermutu tinggi, pihak Jabatan telah menetapkan beberapa aspek yang perlu diambil perhatian sewajarnya seperti berikut:

i) Pengurusan Pembiakan

Anak ternakan yang baru dilahirkan, hendaklah dikendalikan dengan baik seperti mengenal pasti induk. Rawatan seperti tali pusat dicelup dengan iodine, pemberian suntikan *antibiotic*, vitamin dan ubat cacing juga perlu dibuat terhadap anak ternakan tersebut. Selain itu, penyediaan rekod seperti tarikh lahir, berat, jantina dan penandaan nombor pengenalan juga perlu dilakukan dan dicatat dalam kad daftar bagi mengenal identiti anak ternakan tersebut. Bagi ternakan kerbau, anak dan induk mestilah ditempatkan bersama dalam padok sehingga tempoh cerai susu iaitu mencapai berat 150 kilogram atau berumur 6 hingga 8 bulan. Makanan berkhasiat dan air minum yang bersih juga hendaklah mencukupi. Semakan Audit mendapati, bagi ternakan kerbau kriteria ini dipatuhi dan maklumat berkenaan telah direkod dalam Kad Daftar Individu yang disediakan bagi setiap ternakan. Bagaimanapun, bagi ternakan rusa pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kriteria ini dipatuhi oleh kerana Kad Daftar Individu tidak diselenggarakan.

Pada pendapat Audit, Kad Daftar Individu bagi ternakan rusa perlu disediakan untuk memudahkan kerja pemantauan serta untuk memastikan pengurusan pembiakan ternakan tersebut dibuat dengan teratur.

ii) Pemilihan Dara Pengganti Dan Pejantan Muda

Dara Pengganti (*heifer*) adalah kerbau/rusa betina muda yang dipilih menjadi induk baru manakala Pejantan Muda (*young bull*) pula adalah kerbau/rusa jantan muda yang dipilih untuk menggantikan kerbau/rusa pejantan tua. Pemilihan dara pengganti dan pejantan muda penting bagi menghasilkan baka yang bermutu. Antara ciri-ciri dara pengganti termasuklah mempunyai cukup

sifat kebetinaan dari aspek penyusuan serta cergas dan mempunyai kadar tumbesaran yang baik.

Manakala ciri-ciri pejantan muda pula ialah dari segi bentuk fizikal yang cukup sihat seperti kaki dan paha yang bulat dan tidak cacat anggota badan serta organ reproduksi yang sempurna. Dengan adanya ciri-ciri yang telah ditetapkan, baka ternakan yang dihasilkan akan lebih baik dan bermutu.

Pemeriksaan fizikal Audit mendapati bagi ternakan kerbau kriteria ini dipatuhi dan maklumat berkenaan direkod dalam Kad Daftar Individu yang disediakan. Bagaimanapun, bagi ternakan rusa pemilihan dara pengganti dan pejantan muda belum dimulakan.

Pada pendapat Audit, pemilihan dara pengganti dan pejantan muda bagi ternakan rusa juga perlu dijalankan untuk memastikan penghasilan baka ternakan rusa yang bermutu.

iii) Pemeriksaan Kesihatan

Pemeriksaan kesihatan adalah antara aktiviti yang dilaksanakan dalam proses pemilihan baka yang baik. Kriteria baka yang baik untuk dijadikan sebagai pejantan muda atau dara pengganti mempunyai berat 250 kilogram bagi ternakan kerbau dan 60 kilogram bagi ternakan rusa. Untuk itu aktiviti penimbangan disusuli dengan pemeriksaan lain seperti kesihatan, kebuntingan, kecacatan anggota fizikal, tanda pengenalan, gelang hidung dan pengasingan anak dari induk (cerai susu) bagi anak yang telah mencapai berat dan tempoh yang ditetapkan juga dilakukan. Baka yang memenuhi kriteria dari segi fizikal yang baik, mencapai berat badan yang ditetapkan dan mendapat rawatan yang secukupnya akan ditempatkan dalam ternakan terpilih untuk dimajukan sebagai induk. Manakala bagi ternakan yang sudah tua dan tidak produktif akan diasingkan untuk dijual.

Semakan Audit mendapati aktiviti penimbangan dan lain-lain pemeriksaan ada dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan bagi ternakan kerbau tetapi belum dimulakan bagi ternakan rusa.

Pada pendapat Audit, aktiviti pemeriksaan ternakan yang dijalankan dapat membantu pengasingan ternakan serta dapat memilih baka yang baik.

25.2.3 Punca Dan Cara Baka Diperoleh

Bagi menjamin supaya baka ternakan yang diperlukan adalah mencukupi, Jabatan menggunakan 2 kaedah dan cara baka ternakan kerbau dan rusa diperolehi seperti berikut:

a) Pembiakan Di Ladang Ternakan

Jabatan mempunyai sebuah ladang ternakan kerbau dan 2 buah ladang ternakan rusa di Telupid. Ladang ini menguruskan segala aktiviti pengurusan ternakan termasuklah penempatan pejantan dan induk dalam satu kawasan untuk tujuan pembiakan secara semula jadi. Kelahiran anak rusa dan kerbau akan menambah bilangan ternakan yang sedia ada dan akan menjadi baka ternakan.

Baka ternakan kerbau yang dibiak di ladang ternakan Jabatan di Telupid dijual kepada penternak yang berminat manakala bagi baka ternakan rusa pula ianya sama ada dijual atau diagihkan secara pawah. Bagi ternakan yang tidak produktif untuk dibiak (takai) akan dijual kepada orang awam. Ternakan yang tidak produktif untuk dibiak adalah merujuk kepada ketidaksuburan ternakan, sifat ternakan yang liar dan ganas serta selalu menyerang ternakan yang lain.

Jadual 57 menunjukkan bilangan ternakan yang telah dibiak di ladang ternakan Jabatan di Telupid yang telah dijual bagi ternakan kerbau dan dijual atau diagihkan secara pawah bagi ternakan rusa pada tahun 2004 hingga 2006.

Jadual 57
Bilangan Ternakan Kerbau Dan Rusa Yang Telah Dijual/Diagihkan Secara
Pawah Daripada Ladang Ternakan Jabatan Di Telupid
Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Jenis Ternakan	Jualan/Agihan Secara Pawah		Bilangan Jualan/Agihan (Ekor)
2004	Kerbau	Jualan	Baka	11
			Takai	10
	Rusa	Jualan	Baka	-
			Takai	2
		Agihan Secara Pawah	Baka	40
2005	Kerbau	Jualan	Baka	-
			Takai	27
	Rusa	Jualan	Baka	-
			Takai	5
		Agihan Secara Pawah	Baka	60
2006	Kerbau	Jualan	Baka	39
			Takai	41
	Rusa	Jualan	Baka	1
			Takai	19
		Agihan Secara Pawah	Baka	17

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Nota: Takai – Tidak Produktif

Pada Pendapat Audit, pembiakan ternakan di ladang perlu diteruskan dan dipertingkatkan untuk menjamin bekalan baka ternakan yang berterusan.

b) Baka Diimport/Dibeli

Selain daripada baka ternakan yang dibiak di ladang ternakan, Jabatan juga mengimport baka atau membeli daripada penternak tempatan untuk diagihkan kepada penternak di bawah sistem pawah dan transformasi. Penternak di bawah sistem pawah adalah penternak secara kecil-kecilan yang mendapat agihan baka ternakan untuk memulakan penternakan. Manakala penternak yang mendapat agihan baka ternakan di bawah sistem transformasi pula adalah penternak yang sudah mempunyai ladang ternakan dan memiliki sekurang-kurangnya 10 ekor

induk di samping mengamalkan pengurusan penternakan moden. Agihan baka ternakan di bawah sistem transformasi adalah untuk meningkatkan lagi penghasilan ternakan secara komersial. Baka ternakan kerbau dan rusa yang diimport/dibeli pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 58**.

Jadual 58

**Ternakan Kerbau Dan Rusa Yang Diimport/Dibeli
Pada Tahun 2004 Hingga 2006**

Tahun	Perkara	Jenis Ternakan	
		Kerbau	Rusa
2004	Bilangan Diimport/Dibeli (Ekor)	95	80
	Harga (RM)	266,000	200,000
	Diimport/Dibeli Dari	Sabah	Sabah
	Bilangan Ditempatkan Ke Ladang Jabatan Di Telupid (Ekor)	49	-
2005	Bilangan Diimport/Dibeli (Ekor)	207	300
	Harga (RM)	741,060	750,000
	Diimport/Dibeli Dari	Australia	Sarawak
	Bilangan Ditempatkan Ke Ladang Jabatan Di Telupid (Ekor)	207	-
2006	Bilangan Diimport/Dibeli (Ekor)	625	700
	Harga (RM)	2,237,500	1,750,000
	Diimport/Dibeli Dari	Australia	Sarawak
	Bilangan Ditempatkan Ke Ladang Jabatan Di Telupid (Ekor)	481	-

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit, baka ternakan yang diimport/dibeli dapat membantu menambah bilangan baka ternakan yang boleh diagihkan kepada penternak di bawah sistem pawah dan transformasi.

25.2.4 Pemilihan Penternak

Mulai RMKe-6, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pawah Menternak Kerbau yang dikelolakan oleh Jabatan bertujuan untuk membantu meningkatkan sosio ekonomi peserta projek. Selain itu, skim ini juga bertujuan untuk meningkatkan bilangan ternakan kerbau di Sabah dan meningkatkan pengurusan atau pengendalian ternakan di luar bandar. Skim Pawah Menternak Rusa pula mulai diperkenalkan pada RMKe-8 bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran daging dan baka rusa serta untuk meningkatkan pendapatan penternak.

Penternak yang berminat boleh memohon dengan mengisi borang yang ditetapkan. Borang permohonan yang diterima perlu didaftar dan diproses dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan diterima. Pemohon perlu memenuhi beberapa syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan.

Senarai nama keseluruhan penternak di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan di Kota Kinabalu tidak dapat disemak oleh kerana rekod tidak kemas kini. Rekod penternak tidak dapat disemak keseluruhannya memandangkan Borang Permohonan Penternak yang mengandungi butir-butir maklumat tentang syarat kelayakan penternak yang telah ditetapkan tidak dapat dikemukakan untuk semakan. Dari 33 permohonan yang dipilih untuk diaudit 10 permohonan atau 30.3% telah dikemukakan. Selain dari itu jumlah sebenar pemohon tidak dapat ditentukan memandangkan tidak ada rekod lengkap mengenainya. Semakan Audit terhadap permohonan tersebut mendapati kriteria pemilihan peserta yang ditetapkan telah dipatuhi. Manakala baki 23 permohonan atau 69.7% tidak dapat disahkan sama ada telah memenuhi kriteria pemilihan.

Pada pendapat Audit, rekod permohonan perlu diselenggarakan dengan teratur bagi menentukan maklumat penting diperolehi. Kegagalan melaksanakan tugas penyelenggaraan rekod dengan baik menjejaskan sistem maklumat yang sistematik.

25.2.5 Perjanjian Dengan Penternak

Pemohon yang berjaya dipilih sebagai penternak skim pawah disyaratkan menandatangani perjanjian dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Perjanjian ini mensyaratkan penternak dapat membayar balik ternakan seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian yang dibuat. Syarat-syarat lain adalah seperti berikut:

- a) Penternak hendaklah memulangkan kepada Kerajaan jumlah anak pertama (jantan/betina) sebanyak jumlah yang telah dipawahkan dengan syarat anak ternakan mestilah sihat dan berumur antara 6 hingga 8 bulan bagi kerbau dan 6 bulan bagi rusa yang sudah dicerai susu.
- b) Penternak hendaklah menjaga dengan sempurna ternakan yang dipawahkan.
- c) Membayar ganti rugi kepada Kerajaan terhadap kehilangan atau kecederaan ternakan yang timbul dari kecuaian pihak penternak.
- d) Tidak boleh menjual atau memindah milik tanpa kebenaran bertulis daripada Kerajaan.

Semakan Audit terhadap 33 perjanjian untuk 33 peserta mendapati surat perjanjian bagi 10 penternak atau 30.3% tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan. Oleh itu pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada surat perjanjian bagi 10 penternak tersebut ada disediakan atau pun tidak. Bagi peserta yang menandatangani perjanjian semakan Audit mendapati syarat-syarat dipatuhi dengan sewajarnya.

Pada pendapat Audit, surat perjanjian ini adalah perlu untuk memastikan para penternak yang mendapat agihan baka ternakan mematuhi semua syarat perjanjian dan menjayakan aktiviti ternakan.

25.2.6 Penjualan Ternakan

Penjualan ternakan kerbau dan rusa adalah bergantung kepada permintaan daripada pembeli dan juga bilangan ternakan yang boleh dijual. Ternakan yang dijual terbahagi kepada 2 kategori iaitu penjualan baka kepada penternak untuk dibiak semula dan penjualan kepada orang awam bagi ternakan yang tidak produktif untuk dibiak (takai). Pada tahun 2006 jumlah penjualan takai bagi ternakan kerbau adalah sebanyak 41 ekor berbanding dengan penjualan baka yang hanya 39 ekor. Butir-butir penjualan bagi ternakan kerbau dan rusa pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 59** dan **Jadual 60**.

Jadual 59
Jualan Ternakan Kerbau Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Jualan					
	Baka		Takai		Jumlah	
	Bilangan Jualan (Ekor)	Nilai Jualan (RM)	Bilangan Jualan (Ekor)	Nilai Jualan (RM)	Bilangan Jualan (Ekor)	Nilai Jualan (RM)
2004	11	13,615	10	12,787	21	26,402
2005	-	-	27	38,552	27	38,552
2006	39	62,992	41	55,947	80	118,939

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Jadual 60
Jualan Ternakan Rusa Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Jualan					
	Baka		Takai		Jumlah	
	Bilangan Jualan (Ekor)	Nilai Jualan (RM)	Bilangan Jualan (Ekor)	Nilai Jualan (RM)	Bilangan Jualan (Ekor)	Nilai Jualan (RM)
2004	-	-	2	1,000	2	1,000
2005	-	-	5	2,650	5	2,650
2006	1	420	19	8,300	20	8,720

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mengambil langkah untuk mengenal pasti punca dan cara untuk mengurangkan bilangan ternakan yang tidak produktif untuk dibiak (takai).

25.2.7 Rawatan Ternakan

a) Ternakan Kerbau

Program rawatan ternakan kerbau yang dijalankan oleh pusat ternakan adalah penyuntikan vaksin hawar berdarah (*haemorrhagic septicemia*), pemberian ubat cacing dan pembasmian kutu. Rawatan tidak dapat dibuat secara serentak bagi semua ternakan disebabkan pengumpulan ternakan ke kandang rawatan mengambil masa yang lama dan beperingkat-peringkat bagi mengelakkan ternakan mengalami *stress*. Ini menyebabkan ternakan yang mengalami *stress* yang

berpanjangan akan menyebabkan daging ternakan menjadi kenyal dan kualiti daging ternakan terjejas. Bagi mengatasi masalah ini rawatan segera dilakukan jika terdapat ternakan yang sakit semasa rondaan ladang dibuat. Punca dan bilangan kematian ternakan kerbau pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Punca Dan Bilangan Kematian Ternakan Kerbau
Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Bil.	Punca Kematian	Jumlah Mengikut Tahun (Ekor)		
		2004	2005	2006
1.	Dipanah Petir	1	1	-
2.	Tua & Uzur	1	3	-
3.	Ditanduk	3	3	4
4.	Diserang Anjing	3	7	13
5.	Dipatuk Ular	-	2	1
6.	Distokia	1	1	2
7.	Kemalangan	5	4	3
8.	Sakit (Lemah Dan Kurus)	8	17	79
9.	Tidak Dipedulikan	1	-	1
10.	Mati Semasa Dilahirkan	4	3	3
Jumlah		27	41	106

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Lawatan Audit ke ladang penternak mendapati rawatan susulan juga dibuat terhadap ternakan yang diagihkan. Rawatan seperti memberi vaksin hawar berdarah dibuat mengikut jadual yang ditetapkan manakala rawatan seperti pencegahan cacing dan kutu, sakit, luka, kurus dan lemah dibuat mengikut keperluan penternak dengan menghubungi Pejabat Haiwan di daerah tersebut. Bagaimanapun berdasarkan kepada jumlah kematian yang meningkat setiap tahun di ladang Jabatan, tindakan yang lebih positif perlu diambil. Contohnya pada tahun 2006, kematian akibat sakit ialah 79 ekor. Sebahagian besar kerbau yang mati adalah dari jenis yang diimport dari Australia.

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan perlu mengambil langkah yang lebih positif bagi penjagaan kesihatan ternakan kerbau, berdasarkan kadar kematian yang tinggi mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian.

b) Ternakan Rusa

Bagi ternakan rusa, rawatan dibuat sekiranya ternakan berkenaan menunjukkan tanda-tanda sakit. Ini kerana, ternakan rusa bukan jenis haiwan yang jinak dan jika ternakan ini mengalami *stress* yang berlebihan akan menyebabkan ternakan

tersebut mati secara mendadak. Perkara ini menyebabkan rawatan berjadual sukar diberikan terhadap ternakan berkenaan. Proses rawatan juga perlu dibuat di dalam *dark room* kerana ternakan ini agak sukar untuk dikawal. Punca kematian dan bilangan ternakan rusa pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Punca Kematian dan Bilangan Ternakan Rusa
Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Bil.	Punca Kematian	Jumlah Mengikut Tahun (Ekor)		
		2004	2005	2006
1.	Berlaga	12	1	5
2.	Dipanah Petir	5	2	2
3.	Tua & Uzur	7	3	-
4.	Ditanduk	7	4	3
5.	Diserang Binatang Buas	-	5	-
6.	Diserang Anjing	33	22	11
7.	Dipatuk Ular	7	-	3
8.	Distokia	-	-	2
9.	Kemalangan	-	-	1
10.	Sakit (Lemah Dan Kurus)	5	-	-
Jumlah		76	37	27

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan telah mengambil langkah yang perlu bagi penjagaan kesihatan ternakan rusa, berdasarkan penurunan jumlah kematian dari tahun 2004 hingga 2006.

25.2.8 Sasaran Produktiviti Tahunan

a) Ternakan Kerbau

Semakan Audit terhadap aktiviti penternakan kerbau mendapati perkara seperti berikut:

i) Penggunaan Tanah

Mengikut rekod Jabatan tapak tanah yang telah digunakan adalah seluas 303.11 hektar atau 96% daripada 315.25 hektar. Berdasarkan keluasan tanah yang telah dibangunkan pihak ladang telah memaksimumkan penggunaan tanah.

Menurut pengurus ladang ternakan Jabatan di Telupid, norma keluasan tanah yang diperlukan bagi satu ekor kerbau adalah 0.5 hektar. Manakala populasi ternakan kerbau yang direkodkan pada akhir tahun 2006 adalah berjumlah 710 ekor. Oleh itu, berdasarkan norma keluasan tanah yang diperlukan, 710 ekor kerbau memerlukan 355 hektar tanah. Ini bermakna populasi ternakan kerbau

yang boleh ditampung dengan keluasan tanah yang telah dibangunkan telah melebihi norma keluasan tanah yang diperlukan. Bagaimanapun, menurut pengurus ladang ternakan Jabatan di Telupid sistem *fidlot* belum dilaksanakan sepenuhnya. Sistem *fidlot* hanya dilaksanakan bagi anak ternakan yang telah diceraikan susu sahaja.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mengambil kira keluasan tanah dan memperkenalkan sistem *fidlot* untuk menampung populasi ternakan kerbau yang meningkat berdasarkan norma keluasan tanah yang diperlukan.

ii) Produktiviti Kerbau

Pencapaian produktiviti pembiakan ternakan kerbau di Telupid pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 63**.

Jadual 63
Produktiviti Pembiakan Ternakan Kerbau
Di Telupid Berbanding Sasaran Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Perkara	Produktiviti Ternakan			
		Populasi	Kelahiran	Kematian	Penjualan
2004	Sasaran (Ekor)	271	70	30	40
	Pencapaian (Ekor)	306	60	27	21
	Peratus Pencapaian	112.9%	85.7%	90.0%	52.5%
2005	Sasaran (Ekor)	463	75	24	91
	Pencapaian (Ekor)	491	73	41	27
	Peratus Pencapaian	106.0%	97.3%	170.8%	29.7%
2006	Sasaran (Ekor)	336	70	46	63
	Pencapaian (Ekor)	710	45	106	80
	Peratus Pencapaian	211.3%	64.3%	230.4%	127.0%

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Pada tahun 2006 populasi ternakan kerbau di pusat ternakan kerbau di Telupid adalah berjumlah 710 ekor. Peratus pencapaian populasi yang mencecah sehingga 211.3% berbanding dengan sasaran adalah disebabkan tambahan ternakan kerbau yang diimport yang telah dihantar ke ladang ternakan Jabatan di Telupid. Selain itu, peratus kematian ternakan pada tahun 2005 dan 2006 adalah tinggi iaitu masing-masing 170.8% dan 230.4%.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mengambil langkah untuk mengenal pasti serta mengurangkan jumlah kematian ternakan kerbau.

b) Ternakan Rusa

Semakan Audit terhadap aktiviti penternakan rusa mendapati perkara seperti berikut:

i) Penggunaan Tanah

Keluasan tanah bagi ternakan rusa yang telah dibangunkan di ladang Telupid adalah 174.02 hektar daripada jumlah keluasan sepenuhnya iaitu 376.36 hektar. Antara faktor yang menyebabkan keluasan tanah yang dibangunkan hanya 46.2% adalah kerana kekurangan kakitangan serta tidak ada peruntukan untuk membangun dan memagar kawasan ladang ternakan.

Menurut pengurus ladang ternakan Jabatan di Telupid, norma keluasan tanah yang diperlukan bagi satu ekor rusa adalah 0.1 hektar. Manakala populasi ternakan rusa yang direkodkan pada akhir tahun 2006 adalah berjumlah 459 ekor. Berdasarkan norma keluasan tanah yang diperlukan, 459 ekor rusa memerlukan 45.9 hektar tanah. Oleh itu keluasan tanah melebihi populasi ternakan rusa yang ada.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mengambil langkah untuk meningkatkan penghasilan baka ternakan rusa supaya kawasan tanah yang telah dibangunkan dapat digunakan secara maksimum.

ii) Produktiviti Rusa

Pusat penternakan rusa Jabatan di Telupid menternak rusa jenis *Timorensis* dan *Axis-axis*. Mengikut rekod yang telah dikeluarkan oleh pihak ladang ternakan Jabatan di Telupid populasi ternakan rusa pada tahun 2006 adalah berjumlah 459 ekor. Pencapaian produktiviti pembiakan ternakan rusa pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64
Pencapaian Produktiviti Pembiakan Ternakan Rusa
Di Telupid Berbanding Sasaran Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Perkara	Produktiviti Ternakan			
		Populasi	Kelahiran	Kematian	Penjualan
2004	Sasaran (Ekor)	784	120	86	20
	Pencapaian (Ekor)	591	87	76	2
	Peratus Pencapaian	75.4%	72.5%	88.4%	10.0%
2005	Sasaran (Ekor)	798	100	88	20
	Pencapaian (Ekor)	544	56	37	5
	Peratus Pencapaian	68.2%	56.0%	42.0%	25.0%
2006	Sasaran (Ekor)	790	80	87	20
	Pencapaian (Ekor)	459	40	27	20
	Peratus Pencapaian	58.1%	50.0%	31.0%	100%

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Berdasarkan jadual di atas, analisis Audit menunjukkan kadar kematian rusa berkurangan tetapi populasi rusa berkurangan akibat kadar kelahiran yang berkurangan.

Pada pendapat Audit, aktiviti pembiakan rusa di ladang ternakan Telupid hendaklah dipertingkatkan untuk menambah baka pembiak berdasarkan tambahan yang kian meningkat di kalangan pembeli dari 2 ekor pada tahun 2004 kepada 20 ekor pada tahun 2006.

25.2.9 Keselamatan Ladang Ternakan

a) Ladang Pembiakan Ternakan Kerbau

Pusat Pembiakan Ternakan di ladang Sebrang Lipaso, Telupid mempunyai satu pintu masuk utama, namun demikian pintu masuk tersebut tidak mempunyai pondok pengawal. **Foto 25** menunjukkan pintu masuk utama bagi projek ternakan kerbau di ladang Sebrang Lipaso, Telupid. Lawatan Audit ke ladang ternakan itu mendapati kawasan ladang ternakan tersebut telah dipagar.

Foto 25
Pemandangan Pintu Masuk Utama Tiada Pondok Pengawal Keselamatan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Ternakan Kerbau Di Telupid

Adalah diperhatikan tiada jawatan Pengawal Keselamatan diwujudkan di pusat ternakan Telupid. Oleh itu, rondaan ladang dijalankan oleh pengurus ladang dan pada waktu malam pekerja ladang akan membuat rondaan secara bergilir. Sungguhpun demikian pengawasan ini tidak dibuat setiap hari oleh kerana belum ada penetapan bagi kawalan keselamatan sedemikian diperuntukkan. Oleh itu kematian ternakan akibat serangan anjing liar dan pencerobohan masih berlaku.

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan di pusat ternakan ini hendaklah diberi perhatian sewajarnya.

b) Ladang Pembiakan Ternakan Rusa

Projek Ternakan Rusa di Telupid melibatkan 2 tempat yang berasingan yang mana pada tahun 1994 seluas 80.94 hektar (Projek Pembangunan Rusa I) telah dibangunkan bersebelahan dengan Projek Ternakan Kerbau. Projek Pembangunan Rusa I ini menggunakan laluan pintu masuk utama yang sama dengan projek ternakan kerbau. Manakala pada tahun 2002 seluas 93.08 hektar lagi (Projek Pembangunan Rusa II) telah dibangunkan bersebelahan dengan projek Pembiakan Kambing di ladang Entilibon, Telupid dan pintu masuk utama adalah seperti di **Foto 26**.

Foto 26
Pemandangan Di Pintu Masuk Utama Projek
Pembangunan Rusa II Sama Digunakan Projek Ternakan Kerbau



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembiakan Kambing Dan Rusa Di Entilibon, Telupid

Menurut pengurus ladang ternakan Jabatan di Telupid, kerja pemagaran ladang telah dilaksanakan sepenuhnya di kawasan Projek Pembangunan Rusa I. Manakala di kawasan Projek Pembangunan Rusa II hanya 12.1 hektar sahaja yang telah dipagar daripada 93.08 hektar yang telah dibangunkan. Semakan Audit juga mendapati hanya seorang kakitangan bergaji hari ditugaskan di Kawasan Projek Pembangunan Rusa II yang mana pekerja tersebut bertugas untuk memberi makanan tambahan dan juga sebagai penjaga keselamatan ternakan.

Pada pendapat Audit, pekerja di Pusat Pembangunan Rusa II hendaklah ditambah agar kerja pengawasan dan penjagaan pemakanan ternakan dapat dibuat secara bergilir.

25.2.10 Pencapaian Skim Penternakan


Pencapaian skim ternakan dapat dinilai dari sudut penghasilan baka, penternak berpengetahuan, pengagihan dan impak terhadap pelaksanaan seperti berikut:

a) Baka Ternakan Kerbau Dan Rusa

Ternakan kerbau yang terdapat di ladang ternakan Jabatan di Telupid antaranya adalah hasil daripada kacukan dari pejantan yang diimport dari Australia seperti di **Foto 27**. Kerbau yang diimport ini adalah jenis "Murrah" (*Riverine Buffaloes*) dan dikacukkan dengan kerbau tempatan (*Swamp Buffaloes*). Hasil kacukan ini

mendapati kerbau kacukan Murrah-Tempatan memiliki kesuburan serta pertumbuhan saiz badan yang tinggi berbanding dengan baka kerbau tempatan. Selain itu, kadar kelahiran dapat ditingkatkan dengan adanya pengurusan, pembiakan dan pemakanan yang baik. Kerja penyelidikan akan terus difokuskan kepada pembiakan, pemakanan dan kaedah pengurusan moden ke arah meningkatkan pengeluaran baka ternakan kerbau.

Foto 27
Baka Kerbau



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : Ladang Ternakan Kerbau Di Telupid

Bagi projek pembangunan rusa di Telupid pula adalah tertumpu kepada pembiakan rusa jenis *Timorensis* seperti di **Foto 28** dan rusa jenis *Axis-axis*.

Foto 28
Pembiakan Rusa Jenis Timorensis



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : Ladang Ternakan Rusa Di Telupid

Pada pendapat Audit, Jabatan telah berjaya menghasilkan baka yang bermutu untuk pembiakan di peringkat ladang dan penternak awam.

b) Latihan Kepada Penternak

Latihan kepada penternak adalah perlu untuk melahirkan usahawan ternakan yang berjaya dan berdaya saing. Penternak yang telah dipilih untuk menyertai skim pawah perlu menghadiri latihan yang dianjurkan oleh Jabatan bagi memastikan bakal penternak mempunyai pengetahuan berkaitan.

Objektif latihan kepada penternak antara lain adalah untuk melatih dan memindahkan kemahiran dan pengetahuan penternakan moden kepada penternak untuk mewujudkan kumpulan penternak yang maju. Jenis kursus yang dijalankan adalah kursus asas penternakan kerbau dan kursus asas penternakan rusa. Latihan ini diurus dan dikendalikan oleh Unit Latihan Pusat Pengurusan Veterinar di Tuaran. Pada tahun 2004 hingga 2006 jumlah penternak yang mendapat latihan bagi ternakan kerbau dan rusa adalah seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65
Bilangan Penternak Mendapat Kursus Asas
Penternakan Kerbau Dan Rusa
Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	2004		2005		2006	
Kursus Asas Penternakan	Kerbau	Rusa	Kerbau	Rusa	Kerbau	Rusa
Sasaran (Orang)	12	20	11	18	8	17
Bilangan Penternak Mendapat Kursus (Orang)	10	31	10	18	9	20
Peratus Pencapaian (%)	83.3	155.0	90.9	100	112.5	117.6

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Bilangan penternak yang mengikuti kursus asas penternakan kerbau dan rusa pada tahun 2004 dan 2006 adalah melebihi sasaran oleh kerana terdapat peserta dari luar skim pawah memohon mengikuti kursus asas penternakan dan diluluskan oleh pihak Jabatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kesemua penternak yang menyertai skim ternakan kerbau dan rusa telah diberi latihan sebelum menyertai skim oleh kerana ketiadaan rekod latihan bagi peserta tersebut.

Pada pendapat Audit, pendekatan yang dilaksanakan oleh Jabatan yang menghendaki setiap bakal penternak menghadiri kursus asas penternakan adalah baik dan ini perlu diteruskan dan disokong dengan rekod yang berkaitan.

c) Pengagihan Baka Ternakan

Penternak yang berjaya dipilih untuk mengikuti Skim Pawah Menternak Kerbau dan Rusa akan dibekalkan dengan baka ternakan setelah memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh Jabatan. Baka ternakan kerbau dan rusa diperolehi melalui dua cara iaitu baka yang diimport/dibeli dan juga baka yang dibiak di ladang ternakan Jabatan. Bagi baka ternakan yang diimport/dibeli, penghantarannya adalah diurus oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan. Manakala bagi baka yang diternak di ladang ternakan Jabatan Haiwan di Telupid, penghantarannya diurus oleh pengurus ladang ternakan di Telupid. Butir-butir penternak di bawah skim pawah yang memperolehi baka ternakan kerbau dan rusa pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 66**.

Jadual 66
Bilangan Penternak Di Bawah Skim Pawah Yang Mendapat Agihan Baka
Ternakan Kerbau Dan Rusa Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Jenis Ternakan	Sasaran Bilangan Penternak	Bilangan Permohonan Yang Dilulus	Peratus Pencapaian Berbanding Dengan Sasaran (%)	Bilangan Penternak Di Bawah Skim Pawah Yang Mendapat Agihan Baka	Jumlah Agihan (Ekor)
2004	Kerbau	12	5	41.7	8	40
	Rusa	12	12	100.	10	366
2005	Kerbau	12	11	91.7	1	6
	Rusa	12	12	100	10	291
2006	Kerbau	12	8	66.7	16	115
	Rusa	12	14	116.7	10	294

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit, bilangan peserta skim pawah menternak kerbau dan rusa hendaklah ditingkatkan. Jabatan hendaklah mengambil langkah untuk menggalakkan penternak dengan meningkatkan promosi kepada orang awam serta meningkatkan kapasiti pengeluaran baka ternakan.

d) Impak Terhadap Pelaksanaan Projek

i) Populasi Kerbau Dan Rusa

Antara tujuan projek ternakan kerbau dan rusa diwujudkan adalah untuk mengatasi kekurangan ternakan kerbau dan rusa di Negeri Sabah. **Jadual 67** menunjukkan populasi ternakan kerbau dan rusa untuk tempoh 26 tahun mulai dari tahun 1981 hingga 2006.

Jadual 67
Populasi Ternakan Kerbau Dan Rusa Di Negeri Sabah
Bagi Tempoh Tahun 1981 Hingga 2006


Tahun	Jenis Ternakan	Jumlah (Ekor)
1981	Kerbau	65,000
	Rusa	56
1986	Kerbau	48,000
	Rusa	212
1991	Kerbau	44,700
	Rusa	407
1996	Kerbau	49,850
	Rusa	1,043
2001	Kerbau	52,000
	Rusa	1,998
2006	Kerbau	40,929
	Rusa	5,609

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Analisis Audit terhadap rekod populasi ternakan bagi tempoh 26 tahun mendapati populasi ternakan kerbau menurun daripada 65,000 ekor pada tahun 1981 kepada hanya 40,929 ekor sahaja pada tahun 2006. Oleh itu, terdapat penurunan sebanyak 37.03% bagi tempoh 25 tahun. Berdasarkan maklumat ini sambutan projek ternakan kerbau semakin berkurangan.

Bagi ternakan rusa pula terdapat peningkatan populasi di mana pada tahun 1981 jumlah ternakan rusa adalah berjumlah 56 ekor sahaja. Manakala pada tahun 2006 jumlah tersebut meningkat kepada 5,609 ekor. Terdapat peningkatan sebanyak 9,916% bagi tempoh 25 tahun. Oleh yang demikian sambutan terhadap ternakan rusa semakin meningkat. **Carta 11** menunjukkan trend sambutan terhadap ternakan kerbau dan rusa setiap lima tahun dari tahun 1981 hingga tahun 2006.

Carta 11
Populasi Ternakan Kerbau Dan Rusa Di Negeri Sabah
Pada Tahun 1981 Hingga 2006



Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit, projek ternakan kerbau perlu diteliti semula oleh kerana matlamat projek untuk meningkatkan hasil daging masih belum dicapai. Sungguhpun pihak Jabatan dapat mengeluarkan baka kerbau yang bermutu tetapi jumlah ternakan kerbau tidak mencapai sasaran. Manakala bagi ternakan rusa pula segala usaha perlu diteruskan memandangkan projek tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara.

ii) Prestasi Penternak Skim Pawah

Antara objektif skim pawah diperkenalkan adalah bertujuan untuk memperbanyakkan bilangan baka ternakan dan meningkatkan ekonomi penternak. Pihak Audit telah mengambil sampel 33 penternak yang berjaya mengikuti skim tersebut iaitu sebanyak 26 penternak kerbau dan 7 penternak rusa. Lawatan ke ladang penternak juga dilakukan terhadap 15 penternak kerbau dan kesemua penternak rusa. Semakan Audit di Jabatan Haiwan di daerah yang dilawati dan juga temu bual dengan penternak, mendapati seramai 8 orang penternak kerbau gagal menambah bilangan ternakan yang telah diagihkan. Bagaimanapun, bagi penternak rusa adalah didapati bilangan ternakan adalah bertambah dan menampakkan kemajuan.

Pemeriksaan selanjutnya mendapati wujudnya penternak yang tidak mengusahakan lagi ladang ternakan selepas menyelesaikan pinjaman skim pawah. Ladang ternakan terbiar dan tidak diurus seperti di **Foto 29**.

Foto 29
Gambar Ladang Ternakan Yang Terbiar Dan Tidak Diurus



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Penternak Di Kuala Penyu

Selain dari itu, prestasi penternak di bawah skim pawah secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 68**. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pendapatan penternak peserta skim pawah telah meningkat oleh kerana Jabatan tidak menyediakan rekod mengenai pendapatan penternak-penternak serta bancian tidak dibuat.

Jadual 68
Prestasi Penternak Peserta Skim Pawah Secara Keseluruhan

Jenis Ternakan	Jumlah Penternak Di Bawah Skim Pawah	Jumlah Penternak Yang Berjaya		Jumlah Penternak Yang Tidak Dapat Meneruskan Penternakan
		<i>High Achiever</i> (Penternak Yang Mempunyai 25 Ekor Ternakan Dan Ke Atas)	<i>Low Achiever</i> (Penternak Yang Mempunyai Kurang Daripada 25 Ekor Ternakan)	
Kerbau	103	9	89	5
Rusa	60	59	-	1

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah menjalankan bancian ke atas peserta skim pawah untuk menentukan sama ada skim ini berjaya meningkatkan pendapatan penternak.

25.2.11 Promosi Makan Daging Rusa

Menurut Jabatan Haiwan setakat ini belum ada kempen makan daging rusa dianjurkan secara terancang. Promosi adalah berbentuk `ad hoc' seperti atas permohonan atau semasa perayaan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu merancang aktiviti promosi sepanjang tahun sama ada bagi kegunaan domestik atau komersial.

25.2.12 Penternak Persendirian

Mengikut rekod Jabatan penternak persendirian yang berjaya dalam penternakan kerbau dan rusa di Negeri Sabah adalah seperti di **Jadual 69**. Jadual ini menunjukkan keluasan ladang penternak rusa di Keningau adalah 3.24 hektar sahaja. Bagaimanapun, penternak ini memiliki tanah berasingan seluas 32.38 hektar yang ditanam dengan rumput untuk makanan ternakan lembu dan rusa miliknya.

Jadual 69
Penternak Persendirian Yang Berjaya Dalam Penternakan
Kerbau Dan Rusa Di Negeri Sabah

Jenis Ternakan	Lokasi Ternakan	Bilangan Penternak	Bilangan Ternakan Pada Tahun 2006 (Ekor)	Keluasan Ladang Ternakan (Hektar)
Kerbau	Sipitang	1	76	40.47
Rusa	Keningau	1	650	3.24

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

25.2.13 Keperluan Sumber Manusia Dan Latihan

Menurut laporan tahun 2001 yang telah dikeluarkan oleh pihak ladang di Telupid bilangan anggota adalah mencukupi sehingga tahun 2002 apabila ladang baru Projek Pembangunan Rusa II di Entilibon seluas 93.08 hektar dibuka.

Semakan Audit mendapati jumlah kakitangan bagi Projek Ternakan Kerbau dan Rusa di Telupid termasuk Projek Pembangunan Rusa II adalah seramai 19 orang. Ianya terdiri daripada Pengurus Ladang Gred G32, dan dibantu oleh 10 orang kakitangan tetap dan 8 orang pekerja rendah awam yang bergaji hari. Pengurus Ladang bertanggungjawab bagi kedua-dua ladang ternakan kerbau dan rusa.

a) Tenaga Kerja Bagi Menyelia Pelaksanaan Dan Pemantauan

Menurut laporan tahunan yang dikeluarkan pada tahun 2005 peringkat ladang memerlukan tenaga pekerja tambahan bagi ladang ternakan kerbau dan rusa. Projek Pembangunan Rusa II pada masa sekarang dianggotai oleh seorang pekerja bergaji hari yang menguruskan ladang. **Jadual 70** menunjukkan dari 21 anggota yang diperlukan hanya 15 jawatan dilulus dan diisi untuk ladang kerbau dan dari 12 anggota yang diperlukan 4 jawatan sahaja dilulus dan diisi untuk mengurus ladang rusa.

Jadual 70
Kedudukan Bilangan Tenaga Kerja Yang Dilulus Dan Diisi
Berbanding Dengan Yang Diperlukan

Bil.	Jawatan	Gred	Pembiakan Ternakan Kerbau		Pembiakan Ternakan Rusa	
			Bilangan Diperlukan (Orang)	Bilangan Dilulus Dan Diisi (Orang)	Bilangan Diperlukan (Orang)	Bilangan Dilulus Dan Diisi (Orang)
1.	Penolong Pegawai Veterina	G32	1	1		
2.	Pembantu Veterinar	G17	1		1	1
3.	Penjaga Rekod Ternakan	N11	1		1	
4.	Pembantu Tadbir	N17	1	1	1	
5.	Pembantu Am Rendah	N1	2	2	1	
6.	Penjaga Stor	R6	2	2	1	
7.	Pekerja Rendah Awam	R1	8	8	4	3
8.	Pemandu Traktor	R3	1		1	
9.	Jaga Malam	R1	1		1	
10.	Tukang Kebun	R1	1			
11.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	2	1	1	
Jumlah			21	15	12	4

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Pada pendapat Audit, keperluan kakitangan berbanding dengan keluasan ladang serta bilangan ternakan yang dikendalikan perlu dikaji bagi mendapatkan bilangan pekerja yang mencukupi dan seterusnya penjagaan ternakan secara berkesan.

b) Latihan Kepada Kakitangan

Program latihan dan kursus untuk kakitangan dilaksanakan oleh pihak Ibu Pejabat yang bertempat di Unit Pusat Latihan Pengurusan Veterinar, Tuaran bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam menjalankan tugas pengembangan dan kegiatan pembangunan industri ternakan. Semakan Audit mendapati latihan diberikan kepada kakitangan yang berkaitan dengan asas pengurusan penternakan kerbau dan rusa. Pusat latihan ada menyediakan jadual tahunan berkaitan latihan yang akan dijalankan pada setiap tahun. Dari jumlah latihan yang disediakan yang berkaitan dengan penternakan rusa seramai 21 orang kakitangan telah menjalani latihan di pusat tersebut pada tahun 2005. Pada tahun 2006, kakitangan ladang mendapat latihan pengendalian jentera ladang. Manakala pada tahun 1998, dua orang kakitangan telah menghadiri kursus di luar negara berkaitan dengan pengurusan penternakan rusa.

Pada pendapat Audit, latihan perlu diberi dari semasa ke semasa kepada kakitangan yang terlibat dengan kerja penyeliaan penternakan.

25.2.14 Keperluan Peralatan Dan Kelengkapan

Kenderaan yang sesuai adalah amat diperlukan di ladang bagi tujuan mengangkut peralatan ladang, makanan ternakan, baja pastura dan kemudahan pergi dan balik ke ladang. Semakan Audit mendapati terdapat peralatan dan kelengkapan termasuk kenderaan berada dalam keadaan yang tidak selamat serta tidak boleh digunakan lagi. Butiran kenderaan yang terdapat di ladang ternakan Jabatan di Telupid adalah seperti di **Jadual 71**.

Jadual 71
Butiran Kenderaan Yang Terdapat
Di Ladang Ternakan Telupid

Bil.	Butiran Kenderaan	Tahun Diperolehi	Keadaan Sekarang
1.	Traktor New Holland Ford TS 90 – 4WD Agriculture	2000	Baik
2.	Trooper Bighorn- Pacuan 4 Roda 4WD- Angkatan Hebat	-	Baik
3.	Lori 3.9 NPR ISUZU	1995	Rosak
4.	Pick Up- ISUZU TFS 54	1994	Rosak
5.	Traktor Massey Ferguson	-	Rosak
6.	Ford 6610 4WD	1989	Rosak
7.	Traktor Massey Ferguson 290 SG 1482	1980	Baik
8.	Traktor Massey Ferguson 4WD	1993	Baik
9.	Traktor Massey Ferguson 290 SG1481	1980	Rosak
10.	ISUZU Invader – Pick Up Crew Cab	2002	Baik
11.	Lori ISUZU FORWARD 8 Tan	-	Baik

Sumber: Rekod Pusat Ternakan Ruminan Jabatan Di Telupid

Semakan Audit mendapati dari 11 kenderaan hanya 6 buah kenderaan sahaja masih digunakan. Oleh itu ladang hanya dibekalkan dengan 54.5% dari keperluan dan terdapat kenderaan yang digunakan itu dalam keadaan daif dan uzur.

Pada pendapat Audit, keperluan kemudahan peralatan hendaklah diambil perhatian sewajarnya untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan projek ini.

25.2.15 Peruntukan Yang Diluluskan Dan Pembayaran

Pihak ladang ada menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri bagi projek ternakan kerbau dan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi projek ternakan rusa untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan ladang. Pihak ladang juga ada mengemukakan anggaran perbelanjaan yang diperlukan untuk tahun berikutnya pada tahun semasa kepada pihak Ibu Pejabat untuk dipertimbangkan. Bagaimanapun, peruntukan yang diterima adalah lebih rendah daripada yang dimohon. Temu bual dengan Ketua Bahagian di Ibu Pejabat mendapati perbelanjaan di peringkat ladang hanya bergantung kepada jumlah peruntukan yang akan diperolehi. Jumlah perbelanjaan bagi Projek Ternakan Kerbau dan Rusa di Telupid pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 72**. **Pada pendapat Audit, keperluan**

perbelanjaan tahunan perlu diambil perhatian sewajarnya untuk menentukan aktiviti projek ternakan kerbau dan rusa dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Jadual 72
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Ternakan Kerbau Dan Rusa
Di Ladang Ternakan Jabatan Di Telupid Pada Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Perkara	Ternakan Kerbau		Projek Ternakan Rusa
		Projek Ternakan Kerbau	Penyelidikan Dan Pembiakan Kerbau	
2004	Peruntukan (RM)	137,000	130,000	90,000
	Perbelanjaan (RM)	128,111	126,575	78,479
	Peratus Perbelanjaan Berbanding Dengan Peruntukan Yang Diterima	93.5%	97.4%	87.2%
2005	Peruntukan (RM)	144,000	120,500	50,000
	Perbelanjaan (RM)	118,914	104,698	47,412
	Peratus Perbelanjaan Berbanding Dengan Peruntukan Yang Diterima	82.6%	86.9%	94.8%
2006	Peruntukan (RM)	200,000	177,000	16,500
	Perbelanjaan (RM)	188,177	299,047	28,974
	Peratus Perbelanjaan Berbanding Dengan Peruntukan Yang Diterima	94.1%	169.0%	175.6%

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada tahun 2006 lebihan perbelanjaan adalah dibiayai oleh Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Pada pendapat Audit, keseluruhan pelaksanaan bagi projek ternakan kerbau dan rusa ini adalah baik. Namun demikian, masih ada ruang untuk penambahbaikan iaitu dari segi pengurusannya dengan mengambil kira keperluan ladang termasuk

tenaga kerja, pengurusan rekod, aset, garis panduan ternakan dan peruntukan bagi memastikan matlamat projek dapat dicapai dengan berkesan.

25.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan adalah penting untuk menentukan aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar dan dilaksanakan dengan berkesan dan masalah yang timbul boleh dikenal pasti serta diatasi dengan segera supaya objektif penubuhan Pusat Ladang Pembiakan Ternakan tercapai. Pemantauan terhadap Pusat Ladang Pembiakan Ternakan Jabatan dan ladang penternak dibuat melalui 3 peringkat seperti berikut:

25.3.1 Peringkat Jabatan

Untuk menentukan projek Ladang Ternakan ini berjalan dengan lancar, laporan kemajuan bulanan oleh Pengurus Pusat Ladang Pembiakan Ternakan disediakan dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat. Lawatan secara mengejut daripada pihak Ibu Pejabat juga dibuat dari semasa ke semasa ke Pusat Ladang Pembiakan Ternakan di Telupid. Untuk menyelesaikan sesuatu masalah perbincangan di peringkat Jabatan antara pengarah Jabatan dengan pengurus Pusat Ladang Pembiakan Ternakan diadakan dari semasa ke semasa. Selain itu, lawatan khidmat kawalan penyakit khususnya penyakit hawar dan cacing yang selalu dihadapi oleh kerbau juga dilaksanakan.

25.3.2 Peringkat Ladang Pembiakan Ternakan Jabatan

Selain itu, perbincangan di peringkat Pusat Ladang Pembiakan Ternakan juga dibuat dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti sesuatu masalah dan cara mengatasinya.

25.3.3 Peringkat Cawangan

Lawatan susulan kepada semua penternak yang telah diagihkan baka ternakan kerbau dan rusa dilakukan di peringkat pejabat Jabatan Haiwan di setiap daerah. Lawatan susulan adalah bertujuan untuk memastikan ternakan yang telah diagihkan mendapat penjagaan yang baik daripada penternak serta untuk menentukan ternakan tersebut berada dalam keadaan sihat. Semakan Audit mendapati kebanyakan pejabat Jabatan Haiwan di daerah tidak ada menyediakan jadual lawatan susulan. Menurut pegawai Jabatan Haiwan di peringkat daerah lawatan susulan adalah bergantung kepada aduan daripada pihak penternak. Semakan Audit mendapati ada di antara pejabat Jabatan Haiwan di peringkat daerah tidak merekodkan lawatan susulan ini ke dalam Buku Rekod Lawatan. Buku Rekod Lawatan perlu disediakan dan diselenggarakan dengan

kemas kini untuk memudahkan pihak Jabatan membuat semakan kekerapan lawatan susulan yang telah dibuat.

Pada pendapat Audit, pemantauan di peringkat Jabatan dan di peringkat ladang pembiakan ternakan Jabatan dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, pemantauan di peringkat ladang penternak perlu dipertingkatkan lagi.

26. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pencapaian matlamat dan sasaran yang ditetapkan bagi projek ternakan kerbau dan rusa di Telupid adalah kurang berjaya. Hasil kajian Audit mendapati kelemahan seperti garis panduan bagi projek ternakan rusa tidak disediakan dengan lengkap, Kad Daftar Individu bagi ternakan rusa tidak disediakan, rekod penternak tidak dikemas kini, kawalan keselamatan ladang kurang memuaskan, kekurangan tenaga pekerja dan kekurangan kemudahan peralatan dan kelengkapan ladang. Selain itu, pertambahan bilangan penternak dan populasi ternakan pada keseluruhannya adalah juga kurang memuaskan. Sehubungan itu, adalah disyorkan beberapa perkara perlu diberi penekanan sebagai penambahbaikan kepada projek ini antaranya adalah seperti berikut:

- a) Kriteria bakal penternak perlu diberi perhatian agar aktiviti penternakan tidak terhenti setelah bayaran selesai dibuat oleh penternak di samping memastikan pertambahan bilangan penternak dan juga populasi ternakan keseluruhannya.
- b) Matlamat asal projek ternakan ini perlu dikaji dan mengenal pasti impak pelaksanaan projek pada masa sekarang bagi meningkatkan ekonomi bukan sahaja kepada penternak yang terlibat malah juga kepada Negeri Sabah secara keseluruhan.
- c) Aktiviti yang telah dirancang perlu dilaksanakan mengikut jadual supaya tidak menjejaskan perancangan Jabatan.
- d) Pemantauan terhadap penternak perlu dibuat dengan lebih berkesan supaya dapat mencapai objektifnya.
- e) Jabatan perlu memastikan peralatan adalah mencukupi dan semua peralatan disenggara dengan baik agar boleh digunakan untuk mengelakkan pembaziran.
- f) Kekurangan kakitangan di peringkat ladang perlu diambil perhatian agar kerja penyenggaraan ladang dapat dibuat dengan berkesan.
- g) Untuk menggalakkan pemakanan daging rusa Jabatan perlu membuat promosi dengan lebih intensif.

MAJLIS DAERAH LAHAD DATU

PENGURUSAN PUNGUTAN DAN PELUPUSAN SAMPAH

27. LATAR BELAKANG

27.1 Majlis Daerah Lahad Datu (Majlis) adalah sebuah penguasa tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (Kementerian). Majlis telah ditubuhkan pada tahun 1962 untuk memberi perkhidmatan yang berbentuk pembangunan dan sosial serta bertanggungjawab untuk mentadbir daerah Lahad Datu. Keluasan kawasan perkadaran Majlis telah bertambah daripada 64.75 hektar pada tahun 1962 menjadi 3,045 hektar pada tahun 2006.

27.2 Antara tanggungjawab penting yang perlu dilaksanakan oleh Majlis ialah menyenggara kawasan pentadbirannya supaya sentiasa bersih dan selesa. Fungsi utama Majlis dari aspek kebersihan termasuk menjaga keindahan semua jalan raya dan tempat awam iaitu premis, longkang dan parit di bawah jagaan Majlis, menyenggara taman-taman dan bulatan, menyenggara pasar awam dan dewan masyarakat, menyenggara jalan dan lorong di kawasan Majlis dan menyediakan tempat pelupusan sampah sarap. Perkhidmatan pungutan sampah telah diswastakan antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan di kawasan perkadaran Majlis.

27.3 Kontrak pungutan sampah ini telah diberi kepada Syarikat Cemashasil Sdn. Bhd. secara pemberian terus mulai tahun 1999 selama 10 tahun dengan kadar bayaran RM135,000 sebulan. Pada bulan Januari 2002, kadar tersebut telah dikurangkan sejumlah RM15,000 menjadi RM120,000 sebulan.

27.4 Syarikat Cemashasil Sdn. Bhd adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Syarikat Malaysia mulai 2 Disember 1998 dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM500,000. Setakat bulan Disember 2006, syarikat telah menerbitkan saham biasa berjumlah RM280,000 bernilai RM1 sesaham. Syarikat ini adalah sebuah syarikat tempatan bukan bertaraf bumiputera. Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada 4 orang bukan bumiputra dan syarikat berdaftar dalam bidang pengurusan perkhidmatan am termasuk perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah. Kedudukan kewangan Syarikat adalah stabil mengikut Suruhanjaya Syarikat Malaysia berdasarkan penyata kewangan disatukan yang telah diaudit oleh Firma Audit Swasta Khoo & Associates.

28. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pungutan dan pelupusan sampah telah diurus dengan baik bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

29. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan adalah merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pungutan dan pelupusan sampah bagi tahun 2004 hingga 2006. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen perjanjian kontrak, rekod serta fail berkenaan dengan pengurusan pungutan dan pelupusan sampah di pejabat Majlis. Selain itu, lawatan fizikal juga dijalankan di tapak pengumpulan dan pelupusan sampah di Kilometer 32 Jalan Lahad Datu Tawau. Temubual juga dijalankan dengan pegawai yang berkaitan serta orang awam yang menerima perkhidmatan tersebut yang dipilih secara rambang. Satu ratus dua puluh borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk yang menerima perkhidmatan di kawasan perumahan dan komersial untuk mendapatkan maklum balas berkaitan pungutan sampah.

30. PENEMUAN AUDIT

30.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan perkara penting sebelum sesuatu aktiviti atau projek dilaksanakan. Antara perkara penting yang perlu dititikberatkan semasa merancang sesuatu aktiviti atau projek ialah penentuan objektif atau matlamat projek, anggaran kos, komponen projek, tempoh yang terlibat dan perancangan tenaga kerja. Aspek perancangan Majlis adalah seperti berikut:

30.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Antara tujuan Dasar Kerajaan Negeri bagi program penswastan pungutan dan pelupusan sampah adalah untuk mengurangkan beban Majlis dari segi kos, tenaga kerja, kelengkapan dan peralatan berkaitan dengan pungutan dan pelupusan sampah. Selain itu, para pembayar cukai menghendaki perkhidmatan pungutan sampah di kawasan mereka adalah cekap dan kawasan adalah bersih. Dasar kerajaan negeri untuk menswastakan perkhidmatan pungutan sampah adalah supaya pengurusan sampah akan menjadi lebih berkesan, efisien, cepat dan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan selain daripada keuntungan yang diperolehi oleh syarikat.

30.1.2 Kajian Kemungkinan Menswastakan Perkhidmatan Pungutan Dan Pelupusan Sampah

Kajian awal perlu dijalankan untuk menentukan sama ada projek yang akan diswastakan berdaya maju. Kajian ini boleh dijalankan oleh Majlis atau badan-badan profesional yang dilantik oleh Majlis dan hasilnya akan dibawa ke mesyuarat penuh Majlis sebelum dikemukakan kepada Kementerian untuk semakan lanjut. Antara kandungan laporan yang akan dikemukakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Penjimatan kos atau sebaliknya.
- Mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.
- Menyelesaikan masalah kenderaan dan lori Majlis yang semakin tua dan uzur dan tidak ekonomi/ selamat digunakan (*road worthy*).
- Meningkatkan tahap kebersihan di kawasan perkadaran.

Pihak Kementerian akan mengkaji cadangan dan syor bagi memastikan kesesuaian dan sama ada penswastaan aktiviti pungutan dan pelupusan sampah adalah berdaya maju.

30.1.3 Undang-undang Dan Peraturan

Majlis bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Seksyen 49 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Seksyen 130 Ordinan Kesihatan Awam 1960 dan Undang-undang Kecil (Pencegah Kekotoran) 1984 berkenaan dengan kebersihan dan keindahan kawasan pentadbirannya. Selain itu, Majlis juga diberi kuasa untuk menandatangani perjanjian kontrak bagi pihak Kerajaan. Kuasa untuk menandatangani kontrak ini akan diwakilkan oleh Menteri di Kementerian seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 37 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961.

30.1.4 Garis Panduan Penswastaan

Mengikut garis panduan penswastaan yang dikeluarkan oleh Unit Penswastaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri, semua projek atau perkhidmatan yang dicadangkan untuk diswastakan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri untuk dikaji dan dinilai sebelum membuat perakuan kepada Kabinet Negeri untuk keputusan dan kelulusan. Keahlian jawatankuasa adalah antara lain terdiri dari Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri sebagai Setiausaha dan 6 ahli yang lain.

30.1.5 Garis Panduan Pelaksanaan Pungutan Dan Pelupusan Sampah

Garis panduan pelaksanaan program perlu disediakan bagi menjamin pelaksanaan yang teratur. Antara perkara yang akan ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh kontraktor adalah seperti berikut:

a) Bidang Kerja Kontraktor

Kerja yang akan dilaksanakan oleh kontraktor adalah untuk memastikan:

- i) Sampah sarap domestik dipungut daripada rumah kediaman sebanyak 2 kali seminggu berselang hari.
- ii) Sampah sarap perdagangan dan industri dipungut dan dilupuskan pada setiap hari kecuali sampah sarap berjadual (toksik).
- iii) Sampah sarap bangunan sama ada sampah sarap kering atau basah perlu dipungut sekiranya ada.

b) Tanggungjawab Kontraktor

Garis panduan ini juga perlu menyentuh antara lain beberapa perkara yang menjadi tanggungjawab kontraktor iaitu:

- i) Mematuhi jadual pungutan sampah yang akan ditetapkan.
- ii) Memastikan tiada sebarang tumpahan sampah berlaku semasa pungutan atau pengangkutan sampah sarap.
- iii) Memastikan setiap tong sampah dijaga dengan baik daripada sebarang kerosakan apabila pungutan sampah dijalankan.
- iv) Memastikan semua sampah sarap di dalam dan di sekeliling tong sampah besar dipungut dan dibersihkan.
- v) Merujuk kepada Pegawai Penguasa Majlis bagi mendapatkan arahan selanjutnya sekiranya mendapati sampah sarap yang akan dipungut adalah sampah sarap berjadual (toksik).
- vi) Mematuhi sebarang keputusan dan perubahan ke atas jadual pungutan sampah sarap dan pusingannya yang akan dibuat oleh pihak Jawatankuasa Perundingan Bersama dari semasa ke semasa selaras dengan kehendak dan keadaan semasa.

c) Etika Pekerja

Memandangkan semua kerja yang perlu dilaksanakan ialah di kawasan awam, pekerja hendaklah berpakaian sesuai dan menjaga tingkah laku mereka dengan mengamalkan tata laku yang baik berdasarkan kepada norma dan etika seperti mana yang ditetapkan kepada kakitangan awam.

d) Jentera Dan Kenderaan

Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh kontraktor berhubung dengan penggunaan jentera dan kenderaan adalah seperti berikut:

- i) Jentera yang digunakan hendaklah dijaga supaya sentiasa berkeadaan baik dan tidak berbunyi bising yang berlebihan.
- ii) Sekiranya kenderaan mengangkut sampah sarap rosak, kontraktor hendaklah menggantikannya dengan jenis kenderaan yang sama.
- iii) Kenderaan mengangkut sampah hendaklah dilabel dengan perkataan **“KONTRAKTOR MAJLIS DAERAH LAHAD DATU: PUNGUTAN SAMPAH SARAP”** berserta dengan nombor telefon pejabat bagi memudahkan orang awam membuat aduan.
- iv) Kenderaan yang digunakan oleh kontraktor bagi tujuan pungutan sampah sarap domestik hendaklah menggunakan kenderaan jenis kompaktor dan had muatan kenderaan tersebut hendaklah tidak melebihi 12 tan.

e) Kuantiti Bahan Buangan

Antara perkara yang perlu ditetapkan dalam garis panduan mengenai bahan buangan ialah:

- i) Sekiranya kontraktor mendapati premis kerap mengeluarkan bahan buangan dengan kuantiti yang berlebihan, Pegawai Penguasa Majlis perlu diberitahu. Pegawai Penguasa Majlis akan mempertimbangkan saiz keseluruhan premis dan jika didapati kuantiti bahan buangan itu berlebihan, tawaran tambahan kos akan dibuat kepada kontraktor sekiranya kos tersebut dapat dituntut daripada pemilik premis atau penghuninya.
- ii) Bahan buangan industri yang tidak dipadatkan dan melebihi 1.5 meter padu boleh dilupuskan sendiri oleh pemilik premis.
- iii) Sampah sarap bangunan yang kecil kuantitinya bolehlah dikutip apabila kerja pungutan sampah sarap domestik dibuat.
- iv) Pegawai Penguasa Majlis boleh mengarahkan kontraktor untuk memungut sampah sarap bangunan atau hasil bahan buangan bangunan yang diletakkan di tempat awam dan bayaran pungutan tersebut hanya akan dibuat sekiranya orang yang bertanggungjawab membuang sampah sarap atau bahan buangan bangunan dapat dikenal pasti.

30.1.6 Sasaran Penswastaan

Majlis mensasarkan kawasan perkadaran seluas 2,595 hektar untuk diswastakan perkhidmatan pungutan sampah. Penswastaan perkhidmatan pungutan sampah akan

tertumpu di kawasan sekitar pusat bandar Lahad Datu dan dibahagikan kepada 6 zon meliputi kawasan kediaman/perumahan, komersial, industri, bangunan Kerajaan Persekutuan dan bangunan Kerajaan Negeri. Penswastaan ini juga mensasarkan kepada penjimatan kos dan peningkatan mutu kerja. Keluasan kawasan perkadaran ini dijangka akan meningkat oleh sebab bangunan baru akan bertambah. Kos untuk aktiviti pungutan sampah ini juga akan meningkat.

30.1.7 Guna Tenaga

Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa ketetapan bagi menentukan status kakitangan yang dipinjamkan kepada syarikat swasta seperti berikut:

- i) Kakitangan tidak boleh dihentikan perkhidmatannya dalam tempoh lima (5) tahun pertama selepas penswastaan kecuali atas sebab-sebab tatatertib.
- ii) Kakitangan yang terlibat diberikan pakej syarat dan keadaan perkhidmatan yang setanding dengan yang dinikmati mereka semasa dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri.
- iii) Kakitangan diberikan opsyen yang memuaskan seperti pilihan untuk menyertai syarikat swasta berkenaan ataupun memilih untuk bersara awal atau untuk dihentikan perkhidmatannya atas sebab-sebab penghematan. Anggota boleh kembali berkhidmat dengan Majlis pada bila-bila masa diperlukan.
- iv) Keutamaan pelantikan perlu diberi kepada kakitangan tempatan oleh syarikat yang akan dilantik mengendalikan aktiviti yang akan diswastakan.

Mengikut Jadual Ketiga perjanjian kontrak pungutan sampah yang ditandatangani Majlis akan meminjamkan seramai 16 orang kakitangan terdiri daripada 6 pemandu dan 10 Pembantu Rendah Am (PRA). Majlis akan memohon pelepasan pegawai-pegawai ini daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membayar gaji, elaun, elaun lebih masa serta menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, insurans dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

30.1.8 Keperluan Kewangan

Anggaran perbelanjaan setiap tahun yang dimohon dan diluluskan untuk melaksanakan aktiviti penswastaan pungutan sampah mulai tahun 1999 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 73**.

Jadual 73
Anggaran Perbelanjaan

Tahun	Anggaran Perbelanjaan (RM Juta)
1999	0.10
2000	1.70
2001	1.70
2002	1.70
2003	1.70
2004	1.80
2005	1.80
2006	1.90

Sumber: Rekod Majlis Daerah Lahad Datu

Perbelanjaan untuk pembersihan bandar akan meningkat mengikut pertambahan kawasan perkadaran dengan kiraan 1/6 daripada hasil cukai pintu yang dikutip oleh Majlis.

30.1.9 Keperluan Kenderaan Dan Peralatan/Kelengkapan

Pada peringkat awal pelaksanaan, mengikut syarat perjanjian kontraktor akan membeli 5 buah kenderaan daripada Majlis untuk memulakan kerja-kerja pungutan sampah. Pertambahan kenderaan akan dilakukan mengikut pertambahan kawasan. Majlis adalah bertanggungjawab menyediakan dan mengenal pasti bilangan dan jenis tong sampah yang diperlukan serta menentukan lokasi ia ditempatkan.

30.1.10 Syarat Am Kontrak

Bagi maksud penswastan, satu perjanjian akan ditandatangani antara Kerajaan dengan kontraktor yang dipilih. Syarat perjanjian akan digubal oleh Kementerian/Majlis dan seterusnya mendapatkan pandangan dari pihak Peguam Besar Negeri. Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Tanggungjawab Pegawai Pengawal
- Skop Kontrak
- Tanggungjawab Kontraktor
- Bon Pelaksanaan
- Insurans
- Bayaran Denda Kepada Majlis

- Undang-undang Kecil Majlis
- Kadar Bayaran
- Tempoh Kontrak

Tujuan syarat-syarat tersebut adalah untuk memastikan kontrak yang akan ditandatangani adalah adil kepada semua pihak. Bagaimanapun, syarat perjanjian kontrak yang ditandatangani tidak menyentuh bayaran denda kepada Majlis oleh kontraktor sekiranya kerja pungutan sampah tidak dilaksanakan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

30.1.11 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan penswastan pungutan sampah berjalan dengan baik dan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kutipan sampah, pemantauan yang rapi hendaklah dibuat terhadap perkhidmatan pungutan sampah. Bagi tujuan itu, tiga peringkat proses pemantauan akan diwujudkan bagi menyelia dan memantau kerja-kerja pungutan sampah iaitu Peringkat Kementerian, Jawatankuasa Perunding Bersama dan Unit Pembersihan Bandar.

Pada pandangan Audit, semua aspek penting di peringkat perancangan seperti mendapat kelulusan Jawatankuasa Penswastan Negeri, mengadakan draf perjanjian, menyediakan garis panduan penswastan dan lain-lain berkaitan dengan proses penswastan perlu diambil kira dengan sewajarnya.

30.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penswastan pungutan sampah yang sejajar dengan pelan perancangan dan perjanjian kontrak adalah penting bagi memastikan ia berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Kajian Audit terhadap aspek pelaksanaan program ini mendapati perkara berikut:

30.2.1 Kajian Kemungkinan

Semakan Audit mendapati kajian awal bagi melaksanakan projek penswastan ini tidak dibuat oleh Majlis atau juru perunding yang dilantik. Namun begitu, laporan berkaitan dengan pungutan sampah di kawasan Majlis Daerah Lahad Datu telah disediakan. Antara perkara yang dinyatakan dalam laporan tersebut adalah kos perkhidmatan, bilangan anggota yang akan terlibat, jangka hayat kenderaan yang akan digunakan dan jumlah tong sampah yang sedia ada. Laporan tersebut juga menyentuh mengenai masalah terlibat jika perkhidmatan ini diswastakan terutamanya pengumpulan sampah sarap yang tidak dibuang di tempat yang disediakan. Laporan ini

disediakan berdasarkan pengalaman dan penglibatan pegawai secara langsung dengan pungutan sampah. Semakan Audit seterusnya mendapati bahawa penswastaaan perkhidmatan ini telah tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Penswastaaan Negeri terlebih dahulu. Selain itu, laporan yang disediakan tidak dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Pada pendapat Audit, laporan yang dibuat tidak dapat dijadikan sebagai kajian kemungkinan oleh kerana ia tidak membuat perbandingan kos dengan mutu perkhidmatan. Laporan tersebut tidak lengkap oleh kerana tidak mengandungi rumusan dan cadangan yang boleh digunakan sebagai panduan setelah perkhidmatan ini diswastakan. Laporan ini juga tidak menyentuh sama ada penswastaaan adalah berdaya maju.

30.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kebersihan dan pungutan sampah adalah berdasarkan kepada ordinan-ordinan yang dikuatkuasakan oleh Majlis seperti berikut:

- a) Seksyen 49 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961
- b) Seksyen 130 Ordinan Kesihatan Awam 1960
- c) Undang-undang Kecil (Pencegah Kekotoran) 1984 berkenaan dengan kebersihan dan keindahan kawasan pentadbirannya.
- d) Seksyen 37 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 – perwakilan kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Menteri.

Semakan yang dijalankan mendapati peruntukan undang-undang dan peraturan adalah mencukupi dan dipatuhi.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang berkaitan telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

30.2.3 Garis Panduan Penswastaaan

Semakan Audit mendapati Majlis tidak mempunyai garis panduan khusus berkenaan dengan program penswastaaan ketika kerja pungutan sampah ini hendak diswastakan. Senarai semak untuk perjanjian konsesi hanya dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada bulan Julai 2002. Oleh itu, perjanjian penswastaaan ini hanya mengikut kehendak Peraturan Am Kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya.

Pada pendapat Audit, Majlis dan kontraktor haruslah merujuk semula kepada senarai semak yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengenal pasti peraturan-peraturan yang tidak dipatuhi dan mengkaji semula syarat-syarat kontrak berdasarkan senarai semak tersebut untuk persetujuan kedua-dua pihak. Seterusnya Majlis juga perlu mengemukakan cadangan semakan semula syarat kontrak kepada Kementerian.

30.2.4 Syarat-syarat Am Kontrak

Perjanjian penswastan ini telah ditandatangani oleh Majlis dengan kontraktor pada 18 Januari 1999. Mengikut peraturan, dokumen perjanjian hendaklah dikemukakan kepada Peguam Besar Negeri terlebih dahulu sebelum ditandatangani. Tindakan ini adalah penting bagi menjamin syarat-syarat menjaga kepentingan Kerajaan Negeri. Namun demikian, pihak Audit mendapati kehendak ini tidak dipatuhi. Semakan Audit seterusnya terhadap syarat perjanjian mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Bon Pelaksanaan

Kontraktor telah menyediakan bon pelaksanaan seperti kehendak perjanjian yang berjumlah RM6,750 melalui surat jaminan bank. Jumlah ini adalah merupakan 5% daripada nilai bulanan kontrak dan merangkumi tempoh keseluruhan kontrak iaitu 10 tahun. Bagaimanapun, mengikut peraturan kewangan, kontraktor sepatutnya menyediakan bon pelaksanaan bernilai RM81,000 yang merupakan 5% daripada nilai kontrak bagi satu tahun yang berjumlah RM1.62 juta.

Pada pendapat Audit, Majlis seharusnya tahu bahawa bon pelaksanaan untuk kerja- kerja hendaklah bagi setahun sepanjang tempoh kontrak dan bukannya sebulan dan jumlah ini perlu dikutip balik daripada kontraktor.

b) Penentuan Ke Atas Prestasi Kerja Kontraktor

Semakan Audit mendapati bahawa kontrak boleh ditamatkan oleh Majlis sekiranya kontraktor tidak mematuhi syarat perjanjian dan prestasi kerja yang tidak memuaskan dengan syarat satu notis dikeluarkan sebagai pemberitahuan masalah. Jika kontraktor masih melakukan kesalahan yang sama dalam tempoh 14 hari selepas menerima notis tersebut, Majlis boleh menentukan sama ada untuk menamatkan kontrak atau tidak.

Pada pendapat Audit, peruntukan dalam perjanjian adalah wajar untuk menjaga kepentingan Majlis.

c) Penjualan Kenderaan

- i) Majlis telah menjual 5 buah kenderaan kepada kontraktor untuk melaksanakan aktiviti pungutan sampah. Harga jualan ialah RM225,000 berdasarkan penilaian yang telah dibuat oleh Jurutera Mekanikal Jabatan Kerja Raya Daerah Lahad Datu. Kaedah pembayaran yang dibuat oleh kontraktor adalah secara ansuran selama 10 tahun dengan kadar bayaran berjumlah RM1,875 sebulan. Cara pembayaran adalah dibuat dengan menolak nilai tersebut daripada jumlah tuntutan oleh kontraktor. Kedudukan pembayaran yang telah dibuat setakat akhir bulan Jun 2006 adalah berjumlah RM165,000. Baki sejumlah RM60,000 akan dijelaskan sehingga tempoh kontrak yang akan tamat pada tahun 2009.
- ii) Kenderaan yang dijual kepada kontraktor ialah jenis lori kompaktor terdiri daripada 2 unit yang telah berusia melebihi 10 tahun manakala 3 unit kenderaan lagi berusia antara 1 hingga 8 tahun.

Semakan Audit mendapati walaupun kenderaan tersebut telah dijual kepada kontraktor tetapi pemilik berdaftar masih lagi atas nama Majlis dan hak milik hanya akan dipindahkan setelah semua pembayaran selesai. Kontraktor juga telah membeli insurans *third party* secara berkelompok untuk tahun pertama bagi setiap kenderaan. Namun demikian, tidak ada bukti bahawa insurans diambil untuk tahun berikutnya. Cukai jalan juga didapati tidak dikenakan oleh kerana pemilik kenderaan didaftar atas nama Majlis.

- iii) Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan program penswastaaan, kenderaan hendaklah dicatatkan dengan perkataan “**KONTRAKTOR MAJLIS DAERAH LAHAD DATU: PUNGUTAN SAMPAH SARAP**” berserta nombor telefon untuk aduan. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal mendapati kehendak ini tidak dipatuhi.

Pada pendapat Audit, penjualan kenderaan adalah teratur. Namun begitu, insurans kenderaan hendaklah diambil secara *first party* dan untuk sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa. Ini adalah bagi menjamin perlindungan komprehensif terhadap kenderaan tersebut sekiranya berlaku kehilangan atau kemalangan. Selain itu, kenderaan hendaklah dicatat “**KONTRAKTOR MAJLIS DAERAH LAHAD DATU: PUNGUTAN SAMPAH SARAP**” berserta nombor telefon untuk aduan orang awam.

d) Insurans Pekerja

Kontraktor telah membeli insurans bagi melindungi pekerja dari sebarang kemalangan untuk tahun pertama. Namun demikian, bertentangan dengan syarat kontrak insurans tersebut tidak dibuat atas nama bersama dengan Majlis. Adalah didapati Polisi Insurans hanya berkuatkuasa dari bulan Mac 1999 hingga Februari 2000 sahaja. Semakan Audit selanjutnya mendapati tidak ada bukti bahawa insurans perlindungan diambil dari bulan Mac 2000 hingga 2006. Ini adalah disebabkan pekerja dilindungi oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Pada pendapat Audit, kontraktor telah mengambil perlindungan insurans yang sewajarnya bagi melindungi pekerja sekiranya berlaku kemalangan semasa menjalankan tugas.

30.2.5 Pengurangan Harga Kontrak

Semakan Audit mendapati pada 26 November 2001 Majlis telah mengadakan mesyuarat dengan kontraktor mengenai bayaran bulanan perkhidmatan pungutan sampah. Hasil dari mesyuarat tersebut, pihak kontraktor bersetuju untuk mengurangkan kos perkhidmatan pungutan sampah daripada RM135,000 kepada RM120,000 sebulan berkuatkuasa pada 1 Januari 2002 selepas berkuatkuasanya kontrak pada bulan Mac 1999 bersamaan 2 tahun 10 bulan. Namun demikian, pihak Audit tidak dapat memastikan asas kadar bayaran asal dan juga kadar baru yang dipersetujui walaupun kontrak ini dilaksanakan secara rundingan terus.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu memastikan supaya pengurangan kos perkhidmatan yang dipersetujui tidak akan menjejaskan prestasi atau mutu perkhidmatan yang diberikan.

30.2.6 Guna Tenaga

Mengikut syarat kontrak sejumlah 16 pekerja Majlis akan dipinjamkan kepada kontraktor. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati setakat bulan Februari 2006 sejumlah 17 kakitangan Majlis terdiri daripada 5 pemandu dan 12 PRA telah dipinjamkan. Semakan Audit seterusnya mendapati semua pekerja telah diberi opsyen untuk dipinjamkan kepada kontraktor dan telah menandatangani surat setuju terima dengan sukarela. Pekerja ini telah dibayar gaji, elaun serta diberi kemudahan mengikut skim dan gred perkhidmatan mereka. Tempoh pinjaman pekerja ini kepada kontraktor adalah selama 10 tahun mulai bulan Mac 1999. Namun demikian peminjaman pekerja kepada kontraktor tidak melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

Pada pendapat Audit, para pekerja Majlis yang dipinjamkan sepatutnya diserapkan terus kepada syarikat. Ia bertujuan untuk mengelakkan percanggahan ketaatan pekerja. Para pekerja ini hendaklah taat kepada syarikatnya supaya mereka boleh memberi perkhidmatan yang terbaik untuk menjaga nama baik syarikat. Sekiranya berlaku percanggahan ketaatan pekerja, kontraktor tidak boleh mengambil tindakan disiplin kerana pekerja ini adalah pekerja Majlis. Namun begitu, Majlis seharusnya mengawalselia para pekerja ini supaya kelakuan dan tatasusila mereka tetap terjaga. Selain itu, Majlis hendaklah juga berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri berkenaan dengan peminjaman pekerja Majlis kepada kontraktor kerana ia melibatkan pencen para pekerja yang telah dipinjamkan.

30.2.7 Keperluan Kenderaan/Peralatan

Kesemua kenderaan yang dibeli oleh kontraktor daripada Majlis telah digunakan secara optimum. Kontraktor telah membaikpulih kenderaan ini untuk membolehkannya beroperasi.

Setiap lori kompaktor boleh memuatkan sebanyak 12 tan sampah pada setiap perjalanan. Mengikut laporan bulanan, purata 8 tan sampah telah dipungut sehari bagi 7 kawasan untuk 6 zon. Purata jumlah sampah terkumpul untuk kesemua zon adalah sebanyak 56 tan sehari. Kerajaan Negeri sedang membangunkan zon perindustrian iaitu *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) bagi tujuan pusat bio diesel di kawasan Majlis. Oleh itu, barang buangan akan bertambah dan pihak Majlis serta kontraktor perlu mempunyai pelan jangka panjang berkaitan dengan keperluan kenderaan. Namun demikian semakan Audit mendapati pelan tersebut belum disediakan.

Selain daripada kenderaan, pembekalan tong sampah yang secukupnya adalah penting untuk memastikan sampah tidak dibuang di merata tempat. Pada tahun 2002 dan 2005, Majlis telah membeli masing-masing sebanyak 10 dan 11 buah tong sampah jenis Plastik 400 liter dan sebanyak 7 buah tong sampah jenis *Metal Bin* 400 liter telah dibeli pada tahun 2006.

Pada pendapat Audit, berdasarkan kapasiti lori dan jumlah sampah, jumlah lori pada ketika ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Bagaimanapun logistik yang sedia ada tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan di masa akan datang.

30.2.8 Prestasi

a) Jadual Pungutan Sampah

Semakan Audit mendapati kontraktor telah menyediakan jadual pungutan sampah. Bagaimanapun, jadual tersebut tidak lengkap oleh kerana tidak mempunyai butiran secara spesifik mengenai hari pungutan yang akan dibuat. Jadual tersebut hanya mengandungi kekerapan pungutan. Sebagai contoh, sekali bagi tempoh 2 hingga 3 hari bagi kawasan perumahan, sekali dalam sehari bagi kawasan bandar dan kawasan pasar. Selain itu, jadual tidak dipamerkan di kawasan yang strategik untuk maksud pemberitahuan umum di kawasan yang berkaitan.

b) Maklum Balas Orang Awam

Pihak Audit telah mengedarkan sejumlah 120 borang soal selidik kepada orang ramai yang terdiri daripada penduduk perumahan, peniaga di bandar dan kawasan pasar serta kawasan perindustrian. Bagaimanapun, hanya 39 borang soal selidik berjaya diserahkan semula. Daripada 39 responden, seramai 10 orang atau 25.6% menyatakan bahawa pungutan sampah dibuat pada waktu yang tidak menentu manakala 5 orang atau 12.8% lagi berpendapat pungutan sampah adalah pada hari tertentu. Seramai 9 orang atau 23.1% berpendapat pungutan sampah selang sehari. Seramai 3 orang atau 7.7% responden menyatakan pungutan sampah dibuat setiap hari dan seramai 12 orang atau 30.8% tidak pasti bila pungutan dijalankan.

c) Mutu Perkhidmatan Kutipan Sampah

Hasil maklum balas responden berhubung dengan mutu perkhidmatan kutipan sampah yang dilaksanakan oleh kontraktor menunjukkan 17.9% adalah baik manakala 51.3% pula kurang baik dan 25.7% menyatakan perkhidmatan tidak baik. Hasil soal selidik adalah seperti di **Jadual 74**.

Jadual 74
Maklum Balas Orang Awam Mengenai Mutu
Perkhidmatan Kutipan Sampah

Tahap Kepuasan Orang Awam	Bilangan Responden	%
Sangat Baik	2	5.1
Baik	7	17.9
Kurang Baik	20	51.3
Tidak Baik	10	25.7
Jumlah	39	100

Sumber: Borang Soal Selidik Yang Telah Diedarkan Kepada Orang Awam

Mengikut pendapat orang awam, antara punca utama yang menjejaskan mutu perkhidmatan kutipan sampah yang diberikan oleh kontraktor adalah seperti berikut:

- i) Sampah yang bertaburan di sekeliling tong sampah tidak dipungut ketika kerja pungutan sedang dijalankan.
- ii) Tong sampah tidak diletakkan di tempat asal selepas kutipan dibuat dan dibiarkan berlonggok di tepi jalan.
- iii) Bau busuk akibat daripada titisan air kotor sampah yang menitis dari lori ke jalan raya.

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada maklum balas responden mutu perkhidmatan adalah kurang memuaskan. Majlis perlu mengambil kira penemuan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

d) Mutu Perkhidmatan Setelah Diswastakan

Daripada 39 borang soal selidik yang diterima, seramai 15 responden iaitu 38.4% berpendapat bahawa mutu perkhidmatan kutipan sampah setelah diswastakan adalah sama seperti sebelum diswastakan. Sebanyak 43.6% responden berpendapat mutu perkhidmatan telah bertambah baik setelah diswastakan. Manakala 18% responden pula menyatakan bahawa mutu perkhidmatan adalah kurang baik berbanding sebelum diswastakan. Butiran lengkap seperti di **Jadual 75**.

Jadual 75

**Maklum Balas Orang Awam Mengenai Mutu Perkhidmatan
Kutipan Sampah Setelah Diswastakan**

Tahap Mutu Perkhidmatan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Meningkat	17	43.6
Tiada Perubahan	15	38.4
Menurun	7	18
Jumlah	39	100

Sumber : Borang Soal Selidik Yang Telah Diedarkan Kepada Orang Awam

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, mutu perkhidmatan kutipan sampah masih perlu dipertingkatkan lagi untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.

e) Aduan Awam

Semakan Audit terhadap aduan yang diterima bagi tahun 2004 hingga bulan Ogos 2006 mendapati sebanyak 460 aduan diterima mengenai perkhidmatan Majlis. Dari jumlah aduan tersebut hanya 2 aduan sahaja yang diterima berkaitan pungutan sampah. Tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan aduan yang berkaitan dengan sampah ialah antara 1 hingga 2 hari.

f) Sampah Sarap Bertaburan Tidak Dikutip

Lawatan Audit ke kawasan komersial dan perumahan pada bulan April 2006 mendapati terdapat sampah sarap bertaburan yang tidak dikutip seperti di **Foto 30** hingga **Foto 33**.

Foto 30

**Sampah Sarap Bertaburan Di Tempat Pengumpulan Sampah
Pada Waktu Siang**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Bandar Wilayah

Tarikh : 2 April 2007

Foto 31

**Sampah Sarap Bertaburan Di Tempat Pengumpulan Sampah
Pada Waktu Siang**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Taman Aman 3

Tarikh : 2 April 2007

Foto 32

Keadaan Tempat Pengumpulan Sampah pada Waktu Malam



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Taman Aman 3

Tarikh : 2 April 2007

Foto 33

Sampah Sarap Bertaburan Selepas Pasar Malam



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pasar Rakyat

Tarikh : 2 April 2007

g) Sampah Sarap Berselerak Kerana ketiadaan Tong Sampah

Adalah menjadi tanggungjawab Majlis membekal tong sampah kepada pemilik premis. Bagi memberi kemudahan dan perkhidmatan yang baik, Majlis perlu membekalkan tong sampah yang mencukupi kepada pemilik premis. Lawatan Audit mendapati sampah sarap berselerak kerana ketiadaan tong sampah seperti contoh di **Foto 34**.

Foto 34

Sampah Sarap Bersepah Akibat Ketiadaan Tong Sampah



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pasar Ikan


Tarikh : 27 April 2006

Pada pendapat Audit, Majlis perlu memastikan tong sampah disediakan dengan mencukupi di setiap kawasan yang menjadi tumpuan orang awam dan sampah yang bertaburan hendaklah dikutip dan dibersihkan.

30.2.9 Pelupusan Sampah

Tapak pelupusan sampah jika tidak diurus dengan sempurna dan tidak mengikut kehendak piawaian Jabatan Alam Sekitar boleh menyebabkan risiko tinggi terhadap alam sekitar dan manusia di sekitar kawasan tapak pelupusan. Tapak pelupusan yang digunakan oleh Majlis terletak di KM 32 Jalan Lahad Datu Tawau seperti di **Gambar Rajah 1**.


Gambar Rajah 1
Lokasi Tapak Pelupusan Sampah Lahad Datu
Di KM 32 Jalan Lahad Datu - Tawau



Sumber : Jabatan Pemuliharaan Alam Sekitar

Kawasan seluas 50 ekar telah diperuntukkan sebagai tapak pelupusan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis. Tapak tersebut merupakan kawasan paya bakau mengandungi endapan tinggalan banjir dan batu pasir. Tapak ini dikelilingi oleh hutan paya bakau di sebelah utara, kawasan perumahan di sebelah barat dan hutan simpan di selatan. Kawasan kilang papan lama yang terdekat sekali dengan tapak pelupusan sampah adalah sejauh 1 km seperti di **Gambar Rajah 2**.

Gambar Rajah 2
Pelan Tapak Pelupusan Sampah



Sumber : Jabatan Pemuliharaan Alam Sekitar

Tapak pelupusan ini telah beroperasi sejak bulan Jun 1993 dan hanya pembuangan sampah domestik, komersial dan hampas kelapa sawit dibenarkan untuk dilupuskan di tapak ini bertujuan untuk mengawal pencemaran. Tapak pelupusan ini diuruskan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran. Majlis dan kontraktor tidak mempunyai sebarang perjanjian bertulis berhubung pengurusan tapak pelupusan ini. **Foto 35** menunjukkan kawasan tapak pelupusan sampah yang diuruskan secara buang dan timbus oleh kontraktor.

Foto 35
Kawasan Tapak Pelupusan Sampah Secara Buang Dan Timbus



Sumber : Fail foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Tapak pelupusan sampah di Jalan KM 32 Lahad Datu Tawau

Tarikh : 16 Ogos 2006

a) Kaedah Pelupusan Sampah

Kaedah pelupusan sampah yang diamalkan secara bersama oleh Majlis dan kontraktor adalah secara buang dan timbus (*control tipping*) iaitu sampah yang dimuat turun daripada lori sampah ditimbus menggunakan pasir dan tanah. Kaedah ini mempunyai kemudahan untuk pengudaraan gas dan pelupusan bahan larut resap (*leachet*) melalui saluran yang disediakan.

Pada pendapat Audit, kaedah yang diamalkan oleh Majlis dan kontraktor adalah mesra alam.

b) Rancangan Masa Depan Tapak Pelupusan Sampah

Berdasarkan kajian Pengurusan Pungutan dan Pelupusan Sampah, Majlis bercadang untuk menyelesaikan masalah tapak pelupusan sampah melalui 3 peringkat seperti berikut:

- i) Menggunakan tapak pelupusan yang sedia ada untuk tempoh 15 tahun lagi.
- ii) Menambahkan keluasan tapak pelupusan sedia ada dengan kemudahan seperti paip pengudaraan dan jangka hayat dianggarkan dapat digunakan dalam tempoh 20 tahun.
- iii) Memindahkan tapak pelupusan sampah ke kawasan yang lebih sesuai. Keluasan tapak pelupusan sampah ini dijangka mampu digunakan untuk tempoh 40 tahun dan boleh digunakan bersama Majlis Daerah Kinabatangan. Keluasan kawasan adalah dianggarkan 250 ekar.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengambil daya usaha yang positif ke arah pengurusan tapak pelupusan sampah yang lebih sempurna.

30.2.10 Prestasi Pembayaran

Pembayaran bagi penswastaan pungutan sampah Majlis adalah terletak di bawah Program Perkhidmatan Bandar dan di bawah aktiviti Pembersihan Bandar. Program/aktiviti ini mengandungi beberapa pecahan aktiviti kecil seperti Pembersihan Bandar dan pembelian peralatan pembersihan.

Setakat bulan Jun 2006, daripada RM14 juta yang diluluskan sejumlah RM11 juta telah dibayar kepada kontraktor seperti di **Jadual 76**.

Jadual 76
Kedudukan Tuntutan Dan Pembayaran Kepada Kontraktor
Bagi Tempoh Tahun 1999 Hingga Jun 2006

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Tuntutan Daripada Kontraktor (RM Juta)	Bayaran Pada Tahun Semasa (RM Juta)
1999	1.70	1.30	1.00
2000	1.70	1.50	1.60
2001	1.70	1.50	1.60
2002	1.70	1.60	1.40
2003	1.70	1.60	1.50
2004	1.80	1.60	1.50
2005	1.80	1.50	1.50
Setakat Jun 2006	1.90	0.70	0.90
Jumlah	14.00	11.30	11.00

Sumber: Rekod Majlis Daerah Lahad Datu

Pada pendapat Audit, pembayaran telah dibuat selaras dengan tuntutan yang dibuat oleh kontraktor dan proses adalah mengikut prosedur.

30.2.11 Penguatkuasaan

Salah satu faktor yang boleh menentukan sesebuah Majlis menjadikan kawasan di bawah pentadbirannya bersih ialah tahap penguatkuasaan undang-undang kebersihan di Majlis Daerah Lahad Datu. Penguatkuasaan *Anti Litter By Laws* dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Penguatkuasaan. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Penguatkuasa Gred N27 dan dibantu oleh 16 orang anggota. Selain daripada menguatkuasakan undang-undang perlesenan, tempat letak kereta dan rumah setinggan, tugas utama yang berkaitan dengan kebersihan adalah mengawal atau mencegah kekotoran seperti pembuangan sampah di merata tempat dan pembuangan sampah daripada kenderaan.

Pegawai Penguatkuasa telah diberi kuasa untuk mendenda orang awam atas kesalahan membuang sampah bukan di tempat yang telah disediakan oleh Majlis atau mengotorkan kawasan. Denda maksimum yang boleh dikenakan ialah RM500 bagi setiap kesalahan.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap perlu diadakan dan bagi pesalah yang gagal menjelaskan kompaun, tindakan tegas perlu diambil seperti mengambil tindakan susulan atau mengutip kompaun semasa notis kompaun dikeluarkan.

30.2.12 Publisiti Kesedaran Awam

a) Kempen Kebersihan

Majlis tidak mempunyai peruntukan kewangan khas untuk menjalankan program kesedaran awam tetapi perbelanjaan tersebut adalah dipertanggungjawabkan ke atas Perbelanjaan Luar Jangka dan peruntukan Program Perkhidmatan Bandar di bawah aktiviti kerja-kerja kecil. Selain Majlis, kempen yang diadakan dibuat secara bersama daripada orang awam, persatuan, agensi kerajaan dan pihak swasta. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah Kempen *Zero Garbage*, Aktiviti Gotong-royong dan Gotong-royong Perdana. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bahawa kempen *zero garbage* dan aktiviti gotong-royong dilakukan sekali sahaja sepanjang tempoh kontrak dijalankan.

b) Kitar Semula

Pada masa kini, kitar semula adalah cara terbaik untuk mengurangkan penimbunan sampah. Antara tujuan kitar semula ialah mengasingkan bahan buangan mengikut jenis. Kitar semula bahan buangan mendatangkan pelbagai kebaikan kepada masyarakat dan negara seperti berikut :

- Berupaya menangani masalah kekurangan kawasan pelupusan sampah.
- Pencemaran, resapan bahan kimia ke dalam sumber air boleh dikurangkan.
- Boleh menjimatkan sumber alam yang dibuang untuk digunakan dalam industri yang lain.
- Amalan kitar semula lebih menjimatkan wang rakyat berbanding dengan usaha menyelenggarakan tapak pelupusan sampah.
- Boleh mengindah dan membersihkan kawasan daripada longgokan sampah sarap yang semakin banyak setiap hari.

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan pusat pengumpulan bahan kitar semula.

c) Penyakit

Semakan Audit mendapati tidak ada kes penyakit berkaitan dengan kekotoran akibat buangan sampah berlaku di kawasan Majlis. Tahap kebersihan di kawasan Majlis adalah terkawal. Perkara ini diperakui sendiri oleh pegawai

kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah Lahad Datu hasil dari temubual dengan pihak Audit pada 2 April 2007.

Pada pendapat Audit, Program Kesedaran Awam haruslah dijalankan secara berterusan bagi memupuk kesedaran sivik di kalangan orang awam.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Pengurusan Pungutan dan Pelupusan Sampah masih mempunyai ruang untuk diperbaiki dan dipertingkatkan. Antara perkara yang perlu diambil perhatian ialah sampah lewat dikutip, kekurangan tong sampah, mutu perkhidmatan pungutan sampah dan juga penyediaan jadual pungutan sampah yang lengkap dan teratur. Majlis perlu meningkatkan kempen kesedaran awam terhadap kitar semula serta memberi penekanan yang lebih terhadap tindakan penguatkuasaan. Majlis juga perlu membuat persiapan rapi untuk memberi perkhidmatan di kawasan POIC yang masih dalam peringkat pembinaan infrastruktur.

30.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berkesan adalah penting untuk menentukan sesuatu program berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Pemerhatian Audit terhadap pemantauan program penswastan pungutan sampah mendapati perkara berikut:

30.3.1 Peringkat Kementerian

Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan adalah di bawah tanggungjawab Majlis. Bagaimanapun, Kementerian juga perlu membuat pemantauan atas keberkesanan projek penswastan ini dengan mengadakan rondaan, pemeriksaan mengejut, mesyuarat dan tindakan terhadap aduan orang awam.

Semakan lanjut mendapati tidak ada sebarang pemantauan dilakukan oleh pihak Kementerian terhadap penswastan ini. Begitu juga dengan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Bersama tidak dihantar kepada pihak Kementerian.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengadakan pelan tindakan untuk memantau keberkesanan program penswastan ini seperti meminta Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Bersama dikemukakan kepada Kementerian dan mengadakan jadual lawatan ke tapak. Sebarang kemusykilan dan kelemahan

boleh dijadikan panduan oleh Kementerian untuk projek-projek seumpamanya di masa hadapan.

30.3.2 Jawatankuasa Perundingan Bersama

Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli dari Majlis dan juga kontraktor. Antara peranan Jawatankuasa Perunding Bersama ini adalah untuk memantau, menyelia dan menilai prestasi kerja yang dibuat oleh kontraktor melalui mesyuarat Jawatankuasa Perunding Bersama yang sepatutnya diadakan pada setiap bulan. Bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh Jawatankuasa ini mulai tahun 1999 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 77**.

Jadual 77
Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Bersama
Bagi Tempoh 1999 Hingga April 2006

Tahun	Bilangan Mesyuarat Diadakan
1999	3
2000	11
2001	7
2002	5
2003	3
2004	0
2005	1
Setakat bulan April 2006	1

Sumber : Rekod Majlis Daerah Lahad Datu

Maklumat di atas menunjukkan Jawatankuasa ini tidak mengadakan mesyuarat pada setiap bulan seperti mana yang disyaratkan oleh perjanjian kontrak malah pada tahun 2004, Jawatankuasa ini tidak pernah mengadakan mesyuarat.

Semakan Audit mendapati pemeriksaan secara bersama antara Majlis dan kontraktor di kawasan tertentu dalam kawasan perkadaran Majlis hanya dibuat sebanyak 2 kali sahaja dalam tempoh pelaksanaan. Pemeriksaan dijalankan pada bulan Ogos dan Oktober 2000.

Pada pendapat Audit, mesyuarat jawatankuasa ini adalah amat perlu kerana ia merupakan saluran untuk mendapatkan maklum balas tentang tahap

keberkesanan perkhidmatan pungutan sampah yang dibuat oleh kontraktor serta untuk mengenalpasti dan membincangkan masalah yang dihadapi dan mencari cara penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah.

30.3.3 Unit Pembersihan Bandar

Unit ini bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan serta memantau kawasan pungutan sampah untuk memastikan prestasi kerja yang dibuat oleh kontraktor sentiasa berada pada tahap yang baik. Semakan Audit mendapati pemeriksaan berkala dibuat di kawasan perkhidmatan kutipan sampah dan kawasan yang bermasalah. Unit ini juga mengambil tindakan untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi. Bagaimanapun, sekiranya sesuatu masalah itu tidak dapat diselesaikan ia akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Perunding Bersama.

Selain itu, pemeriksaan secara bersama antara Majlis dan kontraktor dilakukan seminggu sekali di kawasan perkadaran Majlis. Bagaimanapun, Unit ini gagal mengemukakan sebarang rekod yang dapat menunjukkan bahawa pemeriksaan/pemantauan oleh Majlis atau secara bersama dengan kontraktor telah dilaksanakan. Sebaliknya, kontraktor ada menyediakan laporan ringkas berserta dengan gambar pada setiap bulan sebagai bukti pemeriksaan bersama telah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap prestasi kerja kontraktor masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan. Unit yang membuat pemantauan terhadap prestasi kerja kontraktor perlu merekodkan semua hasil pemeriksaan/pemantauan yang telah dibuat sama ada oleh Majlis atau secara bersama dengan kontraktor melalui penyenggaraan satu daftar serta mengeluarkan satu laporan pada setiap bulan mengenai hasil pemantauan yang telah dibuat. Rekod seperti ini boleh membantu untuk menilai prestasi kerja kontraktor tersebut dengan mudah apabila diperlukan.

31. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengurusan Pungutan dan Pelupusan Sampah adalah kurang memuaskan. Kebersihan di kawasan perkadaran Majlis sepatutnya sentiasa dalam keadaan bersih. Namun begitu, masih terdapat sisa sampah sarap yang tidak dikutip oleh kontraktor semasa pungutan sampah dijalankan. Saki baki sampah sarap perlu dipungut untuk mengelakkan ia jatuh ke dalam parit/longkang yang tidak akan dikutip oleh kontraktor. Majlis juga perlu memastikan tindakan tegas diambil ke atas individu atau

premis yang melakukan kesalahan pembuangan sampah merata-rata. Selain itu, kajian awal tidak dilaksanakan dan syarat perjanjian kontrak tidak disemak terlebih dahulu oleh Peguam Besar Negeri. Keadaan ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi. Keberkesanan sesuatu program adalah bergantung kepada penglibatan semua pihak dan Majlis perlu memastikan tahap kesedaran sivik di kalangan orang awam dipertingkatkan dengan pelbagai kempen kebersihan.

Penambahan kenderaan, tong sampah dan mempamerkan jadual kutipan di setiap kawasan serta penguatkuasaan secara berterusan perlu dijalankan bagi memastikan kawasan perkadaran Majlis berada dalam keadaan yang bersih.

Bagi mempertingkatkan lagi tahap kebersihan di kawasan perkadaran Majlis Daerah Lahad Datu, adalah disyorkan Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Jadual pungutan sampah disediakan di setiap zon. Tujuannya adalah untuk memaklumkan orang awam bila pungutan sampah dijalankan.
- b)** Memperbanyakkan tong-tong sampah di setiap kawasan.
- c)** Para pekerja Majlis sepatutnya diserap kepada kontraktor untuk mengurangkan beban Majlis.
- d)** Proses pemantauan kebersihan hendaklah didokumentasikan seperti laporan lawatan pegawai ke tapak, laporan pemeriksaan kawasan perkadaran dan nama pegawai yang terlibat dengan menggunakan borang-borang tertentu.
- e)** Kesedaran tentang kebersihan kawasan hendaklah dipertingkatkan sama ada dengan melibatkan orang awam di kawasan masing-masing, sekolah-sekolah atau bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan untuk menambah penyertaan orang awam dengan penglibatan wakil rakyat.
- f)** Menyediakan pusat pengumpulan bahan kitar semula dengan petak 3 warna di setiap taman perumahan dan kawasan komersial.
- g)** Mengadakan perbincangan yang lebih kerap dengan kontraktor supaya apa-apa masalah yang timbul boleh diselesaikan dengan lebih berkesan.
- h)** Menyediakan rancangan jangka panjang bagi membuat persediaan pengurusan sampah.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH (SEDCO)

PENGURUSAN PINJAMAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI - SEKTOR PERHOTELAN DAN PELANCONGAN

32. LATAR BELAKANG

32.1 Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) adalah sebuah badan berkanun negeri ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Ekonomi Negeri Sabah 1981. Objektif utama SEDCO adalah untuk mempercepatkan pembangunan industri dan komersial di Negeri Sabah serta menambah penyertaan bumiputra dalam bidang tersebut dengan lebih berkesan. Mengikut Akaun Awam Negeri Sabah bagi tahun 2005 Kerajaan Negeri Sabah telah meminjam sejumlah RM1 bilion daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri Sabah pula memberi pinjaman kepada Agensi Negeri sejumlah RM1.12 billion. Daripada sejumlah RM1.12 bilion tersebut sejumlah RM305.57 juta telah dipinjamkan kepada SEDCO. Mengikut rekod Akaun Awam, SEDCO adalah agensi yang mempunyai tunggakan pinjaman yang tertinggi berjumlah RM278.62 juta. Jumlah ini merupakan 91.2% daripada baki pinjaman SEDCO. Jumlah tersebut antara lain terdiri dari tunggakan bayaran balik ansuran pinjaman oleh Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd. (KKIP) sejumlah RM130.10 juta. Namun demikian, jumlah tersebut telah dipindahkan kepada Ketua Menteri Diperbadankan lanjutan dari keputusan Kabinet pada 5 Oktober 1999. Satu perjanjian telah dimeterai di antara Kerajaan Negeri, SEDCO dan KKIP pada tahun 2001 bagi maksud tersebut. Salah satu maksud pinjaman SEDCO adalah untuk membiayai aktiviti perniagaan perhotelan di kawasan luar bandar.

32.2 Pada akhir tahun 2005, SEDCO memiliki 16 syarikat subsidiari dan 7 syarikat bersekutu. Dua daripada 16 syarikat subsidiari tersebut terlibat dalam sektor perhotelan dan pelancongan. Pinjaman kepada syarikat subsidiari adalah salah satu kaedah bagi mencapai objektif SEDCO. Setakat ini, SEDCO memiliki 4 buah hotel iaitu 3 Hotel Perkasa (milikan penuh SEDCO di Kundasang, Keningau, Tenom) dan Hotel Hyatt Kota Kinabalu (milikan bersama SEDCO dan Kerajaan Negeri mengikut nisbah 57:43).

33. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pinjaman kepada Perkasa Hotel Holdings Sdn. Bhd. dan Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat subsidiari SEDCO telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur mengikut tujuan dan peraturan pinjaman bagi mencapai matlamatnya.

34. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman kepada Perkasa Hotel Holdings Sdn. Bhd dan Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. Semakan meliputi dokumen berkaitan permohonan, pemprosesan, pemberian, penggunaan dan pembayaran balik pinjaman berjumlah RM32 juta daripada Kerajaan Negeri yang kemudiannya disalurkan sebagai pinjaman kepada Perkasa Hotel Holdings Sdn. Bhd. (PHHSB). Selain itu semakan juga dibuat terhadap pinjaman yang diberikan SEDCO kepada PHHSB sejumlah RM11 juta dan Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. (KIHSB) berjumlah RM2 juta dengan menggunakan sumber kewangan SEDCO sendiri serta pinjaman daripada institusi kewangan kepada PHHSB dan KIHSB masing-masing berjumlah RM1.50 juta dan RM25 juta. Semakan terhadap penyata kewangan dan rekod berkaitan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat SEDCO dan 2 syarikat subsidiari iaitu PHHSB dan KIHSB (termasuk perjanjian pengurusan hotel dengan Hyatt Hotel Management Limited (Hyatt)). Pengauditan ini juga meliputi analisis terhadap penyata kewangan SEDCO, PHHSB, KIHSB dan Hyatt seperti **Jadual 78** berikut.

Jadual 78

Penyata Kewangan Yang Dianalisis

Penyata Kewangan	Tahun
SEDCO	2001 hingga 2004
PHHSB	2001 hingga 2005
KIHSB	2001 hingga 2005

Selain itu, semakan dokumen dan lawatan fizikal juga dijalankan di rangkaian hotel milik PHHSB iaitu Perkasa Hotel Kundasang, Perkasa Hotel Keningau, Perkasa Hotel Tenom dan hotel bajet di Kota Kinabalu serta Hotel Hyatt Kota Kinabalu di samping menemu bual pegawai terlibat.

35. PENEMUAN AUDIT

35.1 PERANCANGAN

Perancangan yang terperinci adalah penting untuk memastikan program dan aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Aspek perancangan perlu menjurus kepada pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri dan pencapaian matlamat SEDCO secara keseluruhan. Antara faktor yang disemak bagi menilai perancangan program dan aktiviti adalah seperti berikut:

35.1.1 Dasar Kerajaan /Kuasa/Perundangan

Sektor pelancongan merupakan jentera pembangunan ekonomi yang diberi keutamaan di bawah Hala Tuju Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Sabah. Hala Tuju Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan, Kerajaan Negeri Sabah mensasarkan sektor pelancongan akan menjadi antara penyumbang utama bagi pendapatan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Mengikut Seksyen 24 (b) Enakmen penubuhan, SEDCO bertanggungjawab untuk mengusahakan dan mengambil bahagian dalam bidang pertanian, perindustrian, perdagangan dan perumahan. Selain itu, Seksyen 24 (c) dan 30 (1) memberi kuasa kepada SEDCO untuk menyediakan kemudahan kredit/pinjaman bagi menjalankan tugasnya.

Bagi melaksanakan peranannya, SEDCO juga boleh meminjam wang dari Kerajaan atau sumber lain dengan kelulusan Menteri Kewangan mengikut Seksyen 28 Enakmen penubuhan SEDCO. Selain itu, Undang-undang untuk meminjam wang atau mendapatkan pinjaman untuk Agensi dan syarikat subsidiari ada dinyatakan dalam Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997.

35.1.2 Struktur Organisasi, Lembaga Pengarah Agensi Dan Syarikat Subidiari

Pihak yang dipertanggungjawabkan untuk meneliti cadangan/permohonan pinjaman, melulus, mengakaun, mengutip dan menuntut pinjaman hendaklah ditentukan di peringkat perancangan untuk memudahkan pengurusan. Semakan rekod mendapati SEDCO mempunyai Jabatan/Seksyen/Unit untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Kedudukan PHHSB dan KIHSB dalam struktur organisasi kumpulan SEDCO adalah seperti **Carta 12** di bawah.

Carta 12

Kedudukan Anak Syarikat SEDCO



Sumber : SEDCO

Lembaga Pengarah dan pengurusan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tadbir urus korporat dan menentukan hala tuju agensi dan syarikat subsidiari. Prestasi kewangan sesuatu agensi dan syarikat subsidiari banyak bergantung kepada keberkesanan Lembaga Pengarah dan pengurusan.

35.1.3 Perancangan Strategik

Bagi memastikan pinjaman memberikan kesan terhadap prestasi SEDCO dan syarikat subsidiari, adalah penting SEDCO dan syarikat subsidiari mengambil kira impak pinjaman terhadap keuntungan operasi dalam perancangan strategik. Perkara penting yang perlu diambil kira setelah mendapat tambahan modal melalui pinjaman adalah pertambahan nilai produk, pertambahan kecekapan dan peningkatan pendapatan serta keuntungan.

a) SEDCO

Hasil semakan Audit mendapati dalam kajian perancangan strategik SEDCO tidak menghuraikan impak pelaburan SEDCO dalam bentuk pinjaman kepada syarikat subsidiari, tujuan pinjaman, jumlah sasaran pinjaman, kriteria dan kumpulan sasaran yang akan diberi pinjaman. Ini kerana SEDCO tidak mempunyai polisi untuk

memberikan pinjaman. Pinjaman diberikan berdasarkan permohonan tanpa kajian secara mendalam apabila pinjaman diberikan kepada syarikat subsidiari.

Selain itu strategi pelaburan SEDCO dalam syarikat subsidiari termasuk pembinaan hotel bajet tidak diambil kira dalam perancangan strategik tersebut. Pada tahun 2001 hingga 2004 SEDCO dijangka akan mendapat keuntungan sejumlah RM97.34 juta.

b) PHHSB

Syarikat subsidiari juga telah menyediakan Perancangan Strategik lima tahun. Perkara yang digariskan dalam perancangan ini adalah perancangan sumber tenaga, strategi pemasaran berdasarkan *SWOT analysis* dan anggaran perolehan. Berdasarkan perancangan tersebut, sepanjang lima tahun iaitu pada tahun 2001 hingga 2005 rangkaian hotel PHHSB akan mendapat keuntungan RM1 juta, manakala Hotel Perkasa di Kundasang akan menjana keuntungan sejumlah RM1.43 juta dan Hotel Perkasa di Keningau mengalami kerugian terkumpul RM1.08 juta.

c) KIHSB

KIHSB juga telah menyediakan perancangan strategik bagi lima tahun iaitu tahun 2001 hingga 2005. KIHSB telah menggariskan visi korporat dalam perancangan strategik tersebut. Strategi juga dirancang bagi membantu setiap bahagian mencapai visi korporat. Selain itu, Hyatt juga telah mengenal pasti kelebihan yang ada iaitu Hotel Hyatt Kota Kinabalu akan mengekalkan imej hotel sebagai pilihan kelas pertama ahli korporat selepas pengubahsuaian serta lokasi yang strategik di kawasan perniagaan dan pusat bandar. Selaras dengan itu, KIHSB dijangka akan mula mendapat keuntungan sejumlah RM0.75 juta pada tahun 2004 dan mengunjurkan keuntungan RM0.11 juta bagi tempoh 5 tahun iaitu 2001 hingga 2005.

35.1.4 Kaedah Pelaksanaan

a) Kajian Kemungkinan/Kertas Kerja

i) SEDCO

Kajian kemungkinan dilakukan untuk menentukan kebolehlaksanaan projek oleh SEDCO dan projek yang akan dilaksanakan oleh syarikat subsidiari. Melalui kajian ini output atau impak yang akan diperolehi dapat diukur secara realistik. Selain itu, hasil daripada pinjaman yang akan diperolehi daripada

Kerajaan Negeri akan memberikan impak kepada SEDCO dan kepada syarikat subsidiari yang menerima pinjaman daripada SEDCO. Selain itu, kajian ini boleh menyokong kelulusan pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan sebagai asas untuk menilai dan meluluskan pinjaman kepada syarikat subsidiari. Perkara penting yang perlu digariskan ialah objektif kajian, skop, unjuran pengeluaran/pendapatan, sumber kewangan, sumber tenaga, pemasaran, sasaran pulangan yang dikehendaki. Kajian ini adalah penting untuk menentukan kebolehlaksanaan sebelum sesuatu pelaburan dibuat. Kajian boleh dilaksanakan sama ada oleh SEDCO sendiri atau konsultan.

ii) Syarikat Subsidiari

Kajian kemungkinan perlu dilakukan untuk menentukan kebolehlaksanaan projek oleh syarikat subsidiari. Syarikat subsidiari perlu melaksanakan kajian bagi projek yang akan dibiayai melalui pinjaman yang akan diperolehi daripada SEDCO. Melalui kajian ini SEDCO boleh menilai sama ada pinjaman boleh diberikan berdasarkan tujuan pinjaman, daya maju projek dan potensi impak/pulangan projek. Kajian yang dibuat oleh syarikat subsidiari boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada kertas kerja sokongan untuk mendapatkan pinjaman. Antara komponen penting ialah aspek pemasaran dari segi *price*, *place*, *product* dan *promotion*. Selain itu perkara yang perlu dititik beratkan dalam kajian ini adalah:

- **Pasaran**

Keadaan dan ekonomi, dunia dan setempat, kuasa membeli, kadar inflasi, jaminan pasaran, sasaran, jenama, rangkaian pemasaran, saiz pasaran dan persaingan.

- **Kewangan**

Kadar pulangan dalaman (IRR), tempoh bayaran balik (*payback period*), keuntungan (*profitability*) dan kadar pulangan pelaburan (*return on investment*).

b) Garis Panduan Dan Tatacara Pinjaman

Garis panduan atau prosedur bagi aktiviti hendaklah ditentukan dan disediakan dengan lengkap dan jelas di peringkat perancangan untuk memudahkan pelaksanaan. Garis panduan ini akan digunakan apabila menilai dan meluluskan pinjaman serta mengeluarkan wang kepada peminjam.

35.1.5 Syarat Perjanjian

Setiap kontrak yang dibuat oleh SEDCO atau syarikat subsidiari SEDCO hendaklah dimeterai dengan menggunakan perjanjian yang lengkap. Terma dan klausa yang menjaga kepentingan SEDCO dan syarikat subsidiarinya hendaklah dititikberatkan. Oleh yang demikian, pihak SEDCO melalui Unit Undang-undang hendaklah merangka format perjanjian dan merujuk kepada Peguam Besar Negeri untuk menentukan klausa yang mencukupi dan menjaga kepentingan SEDCO dan syarikat subsidiarinya.

a) Perjanjian Pinjaman

Bagi tujuan menjaga kepentingan Kerajaan dan SEDCO, perjanjian pinjaman yang lengkap hendaklah dimeterai bagi semua pinjaman yang diluluskan. Terma dan klausa yang menjaga kepentingan Kerajaan dan SEDCO hendaklah dititikberatkan. Bagi tujuan itu, pihak SEDCO melalui Unit Undang-Undang hendaklah memastikan format perjanjian pinjaman dirangka bagi pinjaman yang dikeluarkan. Format perjanjian tersebut bolehlah dirujuk kepada Peguam Besar Negeri untuk memastikan ianya teratur sebagaimana lazimnya perjanjian pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan. Perjanjian pinjaman seperti berikut hendaklah dimeteraikan:

- Perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dan SEDCO
- Perjanjian pinjaman antara SEDCO dan PHHSB
- Perjanjian pinjaman antara SEDCO dan KIHSB

b) Perjanjian Pembinaan Hotel Bajet Kota Kinabalu

SEDCO juga telah membuat perancangan membina sebuah hotel bajet dengan kos RM24.20 juta dibiayai dari sumber dalaman dan pinjaman bank. Satu perjanjian ditandatangani untuk membina dan membeli bangunan hotel tersebut pada bulan Februari 1997. Bangunan hotel dirancang mempunyai 12 tingkat dengan 149 bilik. Ia akan dilaksanakan secara usaha sama dengan syarikat tempatan. Mengikut perjanjian Seksyen (C), SEDCO dan Pemaju bersetuju bahawa perbelanjaan pembangunan Fasa 1C Asia City Kota Kinabalu iaitu bangunan hotel akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemaju.

c) Perjanjian Pengurusan Hotel Hyatt Kota Kinabalu

Setiap kontrak yang dibuat oleh SEDCO atau syarikat subsidiari SEDCO hendaklah dimeterai dengan menggunakan perjanjian yang lengkap. Oleh yang demikian pihak SEDCO melalui Unit Undang-undang hendaklah merangka format perjanjian dan merujuk kepada Peguam Besar Negeri untuk menentukan klausa yang mencukupi dan menjaga kepentingan syarikat subsidiari dan SEDCO. Semakan

Audit mendapati KIHSB ada memeterai perjanjian pengurusan dengan *Hyatt Hotel Management Limited* bagi menguruskan hotel milik KIHSB. Semakan lanjut Audit mendapati tiada bukti format perjanjian tersebut telah disemak oleh pegawai undang-undang SEDCO atau dirujuk kepada Peguam Besar Negeri.

d) Perjanjian Penswastaaan Hotel Perkasa Tenom

SEDCO melalui Unit Undang-undang hendaklah merangka format perjanjian dan merujuk kepada Peguam Besar Negeri untuk menentukan klausa yang mencukupi dan menjaga kepentingan syarikat subsidiari dan SEDCO. Semakan Audit mendapati PHHSB telah menswastakan Hotel Perkasa Tenom kepada Bijak Pesona Sdn. Bhd. berikutan keputusan mesyuarat Ahli Lembaga SEDCO pada tahun 1998 dengan kelulusan Jawatankuasa Penswastaaan Negeri pada tahun 1997. Semakan lanjut Audit mendapati SEDCO melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri telah mengemukakan draf perjanjian penswastaaan kepada Jabatan Peguam Besar Negeri.

35.1.6 Konsep Pengurusan Hotel

Konsep pengurusan berdasarkan strategi adalah penting bagi meningkatkan reputasi dan perolehan hotel. Justifikasi bagi setiap konsep yang digunakan adalah penting dan perlu boleh dimasukkan dalam perancangan strategik dan pelan perniagaan syarikat subsidiari dan hotel. Selain itu kriteria hendaklah ditentukan sama ada hotel diuruskan sendiri atau oleh syarikat pengurusan ataupun diswastakan. Bagi pengurusan hotel milik syarikat subsidiari, pihak pengurusan telah mengamalkan 2 konsep iaitu:

- a) Pengurusan dan operasi dibuat sendiri oleh syarikat subsidiari.
- b) Pengurusan dan operasi hotel dipertanggungjawabkan kepada syarikat lain.

Semakan Audit mendapati SEDCO atau syarikat subsidiari tidak mempunyai garis panduan khusus yang mengandungi kriteria mengenai konsep yang akan digunakan.

35.1.7 Jadual Pengeluaran Pinjaman

Jadual pengeluaran pinjaman hendaklah ditentukan supaya pinjaman yang diluluskan dapat digunakan oleh syarikat subsidiari mengikut keperluan dan tujuan ianya dipinjam. Semakan Audit mendapati jadual pengeluaran pinjaman kepada syarikat subsidiari tidak disediakan. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pinjaman yang dikeluarkan adalah berdasarkan kemajuan kerja atau berdasarkan asas lain. Namun begitu, jadual pengeluaran pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan

Negeri kepada PHHSB bagi membiayai projek PHHSB dinyatakan dalam jadual kedua perjanjian.

35.1.8 Pinjaman Daripada Bank Oleh PHHSB Dan KIHSB

Bajet 5 tahun PHHSB dan KIHSB tidak menyatakan keperluan kewangan bagi membiayai operasi hotel melalui pinjaman bank. Bagaimanapun, Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, Seksyen 10(b) membenarkan pinjaman dibuat oleh syarikat subsidiari dengan kelulusan pihak berkuasa.

35.1.9 Keperluan Kewangan

a) SEDCO

Bagi memudahkan SEDCO membuat perancangan pelaksanaan aktiviti, semua anggaran pendapatan dari pelbagai punca hendaklah dimasukkan dalam bajet tahunan. Keperluan kewangan bagi amaun pinjaman yang akan dikeluarkan dan pendapatan faedah perlu diambil kira dalam bajet SEDCO. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2001 hingga 2005 SEDCO telah menganggarkan bajet pengeluaran pinjaman dan pendapatan daripada pinjaman seperti di **Jadual 79** di bawah:

Jadual 79

Bajet Tahunan Pengurusan Pinjaman

Tahun Kewangan	Anggaran			
	Pengeluaran Pinjaman	Bayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan Negeri	Bayaran Balik Daripada Syarikat Subsidiari	Pendapatan Faedah
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
2001	-	1.00	2.00	0.68
2002	-	2.00	2.00	0.40
2003	-	1.00	2.00	0.27
2004	-	1.05	-	0.27
2005	-	2.00	-	0.27
2006	-	2.00	2.84	0.17
Jumlah		9.05	8.84	2.06

Sumber : Bajet Tahunan SEDCO

Berdasarkan jadual di atas SEDCO tidak mempunyai bajet untuk membiayai sebarang pinjaman bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005.

b) PHHSB dan KIHSB

Di peringkat subsidiari pula, bajet berkaitan pinjaman hendaklah diambil kira supaya pinjaman akan dibuat dan bayaran balik pinjaman dirancang dengan baik. Selain itu, ia juga mencerminkan komitmen syarikat subsidiari untuk membayar balik pinjaman yang diperolehi. Semakan Audit terhadap bajet bagi dua subsidiari yang mendapat pinjaman mendapati ansuran bayaran pinjaman yang akan dibuat tidak dinyatakan langsung dalam bajet bagi setiap tahun. Selain itu, dalam bajet syarikat berkenaan pula sumber keperluan kewangan yang akan diperolehi melalui pinjaman juga tidak dinyatakan.

35.1.10 Mekanisme Pemantauan

Pemantauan adalah penting dan perlu dirancang serta dilakukan secara berterusan untuk menentukan kelancaran aktiviti dan mengenal pasti masalah lebih cepat supaya tindakan pembetulan dapat diambil dengan segera. Bagi tujuan ini aktiviti pemantauan dibuat di peringkat berikut:

a) Peringkat SEDCO

Bagi tujuan memantau pembayaran pinjaman, Jabatan Kewangan SEDCO dipertanggungjawabkan untuk menyelenggarakan rekod berkaitan pinjaman dan membuat laporan kepada Ahli Lembaga Pengarah.

b) Peringkat PHHSB Dan KIHSB

Di peringkat subsidiari pula bahagian akaun syarikat subsidiari diberikan tanggungjawab untuk menyelenggarakan rekod berkaitan pinjaman.

Pada pandangan Audit perancangan pinjaman kepada PHHSB dan KIHSB adalah memuaskan. Disyorkan perjanjian yang lengkap mengandungi syarat-syarat pinjaman dan tindakan yang boleh diambil sekiranya syarikat subsidiari gagal membayar pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan.

35.2 PELAKSANAAN

Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan pinjaman SEDCO dan pinjaman yang diberikan kepada 2 syarikat subsidiari mendapati perkara berikut:

35.2.1 Dasar Kerajaan/Kuasa/Perundangan

Pinjaman yang dikeluarkan kepada syarikat subsidiari adalah selaras dengan dasar dan kuasa yang diperuntukkan. Kerajaan Negeri memberikan pinjaman kepada Agensi untuk melaksanakan operasi atau projek di mana selepas diberikan pinjaman Agensi

boleh menjalankan fungsinya dengan berkesan serta menjana pendapatan. Semakan Audit mendapati pinjaman dibuat daripada Kerajaan Negeri dan seterusnya SEDCO memberikan pinjaman kepada syarikat subsidiari adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam Seksyen 28 dan 30, Enakmen SEDCO. Namun begitu pinjaman yang dibuat oleh PHHSB dan KIHSB daripada institusi kewangan iaitu masing-masing sejumlah RM1.50 juta dan RM25 juta tidak selaras dengan Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, di mana pinjaman RM1.50 juta dan RM25 juta hendaklah mendapat kelulusan masing-masing daripada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Kabinet Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati tiada bukti kelulusan diperolehi bagi maksud tersebut.

Pada pendapat Audit pematuhan peraturan mengenai pinjaman SEDCO daripada Kerajaan Negeri dan pinjaman kepada PHHSB serta KIHSB adalah memuaskan kecuali pinjaman daripada bank yang dibuat oleh PHHSB dan KIHSB yang tidak mematuhi Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997.

35.2.2 Struktur Organisasi, Lembaga Pengarah Agensi Dan Syarikat Subsidiari

a) Peringkat SEDCO

Ahli Lembaga Pengarah SEDCO adalah seperti berikut:

- YB Datuk Mohd. Lan Bin Allani
- YB Liew Teck Chan
- Encik Maisuri Besri
- Y.Bhg. Datuk Yusof Bin Datuk Hj. Mohd. Kassim
(Wakil Kementerian Kewangan Negeri)
- Encik Ismail Abdullah
(Wakil Kementerian Pembangunan Perindustrian)
- Encik Mat Rani Bin Saud
- Encik Maijol Mahap

Di peringkat Lembaga Pengarah, SEDCO telah menubuhkan Jawatankuasa Projek Dan Kewangan untuk menilai cadangan projek sebelum diperakukan untuk dibincang dalam mesyuarat penuh Ahli Lembaga Pengarah SEDCO. Fungsi Jawatankuasa ini ada dinyatakan dalam Peraturan No. 17, Peraturan Kewangan dan Perakaunan SEDCO.

Bagi memudahkan pengurusan terhadap permohonan, penilaian, pengeluaran, kutipan dan perakaunan pinjaman adalah penting mewujudkan Jabatan/Seksyen/Unit yang bertanggungjawab terhadapnya dalam struktur pengurusan. Kakitangan yang mengurus pinjaman adalah mencukupi serta berkelayakan dan diberi latihan untuk menguruskan pinjaman. Hasil semakan Audit mendapati Jabatan Kewangan SEDCO diberikan tanggungjawab untuk memperakaunkan dan memantau urusan pengeluaran dan pembayaran pinjaman. Jabatan ini diketuai oleh seorang pengurus Kewangan Kumpulan Gred W48. Pengurus Kewangan Kumpulan dibantu oleh Ketua Seksyen Perbendaharaan Gred W44 dan Ketua Seksyen Akaun Gred W41. Pengurus Kewangan Kumpulan ini bertanggungjawab kepada Timbalan Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat & Kewangan Gred N54.

b) Peringkat PHHSB

Ahli Lembaga Pengarah PHHSB adalah seperti berikut:

- YB Datuk Mohd. Lan Bin Allani
- Encik Thomas More Willie
- Encik Liew Yun Fu @ Edwin
- Encik Jamaludin Adis @ Jamba Anak Adis
- Puan Irene Joibi
- Datuk Monica Chia Mui Foong @ Constance
- Encik Azrul Bin Ahmad

Di peringkat Pengurusan PHHSB, pengurusan PHHSB diketuai oleh Pengarah Eksekutif yang juga Timbalan Pengurus Besar Kumpulan SEDCO Bahagian Pembangunan & Perancangan Gred N54, Pengarah Eksekutif dibantu oleh 2 Pengurus iaitu Pengurus Wilayah Hotel Perkasa Kundasang dan Pengurus Wilayah Hotel Perkasa Keningau, seorang Pengurus Kanan Bahagian Jualan/Pemasaran dan seorang Pengurus Personel/Pentadbiran serta 153 kakitangan bergaji tetap dan 23 kakitangan bergaji hari. Carta organisasi PHHSB meliputi 5 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kewangan Dan Akaun, Bahagian Jualan Dan Pemasaran, Bahagian Operasi Hotel dan Bahagian Teknikal dan Penyelenggaraan. Lima bahagian utama ini telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan urusan pentadbiran, pengurusan kewangan dan aktiviti operasi rangkaian hotel PHHSB.

Struktur organisasi bagi 2 rangkaian hotel tersebut adalah seperti berikut:

i) Hotel Perkasa Kundasang

Hotel Perkasa Kundasang diketuai oleh Pengurus Wilayah dan dibantu oleh 92 kakitangan bergaji tetap dan 9 kakitangan bergaji hari bagi pelbagai kategori. Pengurusan operasi hotel tersebut dibahagikan kepada 9 bahagian/unit iaitu Bahagian Pembelian, Kewangan, Perkhidmatan Teknikal, *Art And Design*, *Housekeeping*, *Culinary*, Restoran (*Food & Beverage*), Pejabat Utama (*Front Office*) dan Keselamatan (*Security*). Bahagian atau unit khusus untuk melaksanakan aktiviti pemasaran tidak diwujudkan kerana semua aktiviti yang berkaitan pemasaran dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Jualan dan Pemasaran Ibu Pejabat di Kota Kinabalu.

ii) Hotel Perkasa Keningau

Hotel Perkasa Keningau juga diketuai oleh Pengurus Wilayah dan dibantu oleh 58 kakitangan bergaji tetap dan 14 kakitangan bergaji hari bagi pelbagai kategori. Pengurusan operasi hotel tersebut dibahagikan kepada 7 bahagian/unit iaitu Pejabat Utama (*Front Office*), Kewangan, *Food & Beverage*, *Head Chef*, *Housekeeping*, *Maintenance* dan *Security in-Charge*. Namun begitu bahagian atau unit khusus untuk melaksanakan aktiviti pemasaran tidak diwujudkan. Bagaimanapun, untuk meningkatkan pendapatan aktiviti pemasaran secara *local marketing* juga dibuat oleh semua Ketua Jabatan, walaupun Bahagian Jualan dan Pemasaran di Ibu Pejabat Kota Kinabalu dipertanggungjawabkan melaksanakan aktiviti pemasaran.

c) Peringkat KIHSB

Ahli Lembaga Pengarah KIHSB adalah seperti berikut:

- Encik Ismail Bin Abdullah
(Wakil Kementerian Pembangunan Industri)
- Encik Maisuri Besri
- Encik Chua Soon Ping
- Encik Mohd. Salleh Bin Lamsin
- Encik Jani @ Zaini Bin Isa
- Encik Najib Bin Sulaiman
(Wakil Kementerian Kewangan Negeri)
- Encik Nizam Bin Datuk Abu Bakar Titingan
- Puan Dg. Nurillah @ Dg. Fauziah Binti Awang Bhatt
- Encik Ag. Mat Yusof Bin Abdul Razak

Pengurusan KIHSB pula diketuai oleh Pengarah Urusan yang juga Pengurus Besar SEDCO. Beliau dibantu oleh Pengurus Pentadbiran dan seorang Pembantu Tadbir. Manakala pengurusan Hotel Hyatt dilaksanakan sepenuhnya oleh 315 anggota pengurusan dan operasi dari *Hyatt Hotel Management Limited*.

Pada pendapat Audit struktur organisasi di peringkat SEDCO dan syarikat subsidiari adalah teratur.

35.2.3 Perancangan Strategik

Perancangan strategik adalah hala tuju sesuatu organisasi mengikut visi, misi dan objektif organisasi. Sehubungan itu, perbandingan di antara pencapaian dan perancangan hendaklah sentiasa dipantau secara berterusan dan sistematik untuk memastikan matlamat tercapai. Perbandingan telah dibuat di antara pencapaian dan perancangan SEDCO, PHHSB dan KIHSB. Analisis Audit menumpukan kepada pencapaian prestasi kewangan dijangka dan prestasi kewangan sebenar bagi tempoh tersebut. Hasil semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2004 SEDCO telah mencatatkan keuntungan sejumlah RM65.09 juta berbanding RM97.34 juta dalam perancangan strategik. Manakala mengikut penyata kewangan disatukan PHHSB telah mencatatkan kerugian terkumpul RM1.38 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 berbanding keuntungan RM1 juta yang diunjurkan. Antara faktor yang menyebabkan kerugian adalah perbelanjaan susut nilai sejumlah RM2.96 juta serta kos pembaikan dan penyelenggaraan sejumlah RM1.46 juta. Namun begitu di peringkat operasi hotel kedua-dua hotel milik PHHSB iaitu Hotel Perkasa Kundasang dan Hotel Perkasa Keningau telah mencatatkan keuntungan sejumlah RM1.36 juta berbanding keuntungan RM0.35 juta yang dianggarkan dalam perancangan strategik. KIHSB pula telah menjana keuntungan sejumlah RM3.64 juta berbanding RM0.11 juta yang dinyatakan dalam perancangan strategik. Keterangan lanjut seperti di **Jadual 80, Graf 1, Graf 2, Graf 3, Graf 4 dan Graf 5**. Manakala profil SEDCO, PHHSB dan KIHSB adalah seperti di **Lampiran I, II dan III**.


Jadual 80
Unjuran Keuntungan Berbanding Pencapaian
Bagi Tahun 2001 Hingga 2005

Bil.	Agensi/Subsidiari/Hotel	Unjuran Untung/(Rugi) (RM Juta)	Pencapaian Untung/(Rugi) (RM Juta)
1.	SEDCO 2001 – 2004	97.34	65.09
2.	PHHSB 2001 – 2005	1.00	(1.38)
	2.1 Hotel Perkasa Kundasang 2001-2005	1.43	0.64
	2.2 Hotel Perkasa Keningau 2001-2005	(1.08)	0.72
3.	KIHSB 2001 -2005	0.11	3.64
Jumlah		27.92	58.71

Sumber: Penyata Kewangan

Graf 1 hingga 5 masing-masing menunjukkan unjuran keuntungan berbanding pencapaian sebenar bagi SEDCO, PHHSB, Hotel Perkasa Kundasang, Hotel Perkasa Keningau dan KIHSB.

Graf 1
Unjuran Keuntungan Berbanding Pencapaian SEDCO
Bagi Tahun 2001 Hingga 2004




Sumber: SEDCO

Berdasarkan Graf 1, SEDCO mengunjurkan trend keuntungan meningkat dari RM18.40 juta pada tahun 2001 kepada RM22.39 juta pada tahun 2002, RM26.94 juta pada

tahun 2003 dan RM29.61 juta pada tahun 2004. Pada tempoh yang sama, SEDCO mencatatkan trend prestasi meningkat di mana keuntungannya semakin bertambah dari RM9.90 juta pada tahun 2001 kepada RM15.95 juta pada tahun 2002, RM19.47 juta pada tahun 2003 dan RM19.77 juta pada tahun 2004. Sungguhpun pencapaian sebenar SEDCO bagi tahun 2001 hingga 2004 mencatat keuntungan, namun kuantum keuntungan sebenar adalah kurang daripada unjuran. SEDCO perlu menyiasat punca varians negatif antara unjuran dan pencapaian sebenar sejumlah RM8.50 juta pada tahun 2001, RM6.44 juta pada tahun 2002, RM7.47 juta pada tahun 2003 dan RM9.84 juta pada tahun 2004.


Graf 2
Unjuran Keuntungan Berbanding Pencapaian PHHSB
Bagi Tahun 2001 Hingga 2005



Sumber: PHHSB

Berdasarkan Graf 2, PHHSB mengunjurkan trend keuntungan meningkat dari sifar keuntungan pada tahun 2001 kepada RM0.06 juta pada tahun 2002, RM0.23 juta pada tahun 2003, RM0.30 juta pada tahun 2004 dan RM0.41 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, graf pencapaian sebenar menunjukkan PHHSB mengalami kerugian sepanjang tempoh yang sama iaitu PHHSB mencatatkan kerugian antara RM0.15 juta dan RM0.47 juta setahun. PHHSB perlu menyiasat punca varians negatif antara unjuran dan pencapaian sebenar dari sejumlah RM0.47 juta pada tahun 2001 menurun kepada RM0.38 juta pada tahun 2003 serta punca varians meningkat selepas tahun 2003 kepada RM0.48 juta pada tahun 2004 dan RM0.64 juta pada tahun 2005.


Graf 3
Unjuran Keuntungan Berbanding Pencapaian Hotel Perkasa Kundasang
Bagi Tahun 2001 Hingga 2005



Sumber: Hotel Perkasa Kundasang

Berdasarkan Graf 3, Hotel Perkasa Kundasang mengunjurkan keuntungan RM0.24 juta pada tahun 2001 dan 2002. Unjuran keuntungan meningkat kepada RM0.28 juta pada tahun 2003, RM0.34 juta pada tahun 2004 dan RM0.33 juta pada tahun 2005. Graf pencapaian sebenar pula menunjukkan Hotel Perkasa Kundasang mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2005. Namun, kuantum keuntungan adalah berkurangan berbanding dengan unjuran keuntungan bagi tempoh yang sama. Pihak Hotel mencatatkan sifar keuntungan pada tahun 2001. Paras keuntungan ini meningkat kepada RM0.13 juta pada tahun 2002 dan merosot kepada RM0.04 juta pada tahun 2003 sebelum meningkat semula kepada RM0.25 juta pada tahun 2004 dan RM0.22 juta pada tahun 2005. Pihak pengurusan perlu menyiasat punca varians negatif antara unjuran dan pencapaian sebenar masing-masing berjumlah RM0.24 juta, RM0.11 juta, RM0.24 juta, RM0.09 juta dan RM0.11 juta pada tahun 2001 hingga 2005.


Graf 4
Unjuran Keuntungan Berbanding Pencapaian Hotel Perkasa Keningau
Bagi Tahun 2001 Hingga 2005



Sumber: Hotel Perkasa Keningau

Berdasarkan Graf 4, Hotel Perkasa Keningau mengunjurkan kerugian RM0.24 juta pada tahun 2001, RM0.26 juta pada tahun 2002, RM0.21 juta pada tahun 2003, RM0.22 juta pada tahun 2004 dan RM0.15 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, graf pencapaian sebenar Hotel mencatatkan prestasi yang lebih baik daripada unjuran iaitu mendapat keuntungan bagi tempoh yang sama antara RM0.04 juta pada tahun 2001 dan RM0.28 juta pada tahun 2005 kecuali tahun 2002 mencatatkan keuntungan sifar. Pihak pengurusan perlu menyiasat punca yang menyebabkan varians positif antara unjuran dan pencapaian sebenar masing-masing sejumlah RM0.28 juta, RM0.26 juta, RM0.44 juta, RM0.39 juta dan RM0.43 juta pada tahun 2001 hingga 2005.

Graf 5
Unjuran Keuntungan Berbanding Pencapaian KIHSB
Bagi Tahun 2001 Hingga 2005



Sumber: KIHSB

Berdasarkan Graf 5, KIHSB mengunjurkan trend prestasi meningkat dengan kerugian berkurangan dari RM1.35 juta pada tahun 2001 kepada RM0.04 juta pada tahun 2003 dan seterusnya keuntungan sejumlah RM0.75 juta pada tahun 2004 dan RM1.39 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, graf pencapaian sebenar KIHSB mencatatkan prestasi yang lebih baik di mana kerugian RM0.36 juta pada tahun 2001 dapat dikurangkan dan menjadi sifar pada tahun 2002. Seterusnya jumlah keuntungan meningkat kepada RM0.84 juta pada tahun 2003, RM1.26 juta pada tahun 2004 dan RM1.90 juta pada tahun 2005. KIHSB perlu menyiasat punca varians positif antara unjuran dan pencapaian sebenar masing-masing berjumlah RM0.99 juta, RM0.64 juta, RM0.88 juta, RM0.51 juta dan RM0.51 juta pada tahun 2001 hingga 2005.

Strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh PHHSB dan KIHSB adalah seperti berikut:

a) Perkasa Hotel Holding Sdn. Bhd.

PHHSB telah menyediakan strategi pemasaran jangka panjang dengan mengambil kira kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT Analisis) serta sasaran dan pelan tindakan yang hendak dicapai untuk tempoh setiap 5 tahun. Bahagian Jualan dan Pemasaran telah memberi tumpuan kepada pelanggan daripada sektor kerajaan, korporat, persatuan atau agensi pelancongan. Pada tahun 2005, PHHSB telah melaksanakan 15 siri pemasaran dan aktiviti lain untuk memasarkan produknya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pakej seminar/mesyuarat, pakej

untuk keluarga, *premier card for directors* di samping mengeluarkan risalah-risalah berkaitan. Selain itu, PHHSB telah menyertai dan mengadakan pelbagai aktiviti pemasaran di dalam negeri dan luar negara antara lain mengadakan *tied-up package with Air Asia Go Holidays - Hotel Partner, Travel Agents for Japanese/Korea/British/Australian Market*, NATAS dan MATTA fair anjuran Lembaga Pelancongan Sabah, Cuti-cuti Malaysia anjuran Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia serta telah menyertai "Hari Peladang Malaysia" di Shah Alam dan *Malaysian Pavilion at Perth Royal Show Australian* anjuran Kementerian Pembangunan Perindustrian.

Semakan Audit mendapati pendapatan kasar PHHSB daripada operasi hotel masing-masing telah meningkat sejumlah RM0.37 juta dan RM0.72 juta kepada RM4.80 juta dan RM5.52 juta pada tahun 2004 dan 2005 berbanding RM4.43 juta pada tahun 2003. Perbelanjaan pemasaran yang dilakukan bagi tahun 2003 hingga 2005 adalah berjumlah RM0.63 juta seperti **Jadual 81**.

Jadual 81
Perbelanjaan Pemasaran dan Pendapatan Operasi PHHSB
Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Butiran	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	Jumlah (RM)
Perbelanjaan Pemasaran	168,185	161,370	296,377	625,932
Pendapatan Operasi Hotel (kasar)	4,427,914	4,800,881	5,523,524	14,752,319

Sumber : Penyata & Rekod Kewangan PHHSB

i) Hotel Perkasa Keningau

Pemeriksaan Audit mendapati aktiviti pemasaran di Hotel Perkasa Keningau dilaksanakan oleh *Residen Manager* dan dibantu oleh Ketua Jabatan/Bahagian. Berdasarkan carta organisasi, tidak ada unit atau bahagian khusus dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti pemasaran. Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan sendiri oleh anggota Hotel Perkasa Keningau adalah secara setempat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah promosi secara *in person* kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, syarikat dan badan lain (*marketing visit*). Selain itu, penajaan sempena perayaan seperti kain rentang, kadar promosi semasa perayaan, cuti sekolah dan kadar istimewa bagi penginap secara berkumpulan. Sepanjang tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM0.08 juta

telah dibelanjakan oleh Hotel Perkasa Keningau untuk pemasaran dan pendapatan operasi Hotel Perkasa Keningau adalah berjumlah RM7.24 juta. Pendapatan berbanding perbelanjaan pemasaran Hotel Perkasa Keningau adalah seperti di **Jadual 82**.

Jadual 82
Perbelanjaan Pemasaran dan Pendapatan
Operasi Hotel Perkasa Keningau Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Butiran	2003	2004	2005	Jumlah
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Perbelanjaan Pemasaran	20,457	21,885	40,380	82,722
Pendapatan Operasi Hotel	2,168,890	2,371,464	2,699,838	7,240,192

Sumber: Rekod Kewangan

Jadual 82 menunjukkan perbelanjaan untuk aktiviti pemasaran Hotel Perkasa Keningau bagi tahun 2003 dan 2004 masing-masing berjumlah RM0.02 juta. Jumlah ini meningkat sejumlah RM0.02 juta menjadi RM0.04 juta pada tahun 2005. Peningkatan perbelanjaan pemasaran tersebut turut menyumbang terhadap peningkatan pendapatan operasi Hotel berjumlah RM0.53 juta iaitu dari RM2.17 juta pada tahun 2003 kepada RM2.70 juta pada tahun 2005.

Aktiviti pemasaran telah dapat meningkatkan pendapatan di mana peningkatan perbelanjaan pemasaran diikuti oleh impak untuk meningkatkan pendapatan.

ii) Hotel Perkasa Kundasang

Sepanjang tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM0.18 juta telah dibelanjakan untuk memasarkan Hotel Perkasa Kundasang dan pendapatan operasi Hotel berjumlah RM7.83 juta. Pada tahun 2004, perbelanjaan pemasaran berkurangan sejumlah RM0.04 juta menjadi RM0.03 juta berbanding RM0.07 juta pada tahun 2003. Namun begitu, pendapatan operasi Hotel bagi tahun 2004 meningkat sejumlah RM0.10 juta menjadi RM2.55 juta berbanding RM2.45 juta pada tahun 2003. Pada tahun 2005, perbelanjaan pemasaran bertambah sejumlah RM0.04 juta menjadi RM0.07 juta berbanding RM0.03 juta pada tahun 2004. Semakan Audit mendapati impak perbelanjaan pemasaran terhadap pendapatan operasi bagi Hotel

Perkasa Kundasang pada tahun 2005 adalah lebih tinggi berbanding impak perbelanjaan pemasaran terhadap pendapatan operasi bagi tahun 2003 dan 2004. Pendapatan berbanding perbelanjaan pemasaran Hotel Perkasa Kundasang adalah seperti di **Jadual 83**.

Jadual 83
Perbelanjaan Pemasaran dan Pendapatan Operasi
Hotel Perkasa Kundasang Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Butiran	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	Jumlah (RM)
Perbelanjaan Pemasaran	75,885	33,163	69,858	178,906
Pendapatan Operasi Hotel	2,456,902	2,553,282	2,822,700	7,832,884

Sumber: Rekod Kewangan

Aktiviti pemasaran juga dapat meningkatkan pendapatan di mana peningkatan perbelanjaan pemasaran diikuti oleh peningkatan pendapatan. Bagaimanapun, PHHSB perlu mengkaji semula strateginya sama ada di dalam dan luar negara supaya impak positif perbelanjaan pemasaran terhadap pendapatan operasi Hotel Perkasa Kundasang dapat dimaksimumkan.

b) Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. (KIHSB)

- Hotel Hyatt Regency Kinabalu

Semakan Audit mendapati perbelanjaan pemasaran sejumlah RM1.65 juta bagi KIHSB bagi tahun 2005 adalah lebih tinggi berbanding sejumlah RM1.62 juta pada tahun 2004 dan sejumlah RM1.55 juta pada tahun 2003. Namun begitu pendapatan operasi Hotel Hyatt telah meningkat sejumlah RM3.96 juta menjadi RM28.37 juta pada tahun 2004 dari RM24.41 juta pada tahun 2003 dan bertambah RM2.85 juta dari RM28.37 juta pada tahun 2004 menjadi RM31.22 juta pada akhir tahun 2005 seperti di **Jadual 84**.

Jadual 84
Perbelanjaan Pemasaran dan Pendapatan Operasi KIHSB
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Butiran	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	Jumlah (RM)
Perbelanjaan Pemasaran	1,552,215	1,615,084	1,651,127	4,818,426
Pendapatan Operasi Hotel	24,410,292	28,375,830	31,224,276	84,010,398

Sumber: Rekod Kewangan

Berdasarkan fakta di atas, penambahan perbelanjaan pemasaran memberi impak terhadap peningkatan pendapatan.

Pada pendapat Audit perancangan strategik dari segi prestasi kewangan SEDCO, PHHSB dan KIHSB adalah kurang memuaskan kerana bajet yang disediakan kurang realistik. Bagaimanapun, strategi pemasaran yang dilaksanakan dapat meningkatkan pendapatan operasi hotel.

35.2.4 Kaedah Pelaksanaan

a) Kajian Kemungkinan/Kertas Kerja

Semakan Audit mendapati SEDCO dan juga Syarikat Subsidiari tidak menyediakan kajian kemungkinan bagi pinjaman yang di berikan atau diterima. Pinjaman yang diberikan atau dipohon adalah berdasarkan permohonan dan keperluan semasa yang diperlukan oleh Syarikat Subsidiari. Pinjaman sejumlah RM32 juta kepada PHHSB tidak mempunyai kertas sokongan. Manakala pinjaman RM2 juta kepada KIHSB ada mengandungi maklumat tujuan pinjaman, begitu juga pinjaman RM5 juta kepada PHHSB.

Pada pendapat Audit kajian kemungkinan atau kertas kerja perlu disediakan untuk memudahkan Lembaga Pengarah dan pengurusan atasan membuat keputusan mengenai pinjaman terlibat.

b) Garis Panduan Dan Tatacara Pinjaman

Garis panduan dan tatacara pengurusan pinjaman hendaklah disediakan dengan lengkap dan jelas. Garis panduan tersebut juga hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Ia bertujuan bagi memudahkan pelaksanaan semasa menguruskan pinjaman. Semakan Audit mendapati di peringkat Kementerian Kewangan Negeri, garis panduan dan carta aliran proses pengurusan pinjaman oleh Agensi ada disediakan. Garis panduan ini dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan. Manakala di peringkat SEDCO pula, garis panduan hanya disediakan pada tahun 2001 dan telah dijadikan Prosedur dan Arahan Kerja dalam Dasar Kualiti Agensi. Manakala bagi pinjaman yang dikeluarkan sebelum tahun 2001 keputusan dibuat hanya berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dalam Enakmen SEDCO. Bagi mengesahkan sama ada proses pemberian pinjaman adalah teratur, pihak Audit perlu menyemak dokumen seperti dokumen permohonan pinjaman, kertas kerja pinjaman, kertas kerja sokongan daripada Jabatan Kewangan SEDCO, minit mesyuarat jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan baucar pengeluaran

wang pinjaman. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat memastikan pinjaman berjumlah RM32 juta yang dikeluarkan dari tahun 1982 hingga 1997 telah mengikut prosedur tertentu semasa kelulusan pinjaman dibuat kerana dokumen tersebut tidak dikemukakan untuk semakan kecuali minit mesyuarat kelulusan pinjaman oleh ALP.

Pada pendapat Audit garis panduan yang dijadikan sebagai salah satu dasar kualiti Agensi adalah baik selaras dengan hasrat untuk meningkatkan akauntabiliti awam.

35.2.5 Syarat Perjanjian

Bagi mengikat pihak yang terlibat satu perjanjian yang lengkap hendaklah dimeterai dan syarat perjanjian yang mesti diambil kira adalah kepentingan SEDCO dan syarikat subsidiari sentiasa terpelihara. Selain itu, perjanjian yang akan ditandatangani hendaklah disemak dan dirujuk kepada Peguam Besar Negeri untuk memastikan semua klausa adalah teratur. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti perjanjian ini telah dirujuk dan disemak oleh pejabat Peguam Besar Negeri.

a) Perjanjian Pinjaman

Semakan lanjut Audit terhadap pembayaran pinjaman dan pematuhan mendapati tunggakan bayaran pinjaman SEDCO kepada Kerajaan Negeri untuk sektor perhotelan dan pelancongan adalah RM45.97 juta dan tunggakan PHHSB kepada SEDCO berjumlah RM32.28 juta termasuk faedah. Manakala tidak ada tunggakan di antara KIHSB kepada SEDCO. Maklumat lanjut mengenai tunggakan adalah seperti di **Jadual 85**.

Jadual 85

Tunggakan Pinjaman Antara Kerajaan Negeri, SEDCO Dan Syarikat Subsidiari

Tahun Pinjaman Diberi	Jumlah Pinjaman Dikeluarkan Oleh			Tunggakan Setakat bulan Jun 2006		
	K/Negeri Kepada SEDCO	SEDCO Kepada PHHSB	SEDCO Kepada KIHSB	SEDCO	PHHSB	KIHSB
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Feb. 1980	2.00			2.63		
Feb. 1981	4.00			5.78		
Mei 1981	4.00			5.78		
Ogos 1981	4.00			5.78		
Dis. 1981	2.00			2.89		
Jan. 1982		7.30			10.91	
Apr. 1982	2.00			2.89		
Sept. 1982	3.00			4.33		
Dis. 1982	3.00			4.33		
Mac 1983	2.00			2.89		
Mei 1983	2.00			2.89		
Mei 1983	2.00			2.89		
Jun-84		10.70			16.37	
Feb. 1997		1.50			1.50	
Mei 1997		1.00			1.00	
Nov. 1997		1.00			1.00	
Jan. 1998		0.80			0.80	
Mac. 1982		0.70			0.70	
Apr. 2003			2.00			
Ogos 2003	2.00			2.89		
Jumlah	32.00	23.00	2.00	45.97	32.28	-

Sumber: Rekod Pinjaman SEDCO dan KIHSB

i) Perjanjian Pinjaman Antara Kerajaan Negeri dan SEDCO

Semakan Audit mendapati format perjanjian ada disediakan bagi pinjaman Kerajaan Negeri kepada agensi kerajaan. Perjanjian pinjaman yang telah dimeterai antara Kerajaan Negeri dan SEDCO adalah seperti lazimnya perjanjian biasa dimeterai dengan Kerajaan Negeri. Dalam perjanjian itu juga dinyatakan tujuan pinjaman ini adalah untuk membiayai projek PHHSB. Terdapat 3 perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan SEDCO melibatkan sejumlah RM32 juta yang ditandatangani antara tahun 1980 dan 1983 dengan kadar faedah 3%. Perjanjian tersebut menetapkan antara lain tujuan serta jadual bayaran balik seperti mana di **Jadual 86**.

Jadual 86

Jadual Bayaran Balik Pinjaman SEDCO Kepada Kerajaan Negeri

Tahun Pinjaman Dikeluarkan	Jumlah Pinjaman (Pokok) (RM juta)	Bayaran Pinjaman /Ansuran (Tahun)	Ansuran		Ansuran Tahunan Sepatut Dijelaskan	
			Mula (Tahun)	Akhir (Tahun)	Bayaran Pertama (RM)	Bayaran Akhir (RM)
Feb. 1980	2	15	1986	2000	192,663	192,663
Feb. 1981	4	15	1987	2001	385,326	385,326
Mei 1981	4	15	1987	2001	385,326	385,326
Ogos 1981	4	15	1987	2001	385,326	385,326
Dis. 1981	2	15	1988	2002	192,663	192,663
Apr. 1982	2	15	1988	2002	192,663	192,663
Sept. 1982	3	15	1988	2002	288,995	288,995
Dis. 1982	3	15	1988	2002	288,995	288,995
1983	2	15	1989	2003	192,663	192,663
1983	2	15	1989	2003	192,663	192,663
1983	2	15	1989	2003	192,663	192,663
1983	2	15	1989	2003	192,663	192,663
Jumlah	32					

Sumber: Perjanjian Pinjaman SEDCO

Semakan audit mendapati pihak SEDCO belum membuat sebarang bayaran balik kepada Kerajaan Negeri bagi pinjaman ini sehingga tarikh pengauditan walaupun bayaran akhir sepatutnya diselesaikan antara tahun 2000 hingga 2003.

ii) Perjanjian Pinjaman Antara SEDCO dan PHHSB

Semakan Audit mendapati format perjanjian pinjaman kepada PHHSB tidak dirancang dan perjanjian di antara pemberi pinjaman iaitu SEDCO dan PHHSB dibuat melalui *Letter Of Undertaking* (surat aku janji). Perkara yang terkandung dalam *Letter of Undertaking* tersebut adalah tarikh perjanjian, tandatangan, amaun pinjaman, kadar faedah dan tempoh bayaran balik. *Letter of Undertaking* ini juga tidak distemkan. Daripada RM43 juta, hanya pinjaman sejumlah RM18 juta dibuat perjanjian. Manakala pihak Audit tidak dapat memastikan perjanjian telah dibuat bagi pinjaman melibatkan sejumlah RM25 juta sama ada sumber daripada Kerajaan Negeri atau sumber dalaman SEDCO kerana perjanjian tidak diperolehi semasa pengauditan.

Semakan Audit mendapati setakat tarikh pengauditan bayaran balik adalah berjumlah RM0.26 juta. Berdasarkan jadual bayaran balik, mengikut perkiraan

Audit jumlah yang sepatutnya dijelaskan ialah RM32.28 juta. Maklumat lengkap baki hutang adalah seperti di **Jadual 87** di bawah.

Jadual 87
Status Pinjaman PHHSB Daripada SEDCO Setakat Tahun 2005

Perihal Pinjaman	Jumlah (RM Juta)	Jadual Bayaran PHHSB Kepada SEDCO/Jumlah Bayaran
Pinjaman (Pokok) - 1982	7.30	15 tahun
Faedah Dipermodalkan	1.28	(1987-2001)
Faedah Dikenakan	2.60	
Jumlah Kecil	11.17	-
Pinjaman (Pokok) - 1984	10.70	15 tahun
Faedah Dipermodalkan	1.87	(1989-2003)
Faedah Dikenakan	3.80	
Jumlah Kecil	16.37	-
Pinjaman (Pokok) - 1997		
Pinjaman Tanpa Faedah	5.0	Tidak dinyatakan
Jumlah Kecil	5.0	-
Jumlah Patut Bayar	32.54	-
Bayaran Diterima	0.26	
Baki	32.28	

Sumber : Fail Pinjaman SEDCO

Selain itu, pada awal bulan Februari 2006, Lembaga Pengarah SEDCO telah memutuskan untuk membatalkan pinjaman RM5 juta kepada PHHSB serta mengambil alih bangunan hotel bajet. Semakan Audit mendapati SEDCO belum lagi mengambil tindakan terhadap PHHSB walaupun amaun yang tertunggak adalah besar.

iii) Perjanjian Pinjaman Antara SEDCO dan KIHSB

Semakan Audit mendapati *Letter of Undertaking* telah dibuat antara SEDCO dan KIHSB yang melibatkan pinjaman sejumlah RM2 juta yang ditandatangani pada tahun 2003. Perkara yang terkandung dalam *Letter of Undertaking* adalah tarikh perjanjian, tandatangan, amaun pinjaman, kadar faedah dan tempoh bayaran balik. Namun begitu, *Letter of Undertaking* ini tidak distemkan. Semakan Audit mendapati pinjaman tersebut adalah bagi membiayai sebahagian daripada kos pengubahsuaian Hotel Hyatt Kota Kinabalu milik KIHSB. Semakan Audit juga mendapati sehingga ke tarikh pengauditan sejumlah RM0.47 juta telah dijelaskan sebagai bayaran balik dan ianya mengikut jadual perjanjian.

Pada pendapat Audit, kegagalan PHHSB untuk membayar balik pinjaman kepada SEDCO telah menyebabkan SEDCO tidak dapat melunaskan pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri Sabah.

b) Perjanjian Pembinaan Hotel Bajet Kota Kinabalu

Pada bulan April 1985 SEDCO dan Pemaju tempatan telah memeterai satu perjanjian usaha sama untuk membangunkan tanah milik SEDCO di Kg. Air Kota Kinabalu. Pembangunan tersebut meliputi Fasa 1A dan 1B dibangunkan dengan membina rumah kedai manakala bangunan pejabat bagi Fasa 1C. Mengikut perjanjian kos pembangunan Fasa 1C ditanggung sepenuhnya oleh pemaju. Pada bulan Februari 1997 satu perjanjian lagi dimeterai di mana SEDCO dan Pemaju bersetuju pembangunan Fasa 1C ditukar daripada bangunan pejabat menjadi bangunan hotel bajet 12 tingkat dengan mempunyai 149 bilik. Namun begitu, mengikut semakan Audit kos pembinaan bangunan ini yang dianggarkan bernilai RM24.20 juta ditanggung oleh PHHSB. Setakat ini sejumlah RM5.04 telah dibelanjakan bagi tujuan pembinaan bangunan ini.

Pada pendapat Audit, kos pembinaan ini sepatutnya ditanggung oleh pemaju seperti perjanjian usaha sama yang telah dimeterai. Sekiranya ada perubahan skop maka ianya perlu dibuat pelarasan dalam perjanjian tambahan.

c) Perjanjian Pengurusan Hotel Hyatt Kota Kinabalu

i) Bayaran Pengurusan

Pengurusan hotel telah diswastakan kepada Hotel Hyatt Management Limited manakala hak milik masih kekal dengan syarikat subsidiari iaitu KIHSB melalui perjanjian pengurusan yang dimeterai pada 7 Julai 1979. Perjanjian ini berkuatkuasa selama 20 tahun dan akan tamat pada 31 Disember 2019. Mengikut perjanjian 2 jenis bayaran pengurusan (royalti) akan dibayar kepada Hotel Hyatt Management Limited (Hyatt) iaitu *basic fee* dan *incentive fee*. *Basic fee* dikira 2.5% daripada pendapatan kasar Hotel Hyatt Kota Kinabalu dan *incentive fee* 12% daripada keuntungan kasar. Pendapatan kasar terdiri daripada jumlah semua jenis pendapatan. Manakala keuntungan kasar adalah terdiri dari pendapatan kasar tolak kos jualan, kos pekerja, peruntukan penggantian dan penambahan perabot/peralatan, bayaran pengurusan kepada Hyatt, insurans dan sewa. Semakan Audit mendapati perjanjian penswastan pengurusan tersebut memberi manfaat kepada kedua pihak iaitu KIHSB dan

Hyatt. Ini adalah berdasarkan kepada faedah dalam bentuk keuntungan dan bayaran fi yang diperolehi oleh kedua pihak seperti di **Jadual 88**.

Jadual 88

Keuntungan Dan Bayaran Fi Bagi Tahun 2001 Hingga Bulan Jun 2006

Tahun	Keuntungan KIHSB (RM Juta)	Bayaran Fi Kepada Hyatt (RM Juta)
2001	(0.36)	0.86
2002	(0.04)	0.90
2003	0.84	0.99
2004	1.85	1.20
2005	2.35	1.51
2006 (sehingga bulan Jun)	Tiada maklumat	0.77
Jumlah	4.64	6.23

Sumber: Penyata Kewangan KIHSB

Selain dari itu, KIHSB juga berjaya menyelesaikan hutang kepada SEDCO mengikut jadual.

Pada pendapat Audit tindakan menswastakan pengurusan hotel telah mendatangkan keuntungan kepada kedua pihak.

ii) Tempoh Bayaran Syer Keuntungan Kepada KIHSB

Semakan Audit mendapati mengikut perjanjian pengurusan Seksyen 3(1), syer keuntungan milik KIHSB perlu dibayar secara dua peringkat iaitu pada bulan Ogos tahun berikutnya dan bayaran kedua dibayar 6 bulan kemudian.

Semakan Audit seterusnya mendapati berdasarkan penyata kewangan yang disediakan oleh Hyatt yang telah diaudit keuntungan kasar (bahagian pemilik hotel) bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Jun 2006 adalah sejumlah RM23.38 juta. Namun begitu, amaun sebenar keuntungan yang diserahkan kepada KIHSB tidak dapat dipastikan oleh kerana penyata bank tidak dikemukakan dan penyata kewangan KIHSB tidak menunjukkan jumlah keuntungan dipindahkan dari akaun Hotel Hyatt Kota Kinabalu. Contohnya pada tahun 2004 mengikut penyata kewangan Hotel Hyatt Kota Kinabalu, untung kasar yang diperolehi ialah RM6 juta setelah ditolak bayaran insentif kepada Hyatt, sejumlah RM5.50 juta perlu diserahkan kepada KIHSB. Namun demikian jumlah tersebut tidak dinyatakan di penyata kewangan KIHSB 2004

atau 2005. Bagaimanapun, pihak Hyatt ada menyediakan penyata kedudukan syer keuntungan pemilik hotel pada setiap bulan. Selain itu, amaun yang digunakan oleh Hyatt untuk membeli peralatan hotel menggunakan syer keuntungan milik KIHSB ada dilaporkan oleh Hyatt kepada KIHSB pada setiap bulan. Semua pembelian tersebut dipermodalkan dan dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan menggunakan syer keuntungan adalah teratur seperti dalam perjanjian. Bagaimanapun, disyorkan supaya KIHSB menyemak penyata yang disediakan oleh pihak Hyatt dan mengambil tindakan susulan yang wajar.

d) Perjanjian Penswastaaan Hotel Perkasa Tenom

Hotel Perkasa Tenom diswastakan kepada Bijak Pesona Sdn. Bhd. melalui perjanjian sewa beli yang dimeterai di antara PHHSB dengan Bijak Pesona Sdn. Bhd. pada bulan April 1999. Bagaimanapun, Bijak Pesona Sdn. Bhd. telah tidak mematuhi syarat sewa beli yang ditetapkan iaitu tidak membayar sewa bulanan mengikut jadual pembayaran seperti mana yang dihuraikan dalam perenggan 35.2.6(b)(i).

Pada pendapat Audit, PHHSB tidak memperolehi manfaat dari penswastaaan Hotel Perkasa Tenom kerana Bijak Pesona Sdn. Bhd. tidak mematuhi syarat perjanjian sewa beli yang dimeterai.

35.2.6 Pengurusan Hotel

PHHSB memiliki 3 rangkaian hotel iaitu Hotel Perkasa Kundasang (74 bilik), Hotel Perkasa Keningau (63 bilik) dan Hotel Perkasa Tenom (63 bilik) manakala KIHSB memiliki Hotel Hyatt Kota Kinabalu (288 bilik). Pemeriksaan Audit terhadap 3 rangkaian hotel PHHSB dan KIHSB mendapati perkara berikut:

a) Pengurusan Dan Operasi Hotel Dibuat Sendiri

i) Hotel Perkasa Kundasang

Untung kasar Hotel Perkasa Kundasang telah meningkat sejumlah RM0.21 juta menjadi RM0.25 juta pada tahun 2004 berbanding sejumlah RM0.04 juta pada tahun 2003. Faktor utama kenaikan ini adalah peningkatan jualan bilik penginapan, sewaan dan pendapatan lain. Pada tahun 2005, untung kasar Hotel Perkasa Kundasang adalah RM0.22 juta berbanding RM0.25 juta pada tahun 2004 iaitu telah menurun sejumlah RM0.03 juta. Semakan lanjut

mendapati penurunan tersebut adalah disebabkan peningkatan pendapatan Hotel sejumlah RM0.25 juta adalah lebih kecil berbanding dengan peningkatan perbelanjaan operasi hotel sejumlah RM0.28 juta. Punca utama peningkatan perbelanjaan ialah perbelanjaan *Food & Beverages* dan perbelanjaan *Administrations & General*. Butiran pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 89**.

Jadual 89
Pendapatan Operasi Hotel Perkasa Kundasang
Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Butiran Pendapatan	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
1.	<i>Room Department</i>	1,130,329	1,267,272	1,358,228
2.	<i>Food & Beverage</i>	1,215,328	1,269,472	1,448,298
3.	<i>Telephone & Telegraph</i>	11,710	9,325	9,217
4.	<i>Other Operated Dept.</i>	7,644	7,214	6,957
5.	<i>Rental & Other Income</i>	91,892	146,428	128,779
Jumlah Pendapatan		2,456,903	2,699,711	2,951,479
Perbelanjaan		2,415,519	2,447,932	2,735,128
Untung		41,384	251,779	216,351

Sumber : Rekod Kewangan

ii) Hotel Perkasa Keningau

Jumlah pendapatan kasar Hotel Perkasa Keningau telah meningkat dari RM2.17 juta pada tahun 2003 menjadi RM2.37 juta pada tahun 2004 dan RM2.81 juta pada tahun 2005. Penyumbang utama pendapatan ini adalah daripada *Food & Beverages* iaitu meningkat dari RM1.51 juta pada tahun 2003 menjadi RM1.62 juta pada tahun 2004 dan RM1.92 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, pada tahun 2004 untung kasar Hotel telah menurun sejumlah RM0.06 juta menjadi RM0.17 juta berbanding sejumlah RM0.23 juta pada tahun 2003. Ini disebabkan peningkatan perbelanjaan berjumlah RM0.26 juta adalah lebih besar berbanding peningkatan pendapatan berjumlah RM0.20 juta bagi tempoh yang sama. Hasil daripada usaha berterusan oleh pihak pengurusan Hotel Perkasa Keningau telah berjaya meningkatkan pendapatan operasi hotel dan seterusnya untung kasar Hotel meningkat sejumlah RM0.11 juta daripada RM0.17 juta pada tahun 2004 menjadi RM0.28 juta pada tahun 2005. Pendapatan dan perbelanjaan operasi adalah seperti di **Jadual 90**.

Jadual 90

Pendapatan Hotel Perkasa Keningau Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Butiran Pendapatan	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
1.	<i>Room Department</i>	539,266	596,882	761,751
2.	<i>Food & Beverage</i>	1,507,710	1,618,813	1,915,668
3.	<i>Telephone & Telegraph</i>	5,115	3,893	2,665
4.	<i>Other Operated Dept.</i>	10,484	11,096	19,754
5.	<i>Rental & Other</i>	106,315	140,780	113,483
Jumlah		2,168,890	2,371,464	2,813,321
Perbelanjaan		1,937,518	2,201,798	2,529,729
Untung		231,372	169,666	283,592

Sumber : Rekod Kewangan

Pada pendapat Audit prestasi kedua-dua hotel ini adalah memuaskan dan terdapat peningkatan keuntungan dari tahun ke tahun.

b) Pengurusan Dan Operasi Hotel Dipertanggungjawab Kepada Syarikat Lain

i) Hotel Perkasa Tenom

PHHSB telah menswastakan Hotel Perkasa Tenom kepada Bijak Pesona Sdn. Bhd. berikutan keputusan mesyuarat Ahli Lembaga SEDCO pada tahun 1998 dengan kelulusan Jawatankuasa Penswastaaan Negeri pada tahun 1997. Mesyuarat telah bersetuju untuk menawarkan penswastaaan Hotel Perkasa Tenom kepada Bijak Pesona Sdn. Bhd. dengan harga RM5.49 juta selaras dengan penilaian yang dibuat oleh Tetuan CH Williams Talhar Wong (Sabah) Sdn. Bhd. Konsep penswastaaan adalah berdasarkan konsep sewa beli dan sebahagian jumlah tersebut dibayar melalui sewa selama 5 tahun dengan kadar yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu satu perjanjian sewa beli telah ditandatangani di antara PHHSB dengan Bijak Pesona Sdn. Bhd. pada bulan April 1999. Antara lain syarat yang terkandung adalah Bijak Pesona Sdn. Bhd. akan menyewa Hotel Perkasa Tenom selama 5 tahun bermula pada bulan Mac 1999 dan diberi pilihan untuk membeli hotel tersebut selepas tamat tempoh penyewaan. Kadar sewa bulanan yang ditetapkan adalah berjumlah RM10,000 sebulan pada tahun pertama, RM20,000 sebulan tahun kedua dan RM30,000 sebulan pada tahun ketiga hingga tahun kelima. Bayaran tersebut hendaklah dibayar kepada Kerajaan Negeri untuk

menyelesaikan pinjaman SEDCO kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, syarikat tersebut hendaklah menyelenggarakan dan menaik taraf kemudahan hotel tersebut dalam tempoh penyewaan. Selain itu, denda akan dikenakan jika sewa bulanan lewat dibayar dengan kadar 1.5% atas *base lending rate (BLR)* semasa Maybank. **Foto 36** adalah bangunan Hotel Perkasa Tenom yang diswastakan.

Foto 36

Bangunan Hotel Perkasa Tenom



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 Ogos 2006

Lokasi: Hotel Perkasa Tenom

Surat Perjanjian tambahan telah ditandatangani pada bulan Jun 2002 berikutan permohonan Bijak Pesona Sdn. Bhd. untuk menyusun semula kadar pembayaran sewa bulanan. Kadar sewa bulanan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Penswastaaan Negeri adalah berdasarkan kadar penginapan bulanan iaitu RM5,000 sebulan bagi kadar penginapan di bawah 30%, RM7,500 sebulan bagi kadar penginapan dari 30% hingga 50% dan RM10,000 sebulan bagi kadar penginapan melebihi 50%. Tempoh penyewaan adalah selama 10 tahun. Bijak Pesona Sdn. Bhd. telah memutuskan tidak akan membeli hotel ini selepas tamat tempoh penyewaan.

Memandangkan fail atau rekod berkaitan tidak dikemukakan pada tarikh pengauditan dijalankan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada bayaran deposit telah dijelaskan oleh penyewa. Selain itu, penyelenggaraan yang dibuat oleh Bijak Pesona Sdn. Bhd. juga tidak dapat dipastikan. Bagaimanapun berdasarkan penyata yang dikemukakan, penyewa telah

menjelaskan sewa di antara tahun 1999 hingga 2005 berjumlah RM260,000 dan dibayar terus kepada Kerajaan Negeri sebagai bayaran kepada pinjaman yang diperolehi oleh SEDCO bagi projek PHHSB. Manakala tunggakan sewa terkumpul sehingga bulan Jun 2006 berjumlah RM550,000 adalah seperti di **Jadual 91**. Jumlah ini tidak termasuk denda dengan kadar 1.5% di atas kelewatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Februari 2007 memutuskan untuk menubuhkan jawatankuasa bagi meneliti proses mengambil alih hotel termasuk tindakan untuk menuntut balik tunggakan sewa daripada Bijak Pesona Sdn. Bhd.

Jadual 91

**Tunggakan Bayaran Sewa Oleh Bijak Pesona Sdn. Bhd.
Sehingga Bulan Jun 2006**

Tempoh Perjanjian	Kadar sebulan	Bayaran Sepatutnya Diterima		Bayaran Telah Diterima	Tunggakan Sewa
		Tempoh	RM	RM	RM
4 Tahun Berkuatkuasa Mac 1999 Perjanjian ditandatangani pada 29/4/1999	Tahun 1: RM10,000 Tahun 2 : RM20,000 Tahun 3–5: RM30,000	• Deposit • Mac'99– Feb.'00 • Mac'00–Feb '01 • Mac '01–Jun '01	30,000 120,000 240,000 120,000	- 50,000 15,000 -	
Jumlah			510,000	65,000	445,000
10 Tahun Berkuatkuasa July 2001 (Perjanjian tambahan ditandatangani pada 7/6/2002)	Sewa dikira berdasarkan kadar penginapan bulanan: -Di bawah 30% of the full capacity :RM5,000 -Atas 30% dan di bawah 50% :RM7,500 -Atas 50% :RM10,000	• July'01– Jun.'02 • July'02– Jun '03 • July'03– Jun.'04 • July'04– Jun '05 • July'05– Jun.'06	60,000 60,000 60,000 60,000 60,000	))) 195,000))	
Jumlah			300,000	195,000	105,000
Jumlah Besar			810,000	260,000*	550,000

Sumber : Rekod Kewangan PHHSB

Nota : * Dibayar terus kepada Kerajaan Negeri sebagai bayaran pinjaman SEDCO/PHHSB

Pada pendapat Audit, pada asasnya penswastan ini mendatangkan keuntungan kepada PHHSB jika sewa dibayar kepada PHHSB mengikut perjanjian, kerana PHHSB tidak perlu mengeluarkan kos untuk operasi hotel ini. Namun begitu kegagalan penyewa membayar sewa telah menyebabkan penswastan ini tidak menguntungkan kerana di samping tidak ada pendapatan, PHHSB terpaksa menanggung kos susut nilai apabila penyata kewangan disatukan.

ii) Hotel Hyatt Kota Kinabalu

Jumlah pendapatan kasar Hotel Hyatt Kota Kinabalu pada tahun 2005 adalah berjumlah RM31.55 juta berbanding RM28.66 juta pada tahun 2004 dan RM24.68 juta pada tahun 2003 iaitu pertambahan sejumlah RM2.89 juta pada tahun 2005 dan sejumlah RM3.98 juta pada tahun 2004. Penyumbang utama pendapatan ini adalah daripada *Food & Beverages* dan *rooms*. Pada tempoh yang sama, perbelanjaan juga telah meningkat sejumlah RM1.69 juta menjadi RM24.34 juta pada tahun 2005 berbanding peningkatan sejumlah RM2.76 juta pada tahun 2004 menjadi RM22.65 juta daripada RM19.89 juta pada tahun 2003. Pendapatan dan perbelanjaan operasi Hotel Hyatt seperti di **Jadual 92**.

Jadual 92
Pendapatan Hotel Hyatt Kota Kinabalu
Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Perkara	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
	Pendapatan			
1.	<i>Room Department</i>	10,599,984	12,362,264	13,813,129
2.	<i>Food & Beverage</i>	12,744,637	14,852,122	16,269,840
3.	<i>Telephone & Telegraph</i>	284,953	262,680	215,461
4.	<i>Other Operated Dept.</i>	1,048,746	1,185,310	1,254,900
Jumlah		24,678,320	28,662,376	31,553,330
Perbelanjaan		19,893,167	22,649,832	24,343,954
Untung		4,785,153	6,012,544	7,209,376

Sumber : Rekod Kewangan Operasi Hotel Hyatt

Pada keseluruhannya prestasi operasi 2 rangkaian hotel milik PHHSB dan hotel milik KIHSB adalah memuaskan dan mendapat keuntungan. Namun begitu apabila pendapatan dan perbelanjaan bagi operasi hotel disatukan dalam penyata kewangan PHHSB mengalami kerugian disebabkan oleh perbelanjaan susut nilai di mana sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2005 perbelanjaan susut nilai PHHSB dan KIHSB adalah masing-masing berjumlah RM2.96 juta dan RM11.96 juta. Manakala perbelanjaan pembaikan dan penyelenggaraan adalah masing-masing RM1.46 juta dan RM4.34 juta. Maklumat lengkap adalah seperti di **Jadual 93**.

Jadual 93
Perbelanjaan Susut Nilai Dan Penyelenggaraan
Bagi Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun/Jenis Perbelanjaan	Susut Nilai (RM juta)		Pembaikan Dan Penyelenggaraan (RM juta)	
	PHHSB	KIHSB	PHHSB	KIHSB
2001	0.72	2.29	0.28	-NA-
2002	0.64	2.28	0.23	-NA-
2003	0.64	2.29	0.25	1.23
2004	0.50	2.61	0.36	1.50
2005	0.46	2.49	0.34	1.61
Jumlah	2.96	11.96	1.46	4.34

Sumber : Penyata Kewangan PHHSB Dan KIHSB

Pada pandangan Audit, pengurusan hotel terutama Hotel Perkasa Tenom masih kurang memuaskan kerana pendapatan yang diperolehi tidak dapat membantu PHHSB melunaskan pinjaman seperti yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman.

35.2.7 Penyaluran Pinjaman

a) Kerajaan Negeri Kepada SEDCO

Mengikut jadual pengeluaran pinjaman kepada SEDCO, Kerajaan Negeri telah meluluskan pinjaman sejumlah RM36 juta kepada SEDCO. Namun begitu mengikut rekod Jabatan Bendahari Negeri pinjaman yang dikeluarkan kepada SEDCO hanya berjumlah RM32 juta bagi tujuan pinjaman kepada PHHSB. Manakala baki pinjaman RM4 juta tidak diterima oleh SEDCO. Namun begitu tidak ada bukti bahawa amaun tersebut telah dibatalkan kerana dokumen berkaitan bagi maksud pembatalan pinjaman tidak diperolehi. Pinjaman yang diperolehi dan diterima adalah seperti di **Jadual 94**.

Jadual 94**Pinjaman Diperolehi Daripada Kerajaan Negeri Bagi Projek PHHSB**

Tahun/Peringkat	Kerajaan Negeri Kepada SEDCO (RM Juta)
1980 ▪ Februari	2.0
Jumlah Kecil	2.0
1981 ▪ Februari ▪ Mei ▪ Ogos ▪ Disember	4.0 4.0 4.0 2.0
Jumlah Kecil	14.0
1982 ▪ Januari ▪ April ▪ September ▪ Disember	- 2.0 3.0 3.0
Jumlah Kecil	8.0
1983 ▪ Mac ▪ Mei ▪ Mei ▪ Ogos	2.0 2.0 2.0 2.0
Jumlah Kecil	8.0
Jumlah Besar	32.0

Sumber: Rekod Kewangan SEDCO

b) SEDCO Kepada PHHSB

Mengikut rekod, SEDCO telah meluluskan pinjaman sejumlah RM43 juta kepada PHHSB. Pada tahun 1979 hingga 1983 sejumlah RM20 juta dari pinjaman tersebut telah ditukar kepada ekuiti. Bukti kelulusan Kabinet untuk penukaran tersebut tidak diperolehi semasa pengauditan. Ini adalah penting oleh kerana pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri telah digunakan bukan bagi tujuan asal. Bagaimanapun, sijil saham berkenaan telah dikemukakan kepada Audit semasa pengauditan dijalankan. Sehingga tarikh pengauditan tidak ada dividen dikeluarkan bagi pegangan ekuiti tersebut. Nilai pinjaman yang ditukar kepada ekuiti adalah seperti di **Jadual 95**.

Jadual 95
Pegangan Ekuiti SEDCO Dalam PHHSB

Bil.	Tarikh Sijil	Nombor Sijil Saham	Jumlah Sijil (Syer)	Nilai Syer se unit (RM)	Jumlah Nilai Saham (RM)
1.	20.11.79	3	2	1	2
2.	31.03.80	4	500,000	1	500,000
3.	25.07.81	5	10,000,000	1	10,000,000
4.	15.12.81	6	3,000,000	1	3,000,000
5	22.06.83	7	6,499,998	1	6,499,998
Jumlah			20,000,000		20,000,000

Sumber: Rekod Kewangan SEDCO

Semakan Audit mendapati daripada sumber Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM32 juta hanya RM18 juta mempunyai rekod tarikh penyaluran pinjaman kepada PHHSB. Manakala maklumat penyaluran pinjaman kepada PHHSB berjumlah RM14 juta tidak diperolehi dan daripada RM11 juta sumber dalaman SEDCO hanya RM5 juta yang mempunyai maklumat tarikh penyaluran pinjaman manakala baki pinjaman berjumlah RM6 juta maklumat penyaluran tidak diperolehi. Jumlah keseluruhan pinjaman yang tidak mempunyai maklumat tarikh penyaluran adalah RM20 juta. Ringkasan pinjaman kepada PHHSB yang mempunyai bukti pengeluaran adalah seperti **Jadual 96**.

Jadual 96

Pengeluaran Pinjaman Bagi Maksud Hotel Perkasa

Tahun/ Peringkat	Kerajaan Negeri Kepada SEDCO (RM Juta) (a)	SEDCO kepada PHHSB/ Sumber Dalam SEDCO (RM Juta) (b)	SEDCO kepada PHHSB/ Sumber Daripada KN (RM Juta) (c)	Baki Pinjaman sumber KN yang belum disalurkan kpd PHHSB (RM Juta) (d)
1980				
▪ Februari	2.0	-	-	
Jumlah Kecil	2.0			2.0
1981				
▪ Februari	4.0	-	-	
▪ Mei	4.0	-	-	
▪ Ogos	4.0	-	-	
▪ Disember	2.0	-	-	
Jumlah Kecil	14.0	-	-	16.0
1982				
▪ Januari	-	-	7.3	-
▪ April	2.0	-	-	-
▪ September	3.0	-	-	-
▪ Disember	3.0	-	-	-
Jumlah Kecil	8.0	-	7.3	16.7
1983				
▪ Mac	2.0	-	-	-
▪ Mei	2.0	-	-	-
▪ Mei	2.0	-	-	-
▪ Ogos	2.0	-	-	-
Jumlah Kecil	8.0	-	-	24.7
1984				
▪ Jun	-	-	10.7	-
Jumlah Kecil	-	-	10.7	14.0
1997				
▪ Februari	-	1.5	-	-
▪ Mei	-	1.0	-	-
▪ November	-	1.0	-	-
Jumlah Kecil	-	3.5	-	-
1998				
▪ Januari	-	0.8	-	-
▪ Mac	-	0.7	-	-
Jumlah Kecil	-	1.5	-	-
#	-	6.0	-	-
Jumlah Kecil	-	6.0#	-	-
Jumlah Besar	32.0	11.0*	18.0	14.0#

Sumber: Rekod Kewangan

Nota: # : maklumat tidak diperolehi

* : Sumber dalam SEDCO

KN : Kerajaan Negeri

Mengikut maklum balas SEDCO, pinjaman ini diberikan kepada PHHSB adalah untuk membiayai projek pembinaan 3 hotel milik PHHSB yang mula dibina pada tahun 1980 dan 1982 di Kundasang, Keningau dan Tenom yang melibatkan kos

sejumlah RM27 juta di mana kos masing-masing RM11 juta, RM8 juta dan RM8 juta. Bayaran adalah dibuat berdasarkan kemajuan kerja. Baki pinjaman selebihnya adalah bagi membiayai operasi PHHSB. Manakala RM5 juta adalah untuk membiayai sebahagian pembinaan hotel bajet di Kota Kinabalu milik PHHSB.

Pada pendapat Audit penyaluran pinjaman kepada PHHSB berdasarkan keperluan adalah baik. Namun begitu rekod penyaluran pinjaman adalah kurang teratur di mana terdapat penyaluran pinjaman tidak mempunyai rekod.

i) Pembinaan Hotel Bajet Kota Kinabalu

Anggaran kos pembinaan bangunan hotel bajet 149 bilik adalah sejumlah RM24.20 juta. Kos akan dibiayai oleh pinjaman SEDCO sejumlah RM5 juta, pinjaman bank RM15 juta, tanah milik SEDCO bernilai RM3 juta dan sumber dalaman PHHSB RM1.20 juta. Pembinaan bangunan pada asalnya adalah bagi maksud rumah kedai dan ditukar menjadi hotel bajet bermula pada awal tahun 1997. Namun begitu, pembinaan ini telah dihentikan pada awal tahun 1998. Jumlah yang telah dibelanjakan adalah RM5.04 juta dan dibiayai oleh pinjaman SEDCO kepada PHHSB. Manakala pinjaman bank telah tidak diperolehi. Projek ini dilaksanakan secara usaha sama di antara PHHSB dan sebuah syarikat tempatan. Mengikut maklum balas pihak SEDCO bangunan ini telah digunakan sebagai pejabat Pemasaran Pusat Bimbingan Usahawan Negeri Sabah sehingga tahun 2001. Pada awal bulan Februari 2006 Lembaga Pengarah SEDCO memutuskan untuk mengambil alih projek ini daripada PHHSB. Lembaga Pengarah juga bersetuju dengan cadangan syarikat swasta untuk meneruskan pembinaan dan mengendalikan operasi hotel bajet secara pajakan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit setakat awal 2007 mendapati bangunan tersebut masih terbiar kosong dan belum ada kemajuan mengenai pembangunan hotel ini. **Foto 37** di bawah adalah bangunan hotel milik PHHSB yang terletak di Ruang Singgah Mata, Fasa 1C Asia City, Kota Kinabalu.

Foto 37

**Cadangan Bangunan 12 Tingkat Dengan 149 bilik Hotel
Milik PHHSB Yang Terbengkalai**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 8 Februari 2007

Lokasi: Bangunan Hotel, Di Fasa 1C Asia City, Kota Kinabalu.

Pada pendapat Audit SEDCO gagal memanfaatkan perbelanjaan berjumlah RM5.04 juta kerana terbiar selama 6 tahun dan berlaku pembaziran harta kerajaan.

c) SEDCO Kepada KIHSB

Semakan Audit juga mendapati SEDCO ada memberikan pinjaman RM2 juta kepada KIHSB bagi maksud membiayai kos pemuliharaan Hotel Hyatt. Mengikut rekod, SEDCO tidak ada membuat sebarang bajet untuk memberikan pinjaman kepada mana-mana syarikat subsidiari bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Bagaimanapun pinjaman ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan tempoh bayaran balik selama 8 tahun. Pinjaman ini telah disalurkan kepada KIHSB pada 15 April 2003. Semakan lanjut Audit mendapati kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman telah dibuat dengan teratur.

Pada pendapat Audit kelulusan dan pemberian pinjaman adalah teratur.

35.2.8 Pinjaman Daripada Bank Oleh PHHSB Dan KIHSB

Mengikut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, Seksyen 10(b), tiada badan berkanun boleh tanpa kelulusan daripada kabinet membenarkan pinjaman oleh mana-mana syarikat subsidiari melebihi suatu had kuasa

seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7 Lampiran II Enakmen berkenaan. Had kuasa tersebut adalah seperti **Jadual 97**.

Jadual 97

Had Kuasa

Pihak Berkuasa	Had Kuasa
Kabinet	RM10 juta ke atas
Pihak Berkuasa Kewangan Negeri	Melebihi RM2 juta hingga kurang RM10 juta
Menteri masing-masing	RM2 juta dan ke bawah

Sumber: Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997

Semakan Audit mendapati PHHSB dan KIHSB ada membuat pinjaman daripada bank masing-masing sejumlah RM1.50 juta dan RM25 juta.

a) Perkasa Hotel Holding Sdn. Bhd.

Selain pinjaman daripada SEDCO, PHHSB juga ada mendapat pinjaman berjangka berjumlah RM1 juta dan kemudahan *overdraft* bank berjumlah RM0.50 juta daripada Alliance Bank Bhd. di mana kelulusan oleh bank pada tahun 1996 dan gadaian tanah dicaj pada 27 Mac 1997. Bagi tujuan itu, PHHSB telah mencagarkan tanah termasuk bangunan Hotel Perkasa Kundasang sebagai jaminan. PHHSB dikehendaki menjelaskan pinjaman tetap tersebut berjumlah RM13,747 sebulan termasuk faedah selama 10 tahun dengan 120 kali ansuran bulanan. Kadar tetap pinjaman adalah 1.75% setahun di atas kadar faedah asas (9.20%) dan faedah dikenakan secara kadar baki bulanan. Pinjaman tersebut adalah untuk membiayai perbelanjaan pengubahsuaian Hotel Perkasa Kundasang. Baki pinjaman pada akhir tahun 2005 adalah berjumlah RM0.54 juta.

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kelulusan daripada Menteri telah diperolehi seperti kehendak Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, Seksyen 10(b) kerana fail pinjaman bank yang dikemukakan tidak lengkap.

b) Kinabalu International Hotel Holding Sdn. Bhd.

Semakan Audit mendapati selain pinjaman daripada SEDCO, KIHSB juga telah memperolehi pinjaman daripada Alliance Bank Bhd. pada tahun 1997. Mengikut rekod KIHSB telah mendapat kemudahan bank berjumlah RM25 juta yang merangkumi pinjaman tetap RM10 juta, *revolving loan* RM10 juta dan sejumlah RM5 juta untuk jaminan bank. Tujuan pinjaman ini adalah untuk pengubahsuaian

dan naik taraf Hotel Hyatt dengan kos RM45 juta, RM25 juta melalui pinjaman dan baki RM20 juta dibiayai melalui dana KIHSB. Semakan juga mendapati bagi tujuan itu KIHSB telah mencagarkan tanah dan bangunan hotel miliknya yang bernilai RM140 juta. Memandangkan kertas kerja serta kelulusan pinjaman tidak dikemukakan, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kelulusan telah diperolehi daripada Kabinet Negeri seperti kehendak Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, Seksyen 10(b). Mengikut penyata kewangan KIHSB bagi tahun berakhir Disember 2005 baki hutang KIHSB dengan bank adalah sejumlah RM11.99 juta. Selain itu, pada 5 November 2003 KIHSB telah memeterai suatu perjanjian dengan Alliance Bank Bhd. bagi tambahan kemudahan overdraf berjumlah RM1.50 juta. **Foto 38** adalah bangunan hotel milik KIHSB bernilai RM140 juta yang dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman.

Foto 38
Bangunan Hotel Hyatt Milik KIHSB



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 4 Januari 2007
Lokasi : Hotel Hyatt Kota Kinabalu*

Pada pendapat Audit, pinjaman ini adalah tidak teratur dan menyalahi peraturan seperti yang ditetapkan dalam Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, Seksyen 10(b). Selain dari itu sebarang risiko yang melibatkan aset di mana Kerajaan mempunyai kepentingan hendaklah mendapat kelulusan dari pihak berkuasa tertentu sama ada Menteri Pembangunan Industri, Kementerian Kewangan atau Kabinet Negeri.

35.2.9 Prestasi Kewangan

Bagi melihat prestasi kedudukan SEDCO, PHHSB dan KIHSB, analisis nisbah kestabilan telah dibuat. Nisbah kestabilan bertujuan untuk menentukan kestabilan dari segi tanggungan dan aset. Melalui nisbah ini dapat dilihat sama ada SEDCO, PHHSB dan KIHSB berkeupayaan melunaskan tanggungan dengan segera.

a) SEDCO

Sepanjang tahun 2001 hingga 2004 SEDCO telah mencatatkan keuntungan RM65.09 juta. Maklumat pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2005 belum diperolehi kerana penyata kewangan tahun 2005 belum disediakan. Butiran lengkap seperti di **Jadual 98**. **Jadual 99** pula menunjukkan nisbah kestabilan SEDCO bagi tahun 2001 hingga 2004.

Jadual 98
Pendapatan dan Perbelanjaan SEDCO
Bagi Tahun 2001 hingga 2004

Tahun	Pendapatan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Untung (RM juta)
2001	337.22	327.32	9.90
2002	374.44	358.49	15.95
2003	424.33	404.86	19.47
2004	412.38	392.61	19.77
Jumlah	1,548.37	1,483.28	65.09

Sumber: Penyata Kewangan SEDCO

Jadual 99
Nisbah Kestabilan SEDCO

Bil.	Kaedah Pengiraan Nisbah	2001 (RM juta)	2002 (RM juta)	2003 (RM juta)	2004 (RM juta)
1	Nisbah Semasa				
	Aset Semasa	338.33	357.73	379.71	397.97
	Liabiliti Semasa	360.87 = 0.94	359.64 = 0.99	368.88 = 1.03	382.08 = 1.04
2	Nisbah Ekuiti Pemilik				
	Ekuiti Pemilik	403.78	433.52	464.75	474.03
	Jumlah Aset	820.22 = 0.49	859.77 = 0.50	903.79 = 0.51	918.50 = 0.52
3	Nisbah Hutang				
	Jumlah Hutang	416.44	426.25	439.04	444.47
	Jumlah Aset	820.22 = 0.51	859.77 = 0.50	903.79 = 0.49	918.50 = 0.48

Sumber: Penyata Kewangan SEDCO

Jadual 99 menunjukkan kedudukan kewangan SEDCO adalah kukuh. Kecairan tunai SEDCO adalah baik dan semakin meningkat dari tahun 2001 hingga 2004. Dana pemegang ekuiti juga meningkat sejumlah RM70.25 juta dari RM403.78 juta menjadi RM474.03 juta pada tempoh yang sama. Selain itu, jumlah hutang SEDCO juga turut meningkat dari RM416.44 juta pada tahun 2001 menjadi RM444.47 juta pada akhir tahun 2004. Sungguhpun nisbah hutang SEDCO semakin berkurangan, SEDCO masih tidak berupaya melunaskan tunggakan hutang pinjaman Kerajaan Negeri sejumlah RM278.62 juta kerana asetnya terikat dalam syarikat subsidiari dan projek.

b) KIHSB

KIHSB telah mula mencatat keuntungan pada tahun 2003, 2004 dan 2005 masing-masing sejumlah RM0.84 juta, RM1.26 juta dan RM1.90 juta. Sepanjang tempoh tersebut tiada dividen diistiharkan kepada pemegang saham. Butiran pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 100**. **Jadual 101** pula menunjukkan nisbah kestabilan KIHSB bagi tahun 2001 hingga 2005.

Jadual 100
Pendapatan Dan Perbelanjaan KIHSB
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun	Pendapatan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Untung (RM juta)
2001	23.12	23.48	(0.36)
2002	23.46	23.46	-
2003	24.70	23.86	0.84
2004	28.68	27.42	1.26
2005	31.57	29.67	1.90
Jumlah	131.53	127.89	3.64

Sumber: Penyata Kewangan KIHSB

Jadual 101
Nisbah Kestabilan KIHSB

Bil.	Kaedah Pengiraan Nisbah	2001 (RM juta)	2002 (RM juta)	2003 (RM juta)	2004 (RM juta)	2005 (RM juta)
1	Nisbah Semasa					
	Aset Semasa	6.87	7.40	8.93	10.12	10.42
	Liabiliti Semasa	23.61	27.55	28.55	29.70	26.28
		= 0.29	= 0.27	= 0.31	= 0.35	= 0.39
2	Nisbah Ekuiti Pemilik					
	Ekuiti Pemilik	57.50	57.50	57.97	58.84	60.75
	Jumlah Aset	91.00	87.00	91.17	98.97	98.23
		= 0.63	= 0.66	= 0.64	= 0.59	= 0.62
3	Nisbah Hutang					
	Jumlah Hutang	23.00	33.00	33.20	31.12	37.48
	Jumlah Aset	91.00	87.00	91.17	98.97	98.23
		= 0.25	= 0.38	= 0.36	= 0.31	= 0.38

Sumber: Penyata Kewangan KIHSB

Berdasarkan **Jadual 101** di atas kedudukan kewangan KIHSB adalah stabil kerana mempunyai aset tetap yang lebih berbanding hutang. Namun begitu keupayaan dari kecairan tunai adalah lemah iaitu *insolvent* kerana bagi setiap RM1 hutang KIHSB hanya mempunyai aset mudah cair sebanyak 27 sen hingga 39 sen.

Bagaimanapun, dana pemegang ekuiti KIHSB telah bertambah sejumlah RM3.25 juta menjadi RM60.75 juta pada tahun 2005 berbanding RM57.50 juta pada akhir tahun 2001.

- **Prestasi Hotel Hyatt (Operasi)**

Keuntungan operasi Hotel Hyatt bagi tahun 2001 hingga 2005 adalah RM25.57 juta. Butiran lanjut mengenai pendapatan dan perbelanjaan seperti di **Jadual 102**.

Jadual 102
Pendapatan Dan Perbelanjaan Hyatt

Tahun	Pendapatan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Untung (RM juta)	Untung Atas Setiap RM1 Perbelanjaan (RM)
2001	23.03	19.44	3.59	0.18
2002	23.43	19.46	3.97	0.20
2003	24.68	19.89	4.79	0.24
2004	28.66	22.65	6.01	0.26
2005	31.55	24.34	7.21	0.29
Jumlah	131.35	105.78	25.57	0.24

Sumber: Penyata Kewangan Operasi Hyatt

Jadual 102 menunjukkan kedua-dua pendapatan dan perbelanjaan Hotel Hyatt semakin meningkat dari tahun 2001 hingga 2005. Namun kadar peningkatan pendapatan adalah lebih tinggi daripada kadar peningkatan perbelanjaan di mana setiap RM1 yang dibelanjakan pada tahun 2005 dapat menjana 29 sen keuntungan berbanding setiap RM1 dibelanjakan pada tahun 2001 hanya dapat menjana 18 sen keuntungan.

c) PHHSB

Sepanjang tahun 2001 hingga 2005 PHHSB telah mengalami kerugian di antara RM0.15 juta hingga 0.47 juta. Bagaimanapun, PHHSB telah mencatatkan keuntungan (sebelum diaudit) sejumlah RM0.56 juta bagi tahun kewangan 2006. Butiran terperinci seperti di **Jadual 103**. **Jadual 104** pula menunjukkan nisbah kestabilan PHHSB.

Jadual 103
Pendapatan Dan Perbelanjaan PHHSB

Tahun	Pendapatan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	(Rugi) (RM juta)
2001	4.23	4.70	(0.47)
2002	4.06	4.41	(0.35)
2003	4.70	4.85	(0.15)
2004	5.24	5.42	(0.18)
2005	6.01	6.24	(0.23)
Jumlah	24.24	25.65	(1.38)

Sumber: Penyata Kewangan PHHSB

Jadual 104
Nisbah Kestabilan PHHSB

Bil.	Kaedah Pengiraan Nisbah	Tahun 2001 (RM juta)	Tahun 2002 (RM juta)	Tahun 2003 (RM juta)	Tahun 2004 (RM juta)	Tahun 2005 (RM juta)
1.	Nisbah Semasa					
	Aset Semasa	2.62	2.85	3.28	3.49	3.58
	Liabiliti Semasa	2.72	2.83	3.06	3.76	3.71
		= 0.96	= 1.01	= 1.07	= 0.93	= 0.96
2.	Nisbah Ekuiti Pemilik					
	Ekuiti Pemilik	14.24	13.89	13.74	(0.65)	(0.88)
	Jumlah Aset	38.10	37.72	37.67	23.95	23.58
		= 0.37	= 0.37	= 0.36	= -0.03	= -0.04
3.	Nisbah Hutang					
	Jumlah Hutang	28.89	28.87	28.96	29.64	29.50
	Jumlah Aset	38.10	37.72	37.67	23.95	23.58
		= 0.76	= 0.76	= 0.77	= 1.24	= 1.25

Sumber: Penyata Kewangan PHHSB

Berdasarkan Jadual 104 di atas pada pendapat Audit, PHHSB adalah *insolvent* iaitu keadaan kecairan tunai PHHSB tidak dapat menampung jumlah hutang. PHHSB juga menghadapi defisit dalam dana pemegang saham dan tidak berupaya melunaskan hutang pinjaman daripada SEDCO. Kedudukan kewangan PHHSB tidak stabil kerana modal berbayar RM20 juta telah merosot menjadi defisit RM880,927 pada akhir tahun 2005. Bagaimanapun, aliran tunai PHHSB

masih menunjukkan surplus pada akhir tahun 2005 iaitu sejumlah RM0.53 juta. Namun begitu penyata aliran tunai PHHSB tidak mengambil kira tunggakan hutang yang sepatutnya dibayar kepada SEDCO.

35.3 PEMANTAUAN

35.3.1 Bagi memastikan pinjaman telah digunakan dan telah mencapai matlamatnya adalah penting prestasi syarikat subsidiari dapat dinilai dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian satu tahap pencapaian hendaklah ditetapkan supaya pihak pengurusan dapat mensasarkan target tertentu. Antara index yang boleh dijadikan ukuran adalah *Key Performance Indicator (KPI)*. Melalui *KPI* ini prestasi Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan pengurusan dapat diukur dan memudahkan justifikasi imbuhan (*reward*) diberikan kepada ALP dan pengurusan. Semakan Audit mendapati pihak SEDCO ataupun syarikat subsidiari belum menyediakan KPI untuk mengukur prestasi. Pihak Audit dimaklumkan SEDCO masih dalam proses merangka KPI yang realistik untuk diguna pakai oleh SEDCO.

35.3.2 Laporan bulanan dibuat dan dikemukakan oleh rangkaian hotel kepada pihak pengurusan PHHSB dan KIHSB. Laporan ini dikemukakan oleh pihak pengurusan kepada ALP semasa mesyuarat Lembaga Pengarah PHHSB dan KIHSB. Namun demikian tidak dapat dipastikan sama ada laporan ini dikemukakan kepada pihak SEDCO.

35.3.3 Di peringkat SEDCO pula bayaran dan urusan rekod pinjaman dipantau oleh Bahagian Kewangan Kumpulan. Pada setiap tahun rekod pinjaman yang diterima daripada Bendahari Negeri telah disesuaikan dengan rekod SEDCO untuk pengesahan amaun dan baki pinjaman.

Pada pendapat Audit, pemantauan hendaklah dibuat dengan lebih ketat untuk memastikan pencapaian prestasi supaya pinjaman dapat dilunaskan mengikut jadual. Antara mekanisme pemantauan yang boleh diguna pakai adalah *KPI*. Selain itu ianya juga dapat meningkatkan tahap tadbir urus korporat organisasi. Pihak SEDCO juga boleh memantau kemudahan dan manfaat yang diperolehi oleh ALP/pengurusan subsidiari dan boleh dijadikan petunjuk sama ada ianya seimbang dengan pencapaian prestasi yang ditetapkan. Selain itu, pihak SEDCO disyorkan mengguna pakai perkara-perkara yang digariskan dalam buku hijau dan buku merah yang dikhususkan untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan bagi meningkatkan tadbir urus korporat syarikat subsidiarinya.

36. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pinjaman yang diberikan kepada 2 syarikat subsidiari iaitu Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. dan Perkasa Hotel Holdings Sdn. Bhd. adalah baik bagi membantu syarikat subsidiari menjalankan operasi. Aspek perancangan adalah memuaskan tetapi terdapat kelemahan pelaksanaan dari segi kutipan bayaran di mana sejumlah RM277.13 juta masih tertunggak daripada syarikat subsidiari/syarikat bersekutu. Ini mengakibatkan pinjaman SEDCO dari Kerajaan Negeri tertunggak sejumlah RM278.62 juta pada akhir tahun 2005. Adalah disyorkan tindakan positif diambil bagi memastikan masalah tunggakan dapat diatasi:

- a) Syarikat subsidiari yang mendapat keuntungan hendaklah membayar hutang dan mengeluarkan dividen kepada SEDCO.
- b) Antara tindakan yang boleh diambil terutamanya terhadap PHHSB ialah melalui penswastaaan, melalui konsep perkongsian pintar atau pelupusan melalui jualan bagi hotel yang tidak menguntungkan.
- c) Bangunan hotel bajet Kota Kinabalu perlu dimanfaatkan dengan segera.
- d) *Key Performance Indicator* (KPI) yang realistik perlu ditetapkan bagi memudahkan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) SEDCO memantau dan mengukur prestasi pengurusan SEDCO dan syarikat subsidiari SEDCO.
- e) Pemantauan terhadap prestasi syarikat subsidiari dan pengurusan hendaklah dibuat secara berterusan.
- f) Pengurusan syarikat subsidiari hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan telah mencapai kejayaan dalam bidang berkaitan.
- g) Strategi pemasaran ditambah baik dengan menjalankan usahasama dengan pihak yang mempunyai reputasi yang baik dalam industri perhotelan dan pelancongan.

MAJLIS DAERAH KOTA BELUD

PROJEK PEMBINAAN DEWAN MASYARAKAT KOTA BELUD

37. LATAR BELAKANG

37.1 Majlis Daerah Kota Belud (Majlis) ditubuhkan pada bulan Januari 1962 di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 bertujuan untuk membangun dan mengurus tadbir Daerah Kota Belud. Antara fungsi dan tanggungjawab Majlis adalah untuk menyediakan dan menguruskan kemudahan awam dan infrastruktur seperti dewan masyarakat, taman rekreasi, lorong pejalan kaki, jalan raya, perhentian bas dan tandas awam untuk kemudahan penduduk setempat.

37.2 Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) iaitu untuk tempoh tahun 1996 hingga 2000, Majlis mendapat kelulusan peruntukan berjumlah RM7.46 juta daripada Kerajaan Negeri untuk membina Dewan Masyarakat Kota Belud. Pembinaan dewan ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk di Daerah Kota Belud mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan (badminton, bola keranjang dan sepak takraw), program rasmi Kerajaan dan kemasyarakatan. Pelaksanaan projek ini telah ditangguhkan pada tahun 1998 oleh kerana Kerajaan Negeri menghadapi masalah kewangan akibat kegawatan ekonomi. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) pula iaitu untuk tempoh tahun 2001 hingga 2005, Majlis mendapat kelulusan peruntukan berjumlah RM7 juta untuk meneruskan projek ini. Bagaimanapun, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri (Kementerian) mengesyorkan untuk mengurangkan anggaran kos projek menjadi RM4 juta pada tahun 2001 dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri.

38. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada projek pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat pembinaannya.

39. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit Negara melaksanakan kajian terhadap projek pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud oleh kerana ia merupakan projek terbesar yang dilaksanakan oleh Majlis bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006 dan juga berdasarkan kepada kepentingan

projek ini terhadap keperluan masyarakat setempat. Skop pengauditan adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek ini serta penggunaan dewan selepas siap. Semakan Audit telah dijalankan di Majlis dan Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri dengan memeriksa fail, dokumen kontrak, pelan dan spesifikasi kontrak, laporan kewangan, rekod dan daftar yang berkaitan dengan projek. Temu bual dengan kakitangan yang terlibat juga dibuat. Selain itu, lawatan fizikal projek telah dilaksanakan untuk memastikan projek telah disiapkan mengikut peraturan dan spesifikasi kontrak.

40. PENEMUAN AUDIT

40.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi memastikan pembinaan projek ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, perancangan yang teliti daripada aspek pemilihan tapak, pelantikan juru perunding, pelantikan kontraktor, pengurusan kontrak, spesifikasi kerja, prestasi kewangan, penggunaan dan penyenggaraan dewan selepas siap dan kaedah pemantauan hendaklah dibuat. Semakan Audit terhadap aspek perancangan mendapati perkara seperti berikut:

40.1.1 Pemilihan Tapak

Tapak projek hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu projek. Antara perkara penting yang akan diberi perhatian adalah kesesuaian lokasi projek iaitu terletak di tempat yang strategik dan mudah dikunjungi oleh orang ramai, tanah tersebut hendaklah bebas daripada sebarang tuntutan pihak lain dan hendaklah didaftarkan atas nama Majlis.

40.1.2 Pelantikan Juru perunding Projek

Majlis tidak mempunyai kepakaran teknik. Oleh itu, juru perunding akan dilantik untuk menyediakan reka bentuk, menguruskan tender dan menyelia kerja pembinaan dewan. Bagaimanapun, pelantikan juru perunding hendaklah dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan 182.1 (a) dan (b) yang menetapkan Jabatan bukan teknik perlu merujuk kepada Jabatan Kerja Raya sebelum melaksanakan sesuatu projek. Pelantikan juru perunding hanya boleh dibuat jika Jabatan Kerja Raya mengesahkan pihaknya tidak berkemampuan untuk melaksanakan projek tersebut.

40.1.3 Pelantikan Kontraktor

Sejajar dengan peraturan kewangan Kerajaan Negeri, pelantikan kontraktor bagi projek pembinaan dewan ini akan dibuat secara tender terbuka. Proses pelawaan tender akan dibuat oleh juru perunding yang dilantik. Bagaimanapun, tender akan dikemukakan terus kepada Lembaga Tawaran Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri (dimasukkan ke Peti Tawaran Kerajaan Negeri) yang akan membuka dan menjadualkan tender yang diterima. Penilaian tender akan dibuat oleh juru perunding dengan menilai antara lainnya kos pembinaan yang ditawarkan, kemampuan kontraktor daripada aspek kewangan, tenaga kerja dan pengalaman kontraktor. Laporan analisis tender akan dikemukakan kepada Lembaga Tawaran Kerajaan Negeri untuk keputusan muktamad. Seterusnya, juru perunding berkenaan akan mengawal selia kerja pembinaan projek ini.

40.1.4 Pengurusan Kontrak

Kontrak hendaklah diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan. Antara aspek penting pengurusan kontrak yang akan diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a) Penyediaan perjanjian kontrak dengan mengambil kira perkara penting seperti tempoh kontrak, denda (ganti rugi tertentu dan ditetapkan), bon pelaksanaan/insurans dan sebagainya untuk menjaga kepentingan Majlis dan Kerajaan.
- b) Penyediaan Bon Pelaksanaan (5% daripada harga kontrak) sebagai jaminan kepada Majlis jika kontraktor gagal menyiapkan projek dan Polisi Insurans (*Contractor All Risk Insurance Policy* dan *Workmen's Compensation Insurance Policy*) yang meliputi tempoh kontrak termasuk tempoh tanggungan kecacatan.
- c) Tidak berlaku kelewatan penyerahan tapak projek kepada kontraktor.
- d) Penyeliaan di tapak bina dijalankan secara berkesan untuk memastikan kerja-kerja pembinaan dan bahan yang digunakan mematuhi spesifikasi kontrak dari segi mutu dan kualiti yang ditetapkan.
- e) Projek hendaklah disiapkan mengikut jadual. Bagaimanapun, lanjutan masa boleh dipertimbangkan atas sebab-sebab yang munasabah yang tidak boleh dielakkan.
- f) Pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja yang diperakukan oleh juru perunding perlu dikeluarkan apabila projek disiapkan.

40.1.5 Spesifikasi Kerja

Projek ini hendaklah dilaksanakan mengikut perancangan. Antara kemudahan yang akan dibangunkan bagi projek ini adalah seperti berikut:

- a) Ruang dewan yang mempunyai kapasiti 2,000 orang termasuk 400 tempat duduk bertingkat yang bertentangan dengan pentas.
- b) Satu gelanggang bola keranjang.
- c) Tiga gelanggang badminton.
- d) Tiga gelanggang sepak takraw.
- e) Pentas pertunjukan.
- f) Dua tandas di bahagian hadapan dewan (lelaki dan perempuan) dan 2 tandas/bilik persalinan bersebelahan dengan pentas (lelaki dan perempuan).
- g) Satu bilik VIP.
- h) Pemasangan mekanikal dan keelektrikan termasuk penghawa dingin.
- i) Tempat letak kereta untuk 42 buah kereta.

40.1.6 Prestasi Kewangan

Keperluan dan sumber kewangan perlu dipastikan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu projek. Kajian perlu dibuat untuk menentukan anggaran kos projek. Permohonan peruntukan seterusnya dibuat berdasarkan anggaran kos berkenaan.

Pada tahun 1995, Majlis telah mengemukakan permohonan peruntukan berjumlah RM8.50 juta kepada Kementerian. Permohonan ini berasaskan perancangan Majlis untuk membina Dewan Masyarakat yang baru bagi menampung keperluan aktiviti sosial dan kemasyarakatan penduduk Daerah Kota Belud yang semakin bertambah serta aktiviti rasmi Kerajaan yang lain. Semakan Audit mendapati pada akhir bulan Mac 1996 Jabatan Pembangunan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM7.46 juta untuk melaksanakan projek ini di bawah RMKe-7. Bagaimanapun, pada awal bulan Mac 1998 Kementerian Kewangan Negeri telah mengarahkan projek ini ditangguhkan kerana Kerajaan Negeri menghadapi masalah kewangan akibat kegawatan ekonomi walaupun proses penilaian tender telah dibuat.

Di bawah RMKe-8, Majlis mendapat kelulusan siling peruntukan berjumlah RM7 juta untuk meneruskan projek ini. Bagaimanapun, pada tahun 2001 Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri telah mencadangkan untuk membina dewan yang lebih kecil dengan anggaran kos berjumlah RM4 juta yang mana cadangan ini diterima oleh Kementerian Kewangan Negeri.

40.1.7 Penggunaan Dan Penyenggaraan Dewan

Dewan seharusnya digunakan secepat mungkin selepas disiapkan. Selain mengelakkan pembaziran kerana kelewatan menggunakan dewan yang dibina dengan kos yang tinggi, ia juga dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat setempat sesuai dengan objektif pembinaannya. Selain itu, penyenggaraan dewan hendaklah dijalankan supaya dewan sentiasa dalam keadaan baik dan bersih. Oleh itu, satu garis panduan penggunaan dan penyenggaraan dewan akan disediakan. Antara aspek penting kandungan garis panduan tersebut adalah berkaitan dengan penetapan kadar sewa, proses tempahan, kuasa meluluskan kadar sewa dan tempahan, peraturan penggunaan dewan, perekodan tempahan dan pembayaran sewa, tanggungjawab penyenggaraan dan pembaikan dewan dan sebagainya.

40.1.8 Kaedah Pemantauan

Mekanisme pemantauan perlu diwujudkan supaya projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai matlamat yang disasarkan. Pemantauan bagi projek ini antara lainnya akan dijalankan melalui kaedah berikut:

- a) Jawatankuasa Pemandu projek akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri. Jawatankuasa ini akan memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar mengikut jadual dan membincang serta mengesyorkan penyelesaian sebarang masalah yang dihadapi.
- b) Mesyuarat Tapak akan dipengerusikan oleh juru perunding yang dilantik. Mesyuarat Tapak akan diadakan setiap bulan bertujuan untuk menyelaraskan kerja pembinaan di tapak projek.
- c) Buku Harian Tapak Bina hendaklah diselenggarakan oleh penyelia tapak projek bertujuan untuk mencatatkan aktiviti di tapak bina setiap hari seperti waktu hujan, waktu bekerja buruh, bilangan pekerja yang diambil bekerja di tapak bina, bahan binaan yang diterima, arahan yang dikeluarkan kepada kontraktor, kerja yang dilakukan dan perkara luar jangka yang menyebabkan kelewatan dan masalah di tapak projek. Buku Harian Tapak Bina ini adalah sebagai bukti penyeliaan dan pemantauan oleh juru perunding projek.
- d) Pemantauan berterusan akan dijalankan oleh pihak pengurusan Majlis selepas projek siap untuk menentukan dewan digunakan sepenuhnya serta diselenggarakan dengan baik.

Pada pandangan Audit, peringkat perancangan pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud ini adalah baik di mana perkara penting seperti pemilihan tapak, pelantikan juru perunding, pelantikan kontraktor, pengurusan kontrak, spesifikasi

kerja, prestasi kewangan, penggunaan dan penyenggaraan dewan dan kaedah pemantauan telah diambil kira. Selepas dibina, penduduk di Daerah Kota Belud akan mempunyai tempat yang selesa untuk mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan, program rasmi Kerajaan dan kemasyarakatan.

40.2 PELAKSANAAN

Objektif projek boleh dicapai apabila dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek ini mendapati perkara berikut:

40.2.1 Pemilihan Tapak

Pada tahun 1995 Majlis merancang untuk membina Dewan Masyarakat yang baru bagi menggantikan Dewan Masyarakat yang lama. Dewan Masyarakat yang lama tersebut tidak lagi dapat menampung keperluan masyarakat di Daerah Kota Belud oleh kerana saiznya yang kecil dan mengalami banyak kerosakan. Oleh itu, tapak yang dipilih adalah tapak yang sama di mana Dewan Masyarakat yang lama akan dirobohkan untuk membolehkan dewan yang baru dibina. Tapak tersebut adalah sesuai kerana ia terletak di dalam kawasan pekan Kota Belud. Semakan Audit mendapati tapak dewan berkenaan masih merupakan tanah Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan hak milik tanah tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah Dan Ukur.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu menyusul permohonannya untuk mendapatkan hak milik tanah berkenaan atau mengambil tindakan supaya tanah tersebut diwartakan sebagai tapak Dewan Masyarakat Kota Belud dan diletakkan di bawah kawalan Majlis. Ini bagi mengelakkan sebarang tuntutan pihak lain pada masa akan datang.

40.2.2 Pelantikan Juru Perunding Projek

Juru perunding telah dilantik untuk menyediakan reka bentuk, menguruskan tender dan menyelia kerja pembinaan dewan ini. Pelantikan juru perunding diuruskan di peringkat Kementerian setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri. Kelulusan pelantikan juru perunding telah dimaklumkan kepada Majlis pada bulan Oktober 1995. Juru perunding yang dilantik adalah Chan & Shahrman Arkitek Sdn. Bhd. sebagai juru perunding utama dan 3 juru perunding yang lain iaitu Wang Haron & Goh Sdn. Bhd. (Jurutera Sivil & Struktur), Teknis Konsult (Jurutera Mekanikal & Elektrik) dan Juru Ukur Kuantiti Konsultan (Juru Ukur Bahan). Kadar yuran profesional Juru perunding ditetapkan sebanyak 10% daripada harga kontrak yang terdiri daripada 5% untuk Arkitek selaku juru perunding utama, 2.2% untuk Jurutera Sivil & Struktur,

1.5% untuk Juru Ukur Bahan dan 1.3% untuk Jurutera Mekanikal & Elektrik. Berdasarkan pelantikan tersebut pihak Majlis telah menandatangani Memorandum Perjanjian dengan Chan & Shahrman Arkitek Sdn. Bhd. selaku juru perunding utama pada 5 Mac 1996.

Semakan Audit mendapati Kementerian tidak merujuk perkara ini kepada Jabatan Kerja Raya sebelum melantik juru perunding projek. Mengikut Arahan Perbendaharaan 182.1 (a) dan (b) pelantikan juru perunding hanya boleh dibuat jika Jabatan Kerja Raya mengesahkan pihaknya tidak berkemampuan untuk melaksanakan kerja tersebut.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merujuk kepada Jabatan Kerja Raya sebelum melantik juru perunding swasta untuk menyediakan reka bentuk, menguruskan tender dan menyelia kerja pembinaan dewan. Jika projek ini diurus dan diselia oleh Jabatan Kerja Raya, pembayaran yuran juru perunding dapat diijamatkan.

40.2.3 Pelantikan Kontraktor

Peraturan kewangan Kerajaan Negeri menetapkan tender hendaklah dipelawa bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 kecuali mendapat pengecualian daripada Kementerian Kewangan Negeri.

Di bawah RMKe-7, Majlis mendapat kelulusan peruntukan berjumlah RM7.46 juta untuk melaksanakan projek pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud. Kementerian pada akhir bulan September 1997 telah mengarahkan Juru perunding untuk menyediakan dokumen tender setelah reka bentuk disediakan. Anggaran kos oleh Juru perunding adalah berjumlah RM6.72 juta dengan jangkaan tempoh penyiapan selama 75 minggu. Seramai 5 kontraktor telah mengemukakan tender di mana tender tertinggi adalah bernilai RM8.66 juta dan tender terendah bernilai RM6.55 juta. Juru perunding telah menyediakan analisis tender dan mengesyorkan penender terendah diterima iaitu Panji Keagungan Sdn. Bhd. yang menawarkan harga RM6.55 juta dengan tempoh penyiapan selama 72 minggu. Bagaimanapun, urusan tender tersebut dibatalkan oleh kerana Kementerian Kewangan Negeri pada awal bulan Mac 1998 menangguhkan pelaksanaan projek ini disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri akibat kegawatan ekonomi.

Di bawah RMKe-8, Majlis mendapat kelulusan peruntukan berjumlah RM7 juta untuk meneruskan projek ini. Bagaimanapun, pada tahun 2001 Menteri Kerajaan Tempatan

Dan Perumahan Negeri memutuskan untuk membina dewan yang lebih kecil dengan anggaran kos berjumlah RM4 juta sahaja. Dengan keputusan itu, Juru perunding telah diarah untuk menyediakan reka bentuk yang baru. Anggaran kos oleh Juru perunding berdasarkan reka bentuk yang baru tersebut adalah berjumlah RM4.25 juta. Pada akhir bulan Julai 2002, Kementerian Kewangan Negeri memutuskan supaya projek ini ditawarkan melalui tender terbuka. Bagaimanapun, pada akhir bulan September 2002, Kementerian Kewangan Negeri telah meluluskan tawaran kontrak ini kepada Puncak Deras Sdn. Bhd. (Kontraktor) secara lantikan terus dengan kos RM4.25 juta. Bagaimanapun, kelulusan tersebut tidak menyatakan tempoh penyiapan projek. Pihak Audit tidak dapat memastikan faktor projek ini ditawarkan secara terus walaupun pada mulanya ia dirancang untuk ditawarkan secara tender terbuka. Namun demikian semakan Audit mendapati proses pelantikan kontraktor adalah setahun lebih dari tarikh peruntukan diterima pada tahun 2001. Kontraktor tersebut adalah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan mempunyai kemampuan dari segi kewangan, peralatan dan pengalaman. Maklumat terperinci kontraktor berkenaan adalah seperti di **Lampiran IV.**

Pada awal bulan Oktober 2002, Kontraktor yang dipilih telah membuat rayuan supaya harga kontrak dinaikkan kepada RM4.98 juta berdasarkan kenaikan kos pekerja sebanyak 20% (anggaran kos tambahan adalah RM300,000) dan penggunaan pekerja asing yang melibatkan pembayaran levi (anggaran kos tambahan adalah RM280,000) serta kenaikan harga bahan binaan termasuk besi keluli sebanyak 15% (anggaran kos tambahan adalah RM150,000). Kementerian menyokong permohonan Kontraktor tersebut walaupun anggaran kos oleh Juru perunding berjumlah RM4.25 juta baru sahaja disediakan iaitu hanya 2 bulan sebelum tarikh pelantikan Kontraktor. Kementerian Kewangan Negeri telah meluluskan harga kontrak yang baru berjumlah RM4.50 juta pada pertengahan bulan Oktober 2002 setelah mempertimbangkan faktor kenaikan kos pekerja dan bahan binaan. Dengan kelulusan itu, Majlis telah mengeluarkan surat pelantikan rasmi kepada Kontraktor pada akhir bulan Oktober 2002 dengan tempoh penyiapan selama 96 minggu.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 181 yang memberi kuasa kepada Kementerian Kewangan Negeri untuk meluluskan pengecualian daripada tatacara tender biasa. Namun demikian terdapat kelewatan dalam pemilihan kontraktor.

40.2.4 Pengurusan Kontrak

Pelaksanaan projek perlu mengikuti peraturan yang ditetapkan seperti menyediakan dokumen kontrak, mengemukakan bon pelaksanaan dan polisi insurans, penyerahan tapak projek, penyeliaan kerja kontraktor dan kualiti bahan binaan, lanjutan masa, perakuan siap kerja dan perkara lain yang berkaitan dengan pengurusan kontrak. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak mendapati perkara berikut:

a) Perjanjian Kontrak

Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak mendapati ia disediakan dengan menggunakan borang Jabatan Kerja Raya - PWD.FORM 203 (Rev.10/83) yang lazimnya digunakan untuk Jabatan Kerajaan. Perjanjian kontrak telah ditandatangani antara Majlis dan kontraktor Puncak Deras Sdn. Bhd. pada awal bulan Januari 2003. Pihak Majlis diwakili oleh Pengerusi dan Pegawai Eksekutif berdasarkan surat perwakilan kuasa menandatangani kontrak di bawah Seksyen 37, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 yang dikeluarkan oleh Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri pada pertengahan bulan Disember 2002. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian kontrak tersebut adalah teratur dan telah mengambil kira perkara penting seperti tempoh kontrak, denda (ganti rugi tertentu dan ditetapkan), bon pelaksanaan/insurans dan sebagainya untuk menjaga kepentingan Majlis dan Kerajaan.

b) Bon Pelaksanaan Dan Polisi Insurans

Peraturan kewangan menetapkan bon pelaksanaan dan polisi insurans yang berkaitan hendaklah diperolehi sebelum kerja pembinaan projek dimulakan. Kontraktor wajib menyediakan bon pelaksanaan sebagai jaminan kepada Majlis jika kontraktor tidak menyiapkan projek mengikut spesifikasi atau melanggar mana-mana kehendak perjanjian kontrak, *Contractor All Risk Insurance Policy* dan *Workmen's Compensation Insurance Policy* untuk melindungi peralatan, harta benda dan pekerja di tapak bina. Tempoh kuat kuasa bon pelaksanaan dan polisi insurans tersebut hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak termasuk tempoh tanggungan kecacatan.

Mengikut perjanjian, tempoh kontrak adalah bermula pada akhir bulan November 2002 hingga akhir bulan September 2004 dan tempoh tanggungan kecacatan selama 1 tahun. Bagaimanapun, lanjutan masa telah diberi mulai akhir bulan September 2004 hingga akhir bulan Disember 2004. Ini bermakna tempoh tanggungan kecacatan hanya akan tamat pada akhir bulan Disember 2005. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan diambil daripada Progressive

Insurance Sdn. Bhd. yang berkuat kuasa mulai akhir bulan November 2002 hingga akhir bulan November 2006 bernilai RM225,000 iaitu 5% daripada harga kontrak. Manakala *Contractor All Risk Insurance Policy* dan *Workmen's Compensation Insurance Policy* pula yang masing-masing bernilai RM4.50 juta dan RM1 juta berkuat kuasa mulai akhir bulan November 2002 hingga akhir bulan Disember 2004 dan tambahan 12 bulan bagi tempoh tanggungan kecacatan.

c) Penyerahan Tapak

Setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri pada akhir bulan Oktober 2002 telah mengarahkan Majlis untuk mengeluarkan surat pelantikan kepada Kontraktor. Majlis mengeluarkan surat pelantikan rasmi kepada Kontraktor pada akhir bulan Oktober 2002 dan telah disetuju terima oleh Kontraktor pada awal bulan November 2002. Kontraktor seterusnya mengambil alih tapak projek pada akhir bulan November 2002.

d) Penyeliaan Kerja Kontraktor Dan Kualiti Bahan Binaan

Penyeliaan di tapak bina bertujuan untuk memastikan kerja-kerja pembinaan dan bahan yang digunakan mematuhi spesifikasi kontrak dari segi mutu dan kualiti yang ditetapkan. Pihak Audit mendapati penyeliaan kerja Kontraktor oleh Juru perunding telah dilaksanakan. Buku Harian Tapak Bina dan bukti bergambar sebelum, semasa dan selepas pembinaan ada diselenggarakan. Selain itu, ujian terhadap *aggregates, sand, cement* dan *test cube for all concreting work* telah dihantar ke makmal bertauliah.

e) Tempoh Kontrak Dan Lanjutan Masa

Mengikut Klaus 43 perjanjian kontrak, Kontraktor boleh dipertimbangkan untuk mendapat lanjutan masa penyiapan projek atas sebab-sebab yang munasabah yang tidak boleh dielakkan. Projek ini sepatutnya disiapkan pada akhir bulan September 2004. Bagaimanapun, lanjutan masa tanpa denda selama 95 hari sehingga akhir bulan Disember 2004 telah diluluskan oleh Kementerian pada akhir bulan Januari 2005. Mengikut Juru perunding sebab-sebab kelewatan adalah:

- i) Pembinaan parit dan tempat letak kereta tidak dapat dilakukan oleh kerana kerja-kerja penggantian paip sedang dilaksanakan oleh Jabatan Air di tapak berkenaan.
- ii) Penyambungan bekalan air tidak dapat dilakukan oleh kerana kelewatan Majlis membayar kos penyambungan kepada Jabatan Air. Pembayaran kos

penyambungan bekalan air kepada Jabatan Air melalui waran peruntukan Kementerian telah dibuat pada awal bulan November 2004.

f) Sijil Perakuan Siap Kerja

Projek ini telah disahkan siap pada akhir bulan Disember 2004. Sijil Siap Kerja projek telah dikeluarkan pada awal bulan Januari 2005 dengan diperakui oleh Juru perunding. Selain itu, senarai kecacatan yang dikenal pasti oleh Juru perunding telah diperbaiki oleh Kontraktor. Dewan diserahkan secara rasmi kepada Majlis pada awal bulan Januari 2005. **Foto 39** menunjukkan Dewan Masyarakat yang telah disiapkan.

Foto 39

Dewan Masyarakat Yang Telah Siap



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 01.03.2007
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud*

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah baik di mana penyediaan perjanjian kontrak, bon pelaksanaan dan polisi insurans, penyerahan tapak projek, penyeliaan kerja Kontraktor dan ujian kualiti bahan binaan, lanjutan masa dan perakuan siap kerja telah dilaksanakan mengikut peraturan.

40.2.5 Spesifikasi Kerja

Pihak Audit bersama Pembantu Teknik Majlis Daerah Kota Belud telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap projek ini pada akhir bulan September 2006. Tujuan pemeriksaan adalah untuk menentukan pembinaan dewan mematuhi spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Pemeriksaan dijalankan terhadap beberapa butiran kerja

tertentu yang dipilih secara rambang. Hasil pemeriksaan tersebut adalah seperti berikut:

a) Pembekalan Dan Pemasangan Kerusi Penonton

Sejumlah RM50,000 telah diperuntukkan di bawah *Prime Cost and Provisional Sum* kontrak untuk membekal dan memasang kerusi penonton. Bagaimanapun, ia telah dikurangkan menjadi RM26,000 sahaja melalui Arahan Perubahan Kerja di mana sebanyak 400 kerusi penonton perlu dibekal dan dipasang di tempat duduk bertingkat yang bertentangan dengan pentas. Kontraktor telah membekalkan kesemua 400 kerusi penonton tersebut. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati hanya 352 yang dapat dipasang kerana ruang tempat duduk tidak mencukupi. Dengan itu, baki sebanyak 48 buah lagi terpaksa disimpan di dalam stor. Mengikut pihak Majlis ia akan digunakan untuk menggantikan kerusi yang rosak. **Foto 40 dan 41** menunjukkan sebahagian daripada kerusi penonton yang telah dipasang dan kerusi penonton yang disimpan dalam stor.

Foto 40
Kerusi Penonton Di Tempat Duduk Bertingkat



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 25.09.2006
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

Foto 41
Kerusi Penonton Yang Disimpan Dalam Stor



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 01.03.2007
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

b) Pemasangan Jubin Seramik Bagi Dinding Tandas

Mengikut spesifikasi, dinding bagi semua tandas di dalam dewan perlu dipasang dengan jubin seramik setinggi 1.5 meter. Pemeriksaan Audit mendapati jubin yang telah dipasang adalah setinggi 1.4 meter sahaja. Kelemahan penyeliaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku dan kekurangan 0.1 meter tersebut sepatutnya diambil kira semasa membuat bayaran bagi butiran kerja ini. **Foto 42** menunjukkan jubin setinggi 1.4 meter yang telah dipasang.

Foto 42
Jubin Keramik Yang Dipasang Di Dalam Tandas



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 25.09.2006
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

c) Pemasangan Lokar Di Bilik Persalinan Lelaki Dan Perempuan

Mengikut perancangan, lokar perlu dipasang di bilik persalinan lelaki dan perempuan dan ini telah ditunjukkan dalam lukisan. Bagaimanapun, lokar berkenaan tidak dipasang memandangkan ia tidak diambil kira dalam *Bills of Quantity*. Ketinggalan item ini dalam *Bills of Quantity* menyebabkan bilik persalinan lelaki dan perempuan tidak mempunyai lokar untuk kemudahan pengguna.

d) Kerusi VIP

Mengikut perancangan, 8 kerusi perlu dipasang di pentas VIP dan ini telah ditunjukkan dalam lukisan. Bagaimanapun, kerusi berkenaan tidak dipasang memandangkan ia tidak diambil kira dalam *Bills of Quantity*. Ketinggalan item ini dalam *Bills of Quantity* menyebabkan pentas VIP tidak mempunyai kerusi. **Foto 43** menunjukkan pentas VIP berkenaan.

Foto 43
Kerusi Tidak Dipasang Di Pentas VIP



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 25.09.2006
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

Pada pendapat Audit, kelemahan penyeliaan oleh Juru perunding menyebabkan kerja tersebut dibuat tidak mengikut spesifikasi. Selain itu, *Bills of Quantity* sepatutnya disemak dengan reka bentuk bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut rancangan.

40.2.6 Prestasi Kewangan

a) Bayaran Kepada Juru perunding

Mengikut rekod Majlis, sejumlah RM886,674 telah dibayar kepada 4 Juru perunding yang dilantik. Pembayaran tersebut terdiri daripada yuran profesional berjumlah RM818,118 iaitu sejumlah RM451,500 untuk reka bentuk pertama dan RM366,618 untuk reka bentuk kedua. Manakala *reimbursable item* pula adalah berjumlah RM68,556. Pemeriksaan lanjut Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Yuran Juru perunding Terlebih Bayar

- **Reka Bentuk Asal (Pertama)**

Klausu 3 (a) *Architects (Scale of Minimum Fees) Rules 1986* yang dikeluarkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia menyatakan pengiraan bayaran yuran profesional bagi projek yang telah ditender tetapi tidak ditawarkan adalah “.... *the lowest acceptable tender received less contingency sum, prime cost, or provisional sums for which no design work has been undertaken*”.

Oleh kerana Juru perunding telah menyediakan reka bentuk dan melaksanakan proses tender pada tahun 1997, Juru perunding telah menuntut bayaran yuran profesional berjumlah RM451,500 (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan Kerajaan berjumlah RM22,575) berdasarkan tender terendah pada masa itu iaitu RM6.55 juta. Semakan Audit mendapati pembayaran yuran profesional kepada Juru perunding pada peringkat dokumentasi tender (70% daripada yuran keseluruhan) tersebut dikira berdasarkan harga tender terendah berjumlah RM6.45 juta (setelah ditolak *contingency sum* berjumlah RM100,000) tanpa menolak *prime cost* dan *provisional sums* berjumlah RM1.28 juta. Akibatnya, Juru perunding telah terlebih dibayar yuran profesional berjumlah RM89,775 seperti perkiraan di **Jadual 105**.

Jadual 105

Pembayaran Lebih Kepada Juru perunding Kerana Kesilapan Asas Perkiraan

Juru perunding	%	Yuran Telah Dibayar (Berdasarkan Tender Terendah Termasuk <i>Prime Cost</i> & <i>Provisional Sums</i> - RM6.45 juta) (RM)	Yuran Sepatutnya Dibayar (Berdasarkan Tender Terendah Tanpa <i>Prime Cost</i> & <i>Provisional Sums</i> - RM5.17 juta) (RM)	Yuran Terlebih Bayar (RM)
Chan & Shahrman Arkitek Sdn. Bhd.	5.0	225,750	180,863	44,888
Wang Haron & Goh Sdn. Bhd.	2.2	99,330	79,579	19,750
Jurukur Kuantiti Konsultan	1.5	67,725	54,259	13,466
Teknis Konsult (M & E)	1.3	58,695	47,024	11,671
Jumlah	10.0	451,500	361,725	89,775

Sumber: Rekod Majlis Daerah Kota Belud

- Reka Bentuk Kedua**

Mengikut surat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri, yuran profesional keseluruhan Juru perunding bagi reka bentuk kedua adalah 8% daripada kos projek. Memandangkan yuran Juru perunding telah dikurangkan dari 10% menjadi 8%, peratus yuran yang perlu dibayar kepada setiap Juru perunding adalah 4% untuk Arkitek, 1.76% untuk Jurutera Sivil & Struktur, 1.2% untuk Jurukur Bahan dan 1.04% untuk Jurutera Mekanikal & Elektrik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kadar yuran keseluruhan yang digunakan adalah 8.74% yang terdiri daripada 4% untuk Arkitek, 2.2% untuk Jurutera Sivil &

Struktur, 1.5% untuk Jurukur Bahan dan 1.04% untuk Jurutera Mekanikal & Elektrik. Ini menyebabkan pembayaran lebih berjumlah RM32,190 seperti di **Jadual 106**.

Jadual 106
Pembayaran Lebih Kepada Juru perunding Kerana Kesilapan Kadar

Juru perunding	Yuran Telah Dibayar Berdasarkan Kos Asal Projek - RM4.35 juta		Yuran Sepatutnya Dibayar Berdasarkan Kos Asal Projek - RM4.35 juta		Yuran Terlebih Bayar (RM)
	%	Jumlah (RM)	%	Jumlah (RM)	
Chan & Shahriman Arkitek Sdn. Bhd.	4.00	174,000	4.00	174,000	-
Wang Haron & Goh Sdn. Bhd.	2.20	95,700	1.76 (2.20 x 8/10)	76,560	19,140
Juru Ukur Kuantiti Konsultan	1.50	65,250	1.20 (1.50 x 8/10)	52,200	13,050
Teknis Konsult (M & E)	1.04	31,668 *	1.04 (1.30 x 8/10)	31,668 *	-
Jumlah	8.74	366,618	8.00	334,428	32,190

Sumber: Rekod Majlis Daerah Kota Belud

Nota : * Mengikut rekod Pembayaran Majlis, Juru perunding ini hanya dibayar yuran profesional setakat 70% daripada jumlah keseluruhan yuran.

Pada pendapat Audit, pengurusan tuntutan pembayaran adalah lemah kerana tuntutan Juru perunding telah tidak disemak dengan teliti oleh pihak Majlis mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM121,965. Bayaran lebihan tersebut hendaklah dituntut balik daripada Juru perunding. Selain itu, pihak Majlis boleh menjimatkan sejumlah RM818,118 jika projek ini dirujuk dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 182.

b) Bayaran Kepada Kontraktor

Berdasarkan Akaun Muktamad, nilai muktamad projek ini adalah berjumlah RM4.10 juta setelah mengambil kira penjimatan daripada butiran *Provisional Quantities* dan Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM401,945. Bagaimanapun, berdasarkan kepada Sijil Pembayaran Akhir yang dikeluarkan oleh Juru perunding, nilai kerja sebenar yang telah dilaksanakan oleh Kontraktor adalah berjumlah RM4.03 juta

sahaja. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4.01 juta telah dibayar. Sehingga bulan Oktober 2006, baki sebanyak RM0.02 juta belum dijelaskan oleh kerana Majlis belum mendapat peruntukan dari Kementerian. Tempoh Tanggungan Kecacatan telah berakhir pada bulan Januari 2006. Peraturan kewangan menetapkan bahawa bayaran tidak boleh ditahan bagi barangan atau kerja yang dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati. Peraturan kewangan seterusnya menetapkan setiap bayaran hendaklah dibuat tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh tuntutan diterima (Mulai 31 Oktober 2006, bayaran hendaklah dibuat tidak lewat daripada 14 hari).

Pada pendapat Audit, pembayaran hendaklah dibuat kepada kontraktor jika Majlis berpuas hati bahawa semua kerja pembinaan telah dilaksanakan dengan sempurna.

40.2.7 Penggunaan Dan Penyenggaraan Dewan

Dewan yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk kemudahan masyarakat setempat dan diselenggarakan supaya dewan sentiasa dalam keadaan baik dan bersih. Semakan Audit terhadap penggunaan dan penyenggaraan dewan mendapati perkara berikut:

a) Penggunaan Dewan Selepas Siap

Projek ini disahkan siap pada akhir bulan Disember 2004. Semakan Audit terhadap rekod penggunaan dewan ini mendapati dewan mula digunakan pada bulan Mei 2005 dengan kelewatan selama 4 bulan. Mengikut pihak Majlis dewan digunakan sejurus selepas disiapkan tetapi perekodan hanya dibuat selepas perasmianya pada bulan Mei 2005. Penggunaan dewan antaranya adalah meliputi aktiviti sukan seperti badminton, bola keranjang dan sepak takraw, pelbagai acara/program seperti pertunjukan pentas, rapat umum, perhimpunan, dialog, mesyuarat, forum dan berbagai aktiviti Kerajaan. Garis panduan mengenai pengurusan dan penggunaan dewan tidak disediakan sama ada oleh Kementerian atau Majlis sendiri. Kadar sewa penggunaan dewan yang sedang digunakan adalah ditetapkan mengikut jenis dan jangka masa penggunaan yang perlu dibayar terlebih dahulu sebelum tarikh penggunaan.

Semakan Audit mendapati penyewa membuat tempahan dewan di Bahagian Pentadbiran dan seterusnya membuat pembayaran di Bahagian Akaun. Kekerapan penggunaan dewan ini tidak dapat dipastikan kerana rekod penggunaan dewan yang diselenggarakan oleh Bahagian Pentadbiran tidak jelas dan bercampur

aduk dengan penyewaan kerusi milik Majlis. Bagaimanapun, mengikut rekod kutipan sewa yang diselenggarakan oleh Bahagian Akaun, bagi tempoh bulan Julai 2005 hingga bulan Julai 2006, dewan hanya digunakan sebanyak 13 kali untuk aktiviti sukan dengan kutipan sewa berjumlah RM196 dan 19 kali untuk pelbagai acara/program sama ada dianjurkan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Persatuan, Sekolah dan sebagainya dengan kutipan sewa berjumlah RM5,480. Kekerapan penggunaan dewan tersebut tidak termasuk penggunaan bersifat amal dan kemasyarakatan yang dikecualikan pembayaran sewa.

Pada pendapat Audit, pembinaan dewan ini telah mencapai matlamat untuk memberikan kemudahan kepada masyarakat Kota Belud bagi mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan, program rasmi Kerajaan dan kemasyarakatan. Bagaimanapun, penggunaan dewan ini masih di tahap yang minimum dan boleh dipertingkatkan lagi. Garis panduan juga perlu disediakan bagi mengawal dan meningkatkan tahap penggunaan dewan. Selain itu, Majlis perlu menyelenggarakan rekod yang sesuai dan sistematik untuk mencatatkan penggunaan dewan.

b) Penyenggaraan Dewan

Penyenggaraan berterusan perlu dijalankan bagi memastikan dewan sentiasa dalam keadaan baik dan bersih. Lawatan Audit ke Dewan Masyarakat tersebut pada akhir bulan September 2006 mendapati kelemahan seperti berikut:

- i) Sebahagian kecil lantai gelanggang badminton dan bola keranjang telah rosak.
Foto 44 menunjukkan kerosakan berkenaan.


Foto 44
Kerosakan Lantai Gelanggang Badminton Dan Bola Keranjang



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 25.09.2006
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

- ii) Kunci pintu sisi sebelah kanan dewan telah rosak dan hanya diikat dengan tali.
Foto 45 menunjukkan kerosakan berkenaan.

Foto 45
Kerosakan Kunci Pintu Sisi Sebelah Kanan Dewan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 25.09.2006
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

- iii) Enam daripada 15 lampu limbah bagi menerangi pentas dewan tidak berfungsi.
- iv) Pemeriksaan Audit juga mendapati aspek kebersihan dewan tidak memuaskan kerana terdapat sampah khususnya di belakang pentas. Lantai dan tempat duduk bertingkat juga didapati berhabuk. **Foto 46** dan **47** menunjukkan kebersihan dewan yang tidak memuaskan.

Foto 46

Sampah Tidak Dibersihkan Di Belakang Pentas



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 25.09.2006
Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

Foto 47

Sampah Tidak Dibuang Di Ruang Utama Dewan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25.09.2006

Lokasi : Dewan Masyarakat Kota Belud

Pada pendapat Audit, kerosakan tersebut perlu diperbaiki dengan segera kerana lantai yang rosak di gelanggang badminton dan bola keranjang boleh mengakibatkan kecederaan kepada pemain. Manakala kunci pintu sisi dewan yang rosak boleh mengundang pencerobohan dan kecurian barang berharga di dalam dewan seperti pembesar suara, peralatan elektrik dan sebagainya. Selain itu, tindakan untuk meningkatkan tahap kebersihan dewan juga perlu diambil.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya peringkat pelaksanaan projek ini kurang memuaskan di mana kesilapan pengiraan pembayaran yuran profesional Juru perunding telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Pembayaran yuran Juru perunding boleh diijamatkan dan pembayaran lebihan boleh dielakkan jika projek ini dirujuk dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya mengikut kehendak Arahana Perbendaharaan 182. Kelemahan penyeliaan menyebabkan terdapat kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi. Selain itu, penyenggaraan dewan daripada aspek pembaikan kerosakan dan kebersihan perlu dipertingkatkan.

40.3 PEMANTAUAN

Pemantauan berterusan adalah penting bagi memastikan projek dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di mana masalah yang timbul boleh dikenal pasti dan di atasi dengan segera.

40.3.1 Jawatankuasa Pemandu Projek

Jawatankuasa Pemandu bagi projek ini telah ditubuhkan oleh Kementerian pada awal bulan Februari 2003. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar mengikut jadual dan membincang serta mengesyorkan penyelesaian sebarang masalah yang dihadapi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri dan mempunyai 8 ahli iaitu daripada Majlis Daerah, Kementerian Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Unit Pengesanan Projek Negeri, Juru perunding dan 3 Jabatan Kerajaan Negeri di peringkat daerah iaitu Jabatan Tanah Dan Ukur, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan Dan Saliran. Namun demikian, wakil dari Jabatan Air tidak dilantik sebagai ahli sungguhpun ianya ada hubungan kait dengan pelaksanaan projek. Mengikut rekod Majlis, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali dan telah membincangkan masalah yang berkaitan seperti kelewatan kerja Kontraktor, kelewatan pembayaran kepada Kontraktor dan sebagainya.

40.3.2 Mesyuarat Tapak

Mesyuarat Tapak adalah bertujuan untuk menyelaraskan kerja-kerja di tapak bina supaya kerja pembinaan dapat dijalankan dengan lancar mengikut jadual. Semua keputusan yang dibuat hendaklah dicatatkan dan perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang berkenaan.

Mesyuarat tapak yang diadakan setiap bulan dipengerusikan oleh pegawai dari Chan & Shahrman Arkitek Sdn. Bhd. sebagai juru perunding utama. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada wakil Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri, wakil Majlis, 3 juru perunding yang lain iaitu Wang Haron & Goh Sdn. Bhd. (Jurutera Sivil & Struktur), Teknis Konsult (Jurutera Mekanikal & Elektrik) dan Juru Ukur Kuantiti Konsultan (Juru Ukur Bahan) serta Penyelia Tapak pihak Juru perunding Utama. Semakan Audit mendapati mesyuarat tapak telah dijalankan setiap bulan. Minit mesyuarat diedarkan untuk perhatian dan tindakan ahli Mesyuarat Tapak.

40.3.3 Buku Harian Tapak Bina

Buku Harian Tapak adalah bertujuan untuk mencatatkan aktiviti di tapak bina setiap hari seperti waktu hujan, waktu bekerja buruh, bilangan pekerja yang diambil bekerja di tapak bina, bahan binaan yang diterima, arahan yang dikeluarkan kepada kontraktor, kerja yang dilakukan dan perkara luar jangka yang menyebabkan kelewatan dan masalah di tapak projek. Buku Harian Tapak ini adalah sebagai bukti penyeliaan dan pemantauan oleh Juru perunding projek. Catatan harian berhubung butiran kerja yang telah dilaksanakan hendaklah dilengkapi oleh Penyelia Tapak pihak juru perunding utama dan disahkan oleh Kontraktor serta disemak dan ditandatangani oleh Jurutera Penyelia Projek setiap kali lawatan tapak dibuat. Pihak Audit mendapati Buku Harian Tapak ada diselenggarakan oleh Penyelia Tapak. Bagaimanapun, tidak ada bukti bahawa ia disahkan oleh Kontraktor dan disemak oleh Jurutera Penyelia Projek.

40.3.4 Pemantauan Pihak Pengurusan Majlis

Selepas projek disiapkan dan diserahkan kepada Majlis, pemantauan berterusan perlu dijalankan untuk menentukan dewan digunakan sepenuhnya serta disenggara dengan baik. Bahagian Pentadbiran Majlis dipertanggungjawabkan untuk menguruskan tempahan penggunaan dan memantau penyenggaraan dewan. Oleh itu, laporan perlu dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab jika terdapat sebarang kerosakan supaya ia dapat diperbaiki dengan segera. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati kerosakan dewan seperti lantai gelanggang terkopek, lampu limpah dalam dewan tidak menyala dan kunci pintu sisi dewan rosak. Selain itu, kebersihan dewan juga kurang memuaskan.

Pada pandangan Audit, pemantauan melalui Jawatankuasa Pemandu, Mesyuarat Tapak dan penyeliaan kerja oleh Penyelia Tapak adalah baik kecuali pemantauan oleh pihak pengurusan Majlis. Bagaimanapun, pemantauan berterusan daripada pengurusan Majlis perlu dipertingkatkan supaya penggunaan dewan dapat dimaksimumkan dan penyenggaraannya dijalankan dengan baik.

41. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud adalah satu keperluan bagi masyarakat setempat. Dengan adanya dewan ini penduduk di Daerah Kota Belud mempunyai tempat yang sesuai untuk mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan (badminton, bola keranjang dan sepak takraw), program rasmi Kerajaan dan kemasyarakatan. Dewan ini telah disiapkan dan sedang digunakan sesuai dengan objektif pembinaannya. Bagaimanapun, pada peringkat pelaksanaan terdapat kesilapan pembayaran juru perunding yang mana

boleh dielakkan jika penyediaan reka bentuk dan penyeliaan kerja kontraktor dirujuk dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 182. Kelemahan penyeliaan juga menyebabkan terdapat kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi oleh kerana kesamaran reka bentuk projek. Selain dari itu, pihak Majlis tidak menyediakan garis panduan penggunaan dan penyenggaraan dewan berkenaan. Sehubungan dengan itu, adalah disyorkan supaya pihak Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Kehendak Arahan Perbendaharaan 182 dipatuhi apabila melaksanakan projek pada masa akan datang.
- b)** Pihak Majlis menuntut balik yuran profesional yang telah terlebih bayar kepada Juru perunding.
- c)** Pihak Majlis menyediakan garis panduan untuk mengawal penggunaan dan penyenggaraan dewan.
- d)** Pihak pengurusan Majlis menjalankan pemantauan yang berterusan supaya penggunaan dewan dapat memanfaatkan masyarakat setempat.

BAHAGIAN II

PERKARA AM

BAHAGIAN II : PERKARA AM

42. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas.
- b) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.
- c) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi.

43. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

43.1 JABATAN TANAH DAN UKUR NEGERI SABAH

Pengurusan Pemberimilikan Tanah Negeri

- a) Mulai tahun 2005 Jawatankuasa Pembangunan Tanah Daerah tidak lagi diberi kuasa meluluskan permohonan tanah sebaliknya hanya membuat sokongan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur untuk kelulusan. Arahan Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur ini tidak selaras dengan kuasa dan mandat yang diberi oleh Kabinet Negeri seperti yang diwartakan.
- b) Bahagian Penguatkuasa tidak menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan dan pelanggaran syarat geran tanah sebaliknya lebih menumpukan penguatkuasaan terhadap operasi tanpa kebenaran yang melibatkan aktiviti kuari dan pengambilan pasir.
- c) Tempoh memproses permohonan tanah selama 24 bulan sebagaimana ditetapkan dalam Piagam Pelanggan tidak tercapai.
- d) 18.6 % daripada 10,977 lot tanah yang diswastakan untuk kerja pengukuran oleh juruukur berlesen tidak dapat dijalankan. Tindakan pemantauan terhadap

kerja pengukuran yang masih belum dilaksanakan oleh juruukur berlesen kurang diberi perhatian.

Kedudukan Masa Kini

- a) Kerajaan Negeri sedang membuat kajian dan menyemak semula kuasa melulus permohonan tanah oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah Daerah dan merancang kaedah pemberimilikan tanah yang lebih sistematik melalui kaedah pemprosesan secara blok.
- b) Penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan sedang diambil tindakan dari semasa ke semasa, tetapi tindakan itu tidak dapat dibuat secara menyeluruh kerana masalah kekurangan tenaga kerja.
- c) Jabatan Tanah Dan Ukur sedang mengambil tindakan bagi mengatasi kelewatan dan membuat kajian semula tentang piagam pelanggan supaya lebih realistik.
- d) Jabatan telah mewajibkan setiap juruukur berlesen mengemukakan laporan kemajuan bulanan tentang statistik kerja pengukuran yang ditawarkan.

43.2 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Pengurusan Program Bantuan Murid Sekolah Rendah Dan Tadika

- a) Rekod pengagihan bantuan tidak kemas kini dan laporan maklum balas tidak disediakan mengakibatkan sukar untuk menentukan sama ada pengagihan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- b) Pembekal susu perlu menghantar susu setiap bulan ke sekolah mengikut jenis perisa dan jadual hari peminuman selaras dengan kontrak antara Kerajaan dan pembekal. Adalah didapati pihak pembekal tidak menghantar bekalan susu mengikut jadual yang ditetapkan.
- c) Pihak sekolah perlu menandatangani nota serahan apabila susu diterima dari pihak pembekal dan salinannya disimpan di sekolah. Enam belas sekolah yang dilawati tidak menyimpan salinan berkenaan. Tiga sekolah mengesahkan tidak menerima susu bagi tempoh tertentu, namun pemeriksaan Audit mendapati nota serahan telah dikemukakan oleh pembekal untuk bayaran di Kementerian.
- d) Susu yang dihantar ke sekolah perlu disimpan di tempat yang sesuai dan selamat sebelum diagihkan kepada murid. Sebanyak 23 daripada 43 sekolah yang dilawati tidak mempunyai tempat penyimpanan susu yang sesuai.
- e) Murid sekolah yang diberi bantuan minuman susu adalah murid sekolah rendah tahun 1 hingga tahun 3 dan murid tadika/tabika. Jadual hari peminuman

ditetapkan mengikut hari dan jenis perisa. Adalah didapati 5 sekolah mengagihkan susu tidak mengikut kumpulan sasar, 33 sekolah mengagihkan susu tidak mengikut hari peminuman dan semua 43 sekolah yang dilawati mengagihkan susu lebih dari satu pek pada hari pengagihan.

- f) Maklumat mengenai bilangan dan saiz murid sekolah yang akan menerima bantuan pakaian seragam perlu dibekalkan oleh pihak sekolah ke Kementerian. Adalah didapati 8 sekolah merekodkan bilangan murid yang berlebihan dari jumlah murid sebenar.

Kedudukan Masa Kini

- a) Pihak Kementerian telah mengambil tindakan dan melakukan pemeriksaan serta memaklumkan kepada pihak sekolah dan guru terlibat mengenai penyelenggaraan rekod berkenaan. Surat Pekeliling KPM & HEP: 700-0(139) bertarikh 2 Mei 2006 telah dikeluarkan dan dikemukakan kepada Pengarah Pelajaran Sabah untuk disampaikan kepada semua sekolah terlibat.
- b) Pihak Kementerian telah mengadakan mesyuarat mengenai perkara yang dibangkitkan seperti perkara (b) hingga (f) di atas dan memaklumkan kepada pihak berkenaan untuk mengambil tindakan susulan. Bagaimanapun, maklum balas mengenai perkara tersebut masih belum diperoleh.

43.3 JABATAN AIR NEGERI SABAH

Program Pengurangan Air Tak Berhasil Melalui Projek Penggantian Paip

- a) Jabatan Air Negeri Sabah menetapkan matlamat untuk mengurangkan kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di daerah Kota Belud daripada 72% menjadi 25% dengan anggaran kos RM35 juta. Bagaimanapun, kelulusan yang diberi hanya RM5 juta sahaja. Oleh itu penggantian batang paip hanya dilaksanakan di kawasan pekan Kota Belud sahaja dan NRW telah dikurangkan menjadi 38.1%.
- b) Bilangan jawatan yang sedia ada tidak mencukupi terutamanya di Bahagian Kewangan, Perancangan dan Kualiti Air. Jumlah kekosongan keseluruhan adalah sebanyak 33 jawatan. Sehubungan itu, kakitangan mahir perlu ditempatkan dengan segera di bahagian berkenaan.

Kedudukan Masa Kini

- a) Jabatan telah mengambil tindakan untuk memasukkan projek yang belum dilaksanakan di bawah RMKe-8 ke dalam RMKe-9.
- b) Jabatan telah memohon untuk pengisian jawatan yang masih kosong.

43.4 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

Pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu

- a) Pembangunan projek bagi kawasan perindustrian, kawasan komersial dan kawasan kediaman adalah tidak memuaskan. Setelah 10 tahun pelaksanaan projek hanya 27.8%, 10.3% dan 1.9% kawasan berkenaan telah dibangunkan.
- b) Sehingga akhir tahun 2005, permohonan tanah KKIP seluas 300.77 hektar belum diluluskan disebabkan permohonan masih di peringkat semakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, DBKK atau Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah Sabah sebelum diluluskan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur.
- c) Setakat tahun 2005 sejumlah RM37.91 juta premium tanah belum dijelaskan oleh KKIPSB kepada kerajaan.
- d) Pelan pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu tidak termasuk rancangan tambatan banjir.
- e) Pelaksanaan projek adalah melalui dua kaedah iaitu penjualan lot tanah dan pembinaan bangunan. Selain itu, tempoh membangunkan lot tanah tidak dinyatakan dalam perjanjian sewa beli. Oleh yang demikian terdapat lot tanah yang dibeli tidak dimajukan selepas 9 tahun.

Kedudukan Masa Kini

- a) Kawasan yang boleh dibangunkan adalah kawasan yang telah diwartakan oleh kerajaan sahaja iaitu 671 hektar.
- b) KKIPSB telah mengambil tindakan susulan terhadap permohonan tanah tersebut daripada Jabatan Tanah Dan Ukur.
- c) KKIPSB belum menjelaskan premium tanah.
- d) KKIPSB tidak memperolehi Pelan Tempatan semasa pemilihan tapak KKIP, jadi tambatan banjir tidak termasuk dalam perancangan pembangunan.
- e) Penjualan lot tanah adalah melalui perjanjian jual beli. Kawasan yang telah dijual tidak dapat dibangunkan kerana masalah kewangan pembeli.

43.5 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

Projek menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan

- a) Kontraktor telah menyerahkan pelaksanaan projek menaik taraf saliran di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan kepada kontraktor lain untuk bertindak bagi pihaknya dalam semua hal berkaitan dengan pembinaan dan penyiapan projek tanpa merujuk kepada Lembaga Tawaran Negeri.
- b) Penyenggaraan saliran tidak dibuat dari semasa ke semasa kerana lawatan Audit mendapati mendapan tanah dan air bertakung di saluran berkenaan.

Kedudukan Masa Kini

- a) Sehingga kini pihak Jabatan masih belum memberi penjelasan terhadap perkara ini.
- b) Menurut Jabatan Pengairan Dan Saliran Sandakan kerja-kerja penyenggaraan ke atas saliran di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan telah dilaksanakan sebanyak 4 kali dalam tahun 2006.

43.6 JABATAN PELABUHAN DAN DERMAGA SABAH

Pengurusan Kemudahan Terminal Feri dan Pusat Tukar Barangan (*Barter Trade*) Tawau

- a) Untuk rancangan Jangka Panjang, kawasan kelompok Industri Kayu Kayan Bersepadu di Pasir Putih, Sungai Imam telah dicadangkan sebagai tapak baru Terminal Feri dan Pusat Tukar Barangan (*Barter Trade*) Tawau.
- b) Jawatan Pegawai Laut (A 41), Penolong Pegawai Laut (A 36) dan 2 Merinyu Kapal (N 17) belum lagi diisi. Merinyu Kapal (N 22) memangku jawatan Penolong Pegawai Laut (A 36).
- c) Caj jeti, dermaga dan pelabuhan belum lagi dikaji semula sejak tahun 1996.

Kedudukan Masa Kini

- a) Pembinaan Terminal Feri dan Pusat Tukar Barangan baru belum lagi dilaksanakan.
- b) Jawatan yang diluluskan belum diisi lagi dan dipangku oleh Merinyu Kapal.
- c) Semakan semula kadar caj jeti, dermaga dan pelabuhan belum lagi dilaksanakan.

43.7 MAJLIS DAERAH KENINGAU

Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang Dan Peraturan

- a) Terdapat Undang-undang Kecil yang tidak pernah dipinda dan mempunyai perkara yang tidak sesuai digunakan pada masa kini seperti Undang-undang Kecil (*Laundries*) 1981 di mana kadar lesen operasi hanya RM36 satu tahun berbanding kadar yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan lain di Negeri Sabah seperti Majlis Daerah Penampang dan Majlis Daerah Semporna iaitu RM60 setahun.
- b) Manual Prosedur (Penguatkuasaan) Majlis kurang lengkap dan tidak mempunyai prosedur melaksanakan tindakan pendakwaan dan memfail tindakan mahkamah. Ini menyebabkan tindakan mahkamah yang perlu diambil mengikut peruntukan undang-undang tidak pernah dilaksanakan.
- c) Pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan berisiko tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan kerana Majlis tidak merancang jadual pemeriksaan.
- d) Majlis tidak mempunyai stor yang sesuai untuk menyimpan barang rampasan. Akibatnya, barang rampasan seperti basikal disimpan bercampur aduk dengan peralatan Majlis yang lain seperti kipas angin, kerusi, meja dan sebagainya di lokasi yang berjauhan dengan pejabat. Selain itu, barang yang dirampas tidak dilabel dan tidak direkod dengan teratur.
- e) Majlis tidak mempunyai kenderaan yang sesuai untuk kegunaan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang. Kenderaan *pick-up* yang dibeli pada tahun 1987 sudah usang dan sering mengalami kerosakan. Akibatnya, kebanyakan anggota penguatkuasa menggunakan kenderaan sendiri semasa menjalankan operasi.
- f) Fail individu pelesen tidak kemas kini dan daftar kes pelanggaran undang-undang dan peraturan tidak disediakan. Selain itu, Majlis juga tidak menyelenggarakan daftar bagi merekodkan kompaun yang telah dikeluarkan, dibayar dan tindakan susulan yang diambil. Oleh itu, keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan tidak dapat diukur.
- g) Hasil pemeriksaan fizikal Audit terdapat kes di mana peniaga menjalankan perniagaan tanpa lesen atau telah tamat tempoh, peniaga menjalankan perniagaan selain daripada yang diluluskan dan kesilapan kadar lesen. Selain itu, ketidakpatuhan peniaga terhadap syarat lesen juga berlaku seperti pengusaha hotel/rumah penginapan menambah bilangan bilik, pengusaha biliard menambah bilangan meja biliard dan pengusaha salun rambut menambah bilangan kerusi tanpa kelulusan. Perkara ini telah mengakibatkan

kerugian hasil kepada Majlis. Terdapat juga pusat hiburan karaoke/pub yang beroperasi melebihi masa yang dibenarkan.

Kedudukan Masa Kini

- a) Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan Undang-undang Kecil untuk menyemak undang-undang yang tidak lagi sesuai. Melalui jawatankuasa tersebut Majlis masih dalam proses mengkaji undang-undang yang perlu dipinda.
- b) Majlis bersetuju dengan kelemahan Manual Prosedur berkenaan dan akan menjalankan semakan untuk memperkemaskannya.
- c) Majlis telah menyediakan jadual pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan berisiko bagi membolehkan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
- d) Majlis telah menyediakan stor di bangunan pejabat Bahagian Penguatkuasa untuk menyimpan barang rampasan. Barang rampasan juga telah disusun dan diasingkan dengan peralatan Majlis yang lain serta dilabel dan direkod dengan teratur.
- e) Pembelian kenderaan baru tidak dapat dibuat pada tahun 2006 kerana masalah kewangan. Majlis merancang untuk membeli kenderaan berkenaan pada tahun 2007.
- f) Majlis telah mengambil tindakan untuk memastikan fail individu pelesen sentiasa kemas kini, merekodkan semua kes pelanggaran undang-undang dan peraturan serta merekodkan semua kompaun yang telah dikeluarkan, dibayar dan tindakan susulan yang dijalankan.
- g) Pihak Majlis mengambil perhatian yang serius terhadap kes premis perniagaan tanpa lesen atau tamat tempoh, peniaga menjalankan perniagaan selain daripada yang diluluskan dan kesilapan kadar lesen serta ketidakpatuhan peniaga terhadap syarat lesen. Pihak Majlis juga sedang meneliti cadangan untuk melantik pegawai bagi menjalankan fungsi perundangan.

43.8 LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH

Skim Pekebun Kecil Getah

- a) Pihak Lembaga tidak mewujudkan sistem maklumat mengenai pendapatan hasil jualan susu getah mengikut peserta/pemilik walaupun pendapatan mengikut blok ada disediakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada sasaran pendapatan dicapai.

- b)** Wang pusingan yang diperuntukkan untuk pembelian getah adalah tidak mencukupi bagi pejabat Lembaga di daerah Tenom dan Sipitang masing-masing berjumlah antara RM17,000 hingga RM253,446 dan antara RM5,000 hingga RM29,000. Akibatnya berlaku kelewatan pembayaran kepada pekebun kecil antara 3 hingga 6 hari bagi Tenom dan 1 hingga 4 hari bagi Sipitang. Perkara ini berlaku disebabkan amaun yang direkup hanya diterima dalam tempoh 7 hingga 14 hari.
- c)** Bilangan kenderaan adalah tidak mencukupi bagi pejabat Lembaga di daerah Beaufort dan Tenom. Di samping itu terdapat kenderaan yang telah usang dan kerap mengalami kerosakan. Akibatnya jadual pembelian getah sering terganggu.

Kedudukan Masa Kini

- a)** Pihak Lembaga berpendapat bahawa mewujudkan sistem perekodan pembelian getah mengikut nama pemilik adalah tidak praktikal dan sukar diamalkan disebabkan perkara-perkara berikut:-
 - i)** Mengambil masa yang lama untuk merekod seramai 17,749 pekebun kecil di Sabah.
 - ii)** Lembaga tidak dapat memastikan para pekebun kecil menghasilkan produktiviti yang tinggi disebabkan ianya adalah bergantung kepada banyak faktor yang di luar kawalan Lembaga.

Oleh itu, Lembaga telah mengambil tindakan untuk mewujudkan sistem perekodan pembelian getah untuk satu blok sahaja bagi setiap daerah mengikut nama pemilik yang sah bagi tujuan mengukur pendapatan bulanan yang diterima oleh setiap pemilik.
- b)** Lembaga telah mengambil tindakan untuk menambah wang pendahuluan bagi pembelian getah. Sekiranya wang tunai tidak mencukupi pada hari pembelian, pihak Lembaga akan membeli getah secara kredit dan akan membayar dalam tempoh tidak melebihi 7 hari dari tarikh pembelian.
- c)** Lembaga telah menambah sejumlah 18 buah kenderaan pada tahun 2005 dan 14 buah kenderaan pada tahun 2006 untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan.

44. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM TAHUN 2005 DAN MASIH BELUM SELESAI

44.1 MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

Penswastan Pungutan Sampah

a) Bon Pelaksanaan

Pihak kontraktor telah menyediakan Bon Pelaksanaan seperti kehendak perjanjian yang berjumlah RM19,000 melalui jaminan bank. Jumlah ini adalah merupakan 5% daripada nilai bulanan kontrak dan merangkumi tempoh keseluruhan kontrak iaitu selama 10 tahun. Bagaimanapun, mengikut peraturan kewangan pihak kontraktor sepatutnya menyediakan Bon Pelaksanaan bernilai RM228,000 yang merupakan 5% daripada nilai kontrak bagi satu tahun yang berjumlah RM4.56 juta.

b) Keperluan Kenderaan

Berasaskan norma kerja harian 19 lori kompaktor diperlukan untuk menampung kutipan sampah setiap hari berbanding dengan 17 lori yang ada.

Kedudukan Masa Kini

a) Bon Pelaksanaan

Pihak Majlis telah mendapatkan bayaran Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank daripada kontraktor sejumlah RM209,000 sebagai tambahan kepada Bon Pelaksanaan yang telah diambil terdahulu. Bagaimanapun, Bon Pelaksanaan tersebut hanya untuk tempoh satu tahun sahaja iaitu mulai daripada 4 Ogos 2006 hingga 31 Ogos 2007 sahaja. Bon Pelaksanaan tersebut sepatutnya merangkumi keseluruhan tempoh kontrak yang akan berakhir pada tahun 2009.

b) Keperluan Kenderaan

Sehingga kini pihak kontraktor tidak ada membuat tambahan lori kompaktor.

45. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Negeri bagi tahun 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 27 November 2006.

46. MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AWAM NEGERI

Pada tahun 2006, Jawatankuasa Akaun Awam Negeri hanya bermesyuarat sekali iaitu pada 21 November 2006 membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004. Bagaimanapun laporan mengenainya belum dibentang di Dewan Undangan Negeri. Perkara yang dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 107**. Jawatankuasa Negeri Sabah perlu lebih kerap bermesyuarat untuk membolehkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005 dibincang. Mengikut rekod Jabatan Audit bagi tempoh Januari hingga Mei 2007, Jawatankuasa Akaun Awam Negeri belum bermesyuarat lagi. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti awam, jawatankuasa perlu lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri.

Jadual 107

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Pada Tahun 2006

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
21 Nov 2006	Koperasi Pembangunan Desa	• Bayaran balik pinjaman bagi 90 peserta penternak ayam daging berjumlah RM2.75 juta masih tertunggak • Bilangan peserta dan keluaran ayam tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sasaran 250 orang dengan keluaran 7 juta ekor ayam berbanding 111 orang sahaja menyertai projek dengan keluaran 2.23 juta ekor ayam
	Jabatan Perikanan Negeri Sabah	• Daripada kawasan seluas 113 hektar yang telah diusahakan untuk ternakan rumpai laut 20 hektar telah diwartakan untuk penzonan industri ternakan rumpai laut dan bakinya masih belum diwartakan • Pusat pengeluaran bibit rumpai laut di Pulau Salakan tidak mampu membekal bibit yang mencukupi bagi menampung permintaan penternakan. • Pinjaman berjumlah RM133,120 yang diberi kepada peserta bagi tahun 1999 hingga Disember 2004 masih belum dikutip. • Jabatan menghadapi kekurangan tenaga Kerja untuk menguruskan projek ternakan rumpai laut.
	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	• Dokumen kontrak bagi pengimportan lembu tenusu melalui <i>Crown Agent</i> tidak dikemukakan untuk semakan Audit. • Jabatan telah membina 16 pusat pengumpulan susu. Bagaimanapun, hanya 14 pusat yang beroperasi. • Jabatan mensasarkan bilangan lembu yang ditenak menjelang tahun 2010 adalah 19,661 ekor. Mengikut laporan Jabatan tahun 2004 hanya 3,583 ekor lembu dapat mengeluarkan susu. Berdasarkan analisis Audit, lembu yang sepatutnya ada dalam rekod adalah sebanyak 5,520 ekor. • Jabatan mensasarkan pengeluaran susu sebanyak 28.7 juta liter menjelang tahun 2010. Sehingga tahun 2004 hanya 5 juta liter dapat dikeluarkan. • Setakat bulan September 2006, syarikat pengilang susu masih berhutang RM6.68 juta kepada Jabatan.
	Majlis Perbandaran Tawau	• Undang-undang kecil yang digunakan sebagai Panduan pengendalian pengurusan pelesenan di premis perniagaan tidak pernah disemak sejak ia diwujudkan antara tahun 1956 hingga 1967 • Pemeriksaan fizikal yang dilaksanakan oleh Inspektor Perbandaran terhadap premis perniagaan tidak dilaksanakan secara berkala dan rekod Tindakan susulan tidak disediakan. • Lawatan fizikal Audit menunjukkan keadaan berikut: - 4 peniaga menjalankan operasi perniagaan selain daripada yang diluluskan - 12 kes di mana syarat dan kadar lesen operasi tidak dipatuhi - 2 premis perniagaan telah beroperasi sebelum permohonan lesen perniagaan dan lesen operasi diluluskan. -
	Majlis Perbandaran Sandakan	• Mutu perkhidmatan kutipan sampah kurang memuaskan • Kaedah Pelupusan sampah tidak sesuai • Lori kontraktor untuk mengutip sampah tidak mencukupi • Jawatankuasa Perunding • Bersama tidak bermesyuarat seperti mana yang ditetapkan.

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/ aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/ aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/ aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/ Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

26 Jun 2007

LAMPIRAN

MAKLUMAT MENGENAI PERBADANAN EKONOMI NEGERI SABAH

NAMA AGENSI	: PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH
TARIKH PENUBUHAN	: 1981
AHLI LEMBAGA PENGARAH	: - YB DATUK MOHD. LAN ALLANI - YB LIEW TECK CHAN - ENCIK MAISURI BIN BESRI - Y.BHG. DATUK YUSOF BIN DATUK HJ. MOHD. KASSIM - ENCIK ISMAIL BIN ABDULLAH - ENCIK MAT RANI BIN SAUD - ENCIK MAIJOL BIN MAHAP

**DATA KEWANGAN SETAKAT
TAHUN KEWANGAN 31 :
DISEMBER 2004**

RM Juta

1. ASET SEMASA	397.96
2. LIABILITI SEMASA	382.08
3. ASET JANGKA PANJANG	520.53
4. LIABILITI JANGKA PANJANG	62.38
5. REZAB	321.89
6. KEPENTINGAN MINORITI	152.13

MAKLUMAT MENGENAI PERKASA HOTEL HOLDING SDN. BHD.

NAMA SYARIKAT : PERKASA HOTEL HOLDINGS SDN. BHD.

TARIKH PENUBUHAN : 17 MEI 1979

AHLI LEMBAGA PENGARAH : - YB DATUK MOHD. LAN BIN ALLANI

- ENCIK THOMAS MORE WILLIE

- ENCIK LIEW YUN FU @ EDWIN

- ENCIK JAMALUDIN ADIS @ JAMBA ANAK ADIS

- PUAN IRENE JOIBI

- DATUK MONICA CHIA MUI FOONG @ CONSTANCE

- ENCIK AZRUL BIN AHMAD

EKUITI PEMILIK : 100% DIMILIKI OLEH SEDCO

**DATA KEWANGAN SETAKAT
TAHUN KEWANGAN 31 :
DISEMBER 2005**

RM Juta

1.	ASET SEMASA	3.57
2.	LIABILITI SEMASA	3.71
3.	ASET JANGKA PANJANG	25.04
4.	LIABILITI JANGKA PANJANG	25.79
5.	MODAL DIBENAR	20
6.	MODAL DIBAYAR	20
7.	REZAB	(20.88)

MAKLUMAT MENGENAI KINABALU INTERNATIONAL HOTEL SDN. BHD.

NAMA SYARIKAT : KINABALU INTERNATIONAL HOTEL SDN. BHD.

TARIKH PENUBUHAN : 15 NOVEMBER 1974

AHLI LEMBAGA PENGARAH :

- ENCIK ISMAIL BIN ABDULLAH
- ENCIK MAISURI BIN BESRI
- ENCIK CHUA SOON PING
- ENCIK MOHD. SALLEH BIN LAMSIN
- ENCIK JANI@ZAINI BIN ISA
- ENCIK NAJIB BIN SULAIMAN
- ENCIK NIZAM BIN DATUK ABU BAKAR TITINGAN
- PUAN DG. NURILLAH@DG. FAUZIAH BINTI AWANG BHATT
- ENCIK AG. MAT YUSOF BIN ABDUL RAZAK

PEMILIK EKUITI :

SEDCO – 31,000,002 UNIT SAHAM (57.3%)

KERAJAAN NEGERI – 23,076,923 UNIT SAHAM (42.7%)

**DATA KEWANGAN SETAKAT
TAHUN KEWANGAN 31 :
DISEMBER 2005**

RM Juta

1. ASET SEMASA	10.42
2. LIABILITI SEMASA	26.28
3. ASET JANGKA PANJANG	87.81
4. LIABILITI JANGKA PANJANG	71.94
5. MODAL DIBAYAR	43.20
6. MODAL DIBENAR	60
7. REZAB	17.55

MAKLUMAT MENGENAI KONTRAKTOR PUNCAK DERAS SDN. BHD.

Nama Syarikat Dan	:	Puncak Deras Sdn. Bhd.
Alamat	:	Lot 33, Tingkat 2, Blok E, Damai Plaza III, Luyang 88300 Kota Kinabalu, Sabah
Tarikh Penubuhan	:	22 Julai 1996
Jenis Syarikat	:	Berhad Menurut Syer (Syarikat Persendirian)
Jenis Perniagaan	:	Kontraktor
Modal Dibenarkan	:	RM5 juta
Modal Diterbitkan	:	RM1.5 juta
Pemegang Syer	:	Chu Su Ken @ Kelvin (RM1.12 juta) Ayob bin Moktar (RM228,000) Chu Soo Lee (RM152,000)
Pengarah Dan Pegawai	:	Ayob bin Moktar (Pengarah) Chu Su Ken @ Kelvin (Pengarah) Dorothy Luk Wei Kam (Setiausaha) Chan Ai Hoon (Setiausaha)
Aset Tetap	:	RM1.88 juta
Aset Semasa	:	RM15.48 juta
Liabiliti Jangka Panjang	:	RM1.11 juta
Liabiliti Semasa	:	RM15.67 juta
Pengalaman Dan Peralatan	:	Bagi tempoh tahun 1999 hingga 2002 telah melaksanakan 11 projek dengan nilai keseluruhan RM50.85 juta. Mempunyai 50 pelbagai jenis jentera.

**Sumber : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Maklumat Terkini Setakat 31
Disember 2002) dan Profail Syarikat bertarikh 8 Februari 2002**